

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT

35. Kerajaan Pusat Khidmat Masyarakat kelolaan Kerajaan Negeri hanya menjadikan rakyat keliru dengan perkhidmatan sama disediakan oleh wakil rakyat yang memenangi pilihan raya di satu-satu kawasan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rasionalnya penubuhan Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan DUN yang dimenangi Barisan Nasional?
- b) Berapakah jumlah wang yang digunakan untuk Pusat Khidmat Masyarakat dan daripada mana dana diperolehi?
- c) Adakah penggunaan wang untuk program tertentu yang hampir sama dengan program disediakan wakil rakyat kawasan merupakan satu pembaziran wang rakyat?

JAWAPAN :

- a) Rasionalnya penubuhan Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan DUN yang dimenangi oleh Barisan Nasional ialah untuk memudahkan Y.B. Pakatan Rakyat menyalurkan segala bantuan sedia ada dalam bentuk perkhidmatan dan pembangunan.

Selain itu bagi memudahkan Anggota Kerajaan Negeri berinteraksi dan berhubung serta menghulurkan bantuan kepada rakyat miskin, miskin tegar, ibu tunggal dan warga emas.

Seterusnya penubuhan Pusat Khidmat Masyarakat ini bagi memudahkan penyaluran maklumat berkenaan Daerah dan program yang dilaksanakan.

- b) Keseluruhan jumlah wang yang digunakan untuk Pusat Khidmat Masyarakat bagi Tahun 2008 ialah RM8,067,511.19 dan sumber dana diperolehi dari Kerajaan Negeri.
- c) Tidak mungkin berlaku pembaziran kerana tiap program mempunyai objektif dan tujuan serta kumpulan sasaran yang berbeza.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN JALAN RAYA

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan persekutuan untuk pembinaan dan pengurusan jalan setiap PBT di Negeri Selangor bagi tahun 2008 dan 2009?
- b) Bagaimanakah pengiraan peruntukan jalan setiap PBT dan berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk tahun 2007 dan 2008?
- c) Apakah rancangan dan peruntukan untuk menaik taraf jalan di kampung tradisi?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan **Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan**, Kerajaan Persekutuan hanya memperuntukkan Pemberian Penyelenggaraan Jalan raya kepada Kerajaan Negeri, dan tiada peruntukan khusus untuk pembinaan dan pengurusan jalan kepada PBT. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap menyediakan peruntukan dan telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan jalan raya kepada PBT pada setiap tahun.
- b) Peruntukan penyelenggaraan jalan raya yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PBT pada tahun 2007 dan 2008 adalah masing-masing sebanyak RM50,538,740.00 dan RM134,963,298.49. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan penyelenggaraan jalan raya PBT masing-masing. Pemberian kepada PBT juga dibuat berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan projek-projek penyelenggaraan tersebut. Perincian peruntukan kepada PBT adalah seperti di lampiran A
- c) Di bawah Kerajaan Persekutuan, program menaik taraf kampung tradisi dilaksanakan melalui peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan negeri (UPEN). Cadangan jalan diperolehi dari permohonan Ahli Parlimen, Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK), orang perseorangan dan dari JKR Daerah atas kelulusan KKLW. Senarai projek jalan kampung untuk daerah Hulu Langat untuk tahun 2009 adalah sebanyak 9 projek dengan peruntukan berjumlah RM 840,000.00. Senarai projek seperti Lampiran B.

Di bawah program Kerajaan Negeri peruntukan yang disediakan untuk tahun 2009 adalah RM 0.5 Juta. Cadangan jalan-jalan dilaksanakan sedang disemak oleh JKR.

LAMPIRAN A

**PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN JALANRAYA
YANG DISALURKAN OLEH KERAJAAN NEGERI KEPADA PBT
PADA TAHUN 2007 DAN 2008**

| BIL. | PBT | JUMLAH (RM) | |
|-------|---------------|-----------------------|----------------------|
| | | 2008 | 2007 |
| i. | MBSA | 22,769,077.13 | 5,400,000.00 |
| ii. | MBPJ | 10,309,717.18 | 5,400,000.00 |
| iii. | MPAJ | 12,885,786.03 | 5,400,000.00 |
| iv. | MPKj | 9,436,822.00 | 5,400,000.00 |
| v. | MPK | 18,809,157.54 | 5,400,000.00 |
| vi. | MPS | 20,557,827.15 | 5,400,000.00 |
| vii. | MPSp | 6,216,000.00 | 1,750,000.00 |
| viii. | MPSJ | 8,785,483.86 | 5,400,000.00 |
| xi. | MDHS | 10,518,185.00 | 3,200,000.00 |
| x. | MDKL | 4,321,823.40 | 3,200,000.00 |
| xi. | MDKS | 8,573,536.20 | 1,388,740.00 |
| xii. | MDSB | 1,779,883.00 | 3,200,000.00 |
| | JUMLAH | 134,963,298.49 | 50,538,740.00 |



BAHAGIAN JALAN

**LAPORAN PRESTASI FIZIKAL DAN KEWANGAN
PROJEK JALAN KAMPUNG**

SEHINGGA

28-Feb-09

PROJEK JALAN KAMPONG (PJK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH

| BIL | NAMA PROJEK | DAERAH | PARLIMEN | KEPERLUAN NAIK TARAF | | | | ANGGARAN KOS (RM) | KOS SEBENAR (RM) | PERBELANJAAN (RM) | NAMA KONTRAKTOR | T.MULA | T. SIAP | CATATAN |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------|----------------------|----------------------|----------|-------------------|-------------------|------------------|-------------------|-----------------|--------|---------|---------|
| | | | | PANJANG JALAN (KM) | LEBAR MUKA JALAN (M) | JAMBATAN | | | | | | | | |
| | | | | | | PJG | LEBAR | | | | | | | |
| | HULU LANGAT | | | | | | | | | | | | | |
| 1 | Kerja-kerja menurap Jalan Ke desa Mahkota, Beranang | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 170,000.00 | | | | | | | |
| 2 | Kerja-kerja Menurap Jalan Tan Sri Rashid, Beranang | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 70,000.00 | | | | | | | |
| 3 | Kerja-kerja Menurap Jalan Rinching Hulu 2 Beranang | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 170,000.00 | | | | | | | |
| 4 | Jalan Sekamat, Belakang SMKA Kajang | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 50,000.00 | | | | | | | |
| 5 | Kerja-kerja Membina Dan Menurap Semula Jalan Bunga Raya Batu 3, Bangi, Semenyih | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 60,000.00 | | | | | | | |
| 6 | Kerja-kerja Menurap Semula Jalan 1 & 2, Kg. Sentosa, Semenyih | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 65,000.00 | | | | | | | |
| 7 | Menurap semula Jalan kg. Bukit Raya, Dusun Tuaa. | Hulu Langat | Hulu Langat | | | | 120,000.00 | | | | | | | |
| 8 | Kerja-kerja Membina Semula jalan Kg. Sg. Purun, Semenyih | Hulu Langat | Serdang | | | | 85,000.00 | | | | | | | |
| 9 | Kerja-kerja Menurap Semula Jalan Ke Sekolah Tamil Ladang Semenyih Di Mukim Semenyih. | Hulu Langat | Serdang | | | | 50,000.00 | | | | | | | |
| | JUMLAH | | | 0.000 | | | 840,000.00 | | 0.00 | | | | | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PENGEDARAN DAN PENAGIHAN DADAH DI KAMPUNG BARU

37. Pengedaran dan penagihan dadah semakin hari semakin serius di Kampung Baru Sungai Jarom. Terdapat kes bahawa 2 orang pemuda membunuh diri dalam masa sebulan disebabkan dadah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk perangi dadah?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA AADK

- a) 1. Agensi Antidadah Kebangsaan mempunyai tanggungjawab besar iaitu untuk mewujudkan Negara Malaysia Yang Bebas dari Ancaman Gejala Dadah Menjelang Tahun 2015 bagi Menjamin Kesejahteraan Hidup Masyarakat dan Mengekalkan Kestabilan dan Ketahanan Nasional. Hasrat ini akan dicapai melalui Objektif Dasar Dadah seperti berikut :

- 1.1 Mencegah seseorang dari terlibat dengan dadah
- 1.2 Merawat dan memulih penagih dadah
- 1.3 Mencegah penagihan semula
- 1.4Membanteras bekalan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah

2. PROGRAM PENCEGAHAN AWALAN DAN UMUM

Agensi Antidadah Daerah sentiasa memastikan bahawa objektif dasar dadah Negara dalam menghapuskan bekalan dadah dan permintaan kepada dadah sehingga mewujudkan IPTA / IPTS dan Sekolah Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah, Keluarga Bebas Dadah serta Masyarakat Bebas Dadah tercapai melalui program-program yang dijalankan di IPTA / IPTS, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Tempat Kerja sama ada kerajaan atau swasta, kawasan perumahan dan perkampungan seluruh daerah Kuala Langat termasuk kawasan Kampong Baru Sungai Jarom.

Antara Program yang dijalankan adalah Pameran Antidadah, Penyebaran Maklumat berkaitan penyalahgunaan dadah serta bahaya dadah melalui edaran risalah dan poster, Ceramah Bahaya Najis Dadah, Program Mendekati Masyarakat, Program Jelajah AADK, ujian urin, Tayangan Antidadah yang memaparkan kesengsaraan penagihan dadah, Kaunter Khidmat Nasihat di mana seseorang yang mempunyai masalah berkaitan dengan dadah sama ada masalah yang berlaku terhadap keluarganya, rakan, jiran, atau dirinya sendiri, serta LDK (latihan dalam kumpulan) di mana slot ini mengajar seseorang bagaimana untuk tidak terlibat dengan dadah seterusnya mengatakan tidak kepada dadah. Selain itu, perkongsian pengalaman juga turut diadakan di antara bekas penagih dadah / HIV bersama pelajar IPT atau masyarakat umum.

3. MERAWAT DAN MEMULIH PENAGIH DADAH SERTA MENCEGAH PENAGIHAN SEMULA

Tanggungjawab merawat dan memulih penagih-penagih dadah adalah selaras dengan peruntukan Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 berasaskan kepada falsafah bahawa penagih-penagih dadah adalah pesakit yang memerlukan rawatan & pemulihan. Oleh yang demikian, AADK memegang dasar yang mewajibkan setiap individu yang telah dikenal pasti sebagai penagih dadah menjalani program rawatan & pemulihan sehingga mereka bebas daripada pergantungan fizikal & psiko logikal terhadap dadah dan seterusnya mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat sebagai seorang insan yang insaf, berguna dan produktif.

Pada masa ini, AADK melaksanakan 2 kaedah rawatan & pemulihan iaitu Pemulihan dalam institusi & Pemulihan dalam Komuniti.

3.1 Pemulihan Dalam Institusi

Program ini dilaksanakan bagi penagih dadah yang ditempatkan di Pusat Serenti. Komponen-komponen yang diamalkan di Pusat Serenti adalah merangkumi :

- Detoksifikasi, rawatan perubatan dan kesihatan
- Pemulihan fizikal
- Pemulihan psiko logikal & mental
- Agama & Moral
- Latihan Kemahiran
- Sosial & rekreasi
- Sivik & tatanegara
- Integrasi semula kawalan masyarakat.

Antara modaliti program pemulihan dalam institusi adalah seperti berikut:

- Modaliti Terapi Bersepadu (Psikososial)
- Modaliti Terapi Kekeluargaan
- Modaliti Tempat Kerja
- Modaliti Keinsafan diri
- Modaliti Waja Insan

3.2 Pemulihan Dalam Komuniti

Pemulihan dalam komuniti menempatkan penyalahgunaan dan penagih dadah yang tidak mengalami masalah pergantungan dadah yang serius dan bermotivasi tinggi untuk pulih serta sokongan sosial yang baik boleh membantu mereka ke arah kepulihan.

Bagi pemulihan dadah dalam komuniti, orang yang diawasi hendaklah melaporkan diri kepada pegawai pemulihan dan mengikuti program pemulihan yang mengandungi aktiviti-aktiviti seperti kaunseling individu, kelompok, dan keluarga, Penempatan dalam pekerjaan / latihan, Kemahiran mencegah penagihan semula, Pendedahan kepada riadah yang sihat, Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, mengeratkan hubungan dengan keluarga serta aktiviti sokong Bantu.

Selain itu, orang yang diawasi juga akan mengikuti program kaunseling kepulihan melalui rancangan pemulihan klien yang disediakan oleh pegawai pemulihan berdasarkan permasalahan yang

dihadapi oleh klien dalam tempoh masa yang ditentukan. Ujian urin juga dijalankan setiap kali orang yang diawasi atau klien hadir melaporkan diri kepada pegawai pemulihan AADK bagi memastikan klien bebas dadah serta program yang diikuti berjaya. Sekiranya klien dikenal pasti menagih semula maka program Relapse Prevention akan dijalankan kepada klien.

Antara khidmat program pemulihan dalam komuniti juga adalah seperti berikut ;

- Pusat Khidmat
- Pembimbing Rakan Sebaya
- Kumpulan Sokong Bantu

AADK juga menyediakan program khidmat nasihat dan kaunseling kepada penagih yang secara sukarela untuk berubah sama ada melalui kemasukan ke Pusat Serenti Sukarela (PERSADA) Sungai Besi atau pengawasan secara sukarela dalam komuniti.

4. PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH DI DAERAH KUALA LANGAT

Sepanjang tahun 2008 AADK Daerah Kuala Langat telah melaksanakan pelbagai program pencegahan sepanjang bagi menggerakkan masyarakat supaya bangun menentang penyalahgunaan dadah. Program-programnya adalah seperti berikut :

4.1 Program Pendidikan Pencegahan Dadah dan Publisiti

4.1.1 Sebanyak **63** program berbentuk ceramah Antidadah, Tayangan Antidadah, Pameran Antidadah, Kaunter Khidmat Nasihat, Pengedaran Risalah / Poster di seluruh daerah..

4.1.2 Sebanyak **43** program publisiti di merata tempat dalam daerah.

4.1.3 Sebanyak **4** Sesi ujian air kencing di Madrasah Didikan Keagamaan

4.1.4 Sebanyak **4** sesi ujian air kencing secara rambang di adakan di Pusat Latihan Khidmat Negara.

4.2 Pendidikan Pencegahan Dadah di Institusi Pendidikan.

4.2.1 Sebanyak **81** Program Pendidikan Pencegahan Dadah Di IPTA / IPTS, Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

4.2.2 Sebanyak 9 sesi Ujian Air Kencing di IPTA / IPTS

4.2.3 Sebanyak 17 sesi Ujian Air Kencing Sekolah Menengah

4.2.4 Sebanyak 17 sesi Ujian air kencing Sekolah Menengah

4.3 Pendidikan Pencegahan Dadah di Tempat Kerja Kerajaan / Swasta.

4.3.1 Sebanyak 23 aktiviti berbentuk ceramah Antidadah, Tayangan Antidadah, Pameran Antidadah, Kaunter Khidmat Nasihat, Pengedaran Risalah / Poster.

4.3.2 Sebanyak 18 sesi Ujian Air Kencing telah di adakan.

Rawatan dan Pemulihan

Sepanjang tempoh tahun 2008, sebanyak 14 Program Pendidikan Pencegahan Semula / Relapse Prevention telah di adakan kepada kes-kes pengawasan daerah ini bagi membolehkan mereka mengekalkan kepulihan.

4.4.1 Sebanyak 327 sesi lawatan pegawai ke rumah kes pengawasan di seluruh daerah.

4.4.2 1195 sesi melapur diri oleh kes pengawasan untuk menjalani program pemulihan di pejabat AADK Daerah.

4.4.3 Sebanyak 74 sesi ujian air kencing kepada pes pengawasan.

5. Menyentuh tentang soalan yang telah di kemukakan oleh Y.B Tuan Phillip Tan Choon Swee, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Teluk Datuk, AADK Daerah Kuala Langat telah mengadakan seperti berikut di kawasan Sg Jarom / Jenjarom.:

5.1 25.02.2008 Ujian Air Kencing terhadap 20 orang pelajar SMK Jenjarom.

5.2 25.02.2008 Program Pendidikan Pencegahan Dadah merangkumi aktiviti seperti berikut telah di adakan di SMK Jenjarom :

- Ceramah Antidadah
- Pameran Antidadah
- Tayangan Antidadah
- Pengedaran Risalah dan Poster
- Kaunter Khidmat Nasihat

5.3 16.08.2008 Kempen Pencegahan Jenayah. Dalam Program tersebut AADK Daerah Kuala Langat telah mengadakan aktiviti seperti berikut :

- Ceramah Antidadah
- Pameran Antidadah
- Tayangan Antidadah
- Pengedaran Risalah dan Poster
- Kaunter Khidmat Nasihat

5.4 27.09.2008 Majlis Tadarus Al-Quran dan Kempen Antidadah telah di adakan di Surau Taman Sejahtera, Jenjarom. Program ini diadakan sempena bulan Ramadhan.

6. Kesimpulan

Semoga dengan perancangan dan pelaksanaan aktiviti pendidikan pencegahan dadah di peringkat Daerah, Negeri dan Negara maka Negara kita dapat di bebaskan dari belenggu najis dadah menjelang tahun 2015.

JAWAPAN DARIPADA PDRM

a) Pada tahun 1983, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Kempen Anti Dadah Kebangsaan dan mengisytiharkan dadah sebagai musuh no. 1 negara. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, PDRM telah menyusun strategi dalam meningkatkan pembanterasan ke arah pengurangan bekalan dan permintaan dadah melalui:

- Penguatkuasaan Undang-Undang Dadah ke arah pengurangan bekalan dadah melalui:-

- Akta Dadah Berbahaya 1952

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengawal pengimportan, pengeksportan pengilangan dan penjualan dadah berbahaya tertentu:

- Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan khas)1985

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai Tahanan Pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti berhubung dengan,atau yang membuat pengedaran dadah berbahaya.

- Penguatkuasaan Undang-Undang Dadah Ke Arah Pengurangan Permintaan Dadah

- Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983

Menangkap orang yang disyaki penagih dadah dan selepas disahkan sebagai penagih oleh pihak hospital mereka akan dimasukkan ke pusat Pemulihan untuk menjalani rawatan selama 2 tahun dengan arahan mahkamah.

**TANGKAPAN ADB, LLPK DAN APD (RAWATAN & PEMULIHAN) 1983 BAGI
TAHUN 2008 DI SELANGOR**

| ADB | LLPK | APD (R&P) |
|------------|-------------|----------------------|
| 10,235 | 163 | 7283 |

Nota:

- ADB - Akta Dadah Berbahaya
- LLPK - Langkah-Langkah Pencegahan Khas
- APD (R&P) - Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : GERAI-GERAI DI BAWAH PROJEK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Keadaan gerai-gerai di bawah projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar (PLB) di seluruh negeri Selangor kelihatan amat tidak tersusun dan terlalu daif. Manakala status kepunyaan tanah dan premis tersebut tidak jelas sehingga menimbulkan banyak masalah. Ditambah pula dengan tindakan beberapa peniaga yang membuat ubahsuai premis tanpa sebarang kawalan dan kelulusan pihak berkuasa tempatan. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu ini dan bolehkah pihak Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah wang untuk mengubah wajah gerai-gerai ini agar lebih tersusun dan sedap mata memandang.

JAWAPAN :

- a) Berhubung dengan gerai-gerai yang dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (PLB), di Selangor terdapat sejumlah **1702 gerai** telah dibina. Gerai-gerai ini pada asalnya diserahkan kepada Pejabat Daerah untuk pengurusan penyewaan dan penyelenggaraan.

Statistik gerai yang telah diambil alih mengikut PBT adalah seperti berikut:

| BIL | PBT | JENIS | JUMLAH | JUMLAH BESAR |
|------------|------------|------------------------------------|----------------------|-------------------------|
| 1. | MBSA | GERAI KEDAI BENGKEL | 40 54 18 | 112 |
| 2. | MBPJ | GERAI KEDAI BENGKEL | 0 0 8 | 8 |
| 3. | MPK | GERAI KEDAI BENGKEL | 154 146 0 | 300 |
| 4. | MPSJ | GERAI KEDAI BENGKEL | 23 27 8 | 58 |
| 5. | MPAJ | GERAI KEDAI BENGKEL TUTUP | 92 53 17 22 | 184 |

| BIL | PBT | JENIS | JUMLAH | JUMLAH BESAR |
|---------------|------|--------------------------------------|----------------------|-----------------|
| 6. | MPKj | GERAI KEDAI BENGKEL | 59 60 19 | 138 |
| 7. | MPS | GERAI KEDAI BENGKEL | 118 0 13 | 131 |
| 8. | MPSp | GERAI KEDAI BENGKEL PENJAJA | 7 6 0 2 | 15 |
| 9. | MDKS | GERAI KEDAI BENGKEL IKS | 88 125 8 12 | 233 |
| 10. | MDKL | GERAI KEDAI BENGKEL | 5 283 6 | 289 |
| 11. | MDHS | GERAI KEDAI BENGKEL | 176 0 21 | 197 |
| 12. | MDSB | GERAI KEDAI BENGKEL | 0 37 0 | 37 |
| JUMLAH | | | | 1702 |

Walau bagaimanapun, Pejabat Daerah didapati tidak berupaya untuk menjalankan pemantauan dan penyelenggaraan terhadap gerai-gerai tersebut. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri pada tahun 2007 telah membuat keputusan untuk menyerahkan pengurusan gerai-gerai tersebut kepada pihak PBT.

Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat gerai-gerai tersebut yang keadaan fizikalnya telah uzur dan memerlukan pembaikan. Kerajaan Negeri telah cuba untuk mendapatkan peruntukkan penyelenggaraan gerai-gerai tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian Pembangunan Luar Bandar memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai peruntukkan untuk penyelenggaraan gerai-gerai tersebut dan Kerajaan Negeri perlu melaksanakannya dengan menggunakan pendapatan hasil sewaan yang dikutip dari penyewa, tetapi jumlah kutipan sewa tidak dapat menampung kos yang diperlukan untuk tujuan tersebut. Buat masa kini, Kerajaan Negeri melalui PBT ada menjalankan kerja pembaikan dan menaiktaraf gerai-gerai tersebut berdasarkan keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PESAWAH PADI

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu pesawah-pesawah padi di Tanjong Karang dan Sabak Bernam bagi mengatasi masalah kos racun padi dan baja padi yang tinggi untuk mengurangkan bebanan kepada pesawah-pesawah berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pesawah padi adalah melalui program-program seperti :
- i) Dasar Jaminan Bekalan Makanan dimana bantuan untuk meningkatkan hasil melalui program pertaan sawah, pengapuran dan kawalan makhluk perosak yang berkesan.
 - ii) Harga Minimum Terjamin Padi (*GMP*)
 - iii) Insentif Peningkatan Hasil
 - iv) Insentif Pengeluaran Padi
 - v) Bonus 10 Tan hasil padi
 - vi) Pengurusan Jerami Padi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KRISIS EKONOMI

40. Krisis ekonomi dunia semakin menampakkan dirinya. Sungguhpun kesan tersebut belum menjejaskan negeri Selangor secara teruk namun tanda-tandanya sudah nampak sejak beberapa bulan lalu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak kilang yang telah ditutup atau dipindah keluar dari negeri Selangor sejak Oktober 2008?
- b) Berapakah jumlah pekerja yang telah diberhentikan?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membantu mengatasi masalah pengangguran yang dijangka bertambah berikutan krisis ekonomi dunia?

JAWAPAN :

- a) Sehingga hari ini sebanyak dua syarikat milikan asing yang telah memaklumkan akan membuat penutupan syarikat secara berperingkat kepada SSIC Berhad. Syarikat tersebut ialah **Flextronics Technology (Shah Alam) Sdn Bhd** dan **Sidel Industry (Malaysia) Sdn Bhd**. Dijangkakan seramai 2,327 orang pekerja akan terlibat.
- b) Jumlah pekerja yang telah diberhentikan bagi tahun 2008 dan Januari 2009 adalah seperti berikut:-

| Tahun | Pemberhentian Biasa | | | Pemberhentian VSS | | | Jumlah | | |
|-----------|---------------------|-------|--------|-------------------|-------|--------|----------|-------|--------|
| | Tempatan | Asing | Jumlah | Tempatan | Asing | Jumlah | Tempatan | Asing | Jumlah |
| 2008 | 2,733 | 683 | 3,416 | 2,567 | 0 | 2,567 | 5,300 | 683 | 5,983 |
| Jan. 2009 | | | 1,754 | | | 451 | | | 1,205 |

* Sumber : Jabatan Tenaga Kerja, Selangor

- c) Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklum balas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
 - i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
 - ii) Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad;
 - iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;

- iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
- v) Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Selangor;
- vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
- vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
- viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
- ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
- x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
- xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan sama ada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
- ii) Membangunkan Selangor Retrenchment Helpline iaitu pendaftaran secara online bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (match-making) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
- iii) Membangunkan Selangor Career Exchange bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan;
- iv) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan
- v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklum balas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SEKTOR EKONOMI (NEGERI SELANGOR)

41. Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan FDI dengan mengadakan lawatan-lawatan ke luar negara.

- a) Sila nyatakan, berapakah jumlah FDI yang telah di perolehi sepanjang tahun 2008?
- b) Sila berikan statistik FDI untuk 5 tahun dan pecahan sektor-sektornya.
- c) Berikan jumlah pendapatan Kerajaan Negeri Selangor sepanjang 2008 mengikut :
 - i) Pecahan mengikut sektor
 - ii) Pecahan mengikut daerah

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** telah diluluskan di negeri selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 9,004,746,225** adalah daripada pelaburan asing.
- b) Statistik FDI mengikut sektor bagi tempoh 5 (2004 – 2008) tahun adalah seperti berikut:-

| Industri | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|------------------------------------------|--------|-------------------|-------------------------|----------------------|-----------------------------|
| Food Manufacturing | 120 | 8,630 | 1,537,442,807 | 1,323,810,407 | 2,861,253,214 |
| Beverages & Tobacco | 8 | 740 | 81,024,479 | 124,685,202 | 205,709,681 |
| Textiles & Textile Products | 31 | 5,226 | 362,653,244 | 226,560,219 | 589,213,463 |
| Leather & Leather Products | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Wood & Wood Products | 36 | 2,449 | 361,695,671 | 65,196,669 | 426,892,340 |
| Furniture & Fixtures | 100 | 10,588 | 503,116,149 | 89,594,637 | 592,710,786 |
| Paper, Printing & Publishing | 52 | 3,267 | 1,236,209,620 | 285,231,103 | 1,521,440,723 |
| Chemical & Chemical Products | 115 | 5,101 | 3,184,495,870 | 1,491,183,379 | 4,675,679,249 |
| Petroleum Products (Inc. Petrochemicals) | 12 | 289 | 108,557,312 | 612,634,949 | 721,192,261 |

| | | | | | |
|-----------------------------------|--------------|----------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| Rubber Products | 58 | 9,516 | 828,191,346 | 428,164,104 | 1,256,355,450 |
| Plastic Products | 148 | 7,494 | 1,039,418,749 | 675,565,829 | 1,714,984,578 |
| Non-Metallic Mineral Products | 35 | 2,254 | 299,867,041 | 1,673,556,648 | 1,973,423,689 |
| Basic Metal Products | 70 | 6,146 | 5,156,559,992 | 2,046,716,806 | 7,203,276,798 |
| Fabricated Metal Products | 204 | 10,433 | 987,590,516 | 594,458,314 | 1,582,048,830 |
| Machinery & Equipment | 192 | 8,469 | 1,153,036,598 | 1,008,667,410 | 2,161,704,008 |
| Electronics & Electrical Products | 198 | 33,001 | 2,495,801,128 | 8,767,640,434 | 11,263,441,562 |
| Transport Equipment | 149 | 9,870 | 2,358,064,797 | 897,307,233 | 3,255,372,030 |
| Scientific & Measuring Equipment | 35 | 1,255 | 161,258,560 | 140,088,456 | 301,347,016 |
| Lain-lain Industri | 42 | 3,243 | 436,729,921 | 190,318,213 | 627,048,134 |
| JUMLAH | 1,605 | 127,971 | 22,291,713,800 | 20,641,380,012 | 42,933,093,812 |

Sumber : MIDA

c) Jumlah pelaburan daripada FDI yang masuk ke Negeri Selangor mengikut sektor dan daerah bagi tahun 2008 adalah seperti berikut;-

i. Pecahan mengikut sektor

| Industri | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|------------------------------------------|--------|-------------------|-------------------------|----------------------|-----------------------------|
| Food Manufacturing | 31 | 1,651 | 387,433,956 | 388,677,650 | 776,111,606 |
| Beverages & Tobacco | 1 | 129 | 20,339,798 | 56,385,202 | 76,725,000 |
| Textiles & Textiles Product | 6 | 570 | 11,319,064 | 52,525,529 | 63,844,593 |
| Wood & Wood Products | 6 | 331 | 115,529,856 | 1,196,640 | 116,726,496 |
| Furniture & Fixtures | 22 | 2,399 | 110,962,241 | 16,382,079 | 127,344,320 |
| Paper, Printing & Publishing | 12 | 1,185 | 119,478,043 | 23,022,013 | 142,500,056 |
| Chemicals & Chemicals Products | 20 | 877 | 390,883,705 | 585,035,378 | 975,919,083 |
| Petroleum Products (Inc. Petrochemicals) | 3 | 78 | 8,801,940 | 596,230,000 | 605,031,940 |

| | | | | | |
|-----------------------------------|------------|---------------|----------------------|----------------------|-----------------------|
| Rubber Products | 15 | 2,151 | 180,206,197 | 65,982,241 | 246,188,438 |
| Plastic Products | 21 | 1,107 | 203,599,067 | 77,619,910 | 281,218,977 |
| Non-Metallic Mineral Products | 7 | 496 | 61,594,642 | 249,546,602 | 311,141,244 |
| Basic Metal Products | 15 | 995 | 343,487,330 | 900,417,627 | 1,243,904,957 |
| Fabricated Metal Products | 34 | 1,670 | 153,620,315 | 152,932,926 | 306,553,241 |
| Machinery & Equipment | 44 | 2,145 | 346,011,085 | 269,137,629 | 615,148,714 |
| Electronics & Electrical Products | 27 | 13,059 | 89,689,939 | 5,381,546,034 | 5,471,235,973 |
| Transport Equipment | 30 | 1,635 | 271,872,300 | 177,426,422 | 449,298,722 |
| Scientific & Measuring Equipment | 3 | 163 | 16,909,050 | 5,325,000 | 22,234,050 |
| Miscellaneous | 5 | 339 | 34,425,262 | 5,357,342 | 39,782,604 |
| Jumlah | 302 | 30,980 | 2,866,163,790 | 9,004,746,224 | 11,870,910,014 |

* Sumber : MIDA

ii. Pecahan mengikut daerah.

| Daerah | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|-------------------|------------|-------------------|-------------------------|----------------------|-----------------------------|
| Petaling | 134 | 16,330 | 802,754,429 | 4,604,833,280 | 5,407,587,709 |
| Klang | 80 | 5,934 | 1,217,963,107 | 433,941,102 | 1,651,904,209 |
| Kuala Selangor | 3 | 396 | 21,529,158 | 117,320,000 | 138,849,158 |
| Hulu Langat | 33 | 2,169 | 462,651,613 | 87,337,738 | 549,989,351 |
| Gombak | 26 | 3,803 | 192,655,331 | 147,487,280 | 340,142,611 |
| Kuala Langat | 13 | 1,040 | 94,951,859 | 770,442,339 | 865,394,198 |
| Hulu Selangor | 3 | 209 | 39,139,031 | 141,029,031 | 180,168,062 |
| Selangor | 2 | 813 | 0 | 2,634,940,315 | 2,634,940,315 |
| Sabak Bernam | 1 | 33 | 2,148,400 | 0 | 2,148,400 |
| Lain-Lain Kawasan | 7 | 253 | 32,370,860 | 67,415,140 | 99,786,000 |
| Jumlah | 302 | 30,980 | 2,866,163,788 | 9,004,746,225 | 11,870,910,013 |

* Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)

42. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan prestasi dan perkembangan terkini kesemua ladang yang dimiliki oleh PKPS di seluruh Negara dengan terperinci.
- b) Apakah punca sebenar yang menyebabkan Projek Serendah International Orchid Park mengalami kerugian lebih dari 15 juta dan gagal mencapai sasaran?
- c) Sila nyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh PKPS dalam pelaburan membeli dan menjual Ladang Kelapa Sawit Kalimantan, Indonesia?

JAWAPAN :

- a) PKPS mempunyai 6 buah ladang seperti berikut :-

| NAMA LADANG | LOKASI | KELUASAN |
|-------------------------------------------------------|------------------------|--------------------------------------|
| 1. Ladang Sungai Panjang | Sabak Bernam, Selangor | 1052.21 ha (345 ha belum ditanam) |
| 2. Ladang Jelutong Jati | Sabak Bernam, Selangor | 404.69 ha |
| 3. Ladang Editas | Gua Musang, Kelantan | 1133.14 ha |
| 4. Ladang Irat | Lahad Datu, Sabah | 1005.26 ha |
| 5. Ladang Jaguharmoni | Lahad Datu, Sabah | 607.04 ha |
| 6. Ladang Kerling (Dalam Peringkat Pembangunan) | Ulu Selangor | 484.01 ha |

Prestasi ladang pada Tahun 2008 adalah seperti berikut :-

| LADANG | PENDAPATAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | UNTUNG/RUGI (RM) |
|-------------------------------------------------------|----------------------------|------------------------------|-----------------------------|
| 1. Ladang Sungai Panjang | 2,132,583 | 1,068,603 | 1,063,980 |
| 2. Ladang Jelutong Jati | 2,910,771 | 971,932 | 1,938,839 |
| 3. Ladang Editas | 3,016,826 | 1,435,767 | 1,581,059 |
| 4. Ladang Irat | 4,915,943 | 2,248,024 | 2,667,919 |
| 5. Ladang Jaguharmoni | 4,119,725 | 1,345,232 | 2,774,493 |
| 6. Ladang Kerling (Dalam Peringkat Pembangunan) | 117,107 | 368,910 | (251,803) |
| JUMLAH | 17,212,955 | 7,438,468 | 9,774,487 |

Usaha-usaha terkini dilaksanakan :-

1. Menubuhkan Bahagian Perladangan di peringkat Ibu Pejabat PKPS khusus bagi mengawal selia pengurusan ladang-ladang milik Perbadanan.
2. Mengganti pengurus dan kakitangan ladang yang kurang kompeten.
3. Memperkenalkan Sistem Pengurusan Ladang baru mengikut “ standard” pengurusan ladang-ladang swasta berjaya seperti Sime Darby dan United Plantations Bhd.
4. Menambah bilangan buruh, rumah pekerja serta menaik taraf kemudahan di dalam ladang.
5. Meningkatkan kerja-kerja penyelenggaraan termasuk sistem pembajaan, pusingan menuai hasil dan meracun, membaiki jalan ladang dan sistem perparitan serta kerja lain yang berkaitan.
6. Melantik Agen Pelawat Ladang.

- b) Kerugian Projek Serendah International Orchid Park berdasarkan akaun yang telah diaudit sehingga Jun 2007 ialah sebanyak RM 9.62 juta.

Punca kegagalan projek ialah :-

- i) Pengurusan syarikat yang melaksanakan projek ini iaitu syarikat Baytown Sdn. Bhd. tidak mengikut tatacara urus tadbir korporat yang berkesan.
- ii) Kurang kerjasama daripada rakan kongsi terutama dari aspek laporan dan akaun.
- iii) Kelemahan kawal seliaan di Ibu Pejabat PKPS.
- iv) Pegawai yang dihantar mewakili PKPS di dalam syarikat tidak memainkan peranan sepenuhnya di dalam pengurusan syarikat.

- c) Kerugian yang ditanggung oleh PKPS di dalam pelaburan membeli dan menjual Ladang Kelapa Sawit di Kalimantan, Indonesia ialah RM 8.05 juta.

Di antara faktor-faktor utama keputusan untuk menjual Ladang Kelapa Sawit di Kalimantan, Indonesia pada waktu itu ialah :-

- i) Masalah gangguan dan sekatan masyarakat setempat terhadap pelaksanaan pembangunan projek.
- ii) Isu-isu kerena birokrasi dari agensi-agensi berkaitan yang rumit dan menyusahkan sama ada di peringkat pusat, provinsi dan daerah.
- iii) Polisi yang sentiasa bertukar dari masa ke semasa.
- iv) Rakan usaha sama yang kurang membantu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KONSEP PENSWASTAAN KERAJAAN NEGERI

43. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional selama 50 tahun ini telah memperlihatkan kesemua kemudahan asas rakyat diswastakan dan akibatnya kini rakyat sering dihantui kenaikan tarif air dan elektrik. Apakah langkah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk menghakmilikkan negeri dan perkhidmatan asas seperti air dan elektrik secara berperingkat agar ianya tidak membebankan rakyat?
 - b) Apakah perubahan polisi yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal penswastakan simpanan tanah di negeri Selangor oleh PKNS dan anak syarikat negeri yang lain?

JAWAPAN :

- a) Perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor yang ada pada masa ini adalah berbentuk berasingan (segmented) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Bermula dari tahun 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan aktiviti rawatan air kepada beberapa operator iaitu Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd, SPLASH dan ABASS, manakala pada tahun 2004 aktiviti pengagihan bekalan air telah diswastakan kepada SYABAS.

Kerajaan Negeri Selangor mendapati bahawa penswastakan bekalan air yang telah diamalkan ini tidak berpandukan kepada pendekatan holistik. Pada masa yang sama, hampir keseluruhan perjanjian konsesi sedia ada memberi keuntungan kepada operator seperti kenaikan tarif air atau kadar air pukal (Bulk Supply Rate) secara automatik atau bayaran pampasan kepada operator sekiranya kenaikan tarif tidak dibenarkan oleh Kerajaan. Fenomena ini merugikan Kerajaan Negeri khususnya dan rakyat amnya.

Penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor bermatlamatkan untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat di Negeri Selangor.

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi di Selangor, Kerajaan Negeri sedang giat mengusahakan supaya penstrukturan semula industri perkhidmatan air dapat diwujudkan dengan ciri-ciri seperti mana yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Persekutuan:-

- i) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
- ii) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
- iii) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Melalui penstrukturan semula ini, satu struktur perkhidmatan air yang baru akan diwujudkan di mana operator yang akan mengendalikan perkhidmatan air tersebut adalah merupakan syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Pada masa sekarang, perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor adalah berbentuk berasingan (segmented) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Melalui penstrukturan semula industri perkhidmatan air, operator yang mengendalikan perkhidmatan air akan berpandukan kepada pendekatan yang holistik di mana aktiviti perkhidmatan air bermula dari rawatan sehingga pembiliran akan dikendalikan oleh satu operator sahaja. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

Di bawah struktur baru ini, semua aset bekalan air akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan operator akan beroperasi secara *asset light*. Melalui kaedah ini pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibiayai oleh PAAB dan pelantikan kontraktor akan mematuhi tatacara perolehan yang telus dan melalui proses tender terbuka. Operator perkhidmatan air pada masa itu akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, keuntungan syarikat bukan matlamat utama sebagaimana syarikat-syarikat swasta sebelumnya, maka segala sumber yang diperolehi akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m³ air percuma.

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat sangat mementingkan kesinambungan pembangunan di Negeri Selangor. Polisi utama yang menjadi pegangan kepada Pakatan Rakyat adalah memastikan kebajikan rakyat diutamakan dan kesejahteraan ekonomi Negeri Selangor dapat di kecapi oleh seluruh rakyat di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor memutuskan supaya pembangunan tanah Kerajaan Negeri Selangor termasuk tanah yang dimiliki anak syarikat dibangunkan agar memberikan manfaat '*value for money*' kepada Kerajaan Negeri Selangor dan juga rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Pakatan Rakyat telah juga memutuskan supaya tanah-tanah Kerajaan Negeri Selangor di bangunkan sendiri oleh anak-anak syarikat tanpa melibatkan projek usaha sama dengan syarikat-syarikat swasta lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : TANAH WAKAF

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa banyakkah tanah-tanah wakaf yang didaftarkan di negeri Selangor?
 - b) Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menangani tanah-tanah wakaf yang masih belum didaftarkan?
 - c) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam mengendalikan tanah-tanah wakaf supaya ianya lebih memberi manfaat kepada masyarakat Islam terutamanya dalam keadaan kegawatan ekonomi masa ini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah keluasan tanah wakaf di Negeri Selangor sehingga Disember 2008 ialah 843.82 ekar yang melibatkan 714 lot tanah. Keluasan ini adalah melibatkan tanah wakaf yang telah didaftarkan kepada nama MAIS seluas 616.52 ekar dan tanah wakaf yang dalam proses pendaftaran ke atas nama MAIS yang melibatkan keluasan seluas 227.30 ekar.

Kegunaan tanah wakaf juga berbeza berdasarkan kepada niat pewakaf yang mewakafkan tanah tersebut. Manakala MAIS sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Negeri Selangor sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memastikan kegunaan harta yang diwakafkan itu menepati kehendak pewakaf dan harta yang diwakafkan diusahakan oleh penerima manfaat wakaf tersebut.

Berdasarkan kepada rekod yang ada di MAIS, pecahan harta wakaf mengikut kegunaan adalah seperti berikut:

| BIL | KEGUNAAN | JUMLAH (EKAR) |
|---------------|----------------------------------------|----------------------|
| 1 | Manfaat MAIS / Am | 52.2 |
| 2 | Tapak Masjid & Tambahan Kawasan Masjid | 42.7 |
| 3 | Manfaat Masjid | 570.3 |
| 4 | Tapak Surau | 50.1 |
| 5 | Manfaat Surau | 31.8 |
| 6 | Tanah Kubur | 5.4 |
| 7 | Tapak Sekolah | 44.7 |
| 8 | Manfaat Sekolah | 27.4 |
| 9 | Kebajikan / Anak Yatim | 19.1 |
| JUMLAH | | 843.8 |

- b) Antara tindakan MAIS dalam menangani tanah-tanah wakaf yang masih belum didaftarkan ialah:
- Senantiasa memperkemaskan proses pendaftaran tanah wakaf merangkumi pengwujudan borang dan mengemas kini prosedur sedia ada yang dikenali sebagai Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf. Prosedur ini mendapat persijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2008.
 - Pengwujudan kakitangan MAIS yang menguruskan wakaf di peringkat daerah.
 - Meningkatkan usaha penerangan akan kepentingan mendaftarkan harta wakaf.
 - Mewujudkan Sistem Data Tanah Wakaf (SISDATA) agar harta wakaf ini mudah dikesan dan dikenal pasti statusnya.
- c) Perancangan MAIS dalam mengendalikan tanah-tanah wakaf supaya ianya lebih memberi manfaat kepada masyarakat Islam terutamanya dalam kegawatan ekonomi semasa ialah:
- Mengenal pasti beberapa tanah wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan dengan pembangunan komersial dan membuat kajian kesesuaian pembangunan untuk dipanjangkan untuk pelaksanaan projek RMK 10 akan datang.
 - MAIS juga turut bekerjasama dengan penerima wakaf untuk memajukan harta wakaf dan manfaatnya disalurkan sebagaimana yang diniatkan oleh pewakaf.
 - MAIS juga telah mewujudkan Pelan Pembangunan Harta Wakaf Negeri Selangor 2005 – 2010 yang melibatkan perkara berikut:
 - Penyediaan Pangkalan Data
 - Pemantapan Kemahiran Petugas
 - Pemantauan Jaringan Kerja dengan JAWHAR, sektor swasta, ahli akademik, media massa dan wadah-wadah lain dalam masyarakat.
 - Sistem Pemantauan Berkesan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN EKONOMI NELAYAN

45. Satu cerapan terhadap nelayan pantai telah dijalankan dan mendapati sumber perikanan di kawasan pantai semakin berkurangan. Nelayan terpaksa ke tengah laut bagi menangkap ikan walaupun dengan saiz sampan yang kecil.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan segera Jabatan Perikanan Negeri bagi memastikan sumber perikanan di perairan Negeri Selangor bertambah?
- b) Apakah tindakan Jabatan Perikanan Negeri di dalam menambah pendapatan nelayan miskin?

JAWAPAN :

- a) Sumber ikan laut telah diterokai sehingga ke tahap maksima dan usaha mengekalkan sumber pada tahap sekarang merupakan satu tugas yang sangat mencabar. Antara usaha pengekalan sumber yang telah dilakukan ialah membanyakkan tukun-tukun atau tempat ikan berkumpul dan seterusnya membiak. Sehingga kini terdapat 5 buah atau tempat di mana tukun-tukun telah dilabuhkan di dasar laut di sepanjang pantai Negeri Selangor. Empat tukun dasar lembut dan satu tukun daripada vesel-vesel rampasan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan. Kajian mendapati bahawa tukun-tukun ini telah terdapat kumpulan-kumpulan ikan dari berbagai saiz yang mendiaminya. Kawasan di mana tukun-tukun ini diletakkan menjadi tumpuan peminat memancing. Jabatan akan cuba memperbanyakkan pembinaan tukun ini pada masa depan.
- b) Berbagai usaha telah dan akan dijalankan oleh Jabatan Perikanan untuk meningkatkan pendapatan nelayan dan sekaligus mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan. Antara projek yang telah dilaksanakan ialah pembangunan kebun kerang yang melibatkan 3 daerah, iaitu Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Sejumlah 200 lot satu seluas lebih kurang 50 ha telah diwujudkan melibatkan hampir 950 nelayan. Tujuan utama kebun kerang ialah untuk meningkatkan pendapatan nelayan kepada RM3,000.00 sebulan. Sejumlah 97 telah dilesenkan dan beroperasi, dan sejumlah 103 lot masih kosong. Sejumlah 37 lot telah mengeluarkan hasil pada 2008 berjumlah 14,000 mt bernilai RM10.0 juta. Di samping itu juga, kerajaan persekutuan telah memberikan insentif pengeluaran akuakultur di mana nelayan pekebun kerang layak menuntut 10 sen/kg bagi kerang yang dihasilkan. Jumlah insentif yang telah dibayar bernilai RM1.2 juta melibatkan hampir 200 orang nelayan pekebun kerang. Hampir semua 200 orang nelayan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan kepada RM3,000.00 sebulan.

Jabatan juga akan melaksanakan pada tahun 2009 projek ternakan siput belitung atau siput sedut di kawasan hutan bakau bagi meningkatkan pendapatan nelayan yang tidak mempunyai sampan berlesen bekerja sebagai pengutip siput atau kerang-kerangan. Program akua-pelancungan melibatkan penggunaan vesel menangkap ikan untuk membawa pemancing dan juga pelancung menikmati kawasan hutan bakau dan kampung nelayan akan dipergiatkan dengan kerjasama Jabatan Laut bagi memastikan aspek keselamatan diberi keutamaan oleh nelayan. Jabatan akan mengatur kursus khas bagi melayakkan nelayan mendapat kebenaran sijil khas membawa penumpang menggunakan vesel menangkap ikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN CINA SELANGOR

46. Pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Selangor telah ditangguhkan kerana sebab-sebab tertentu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bilakah kerja pembinaan Pusat Kebudayaan Cina boleh dilakukan?
- b) Berapakah jumlah peruntukan disalurkan untuk projek ini?
- c) Dimanakah tempatnya pusat kebudayaan Cina Negeri Selangor akan diadakan?

JAWAPAN :

- a) Secara jelas Kerajaan Negeri seperti dalam cabutan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 24/2008 yang diadakan pada 20 Ogos 2008 telah bersetuju membatalkan projek Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor di Sungai Kapar Indah II, Daerah Klang. Walaubagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeri masih meneliti lokasi yang sesuai sebagai gantian bagi membina Pusat Kebudayaan Cina yang baru. Perkara ini disebabkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan untuk disalurkan kepada projek tersebut dan memutuskan agar projek ini dibatalkan. Namun demikian, Kerajaan Negeri telah memutuskan terdapat peruntukan sebanyak RM 6 juta yang disalurkan kepada Hal Ehwal Selain Islam bagi tujuan yang sama di mana ianya mungkin boleh digunapakai bagi tujuan tersebut.
- b) Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk projek pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor ini adalah sebanyak RM 19,264,534.37.
- c) Kerajaan Negeri Selangor masih membuat penilaian terperinci berkaitan pembinaan Pusat Kebudayaan Cina yang dirancang di bina di atas sebahagian PT45794 dan PT45795, Pembangunan Sungai Kapar Indah II, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor. Penilaian semula ini perlu dilaksanakan bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa yang melanda seluruh dunia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PEMBELIAN ASET OLEH PBT

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan dengan terperinci jumlah kuantiti, harga dan tarikh pembelian aset-aset yang dipunyai oleh PBT-PBT dan juga nama pembekal terbabit.
 - b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menukar kaedah pembelian aset oleh PBT kepada "*Hire Purchase*" agar aliran tunai dapat di selia dengan lebih efisien.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : GOLONGAN MUALAF

48. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah bentuk bantuan dan bimbingan yang diberikan kepada golongan mualaf?
- b) Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi golongan mualaf apabila memeluk agama Islam dan bagaimanakah cara mengatasinya?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan masyarakat tempatan juga sama-sama membantu golongan ini?

JAWAPAN :

- a) Antara bentuk bantuan dan bimbingan yang disediakan oleh MAIS ialah :
 - i) Bantuan-bantuan berbentuk kebajikan seperti :-
 - Bantuan kewangan bulanan
 - Bantuan sewa rumah
 - Modal perniagaan
 - Pembinaan rumah
 - Bantuan Perubatan
 - Bantuan kecemasan
 - Bantuan pendidikan
 - ii) Bimbingan kerohanian berbentuk kursus jangka pendek dan kelas pengajian Fardu Ain antaranya :-
 - Di sepanjang tahun 2008, sebanyak 450 program merangkumi pelbagai aktiviti dan kursus telah Berjaya dilaksanakan di seluruh daerah dalam Negeri Selangor, dan
 - Sebanyak 120 kelas yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 di seluruh daerah Negeri Selangor
- b) Antara masalah utama yang dihadapi oleh golongan mualaf ialah di pulau oleh ahli keluarga serta pandangan dan tanggapan negatif yang dilemparkan oleh masyarakat setempat. Di samping itu juga faktor ekonomi juga salah satu masalah yang dihadapi oleh golongan mualaf. Sebagai langkah awal mengatasi masalah-masalah tersebut, MAIS telah menyediakan rumah-rumah transit di beberapa daerah bagi memberi perlindungan sementara kepada mereka di samping menyalurkan bantuan segera kepada mereka yang menghadapi masalah ekonomi.

- c) Di samping beberapa perkhidmatan berbentuk kebajikan, penjagaan dan pengajaran yang telah disediakan oleh MAIS, Kerajaan Negeri juga melalui MAIS telah mengadakan kerjasama dengan Pentadbir Masjid seluruh Negeri Selangor bagi memantau serta mengikuti perkembangan golongan mualaf yang tinggal di sekitar kariah masjid berkenaan. Beberapa masjid di seluruh daerah Negeri Selangor telah memberi kerjasama yang agak memberangsangkan dengan menyediakan tempat untuk mengadakan kelas-kelas bimbingan Fardu Ain kepada mereka serta menjadi orang tengah dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : SUMBER MINERAL DAN GALIAN NEGERI

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah pendapatan yang diperolehi dari sumber galian dan mineral negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Selangor / Wilayah Persekutuan, jumlah kutipan bayaran royalti dari pengeluaran mineral perindustrian Negeri Selangor bagi tahun 2007 adalah sejumlah RM8.6 juta berbanding tahun 2006 sebanyak RM9.5 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PEMBERHENTIAN / PEMBUANGAN KERJA RAKYAT DI SELANGOR

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Para analisis ekonomi dunia telah menjangkakan keadaan krisis ekonomi global yang tidak menentu sehingga 2010 yang melibatkan pemberhentian / pemuangan (*retrenchment*) di dalam industri yang terlibat. Dengan slogan Negeri Berkebakikan yang diuar-uarkan oleh pihak Kerajaan Negeri, apakah tindakan / insentif yang akan diberikan kepada rakyat Selangor yang kehilangan pekerjaan berikutnya.

JAWAPAN :

- a) Menjadikan Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan adalah merupakan teras utama visi Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan visi tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dalam menangani isu berhubung pemberhentian pekerja seterusnya menjaga kebajikan mereka yang terlibat antaranya:
- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan sama ada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
 - iii) Membangunkan *Selangor Career Exchange* bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan; dan
 - iv) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan dan ianya juga dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KILANG HARAM

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Nyatakan kilang-kilang haram yang masih beroperasi sehingga kini mengikut daerah.
 - b) Senaraikan kilang-kilang haram yang telah diberikan lesen sejak dua tahun lalu sehingga kini.

JAWAPAN :

- a) Kilang-kilang haram yang masih beroperasi sehingga kini mengikut daerah adalah seperti berikut:-

| DAERAH | BILANGAN KILANG |
|----------------------|------------------------|
| Petaling | 1,236 |
| Klang | 556 |
| Gombak | 37 |
| Hulu Langat | 658 |
| Kuala Langat | 209 |
| Hulu Selangor | 14 |
| Kuala Selangor | 35 |
| Sepang | 44 |
| Sabak Bernam | 16 |
| JUMLAH KILANG | 2,805 |

Sebanyak 705 daripada jumlah keseluruhan kilang haram di atas telah berjaya diputihkan melalui keputusan permohonan mengubah syarat kegunaan tanah.

- b) Senarai kilang-kilang haram yang telah diberikan lesen permit khas sementara sejak dua tahun lalu sehingga kini adalah seperti berikut:

| DAERAH | PERMIT KHAS SEMENTARA | | |
|----------------|-----------------------|------------|-----------|
| | 2007 | 2008 | 2009 |
| Petaling | 2 | 2 | 2 |
| Klang | 156 | 79 | 7 |
| Gombak | 14 | 16 | - |
| Hulu Langat | 12 | 16 | - |
| Kuala Langat | 90 | 10 | 4 |
| Hulu Selangor | 14 | 10 | - |
| Kuala Selangor | 21 | 17 | 7 |
| Sepang | 6 | 10 | - |
| Sabak Bernam | 7 | 7 | 7 |
| Jumlah | 322 | 167 | 27 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PROJEK PENYALURAN AIR MENTAH PAHANG - SELANGOR

52. Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor sedang di dalam pelaksanaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Tidakkah projek memberi kesan negatif kepada alam sekitar di kedua-dua negeri.
- b) Berapakah anggaran kos dan sumber bagi projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor ini?
- c) Dengan perbelanjaan yang tentunya begitu tinggi adakah rakyat akan menanggung beban kenaikan tarif air?

JAWAPAN :

- a) Dalam melaksanakan projek penyaluran air Pahang ini, semua pihak yang terlibat akan mematuhi sepenuhnya segala syarat yang telah ditetapkan di dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Setakat ini *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA) dan *Environment Impact Assessment* telah disediakan.

Projek ini turut juga dipantau oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk NGO dari Jepun yang sememangnya amat menitikberatkan perkara-perkara berkaitan alam sekitar. Wakil-wakil NGO ini turut hadir dalam setiap mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa Teknikal Projek Penyaluran Air Pahang.

Sehubungan dengan itu, sebarang bentuk kesan negatif kepada alam sekitar telah pun diselesaikan menerusi cadangan-cadangan pengurangan impak alam sekitar dalam laporan tersebut.

- b) Anggaran keseluruhan kos adalah sebanyak RM7 bilion. Bagi komponen yang melibatkan pembinaan Empangan Kelau di Sungai Semantan Pahang dan pembinaan terowong akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan pinjaman dari Jepun yang diperolehi melalui JBIC, manakala bagi komponen Loji Rawatan Air Langat II akan dibiayai oleh Pengurusan Aset Air Berhad.
- c) Sebarang kenaikan tarif air kesan daripada pelaksanaan projek ini adalah bermula pada tahun 2014. Sehubungan dengan itu, sebarang jadual mengenai penyelarasan tarif adalah berdasarkan kepada kadar inflasi semasa dan juga perkembangan ekonomi Negeri Selangor ketika itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KONSEP BINA DAN JUAL

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan konsep bina dan jual bagi projek perumahan baru di semua PBT?
- b) Apakah halangan yang dihadapi (jika ada) dalam pelaksanaan konsep ini?

JAWAPAN :

- a) Konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) merupakan salah satu (1) daripada empat (4) insentif telah dilancarkan pada 13 April 2007 oleh Kerajaan Persekutuan yang bertujuan untuk penambahbaikan urusan cadangan pemajuan serta penyelenggaraan dan pengurusan hartanah di seluruh negara. Konsep BKJ yang diperkenalkan ini merupakan alternatif kepada konsep jual dan bina yang diamalkan sekarang yang mampu melindungi pembeli rumah. Pengenalan konsep ini secara tidak langsung akan dapat mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai yang menimbulkan kesusahan kepada para pembeli.

Bagi menggalakkan pemaju perumahan melaksanakan konsep BKJ beberapa kemudahan dan insentif telah disediakan oleh Kerajaan sama ada peringkat persekutuan mahupun peringkat negeri. Antara insentif-insentif yang ditawarkan adalah;

- i) Mengecualikan syarat pembayaran deposit RM200,000.00 bagi lesen pemajuan perumahan.
- ii) Keutamaan '*fast lane*' bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan seperti tukar syarat tanah, pecah sempadan, kelulusan plan susun atur, plan bangunan dan kelulusan daripada jabatan-jabatan teknikal.
- iii) Pemaju boleh menggantikan syarat pembinaan rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana.
- iv) Pelepasan duti setem.

Pada dasarnya Kerajaan Negeri menyambut baik dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memberi galakan kepada pemaju untuk melaksanakan konsep BKJ tersebut. Walau bagaimanapun pada 19 Januari 2008, Kerajaan Negeri telah membuat ketetapan bahawa penggantian pembinaan rumah kos rendah kepada kos sederhana hanya akan dipertimbangkan secara berasingan dan sebarang permohonan pengecualian perlu dibawa ke pertimbangan Kerajaan Negeri. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira faktor permintaan terhadap rumah kos rendah (RKR) di Negeri Selangor khususnya di kawasan-kawasan bandar-bandar utama masih lagi diperlukan khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

Memandangkan kuasa terhadap pemaju terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118), maka peranan Kerajaan Negeri adalah agak terhad untuk mewajibkan semua pemaju mengguna pakai Konsep BKJ ini di samping masalah kemelesetan ekonomi global yang melanda kini yang memberi kesan secara langsung kepada pelaksanaan konsep ini.

Walau bagaimanapun terdapat juga pemaju yang berani untuk mengambil risiko dengan mengguna pakai konsep 10/90. Sebagai contoh Syarikat SP Setia Berhad yang telah melaksanakan skim Pakej Pinjaman Perumahan SP Setia 5/95. Berdasarkan kepada pakej ini, pembeli hanya perlu membayar sebanyak 5% daripada harga rumah dan bakinya dijelaskan sebaik rumah tersebut siap untuk diduduki.

- b) Seperti yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PELAN PEMBANGUNAN SEMULA DI PBT

54. Petaling Jaya Khususnya Damansara Utama merupakan bandar yang di lahirkan pada 1970an. Terdapat banyak bangunan komersial, industri dan kedai-kedai yang berbentuk zaman itu dan sekarang tidak sesuai untuk masa kini.

Ekorannya terdapat banyak bangunan yang kosong atau dalam status kurang memuaskan. Kedudukan ini menarik aktiviti-aktiviti yang kurang baik (pelacuran dan aktiviti berjudi menyamar sebagai perniagaan tulen).

- a) Betapa seriusnya keadaan ini?
- b) Patutkah PBT membentuk suatu Jawatankuasa untuk mengkaji lebih dalam kedudukan ini dan utarakan syor-syor kepada pihak berpatutan?

JAWAPAN :

- a) Di kawasan ini aktiviti perniagaan dikawal oleh Majlis secara berterusan oleh Bahagian Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasa. Oleh yang demikian, isu ini tidak merupakan isu yang serius.
- b) Di MBPJ, semasa bengkel 'Liveable City' diadakan pada bulan Julai 2008, telah mengujudkan beberapa Jawatankuasa Pelan Tindakan yang akan mengkaji dalam aspek meningkatkan ekonomi sesebuah kawasan iaitu Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembangunan Ekonomi. Pihak MBPJ dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala ke atas aktiviti di kawasan perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

**TAJUK : AHLI LEMBAGA ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

55. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senarai Ahli Lembaga Anak Syarikat Kerajaan Negeri?
- b) Apakah kriteria pemilihan tersebut?

JAWAPAN :

a) Senarai Ahli Lembaga Anak Syarikat Kerajaan Negeri:-

- **Menteri Besar (Pemerbadanan)**
 - **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
- **Kumpulan Darul Ehsan Berhad**
 - **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **YBhg. Dato' Hj. Abd Karim b. Munisar** - Ahli
Presiden KDEB
- **Permodalan Negeri Selangor Berhad**
 - **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YBhg. Dato' Noordin bin Sulaiman** - Ahli
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
 - **YBhg. Datin Hajjah Khairiyah binti Abu Hassan** - Ahli
Pengerusi Eksekutif
- **Pendidikan Industri YS Sdn Bhd /Unisel**
 - **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **YB. Datin Paduka Zauyah Be binti T.Loht Khan** - Ahli
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

- **YB. Puan Dr. Halimah binti Ali** - Ahli
EXCO Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor
- **YBhg. Dato' Abd Karim bin Munisar** - Ahli
Presiden KDEB
- **YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar** - Ahli
Pengarah Bahagian PMO
Kementerian Pengajian Tinggi
- **YBhg. Dato' Dr. Adnan bin Alias** - Ahli
Ketua Pegawai Eksekutif IBFIM
- **YBhg. Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton** - Ahli
Pengerusi Eksekutif
Core Competencies Sdn Bhd
- **YBhg. Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie bin Bardaie** - Ahli
Pengerusi Eksekutif
Perunding Bakti Sdn Bhd
- **YBhg. Tuan Haji Takril bin Tasuki** - Ahli
Pengurus Besar Yayasan Selangor
- **YBhg. Cik Faekah binti Haji Husin** - Ahli
Partner Tetuan Faekah & Cheoung
- **YBhg. Dato' Dr. Rosti bin Saruwono** - Ahli
Ketua Pegawai Eksekutif / Naib Canselor Unisel

➤ **Tourism Selangor Sdn Bhd**

- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
- **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
- **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
- **YB. Puan Elizabeth Wong Keat Ping** - Ahli
EXCO Kerajaan Negeri
- **Encik Mohamad Nizam bin Hj. Yaacob** - Ahli
Setiausaha Syarikat

➤ **Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor**

- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
- **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
- **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
- **YBhg. Tuan Ir. Kamil Puat bin Nil** - Ahli
Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor
- **YBhg. Dato' Abd Nasir bin Hassan** - Ahli
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor
- **YB. Tuan Hj. Yaakob bin Sapari** - Ahli
EXCO Kerajaan Negeri
- **YB. Puan Teresa Kok Suh Sim** - Ahli
EXCO Kerajaan Negeri
- **YB. Tuan Mohamad Azmin bin Ali** - Ahli
Parlimen Gombak / ADUN Bukit Antarabangsa

- **YBhg. Datuk Zalehka binti Hassan** - Ahli
Kementerian Kewangan Malaysia
 - **YBhg. Tuan Haji Alwi bin Haji Ibrahim** - Ahli
Kementerian Pembangunan Usahawan
 - **YBhg. Encik Razali bin Che Mat** - Ahli
Jabatan Perdana Menteri
 - **YBhg. Puan Zainon bt Hj. Md. Nasir** - Ahli
Setiausaha, Bahagian Strategik Kemajuan Luar Bandar & Wilayah,
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Wakil Kerajaan
Persekutuan)
 - **YBhg. Dato' Hj Mohammed bin Ismail** - Ahli
Timbalan Ketua Pengarah (Pemantauan dan Pertanian) Jabatan
Perdana Menteri
(Wakil Kerajaan Persekutuan)
 - **YBhg. Puan Khodijah bt. Abdullah** - Ahli
Timbalan Setiausaha Bahagian Analisa Cukai Perbendaharaan
Malaysia, Pusat Pentadbiran Persekutuan
(Wakil Kerajaan Persekutuan)
- **Rantaian Mesra Sdn Bhd**
- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **YB. Puan Rodziah binti Ismail** - Ahli
EXCO Kerajaan Negeri
 - **YB. Tuan Dr. Abdul Rani bin Osman** - Ahli
ADUN Meru
- **Kumpulan Semesta Sdn Bhd**
- **Tuan Hj Shukur bin Nagoor** - Ahli
Ketua Eksekutif
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **Tuan Ir. Ramli bin Abd Majed** - Ahli
- **Yayasan Warisan Anak Selangor**
- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pemegang Amanah
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Datin Paduka Zauyah Be bt. T.Loah Khan** - Pemegang Amanah
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
- **Communication Corporation Sdn Bhd**
- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **Encik Md. Yunus bin Md. Said** - Ahli
Ketua Eksekutif

- **Bukit Beruntung Golf Club**
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **Tuan Nor Hashim bin Ahmad Dahlan** - Ahli
Pegawai Daerah Hulu Selangor
 - **Encik Tukiman bin Nail** - Ahli
Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor
 - **YB. Tuan Amirudin bin Shari** - Ahli
ADUN Batu Caves
 - **Encik Saad bin Esa** - Ahli
Bendahari Negeri

- **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor**
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **YB. Datin Paduka Zauyah Be bt. T.Loht Khan** - Ahli
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
 - **YBhg. Dato' Noodin bin Sulaiman** - Ahli
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

- **Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC)**
 - **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
 - **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
 - **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
 - **YBhg. Dato' Noodin bin Sulaiman** - Ahli
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
 - **YBhg. Dato' Mhd Jabar bin Ahmad Kembali** - Ahli
Pengarah Eksekutif
 - **YB. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali** - Ahli
EXCO Kerajaan Negeri
 - **YB. Puan Teresa Kok Suh Sim** - Ahli
EXCO Kerajaan Negeri

➤ **Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)**

- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
- **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
- **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
- **YB. Datin Paduka Zauyah Be Bt. T.Loath Khan** - Ahli
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
- **Y.A.D. Dato' Setia Hj Mohamad Adzib Mohd Isa** - Ahli
Pengerusi MAIS
- **YBhg. SS Dato' Hj Mohamed Kusrin Hj Munawi** - Ahli
Pengarah JAIS
- **YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkefli Abdul Razak** - Ahli
Naib Canselor USM
- **YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir** - Ahli
Prof. Madya Fakulti Pengajian Islam, UKM
- **Prof. Dr. Sidek Baba** - Ahli
Prof. Kuliah Pendidikan UIAM
- **YBhg. Dato' Hj Mohd Adanan Isman** - Ahli
Rektor / Ketua Eksekutif KUIS

➤ **Yayasan Selangor**

- **YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid b. Ibrahim** - Pengerusi
YAB. Dato' Menteri Besar
- **YB. Dato' Hj Ramli bin Mahmud** - Ahli
YB. Setiausaha Kerajaan
- **YB. Dato' Mohd Ariff b. Ab. Rahman** - Ahli
YB. Pegawai Kewangan Negeri
- **YBhg. Tuan Haji Takril bin Tasuki** - Ahli
Pengurus Besar Yayasan Selangor

- b) Kriteria pemilihan adalah berasaskan:-
- i) Peraturan yang ditetapkan di dalam Enakmen syarikat atau Perlembagaan seperti PKNS, PKPS serta Menteri Besar (Pemerbadanan)
 - ii) Kelayakan akademik yang bersesuaian dan pengalaman di dalam sektor kerajaan/korporat
 - iii) Dapat memainkan peranan dalam pembangunan anak syarikat serta negeri, &
 - iv) Mempunyai pengalaman yang luas dan telah membuktikan keupayaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : SISA PEPEJAL DOMESTIK DAN PERINDUSTRIAN

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan untuk mengurangkan sisa buangan domestik?
- b) Berakah bajet yang diperuntukkan untuk pendidikan dan program kitar semula?
- c) Apakah rancangan dalam penyelenggaraan sisa perindustrian?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri dengan bantuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mewujudkan beberapa rancangan untuk mengurangkan sisa buangan domestik seperti mewujudkan pusat kitar semula di setiap pasar basah dengan meletakkan tong-tong sampah untuk sisa-sisa sayuran dan buah-buahan (Green Waste). Ia akan di kitar semula untuk dijadikan baja kompos / baja organik.
- b) Bagi tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM100,000 di bawah Program Kesedaran Alam Sekitar yang akan meliputi program-program kitar semula. Kerajaan Negeri juga akan mengadakan program alam sekitar bersama dengan ADUN-ADUN di mana RM5,000 dari peruntukan tahunan ADUN akan digunakan untuk program kesedaran berorientasikan alam sekitar ini.
- c) Sisa perindustrian terbahagi kepada 2 iaitu sisa domestik dari kilang-kilang dan juga sisa berbahaya. Bagi sisa-sisa domestik ia akan dilupuskan di tapak-tapak pelupusan sanitari ataupun tapak pelupusan sampah mengikut kawasan PBT masing-masing. Untuk sisa-sisa perindustrian berbahaya ia akan diuruskan oleh Kualiti Alam Sdn Bhd, di mana ia akan diproses dan dilupuskan di Pusat Pelupusan Sampah Bukit Nanas, Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN INTEGRASI

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status tanah perkuburan integrasi seluas 400 ekar yang terdapat di Semenyih.
- b) Adakah perkara tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Tanah tersebut merupakan tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk kegunaan awam bagi maksud tapak kubur. Pengambilan tanah tersebut melibatkan tanah milik perseorangan. Urusan pengambilan tanah telah selesai dan tanah tersebut kini berstatus tanah Kerajaan.
- b) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengemukakan permohonan terhadap tanah tersebut di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara. Permohonan tersebut masih di dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : TAHAP KEMISKINAN TEGAR DI NEGERI SELANGOR.

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dan berapakah kadar kemiskinan (*hard & poor*) di Negeri Selangor yang
- b) Berapakah peratusan kemiskinan tegar tersebut mengikut kaum di Negeri Selangor ini?
- c) Apakah langkah-langkah dan tindakan pembasmian yang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah kemiskinan tegar ini?

JAWAPAN :

- a) Kemiskinan membawa maksud, jumlah pendapatan bulanan seseorang isi rumah yang berada di bawah tahap Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu indikator yang membolehkan seseorang keluarga tersebut memiliki dan memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan, yang membolehkan setiap ahli keluarga berfungsi di dalam masyarakat. Sementara peratusan rakyat dibawah garis kemiskinan di Negeri Selangor (1,503,629 - jumlah penduduk yang dikategorikan sebagai miskin iaitu pendapatan kurang dari RM1500.00) dibahagi dengan jumlah populasi di Negeri Selangor iaitu 5,070,000 menjadikan sejumlah 30.18%.
- b) Negeri Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai pertumbuhan populasi yang sangat tinggi dimana pertumbuhan tersebut didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat. Selain itu pertumbuhan tersebut berlaku antara lain adalah disebabkan oleh perpindahan rakyat negeri lain ke Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu mengikut data terkini, terdapat sebanyak 274,937 jumlah warga miskin di Negeri Selangor berdasarkan kepada paras garis kemiskinan (PGK) 2007 iaitu pada kadar RM731.00 sebulan. Jumlah tersebut menyumbang kepada 5.3% dari jumlah populasi rakyat Negeri Selangor. Bagaimanapun kadar garis kemiskinan telah ditingkatkan menjadi RM1500.00.
- c) Berdasarkan kepada bancian yang dijalankan pada tahun 2007 terdapat seramai 1,530,629 penduduk Negeri Selangor yang berpendapatan bawah RM 1500 iaitu menjurus kepada 30% populasi rakyat Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Bajet 2009 telah menggariskan lima (5) strategi khusus bagi memastikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor seterusnya menangani masalah kemiskinan. Antara strategi tersebut ialah :

Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Kisi Sehenti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Selain dari itu beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi OKU/Anak Yatim, Bantuan Kepada Peniaga Muda, Bimbingan Perniagaan Kepada Belia, Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan/orang, Bantuan Anak Pra Sekolah RM50 sebulan/orang, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan memiliki Kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KUTIPAN ZAKAT

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kutipan zakat harta dan fitrah sepanjang tahun 2008 yang lalu serta bilangan pembayar yang telah menunaikannya? Berikan sekali jumlah agihan zakat tahun yang sama mengikut kategori asnaf. Berapakah kutipan sasaran zakat harta dan fitrah untuk tahun 2009 ini?

JAWAPAN :

a)

1. **KUTIPAN ZAKAT (HARTA DAN FITRAH)**

Bagi tahun 2008, jumlah kutipan zakat di Selangor telah melebihi sasaran (RM222 juta) dengan jumlah kutipan sebanyak RM 244.4 juta berbanding RM202 juta tahun 2007. Jumlah ini meningkat sebanyak 21 peratus dengan jumlah perbezaan sebanyak RM 42.3 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 232 juta dikutip daripada zakat harta, manakala RM 12.3 juta daripada zakat fitrah.

2. **ZAKAT HARTA**

Pada tahun 2008 kutipan zakat harta di Selangor meningkat sebanyak 22 peratus daripada kutipan pada tahun sebelumnya (2007).

Pecahan kutipan zakat harta mengikut jenis adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------------------------------|----------------------------------|
| Zakat Pendapatan | RM130.7 Juta (RM 130,699,399.93) |
| Zakat Perniagaan | RM 46.1 Juta (RM 46,109,152.95) |
| Zakat Harta | RM 24.3 Juta (RM 24,330,739.05) |
| Zakat Wang Simpanan | RM 22.1 Juta (RM 22,111,956.49) |
| Zakat KWSP | RM 4.6 Juta (RM 4,609,383.34) |
| Zakat Saham | RM 1.3 Juta (RM 1,271,759.33) |
| Zakat Tanaman | RM 1.7 Juta (RM 1,698,833.75) |
| Zakat Emas, Ternakan, Perak dan Qadha Zakat | RM 1.3 Juta (RM1,301,643.92) |

3. **BILANGAN PEMBAYAR**

Bilangan pembayar zakat harta bagi tahun 2008 ialah seramai 146,413 orang (meningkat 17%) daripada tahun 2007 seramai 125,294 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 34,343 orang merupakan pembayar baru.

4. **ZAKAT FITRAH**

Bagi tahun 2008, MAIS melalui LZS telah mengutip zakat fitrah sebanyak RM 12.3 juta bagi tahun 1429H berbanding RM 11.6 juta pada tahun 2007. Bilangan umat Islam yang telah membayar zakat fitrah bagi tahun 2008 ialah seramai 2.4 juta orang.

5. **SASARAN KUTIPAN ZAKAT HARTA DAN FITRAH TAHUN 2009**

Mengambil faktor keadaan ekonomi yang tidak menentu dan kesan krisis yang dijangka berterusan sepanjang tahun ini, maka LZS meletakkan sasaran yang munasabah dan boleh dicapai. Dengan mengambil kira implikasinya kepada sektor swasta terutamanya sektor perniagaan dan perkilangan, maka LZS meletakkan sasaran RM235 juta kutipan zakat pada tahun 2009.

6. **AGIHAN ZAKAT**

Pada tahun 2008 yang lalu, MAIS melalui LZS telah mengagihkan wang zakat kepada golongan yang layak di Selangor sebanyak RM198.5 juta berbanding RM177 juta pada tahun 2007. Jumlah pengagihan ini dilihat meningkat sebanyak 12 peratus dengan perbezaan sebanyak RM21.5 Juta.

Pecahan pengagihan zakat mengikut asnaf adalah seperti berikut:

| | | |
|--------------------|-------------|--------------------|
| Asnaf Miskin | RM54.2 Juta | (RM 54,215,439.19) |
| Asnaf Fakir | RM12.9 Juta | (RM 12,877,843.35) |
| Asnaf Fisabilillah | RM66.6 Juta | (RM 66,597,975.61) |
| Asnaf Muallaf | RM12.2 Juta | (RM 12,183,320.06) |
| Asnaf Gharim | RM19.4 Juta | (RM 19,380,018.66) |
| Asnaf Amil | RM30.3 Juta | (RM 30,250,000.00) |
| Asnaf Riqab | RM2.3 Juta | (RM 2,307,983.21) |
| Asnaf Ibnu Sabil | RM0.7 Juta | (RM 701,128.45) |

Bilangan fakir yang menerima bantuan pada tahun 2008 ialah seramai 9,583 keluarga berbanding 672 keluarga pada tahun 2007, manakala 5,879 keluarga bagi asnaf miskin berbanding 8,780 keluarga pada tahun 2007.

****Nota : Data ini belum diaudit**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : KERJA MENGOREK SUNGAI LANGAT

60. Didapati beberapa syarikat telah menjalankan kerja mengorek Sungai Langat di dalam DUN Dusun Tua.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimana cara pemilihan syarikat tersebut dibuat? Apakah dibuat secara tender terbuka atau sebaliknya?
- b) Apakah syarat-syarat syarikat yang layak?
- c) Ada aduan penduduk mengatakan bahawa syarikat yang mengorek sungai ini mengambil kesempatan mengeluarkan pasir tanpa permit. Apakah tindakan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Setelah kejadian banjir Oktober 2008, JPS telah mengenalpasti bahawa diantara faktor berlaku banjir dikawasan tebing Sungai Langat adalah dasar sungai yang cetek. Memandangkan hujan lebat dijangka akan berlaku pada bulan Disember 2008, Maka untuk mengelakkan kejadian banjir daripada berulang, dasar Sungai Langat perlu segera didalamkan. Sebagai tindakan lanjut, kontraktor secara tindakan kecemasan telah dipanggil khususnya dikawasan kritikal. Bagi mempercepatkan pelaksanaan perlantikan kontraktor telah dibuat secara lantikan terus.
- b) Syarat – syarat syarikat yang dipilih perlu;
 - i) Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi dimana mempunyai kelas, kepala dan sub kepala yang berkaitan dengan skop kerja yang dijalankan
 - ii) Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor(PKK) yang berkaitan dengan skop kerja yang dijalankan.
 - iii) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
 - iv) Mempunyai rekod pengalaman kerja yang baik bersama Jabatan
- c) Antara syarat di bawah pelaksanaan kontrak mengorek sungai, kontraktor di arah untuk menggunakan korekan pasir sungai bagi membina struktur benteng ban. Pasir yang dikorek tidak dibenarkan dibawa keluar bagi memastikan benteng ban yang dibina berfungsi dengan sempurna.

Walaubagaimanapun terdapat kecurian pasir daripada longgokan lebihan pasir setelah benteng ban dibina. Perkara ini telah segera diambil tindakan pemantauan oleh pihak JPS, LUAS bersama pihak Penguatkuasa Pejabat Tanah/Daerah Hulu Langat. Hasil pemantauan mendapati tiada lagi aktiviti pengeluaran pasir secara haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN RUMAH BERIBADAT BUKAN ISLAM

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang bakal di peruntukan kepada rumah beribadat bukan Islam pada tahun 2008 dan 2009.
 - b) Berapakah jumlah minima peruntukan yang bakal diterima untuk seseunit rumah berhala.

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun **2008**, sebanyak **RM 2,976,900 juta** telah diperuntukan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam di Negeri Selangor. Tahun **2009** pula sebanyak **RM 6 juta** telah diluluskan untuk diperuntukan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam di dalam persidangan DUN yang lalu.
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang peruntukan minima yang boleh diterima oleh sesebuah rumah ibadat selain Islam. Peruntukan yang boleh diberikan adalah untuk tujuan seperti berikut:
 - i) Baik pulih bangunan keagamaan sedia ada,
 - ii) Sumbangan bagi pemindahan bangunan keagamaan, dan
 - iii) Pendidikan keagamaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : PENUBUHAN POLIS BANTUAN DI PBT

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah prosedur yang perlu dilalui sekiranya sebuah Pihak Berkuasa Tempatan ingin menubuhkan polis bantuan bagi membantu operasi Polis Di Raja Malaysia?

JAWAPAN :

- a) Sebarang rancangan untuk penubuhan Polis Bantuan untuk PBT boleh dimajukan permohonan dengan mengemukakan kertas kerja, tujuan, penugasan dan juga sebab-sebab ia diperlukan. Semua permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada Ketua Polis Negeri untuk sokongan dan untuk dimajukan kepada Ketua Polis Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TEKNOLOGI MAKLUMAT

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah tahap penggunaan Internet jalur lebar (*broadband*) di setiap daerah di Selangor pada tahun 2008?
- b) Adakah kerajaan Selangor akan mensyaratkan setiap pemaju untuk memasang talian *fibre optic* di setiap projek perumahan untuk membantu merangsang penggunaan *broadband* di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Mengikut maklumat yang di dapati daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia peratusan tahap penggunaan Internet jalur lebar (*broadband*) hanya terdapat bagi setiap negeri sahaja. Negeri Selangor mempunyai peratusan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu sebanyak 26.1% pada tahun 2008.
- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk mewajibkan syarat pemasangan talian *fibre optic* di setiap projek perumahan kepada pemaju. Walau bagaimanapun, pemaju adalah digalakkan berbuat demikian seperti yang dilakukan kepada iCity, Seksyen 7, Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : KERAJAAN PRIHATIN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program kerajaan prihatin, selama ini mencapai matlamat dalam mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat?
- b) Apakah program-program yang bersifat memberi kesan jangka masa panjang dan mengajar berdikari, yang dirancang untuk tahun ini untuk meningkatkan ekonomi masyarakat?

JAWAPAN :

- a) Program Kerajaan Prihatin bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh.

Objektif program ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan membina semula rumah yang keseluruhannya terlalu daif dan tidak boleh lagi dibaiki pada harga RM25,000.00 sebuah. Rumah yang dibina lengkap dengan tiga (3) bilik tidur dan bilik air serta berkeluasan 560 kaki persegi termasuk pendawaian dalaman elektrik dan pemasangan paip air dalaman; atau memberi bantuan membaik pulih bahagian rumah ibu yang mengalami kerosakan pada kos tidak melebihi RM7,000.00.

Sejumlah 163 buah rumah telah diluluskan bagi tujuan bina baru dan baik pulih sehingga Oktober 2008. Berikut adalah pecahannya ;

| Bil | Daerah | Jumlah |
|------------|----------------|---------------|
| 1. | Klang | 24 |
| 2. | Petaling | 4 |
| 3. | Kuala Langat | 18 |
| 4. | Hulu Langat | 13 |
| 5. | Sabak Bernam | 40 |
| 6. | Kuala Selangor | 21 |
| 7. | Gombak | 13 |
| 8. | Hulu Selangor | 13 |
| 9. | Sepang | 17 |

- b) Kerajaan Negeri melalui Bajet 2009 telah menggariskan lima (5) strategi khusus bagi memastikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor seterusnya menangani masalah kemiskinan. Antara strategi tersebut ialah :

Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Kisi Sehenti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Selain dari itu beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi OKU/Anak Yatim, Bantuan Kepada Peniaga Muda, Bimbingan Perniagaan Kepada Belia, Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan/orang, Bantuan Anak Pra Sekolah RM50 sebulan/orang, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan memiliki Kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam menghadapi krisis ekonomi global dan kemiskinan di Negeri Selangor.

Selain itu Kerajaan Negeri Juga telah merangka program-program yang dilihat dapat membantu golongan miskin di Selangor mendapat bantuan yang sewajarnya dengan menyediakan bantuan seperti berikut;

i) Program Kerajaan Prihatin

Program Kerajaan Prihatin bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh.

Objektif program ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan membina semula rumah yang keseluruhannya terlalu daif dan tidak boleh lagi dibaiki pada harga RM25,000.00 sebuah. Rumah yang dibina lengkap dengan tiga (3) bilik tidur dan bilik air serta berkeluasan 560 kaki persegi termasuk pendawaian dalaman elektrik dan pemasangan paip air dalaman; atau memberi bantuan membaik pulih bahagian rumah ibu yang mengalami kerosakan pada kos tidak melebihi RM7,000.00.

ii) Program "Blueprint" Kemiskinan

Program "blueprint" merupakan program bantuan peralatan yang diberikan kepada golongan sasaran yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang contohnya;

- a. Kemahiran jahitan
- b. Kemahiran masakan
- c. Kemahiran perniagaan

iii) Program Kemahiran Teknikal

Program ini diwujudkan adalah untuk membantu anak-anak golongan sasaran untuk mendapatkan pendidikan tertinggi dengan menyediakan sejumlah 170 tempat setiap tahun di INSPENS. Tujuan program akan memberi peluang kepada anak-anak golongan sasaran yang keciciran atau tidak mampu untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi.

iv) Program Kesehatan

Program Kesehatan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan sasaran untuk mendapatkan bantuan kesehatan dalam dua jenis penyakit iaitu;

- a. Katarak Mata
- b. Dialisis Buah Pinggang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KAMPUNG BAGAN CINA

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah kampung-kampung Bagan Cina yang terdapat di Negeri Selangor dan senaraikan nama-nama kampung tersebut ?
- b) Sila nyatakan status pemilikan tanah penduduk kampung-kampung tersebut ?
- c) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan hak milik kekal kepada mereka ?

JAWAPAN :

- a) Terdapat sebanyak 19 buah Kampung Bagan di Negeri Selangor. Senarai nama-nama Kampung Bagan tersebut adalah seperti berikut:

| DAERAH | BIL. KAMPUNG | NAMA KAMPUNG |
|----------------|---------------------|------------------------------------|
| KLANG | 1. | Kampung Bagan Hailam |
| | 2. | Kampung Bagan Pulau Ketam |
| | 3. | Kampung Bagan Sungai Lima |
| KUALA SELANGOR | 4. | Kampung Bagan Sungai Tengkorak |
| | 5. | Kampung Bagan Pasir |
| | 6. | Kampung Bagan Sungai Kajang |
| | 7. | Kampung Bagan Sungai Yu Baru |
| | 8. | Kampung Bagan Pasir Penambang |
| | 9. | Kampung Bagan Sasaran |
| | 10. | Kampung Bagan Sungai Janggut |
| SABAK BERNAM | 11. | Kampung Bagan Parit Baru |
| | 12. | Kampung Bagan Sungai Lang |
| | 13. | Kampung Bagan Sungai Pulai |
| | 14. | Kampung Simpang Bagan Nakhoda Omar |
| | 15. | Kampung Bagan Teluk Rhu |
| | 16. | Kampung Bagan Beting Kepah |
| | 17. | Kampung Bagan Sungai Besar |
| | 18. | Kampung Bagan Sungai Burong |
| | 19. | Kampung Bagan Seri Sekinchan |

- b) Tidak ada rekod secara spesifik mengenai status pemilikan tanah Kampung-Kampung Bagan Cina ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan istilah "bagan" adalah difahamkan bahawa kedudukan kampung ini melibatkan kawasan rizab sungai dan laut.

Sekiranya terlibat secara langsung dengan tanah-tanah tersebut, pemilikan tanah berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 boleh ditimbangkan secara Lesen Pendudukan Sementara kerana tanah rizab sungai dan laut tidak boleh dilupuskan secara pemberimilikan.

Walaupun bagaimanapun, bagi tanah-tanah yang tidak termasuk dalam kawasan rizab, Pihak Berkuasa Negeri boleh menimbangkan pemberimilikan mengikut merit setiap kes yang dikemukakan.

- c) Merujuk kepada soalan Y.B., Pentadbiran ini beranggapan bahawa istilah "hakmilik kekal" yang dimaksudkan oleh Y.B. sebenarnya ialah hakmilik selama-lamanya (*freehold*).

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan dasar pemberimilikan tanah Kerajaan akan dibuat selaras dengan peruntukan seksyen 76(1) (a) Kanun Tanah Negara iaitu secara pajakan bagi tempoh tidak lebih 99 tahun sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEJABAT AHLI MAJLIS PBT

66. Kerajaan Negeri telah mewujudkan pejabat untuk setiap ahli Majlis PBT di Seluruh Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah kos pengurusan (*overhead*) bulanan setiap buah pejabat ahli majlis yang ditanggung oleh PBT?
- b) Berapakah elaun bulanan seorang ahli Majlis PBT?

JAWAPAN :

- a) Kos pengurusan bulanan bagi setiap pejabat Ahli Majlis adalah seperti berikut:-

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | JUMLAH PERUNTUKAN (SEBULAN)(RM) |
|------------|--------------------------------|--------------------------------------------|
| 1 | Majlis Bandaraya Shah Alam | 2,415.38 |
| 2 | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 2,274.00 |
| 3 | Majlis Perbandaran Klang | 2,500.00 |
| 4 | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 2,500.00 |
| 5 | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 1,330.00 |
| 6 | Majlis Perbandaran Selayang | 2,500.00 |
| 7 | Majlis Perbandaran Kajang | 1,750.00 |
| 8 | Majlis Perbandaran Sepang | 1,840.70 |
| 9 | Majlis Daerah Kuala Selangor | 1,000.00 |
| 10 | Majlis Daerah Hulu Selangor | Tiada |
| 11 | Majlis Daerah Kuala Langat | 1,000.00 |
| 12 | Majlis Daerah Sabak Bernam | 1,000.00 |

Kos tersebut merangkumi kos sewaan pejabat, kos pembayaran gaji kakitangan dan juga kos utiliti. Walau bagaimanapun, sekiranya pejabat Ahli Majlis berkenaan di tempatkan di bangunan milik PBT, kos sewaan akan diserapkan kembali ke dalam akaun PBT.

- b) Elaun bulanan setiap Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | ELAUN TETAP (RM) | ELAUN MESYUARAT(RM) |
|------------|--------------------------------|-----------------------------|--------------------------------|
| 1 | Majlis Bandaraya | 750.00 | 150.00 |
| 2 | Majlis Perbandaran | 750.00 | 100.00 |
| 3 | Majlis Daerah | 500.00 | 100.00 |

Jumlah pendapatan seseorang Ahli Majlis adalah dikira berdasarkan bilangan mesyuarat yang dihadiri dan pemberian elaun tetap pada setiap bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PERLAKSANAAN OSCC

67. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah nilai tambah yang disuntik dalam memberdaya pelaksanaan Pusat Krisis Sehenti (OSCC)?
- b) Apakah ada peningkatan yang signifikan dari segi aduan yang dilaporkan kepada OSCC, sila berikan data-data terkini kegunaan tanah bagi 3 bulan terakhir.
- c) Apakah kes-kes yang paling popular dilaporkan kepada OSCC?
- d) Berikan statistik terkini jumlah kes yang telah berjaya diselesaikan.

JAWAPAN :

- a) Pusat Khidmat Krisis Sehenti atau lebih dikenali dengan singkatan OSCC adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempromosi perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat yang telah sedia ada di hospital-hospital kerajaan di negeri Selangor seperti Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Serdang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Hospital Kajang.

Kerajaan Negeri yakin bahawa program-program promosi ke atas OSCC membolehkan rakyat di Selangor yang memerlukan khidmat kaunseling memperoleh perkhidmatan yang disediakan di hospital berkenaan.

Kempen promosi OSCC yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat meliputi pendedahan kepada orang ramai mengenai perkara-perkara seperti berikut :

- i) Fungsi dan peranan OSCC;
- ii) Peruntukan undang-undang yang memberi perlindungan kepada orang ramai termasuk wanita, kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan keganasan; dan
- iii) Jenis-jenis keganasan fizikal dan mental.

Kempen promosi seperti ini pastinya memberi pengetahuan dan pendedahan kepada orang ramai mengenai kemudahan yang sedia ada.

- b) Kesan signifikan yang wujud adalah kesedaran orang ramai tentang kewujudan perkhidmatan OSCC semakin meningkat. Ramai orang dapat memahami fungsi serta peranan OSCC dalam memberi rawatan dan perkhidmatan yang menyeluruh kepada mangsa-mangsa keganasan yang datang ke OSCC yang terdapat di hospital-hospital kerajaan di Selangor. Kerajaan Negeri telah dapat maklum balas yang positif terutamanya Badan Bukan Kerajaan (NGO) di mana mereka menyatakan kesediaan dalam membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kempen kesedaran di Selangor. Berikut merupakan kes-kes yang dilaporkan di OSCC :

| BIL | JENIS KEGANASAN | BILANGAN YANG DILAPORKAN |
|------------|-------------------------------------------|---------------------------------|
| 1. | Rogol | 349 |
| 2. | Penderaan Isteri / keganasan rumah tangga | 528 |
| 3. | Penderaan kanak-kanak (lelaki) | 35 |
| 4. | Penderaan kanak-kanak (perempuan) | 20 |
| 5. | Liwat (lelaki) | 11 |
| 6. | Liwat (wanita) | 9 |

- c) Kes-kes yang popular yang dilaporkan adalah seperti berikut :
- i) Rogol
 - ii) Liwat
 - iii) Penderaan
 - iv) Keganasan rumah tangga
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : PENILAIAN PRESTASI KAKITANGAN KERAJAAN DAN
TINDAKAN TERHADAP KAKITANGAN**

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan terhadap kakitangan kerajaan yang enggan bekerjasama dengan ADUN dan pihak EXCO?
 - b) Apakah cara-cara penilaian prestasi kakitangan kerajaan termasuk YDP dan Pegawai Daerah?
 - c) Apakah peranan ADUN dalam proses penilaian ini?

JAWAPAN :

- a) Jentera Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dan berusaha meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam dari semasa ke semasa kepada orang awam dan *stakeholders* termasuk ahli politik. Penjawat awam merupakan '**Pemudah cara**' atau '**fasilitator**' kepada pelaksanaan pelbagai program yang direncanakan di semua peringkat.

Penjawat awam melaksanakan tugas berdasarkan **lunas-lunas perundangan dan prosedur piawaian yang telah ditetapkan**. Justeru itu, sekiranya pelaksanaan tugas yang diklasifikasikan berada di luar lingkungan peruntukan perundangan atau prosedur sedia ada, maka penjawat awam berhak untuk tidak menyempurnakannya. Namun yang demikian, jika pelaksanaan tugas adalah selari dengan lunas perundangan dan prosedur maka penjawat awam akan memastikan tugas yang diamanahkan dengan jayanya.

Sekiranya seseorang penjawat awam ditafsirkan enggan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mana-mana EXCO atau ADUN, maka **laporan secara rasmi (bertulis)** perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Seterusnya, laporan tersebut perlu **disiasat dan diperhalusi** dengan menubuhkan **Jawatankuasa Siasatan**. Hasil dapatan jawatankuasa ini akan ditimbang dan diteliti oleh **Pihak Berkuasa Tatatertib** yang berkenaan.

Jika seseorang penjawat dibuktikan bersalah dan gagal membela diri terhadap pertuduhan yang dibangkitkan, maka penjawat awam berkenaan boleh dikenakan **tindakan tatatertib** di bawah **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995** bagi lantikan Negeri Selangor dan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** bagi lantikan Persekutuan.

- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mengguna pakai **Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam** dalam menilai perlakuan dan pencapaian hasil kerja pegawai dalam tempoh masa tertentu bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah Jabatan / Agensi. Pelaksanaan sistem piawaian ini diperjelaskan di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 iaitu 'Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia'**.
- i) Bagi penilaian prestasi **Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Pegawai Daerah**, penilaian prestasi tahunan akan diputuskan oleh **YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor** selaku **Pegawai Penilai**.
- ii) Sistem Penilaian Prestasi ini berlandaskan kepada prinsip yang sesuai dengan kehendak mencapai matlamat organisasi. Sistem ini digubal berasaskan kepada **prinsip-prinsip penilaian** berikut:
- a) penilaian hendaklah dilaksanakan secara objektif, adil dan telus;
- b) penilaian prestasi hendaklah diasaskan kepada penghasilan kerja dan tingkah laku yang dipamerkan oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD) ke arah pencapaian objektif organisasi yang ditetapkan; dan
- c) menggalakkan persaingan positif sesama pegawai untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti.
- iii) Berdasarkan kepada **tiga (3) prinsip** di atas, sistem ini digubal untuk:
- a) membolehkan prestasi kerja dinilai dengan lebih sistematik dan meyakinkan;
- b) membolehkan Ketua Perkhidmatan melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi mengikut kesesuaian perkhidmatan tertentu;
- c) membolehkan Sistem Penilaian Prestasi digunakan dalam pelbagai fungsi pengurusan sumber manusia seperti kemajuan kerjaya, penempatan dan latihan; dan
- d) meningkatkan penglibatan Ketua Jabatan dan semua peringkat pegawai penyelia dalam proses penilaian prestasi.
- iv) Penggubalan sistem ini mengambil kira perubahan dan perkembangan semasa dalam Perkhidmatan Awam serta keperluan menambah baik sistem sedia ada. **Ciri-ciri sistem** ini melibatkan:
- a) Penetapan Sasaran Kerja Tahunan dan Kajian Semula Pertengahan Tahun;
- b) Pengiktirafan kegiatan dan sumbangan di luar tugas rasmi;
- c) Penetapan wajar markah mengikut aspek penilaian prestasi yang bersesuaian dengan peranan setiap kumpulan pegawai (Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan Profesional dan Kumpulan Sokongan);
- d) Pemakaian lima (5) jenis borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) mengikut kumpulan pegawai; dan
- e) Peranan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) sebagai pihak yang memastikan penilaian dibuat dengan objektif, adil dan telus.

- v) Hasil penilaian ini membolehkan pihak pengurusan mengambil tindakan, pertimbangan dan keputusan berkaitan dengan ***pengurusan dan kemajuan kerjaya PYD*** iaitu:
- a) Menentukan penempatan dan bidang kerjaya sesuai dengan potensi, kebolehan, keistimewaan serta kemajuan pegawai;
 - b) Menentukan kesesuaian dan kelayakan untuk kenaikan pangkat, pemangkuan, pinjaman dan pertukaran sementara;
 - c) Menentukan kelayakan atau kesesuaian untuk pergerakan atau anjakan gaji;
 - d) Menentukan penganugerahan khidmat cemerlang, pingat dan bintang kebesaran serta pemberian surat penghargaan;
 - e) Mengenal pasti dan merancang keperluan latihan; dan
 - f) Memberikan kaunseling dengan tujuan memperbaiki dan meningkatkan prestasi serta motivasi pegawai.
- vi) ***Sistem Penilaian Prestasi*** diguna pakai bagi semua kategori pegawai termasuk Pegawai Daerah, Datuk Bandar dan Yang Dipertua. Berdasarkan ***Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002***, terdapat ***dua (2) peringkat pegawai*** yang terlibat dalam membuat penilaian prestasi Pegawai Yang Dinilai iaitu Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua. Definisi bagi kedua-dua pegawai penilai adalah seperti berikut:
- a) ***Pegawai Penilai Pertama*** ialah pegawai atasan atau penyelia yang terdekat kepada Pegawai Yang Dinilai dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau yang mengawasi kerjanya; dan
 - b) ***Pegawai Penilai Kedua*** ialah pegawai atasan yang terdekat kepada Pegawai Penilai Pertama dan mempunyai hubungan kerja dengan Pegawai Yang Dinilai. Jika hanya terdapat satu peringkat penyeliaan, maka penilaian bolehlah dibuat oleh Pegawai Penilai Pertama sahaja.
- vii) ***Penentuan pegawai penilai*** perlu menepati syarat seperti berikut:
- a) Mempunyai hubungan kerja dan penyeliaan secara langsung di antara Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama;
 - b) Gred Pegawai Penilai Pertama hendaklah lebih tinggi daripada Pegawai Yang Dinilai;
 - c) Tiada hubungan kekeluargaan terdekat sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan (suami, isteri, anak, adik-beradik, anak saudara, mertua, menantu, ipar, sepupu atau biras) di antara Pegawai Yang Dinilai dengan pegawai penilainya;
 - d) Tempoh penyeliaan seelok-eloknya tidak kurang daripada enam (6) bulan dalam sesuatu tahun penilaian. Sekiranya Pegawai Yang Dinilai itu berkhidmat di dua (2) jabatan yang berlainan dalam tempoh yang sama panjangnya, kedua-dua Pegawai Penilai Pertama yang terbabit dikehendaki menyediakan laporan prestasi Pegawai Yang Dinilai berkenaan;
 - e) Pegawai Yang Dinilai yang diselia oleh lebih daripada seorang Pegawai Penilai Pertama dalam masa yang berbeza-beza dan tidak ada pegawai kanan lain yang layak membuat penilaian,

- maka Pegawai Penilai Pertama yang paling lama tempoh penyeliaannya boleh membuat penilaian tersebut;
- f) Sekiranya tiada Pegawai Penilai Pertama yang layak menilai kerana tempoh penyeliaannya kurang daripada enam (6) bulan dalam tahun yang dinilai, maka penilaian hendaklah dibuat oleh pegawai lebih tinggi yang terdekat dan mempunyai hubungan kerja dengan Pegawai Yang Dinilai;
 - g) Walau apa pun peruntukan di perenggan (d), (e) dan (f) di atas, tempoh penyeliaan minimum untuk tujuan penilaian prestasi ialah tiga (3) bulan; dan
 - h) Sekiranya Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tidak disediakan oleh Pegawai Penilai Pertama yang telah bersara, meletak jawatan atau tidak dapat dikesan, laporan prestasi Pegawai Yang Dinilai hendaklah disediakan oleh Pegawai Penilai Kedua.
- c) Setakat ini, **Sistem Penilaian Prestasi** pegawai di semua peringkat dan kategori dalam Perkhidmatan Awam **tidak melibatkan ahli politik termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri**. Proses penilaian dilaksanakan oleh penyelia (Pegawai Penilai) yang mempunyai gred yang lebih tinggi daripada Pegawai Yang Dinilai.

Hal ini membolehkan pihak pengurusan jabatan mengambil tindakan, pertimbangan dan keputusan berkaitan dengan pengurusan dan kemajuan kerjaya Pegawai Yang Dinilai iaitu:

- i) Menentukan penempatan dan bidang kerjaya sesuai dengan potensi, kebolehan, keistimewaan serta kemajuan pegawai;
- ii) Menentukan kesesuaian dan kelayakan untuk kenaikan pangkat, pemangkuan, peminjaman dan pertukaran sementara;
- iii) Menentukan kelayakan atau kesesuaian untuk pergerakan dan anjakan gaji;
- iv) Menentukan penganugerahan khidmat cemerlang, pingat dan bintang kebesaran serta pemberian surat penghargaan;
- v) Mengenal pasti dan merancang keperluan latihan; dan
- vi) Memberikan kaunseling dengan tujuan memperbaiki dan meningkatkan prestasi serta motivasi pegawai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KES-KES PERCERAIAN DAN TUNTUTAN NAFKAH KELUARGA DI MAHKAMAH SYARIAH

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan bilangan kes perceraian dan tuntutan nafkah sehingga hujung tahun 2008 di setiap Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Selangor.
 - b) Berapakah bilangan kes-kes perceraian dan tuntutan nafkah yang tertangguh sehingga hujung tahun 2008?
 - c) Apakah pentadbiran Mahkamah Syariah telah atau akan mengambil langkah membuat pemotongan gaji secara automatik bagi menjelaskan tanggungan nafkah terhadap pihak bapa/bekas suami dalam kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah?

JAWAPAN :

- a) Kes- kes Perceraian Didaftarkan pada Tahun 2008 di setiap Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Selangor adalah seperti berikut

| MAHKAMAH | Fasakh | Faraq Nikah | Pengesahan Lafaz Cerai | Perceraian | Tebus Talaq | Pengesahan Cerai Ta'liq | Illa' | Zihar | Li'an | JUMLAH |
|---------------------|------------|-------------|------------------------|--------------|-------------|-------------------------|----------|----------|----------|-------------|
| Bandaraya Shah Alam | 81 | 8 | 342 | 401 | 0 | 18 | 0 | 0 | 0 | 850 |
| Petaling Jaya | 117 | 11 | 375 | 445 | 1 | 20 | 0 | 0 | 0 | 969 |
| Gombak Timur | 42 | 2 | 172 | 225 | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 450 |
| Gombak Barat | 50 | 5 | 209 | 299 | 0 | 22 | 0 | 0 | 0 | 585 |
| Hulu Selangor | 35 | 3 | 111 | 140 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 294 |
| Klang | 79 | 12 | 351 | 361 | 2 | 41 | 0 | 0 | 0 | 846 |
| Kuala Langat | 31 | 10 | 91 | 119 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 259 |
| Hulu Langat | 130 | 13 | 577 | 539 | 3 | 18 | 0 | 0 | 0 | 1,280 |
| Sepang | 13 | 3 | 76 | 87 | 0 | 11 | 0 | 0 | 0 | 190 |
| Kuala Selangor | 42 | 7 | 105 | 126 | 0 | 17 | 0 | 0 | 0 | 297 |
| Sabak Bernam | 13 | 1 | 65 | 115 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 198 |
| JUMLAH | 633 | 75 | 2,474 | 2,857 | 6 | 173 | 0 | 0 | 0 | 6218 |

II-Kes-kes Nafkah Didaftarkan pada Tahun 2008 di setiap Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Selangor adalah seperti berikut

| MAHKAMAH | Perintah Nafkah | Nafkah Isteri | Nafkah 'Iddah | Ubah Perintah | Tunggakan | Nafkah Anak | Kuatkuasa | JUMLAH |
|---------------------|-----------------|---------------|---------------|---------------|-----------|-------------|-----------|------------|
| Mahkamah Tinggi | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 |
| Bandaraya Shah Alam | 11 | 7 | 16 | 7 | 9 | 38 | 1 | 89 |
| Petaling Jaya | 13 | 10 | 21 | 11 | 10 | 43 | 0 | 108 |
| Gombak Timur | 4 | 3 | 7 | 7 | 7 | 23 | 0 | 51 |
| Gombak Barat | 13 | 2 | 20 | 5 | 5 | 33 | 0 | 78 |
| Hulu Selangor | 9 | 6 | 6 | 4 | 2 | 23 | 0 | 50 |
| Klang | 2 | 9 | 8 | 10 | 5 | 33 | 0 | 67 |
| Kuala Langat | 4 | 1 | 3 | 0 | 0 | 11 | 0 | 19 |
| Hulu Langat | 29 | 7 | 46 | 12 | 12 | 78 | 1 | 185 |
| Sepang | 3 | 2 | 1 | 6 | 0 | 6 | 0 | 18 |
| Kuala Selangor | 7 | 1 | 6 | 0 | 2 | 14 | 0 | 30 |
| Sabak Bernam | 6 | 2 | 3 | 2 | 0 | 4 | 0 | 17 |
| JUMLAH | 101 | 50 | 137 | 64 | 55 | 306 | 2 | 715 |

b) Bilangan kes-kes perceraian yang tertangguh sehingga hujung Tahun 2008 ialah sebanyak **2334 kes**

Bilangan kes-kes tuntutan nafkah yang tertangguh sehingga hujung Tahun 2008 ialah sebanyak **607 kes**

- c) Pihak pentadbiran Mahkamah Syariah tidak boleh membuat pemotongan gaji secara automatik. Setiap tuntutan mestilah dibuat oleh pihak Plaintif di Mahkamah Syariah melalui Pernyataan Tuntutan yang difailkan dalam *perenggan 63(1)(d) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003* telah menjelaskan bahawa

Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syariyenya dan hendaklah mengandungi –

(d) butir-butir mengenai apa-apa permohonan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : WABAK CHIKUNGUNYA

70. Wabak Chikungunya telah melanda negara kita baru-baru ini. Kita dimaklumkan Selangor adalah antara negeri turut yang diserang oleh wabak penyakit ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah wabak Chikungunya mula dikesan di negeri ini dan nyatakan sejarah puncanya serta kesan-kesan yang alami oleh pesakit?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani wabak ini serta jumlah kes di daerah-daerah yang terlibat?

JAWAPAN :

- a) Wabak Chikungunya mula dikesan di Selangor pada bulan Oktober 2008 di Kg Bunga Raya dalam daerah Petaling, Ini di ikuti oleh beberapa wabak kecil di daerah Hulu Langat, Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Walau bagaimanapun, wabak-wabak tersebut dapat dikawal dalam masa yang singkat. Penyakit Chikungunya disebabkan oleh jangkitan virus Chikungunya yang disebarkan melalui gigitan nyamuk aedes iaitu nyamuk yang sama yang juga menyebarkan virus denggi. Tanda-tanda utama Chikungunya adalah demam dan sakit sendi yang sangat teruk dan sebahagiannya berpanjangan 3-4 minggu.
- b) Langkah-langkah yang diambil adalah serupa dengan langkah yang teral diambil bagi menangani wabak denggi. Sepanjang tahun 2008, sejumlah 566 kes dilaporkan di mana 170 kes dari daerah Petaling, 163 kes dari Hulu Langat, 130 kes dari Sabak Bernam, 69 kes dari Hulu Selangor dan 18 kes dari Klang, 9 kes dari Sepang, 6 kes dari Gombak dan 1 kes dari Kuala Selangor. Tiada kes dilaporkan dari Kuala Langat.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : KEMELESETAN DAN KEGAWATAN EKONOMI SEDUNIA

71. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah khusus yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani krisis kegawatan dan kemelesetan ekonomi seperti yang berlaku sekarang?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan mengurangkan cukai pintu rumah kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersial sebanyak 10% dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi?
- c) Apakah kerajaan akan memberikan elaun ibu tunggal serta elaun suri rumah yang memilih menjaga sepenuh masa anak-anak kecil mereka dalam usaha membantu meringankan bebanan kewangan penduduk?
- d) Apakah Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan RM 75.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke nurseri dan bantuan RM 50.00 sebulan seorang bagi pendidikan kelas pra-sekolah bagi membantu meringankan bebanan kewangan penduduk?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Bajet 2009 telah menggariskan lima (5) strategi khusus bagi memastikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor seterusnya menangani krisis kegawatan dan kemelesetan ekonomi seperti yang berlaku sekarang. Lima (5) strategi tersebut ialah:

Pertama : Merakyatkan ekonomi Selangor (MES)

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Krisis Seheni (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang .

Selain itu, terdapat beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah caruman Takaful bagi OKU/anak yatim, bantuan kepada peniaga muda; bimbingan perniagaan kepada belia, bantuan anak ke nurseri RM75 sebulan/orang, bantuan anak pra sekolah RM50 sebulan/orang, bantuan mendirikan rumah tangga, elaun ibu tunggal, elaun khas suri rumah dan bantuan memiliki kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam menghadapi krisis ekonomi global.

Kedua : Mempertingkatkan hasil pendapatan negeri

Kerajaan Negeri juga berusaha untuk mempertingkatkan hasil pendapatan negeri menerusi peningkatan royalti bahan batuan. Kerajaan Negeri menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB) yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Selain itu, bagi meningkatkan pendapatan, Kerajaan Negeri akan membuat Kajian Semula Kadar Caj Abstraksi Air Mentah, yang selaras dengan kenaikan kadar tarif air berawat. Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan Perlesenan Bahan Pencemar (*Effluent Discharge*) dan pelaksanaan Konsep “*Let Polluters Pay!*” sebagai satu usaha menangani pencemaran dan dalam masa yang sama memberi hasil kepada Kerajaan Negeri.

Ketiga : Memperkasa modal insan

Strategi ketiga dalam perancangan Bajet 2009, iaitu usaha Kerajaan Negeri bagi membangunkan modal insan. Kerajaan Negeri akan menyediakan peluang pendidikan dan juga latihan kepada rakyat Selangor sebagai satu usaha untuk menghadapi krisis ekonomi di mana rakyat boleh berdikari dan menyiapkan diri untuk menceburi bidang perniagaan ataupun sektor-sektor lain seperti pertanian dan sebagainya.

Keempat : Menguruskan perbelanjaan dengan cekap

Menerusi pengurusan perbelanjaan yang cekap, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan budaya perbelanjaan berhemat dengan memastikan semua perbelanjaan dibuat secara lebih berhati-hati berdasarkan prinsip *value for money* bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dalam pentadbiran Kerajaan Selangor.

Kelima : Memantapkan pembangunan negeri Selangor

Walaupun krisis ekonomi melanda, pembangunan negeri Selangor tetap diteruskan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM 710 juta bagi projek-projek pembangunan. Ini bagi memastikan ekonomi Negeri Selangor dapat terus dijana dan memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Selangor khususnya.

Kerajaan Negeri Selangor juga sedar bahawa sebagai sebuah ekonomi yang bergantung kepada sektor perindustrian dan pembuatan, ekonomi negeri Selangor sangat sensitif kepada kesan kemelesetan ekonomi global. Kemelesetan ekonomi yang sedang berlaku sekarang telah menyebabkan sebahagian rakyat hilang pekerjaan. Lantaran itu, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja Negeri Selangor yang dianggotai oleh semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Jawatankuasa ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai segala bentuk bantuan yang disediakan oleh jabatan/ agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta kaedah pengagihannya kepada rakyat. Ia melibatkan jabatan/ agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan agensi-agensi latihan.

- b) Kerajaan Negeri tidak merancang untuk mengurangkan cukai pintu rumah kediaman dan cukai premis komersial dalam tempoh waktu sekarang. Pendapatan daripada hasil cukai amat penting dalam meningkatkan pendapatan hasil negeri dan pada masa yang sama akan digunakan untuk menjana ekonomi Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sedang melaksanakan pelbagai program dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam menangani kegawatan ekonomi.

Kaunter pendaftaran khas telah disediakan bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan sama ada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain

Selain itu, program pembasmian kemiskinan bandar juga telah dilaksanakan di mana sebanyak 7, 924 rumah perumahan rakyat dan *Council Homes* telah disediakan untuk mereka yang layak.

- c) Elaun ibu tunggal serta elaun khas suri rumah akan dilaksanakan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bagi Fasa yang keempat yang dijadualkan untuk dilaksanakan dalam tempoh Julai hingga Disember 2009. Program ini masih di peringkat kajian dan cadangan pelaksanaan.

Kerajaan Negeri masih lagi belum memutuskan bentuk elaun yang akan diberikan itu dan perbincangan mengenainya sedang dibuat. Elaun tersebut tidak semestinya berbentuk peruntukan kewangan bulanan dan sebagainya, tapi mungkin dalam bentuk yang lebih kreatif dan seimbang.

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah Peraturan Tetap 23(q)).**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

72. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah permohonan bantuan bulanan yang ditolak di seluruh Negeri Selangor dan nyatakan mengapa begitu banyak permohonan tersebut ditolak?
- b) Nyatakan jenis permohonan yang sering ditolak dan apakah kesilapan yang sering dilakukan semasa proses permohonan ?
- c) Kenapa layanan kepada sokongan pejabat ADUN Kerajaan Negeri lembap berbanding layanan JKM kepada sokongan ADUN luar kerajaan negeri sedangkan semua pihak membantu rakyat?

JAWAPAN :

- a) Daripada 20,359 permohonan yang diterima sebanyak 2350 permohonan bantuan telah ditolak bagi tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2008 untuk Negeri Selangor. Dan sebab-sebab yang menyebabkan permohonan tersebut ditolak adalah seperti berikut :
 - Kes yang dirujuk tidak lengkap; terutama nama dan alamat kes yang dirujuk tidak dapat dikesan atau pemohon langsung tidak dikenali oleh penduduk kawasan sekitar.
 - Permohonan bantuan ditolak sekiranya didapati pemohon tidak memenuhi syarat asas kelayakan, iaitu ; Warganegara Malaysia Pendapatan isi rumah tidak melebihi dari Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan mereka yang tidak berkemampuan
- b) Permohonan hanya akan ditolak selepas siasatan dijalankan dan hasil siasatan tersebut mendapati pemohon tidak layak untuk disyorkan mana-mana bantuan dari JKM.
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : EKONOMI GLOBAL

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Suasana ekonomi global yang tidak menentu menuntut Kerajaan Negeri untuk lebih berhemah dalam berbelanja tetapi itu tidak bermakna kebajikan rakyat diketepikan. Jelaskan strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan rakyat tidak terabai walaupun dilanda masalah ekonomi yang tidak menentu sekarang.

JAWAPAN :

- a) Suasana ekonomi global yang tidak menentu akibat kelembapan ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, negara-negara Eropah, Jepun dan China menuntut Kerajaan Negeri untuk lebih berhemah dalam berbelanja dan lebih mementingkan perbelanjaan yang boleh meningkatkan kebajikan dan pembangunan kualiti hidup rakyat. Sehubungan dengan itu kerajaan negeri melalui 5 strategi bajet 2009 telah menumpukan pembangunan ekonomi negeri Selangor khusus untuk meringankan beban rakyat Selangor dalam menghadapi kelembapan ekonomi. 5 strategi bajet yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- i) Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)
- ii) Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri;
- iii) Memperkasa Modal Insan;
- iv) Mengurus Perbelanjaan Yang Cepak; dan
- v) Memantapkan pembangunan negeri Selangor.

Justeru itu, kerajaan negeri telah menyediakan satu bajet yang seimbang bagi merangsang ekonomi dan memastikan kebajikan rakyat tidak terabai dengan menyediakan sejumlah RM710.6 juta peruntukan pembangunan bagi tahun 2009. Kerajaan negeri menyediakan pelbagai inisiatif melalui strategi yang ditetapkan iaitu:

I. Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) melalui inisiatif:

- i) Kebajikan Anak Selangor;
- ii) Meringankan Kos Sara Hidup;
- iii) Mengiktiraf Kecemerlangan;
- iv) Bantuan Kematian;
- v) Penerapan Budaya Usahawan; dan
- vi) Menyediakan Pusat Krisis Seheni (OSCC).

II. Memantapkan Pembangunan Negeri Selangor melalui inisiatif:

- i) Pembangunan dan peningkatan kualiti hidup;
- ii) Pengurusan perbandaran;
- iii) Perindustrian, pelaburan dan perdagangan;
- iv) Pembangunan sosioekonomi;
- v) Pembangunan pertanian;
- vi) Infrastruktur dan kemudahan awam;
- vii) Pembangunan Islam;
- viii) Pembangunan pelancongan;
- ix) Kebudayaan;
- x) Pembangunan ICT, Sains Teknologi dan Inovasi; dan
- xi) Pengurusan Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : PERTANIAN

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri, untuk menarik pelabur asing/tempatan secara besar-besaran dalam sektor pertanian?
- b) Apakah kemudahan-kemudahan yang dapat dinikmati oleh pekebun kecil daripada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Antara langkah-langkah dan strategi yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur asing/tempatan secara besar-besaran termasuk dalam sektor pertanian adalah seperti berikut:-
 - i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - iii) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - iv) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - v) Penambahbaikan fungsi SSIC Berhad bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - vi) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - vii) "Hand hold" program.
 - viii) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor.
 - ix) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.

Memandangkan keluasan tanah pertanian yang terhad di negeri ini, kita lebih menumpukan atau menggalakkan kepada industri yang boleh memberi nilai tambah kepada sektor pertanian, industri hiliran dan aktiviti perkilangan yang berasaskan pertanian.

- b) Pekebun kecil terutamanya dalam perladangan kelapa dapat menikmati beberapa kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Antaranya adalah:
- i) penanaman semula pokok kelapa yang sudah tidak produktif lagi kepada jenis kelapa yang boleh menghasilkan pendapatan yang baik.
 - ii) Pemulihan semula kawasan kelapa yang masih boleh mengeluarkan hasil yang baik.
 - iii) Program tanaman selingan di dalam kawasan kelapa dengan tanaman selingan seperti herba, sayuran dan juga koko.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : BANTUAN KEMATIAN WARGA EMAS RAKYAT SELANGOR

75. Isu mengenai wang sejumlah RM2,500.00 yang diberikan kepada waris sekiranya berlaku kematian warga emas rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kriteria / syarat untuk permohonan / tempat dan alamat untuk memohon dan lain - lain yang berkaitan kerana rakyat tidak jelas dengan bantuan ini.

JAWAPAN:

- a) Syarat-syarat bagi permohonan Skim Mesra Usia Emas adalah seperti berikut:

*“Warganegara Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas **DAN***

- i) Lahir dan sedang menetap di Negeri Selangor; **ATAU**
- ii) Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) sebelum 1 Februari 1974 dan sedang menetap di Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ; **ATAU**
- iii) Telah bermastautin di Negeri Selangor sekurang-kurangnya 15 tahun.

Borang permohonan skim ini boleh didapati di semua pejabat khidmat DUN masing-masing dan borang permohonan tersebut perlu diserahkan semula kepada pejabat tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : MASALAH KEKURANGAN AIR

76. Masalah kekurangan air sering menjadi masalah kepada para pesawah di kawasan Sungai Besar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kekurangan air khususnya sewaktu musim menanam bagi pesawah di Sungai Besar.
- b) Jika langkah-langkah tersebut telah diambil apakah kaedahnya dan bagaimana kesannya, jika belum bilakah akan dilaksanakan dan jika tiada langkah mengatasi kekurangan air tersebut mengapa?

JAWAPAN :

a & b) **JAWAPAN JABATAN PERTANIAN**

Dalam Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor dari 5.1 tan/ha kepada 7.5 tan/ha, pengurusan sumber air adalah diberikan tumpuan yang khusus. Semua bentuk pengurusan yang cekap dirancang dan dilaksanakan melalui J/K Kerja diperingkat kawasan. J/K tersebut dianggotai oleh Jabatan Pertanian, JPS, PPK, Ketua Kampung, Ketua Blok dan juga Ketua Badan Pengurusan Berpusat. Antara aspek yang diberikan penumpuan khas adalah pengawalan air bersepadu di sawah dan juga peningkatan kemahiran pengurusan air.

a&b) **JAWAPAN DARIPADA JPS**

Masalah kekurangan air biasanya berpunca daripada dua faktor iaitu faktor yang pertama ialah daripada punca air Sg. Bernam, yang mana apabila tiba musim kemarau, kuantiti air yang masuk ke terusan utama tidak mencukupi untuk membekalkan air hingga ke terusan tersier. Faktor kedua pula ialah kecekapan sistem di mana berlaku resapan dan kehilangan air di beberapa kawasan di sepanjang terusan utama hingga ke tersier.

Bagi tempoh jangka pendek, masalah kekurangan air ini akan ditangani melalui empat strategi. Strategi pertama ialah program kitar semula air sawah. Paras air di dalam parit pembuang akan dikawal supaya ia dapat membantu petani mengepam semula air ke dalam petak sawah mereka bagi mendapatkan bekalan air yang mencukupi. Cara ini telah dapat mengurangkan masalah kepada petani terutama kepada petani yang berada di hujung tali air. Projek ini sedang di dalam peringkat pelaksanaan yang mana tender telah dipanggil pada bulan November 2008 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2009.

Strategi kedua pula ialah melebarkan dan mendalamkan terusan utama dengan mengorek mendapan di dalam terusan tersebut. Dengan cara ini, jumlah kapasiti di dalam terusan dapat ditingkatkan dan bekalan air ini dapat menampung keperluan air hingga ke peringkat terusan tersier. Kerja-kerja

pengorekan mendapan di terusan utama ini dijangka akan dipanggil tender pada bulan Jun 2009

Strategi ketiga pula ialah dengan menjalankan kerja-kerja membaikpulih dan menyelenggara palong-palong yang rosak, bocor, senget dan sebagainya supaya kadar resapan dan kehilangan air dapat diminimakan. Biasanya kerja-kerja baikpulih ini akan dilaksanakan semasa luar waktu musim pengairan iaitu di dalam bulan Mei hingga Jun dan November hingga Disember.

Strategi keempat pula ialah dengan membaiki dan menaiktaraf ban-ban disepanjang terusan utama yang mana ini juga dapat menyumbang kepada peningkatan kapasiti air di dalam terusan utama. Projek ini akan dipanggil tender pada bulan April 2009.

Manakala bagi tempoh jangka panjang pula, masalah ini akan ditangani dengan empat strategi juga iaitu strategi pertama ialah pembinaan kolam takungan di kawasan Hutan Simpan Paya Bakau Tanjong Karang seluas 5000 ha dengan ketinggian 2 meter. Kolam ini dijangka dapat menampung sejumlah 100 juta meter padu air dan dapat membantu membekalkan air terutama ketika musim kemarau dan punca air dari Sg. Bernam tidak mencukupi. Buat masa ini, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menjalankan kajian kemungkinan bagi pelaksanaan projek ini.

Strategi kedua pula ialah telaga air bumi iaitu di mana sebelum telaga ini digali, satu ujian resistiviti bagi menentukan lokasi air di bawah permukaan bumi dijalankan. Kemudian satu telaga yang mempunyai kedalaman maksima sehingga 100 meter dengan diameter paipnya adalah 8 inci akan dibina untuk mengepam keluar air bumi tersebut. Cara ini dapat membantu mengatasi masalah kekurangan air permukaan. Projek ini dijangka akan dimohon dalam program tahun 2010.

Strategi ketiga ialah dengan membina struktur kawalan tambahan yang mana lokasi-lokasi yang dipilih mempunyai impak yang besar apabila projek ini siap dibina. Dengan cara ini, petani-petani di setiap blok akan mematuhi jadual pengagihan air seperti yang telah ditetapkan dan sekaligus mengurangkan masalah kekurangan air. Salah satu projek ini telah hampir siap pembinaannya iaitu di kawasan Parit 9 dan dijangka siap pada bulan Mac 2009 ini.

Strategi keempat pula ialah menggantikan palong-palong yang lama dan uzur yang mana palong-palong ini telah berusia hampir 30 tahun. Palong ini akan digantikan dengan palong yang berbentuk segiempat dan mempunyai rekabentuk yang cukup bagi menampung keperluan air mengikut kaedah penanaman terkini. Projek ini dibuat secara berperingkat-peringkat dan ada juga di setengah-setengah tempat telah pun siap pembinaannya. Projek ini dijangka akan siap dan lengkap dalam tempoh dua tahun di bawah Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : TANAH RUNTUH DAN MEMBAIKPULIH CERUN-CERUN BUKIT

77. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Berapa banyak kes tanah runtuh yang telah dilaporkan kepada setiap PBT, bilakah laporan-laporan itu dibuat dan di manakah lokasi kes-kes yang berkenaan?
- b) Berapakah kes yang telah ditangani dan sila senaraikan kawasan-kawasan yang sudah dibaikpulih?
- c) Berapakah kes-kes membaik pulih cerun yang merupakan tanggungjawab kerajaan negeri dan sila nyatakan jumlah kos yang terlibat?

JAWAPAN :

- a&b) Jumlah keseluruhan bagi kes tanah runtuh yang telah dilaporkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Selangor adalah sebanyak **92 kes** dan kawasan tanah runtuh tersebut telah pun dibaik pulih serta ditangani. Berikut adalah perincian bagi lokasi tanah runtuh berserta tahun kejadian dan status pembaikpulihan.
- c) Berdasarkan laporan yang diterima, hanya **3 kes tanah runtuh** adalah merupakan **tanggungjawab Kerajaan Negeri** untuk dibaik pulih di mana dua (2) kes berada di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang manakala satu (1) kes di kawasan Majlis Perbandaran Selayang. Jumlah kos yang terlibat bagi ketiga-tiga kawasan berkenaan adalah sejumlah **RM 2,046,754.59**.

LAMPIRAN A

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | JUMLAH KES TANAH RUNTUH |
|---------------------------|--------------------------------|------------------------------------|
| 1 | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM | 6 |
| 2 | MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA | 1 |
| 3 | MAJLIS PERBANDARAN KLANG | - |
| 4 | MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA | 10 |
| 5 | MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA | 14 |
| 6 | MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 4 |
| 7 | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | 54 |
| 8 | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG | - |
| 9 | MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR | 3 |
| 10 | MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR | - |
| 11 | MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT | - |
| 12 | MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 92 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS | TINDAKAN C |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| | | | PEMBAIKAN DAN STATUS | KOS (RM) |
| 1 | MPS | | | |
| 1 | Jln. Desa 3/7 dan desa 6/2 Bandar Country Home | | Siap dibaiki akhir 2008 melalui peruntukan Kerajaan Negeri. | 1,846,754 |
| 2 | MPKj | | | |
| 2 | Lorong Belakang Jalan 7, Taman Bukit Kajang Baru, Kajang. | 2008 | Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Tanah Runtuh (Peruntukan Kerajaan Negeri) | 200,000. |
| 3 | Lorong Belakang Jalan Jasmin 10, Taman Jasmin Kajang Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan. | 2008 | Kerja-Kerja Kecemasan Membina Tanah Yang Runtuh (Peruntukan Kerajaan Negeri) | 195,700. |
| JUMLAH | | | | 2,046,754 |

LAMPIRAN A

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|-----------------------------------------------------------------|-------------------------|-------------------------------|------------------------------------------------------|
| a. | MBSA | | | |
| 1 | Kawasan Hijau (Belakang rumah Jln 3/2 | Feb-05 | Tembok krib/ konkrit | 750,000.00 |
| 2 | Kawasan hijau Kampung Subang Tambahan-Jalan U5/149) | Jan-06 | Gabian | Pemaju |
| 3 | Cerun rumah 5 Jln.8/22 | Feb-06 | Tembok konkrit | Pemilik tanggung |
| 4 | Kawasan hijau belakang rumah No.15 Jln. 8/21 | Jun-06 | Cerucuk keping/konkrit | SP Setia membayar ganti rugi kepada pemilik rumah |
| 5 | Kawasan Hijau (Belakang rumah Jln 13/2 | Dis 2008 | Wire Mesh protection | 750,000.00 |
| 6 | Tebing tanah Kampung Subang Tambahan-Persiaran Kosmos Sek.15 | Ogos 2008 | Nil wall panel block konkrit | 650,455.00 |
| JUMLAH | | | | 2,150,455.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|-------------------------------|-----------------------------|
| b. | MBPJ | | | |
| 1 | Tapak pembinaan projek cadangan pembinaan bercampur Fasa 3 di atas Lot PT 31431 Jalan PJU 8/1 PJ untuk Tetuan Saujana Tringle Bhd | 18 Disember 2008 | Telah dibaikpulih | Tetuan Saujana Triangle Bhd |
| JUMLAH | | | | - |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|-----|-------------------------|-------------------------------|-----------------------------|
| c. | MPK | Tiada Kes Tanah Runtuh | | |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|-----------------------------------------------|-------------------------|--------------------------------------------|-----------------------------|
| d. | MPAJ | | | |
| 1 | Pangsapuri Mutiara Court, Taman Bukit Permai. | 6-Feb-06 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | 295,980.00 |
| 2 | Kampung Pasir, Taman Zoo View, Hulu Kelang. | 31-Mei-06 | Penstabilan kekal telah siap dilaksanakan | - |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------|----------------------|---------------------------------------------|--------------------------|
| 3 | Jalan Klang Gate, Hulu Kelang. | 29-Dis-07 | Penstabilan kekal telah siap dilaksanakan | 200,000.00 |
| 4 | Jalan Saidina Abu Bakar, Kampung Bukit Sungai Seputih, Lembah Jaya Utara. | 19-Jan-07 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | - |
| 5 | Jalan Bukit Permai Utama, Taman Bukit Permai, Ampang, Selangor. | 22-Mac-08 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | 142,638.34 |
| 6 | Pangsapuri Mutiara Court, Taman Bukit Permai. | 6-Apr-08 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | 227,040.72 |
| 7 | Wangsa Height Kondominium, Bukit Antarabangsa. | 23-Apr-08 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | 163,491.04 |
| 8 | Jalan Bukit Permai Utama, Taman Bukit Permai, Ampang, Selangor. | 28-Ogos-08 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | 142,638.34 |
| 9 | Pangsapuri Mutiara Court, Taman Bukit Permai. | 22-Sep-08 | Penstabilan kekal masih belum dilaksanakan | 230,000.00 |
| 10 | Jalan Wangsa 9, Taman Wangsa Ukay, Bukit Antarabangsa. | 6-Dis-08 | Sedang dilaksanakan kerja-kerja penstabilan | - |
| JUMLAH | | | | 1,401,788.44 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|------------------------------------------------------------------|----------------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| e. | MPSJ | | | |
| 1 | Jalan Kasawari 7, Bandar Puchong Jaya, Puchong (belakang rumah). | 2006 | Kerja-kerja pembaikan oleh pihak pemaju telah selesai | Pilihan Megah S/B |
| 2 | BS 11, Bukit Serdang, Seri Kembangan | 2006 | Kerja-kerja pembaikan oleh pihak pemaju telah selesai | LBS Bina Holding |
| 3 | Apartment Lafite, SS 17, Subang Jaya. | 2007 | Kerja – kerja pembaikan oleh pihak pemaju sedang dijalankan di tapak | Sime Darby Property |
| 4 | Apartment Sri Pinang, BS 3, Bukit Serdang, Seri Kembangan | 2007 | Kerja-kerja pembaikan oleh pihak pemaju telah selesai | Bukit Ikhlas Development |
| 5 | Taman Tenaga, Puchong | 2007 | Kerja-kerja pembaikan telah selesai | SYABAS |
| 6 | Taman Bukit Kuchai, Puchong | 2007 | Kerja-kerja sedang dijalankan. | SYABAS |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|---------------------------------------------|----------------------|--------------------------------------|--------------------------|
| 7 | Jalan BS 6/7, Bukit Serdang, Seri Kembangan | 2008 | Kerja-kerja pembaikan telah selesai. | MPSJ |
| 8 | Taman Universiti Indah, Seri Kembangan | 2008 | Kerja-kerja pembaikan telah selesai. | MPSJ |
| 9 | Taman Perindustrian Puchong Utama, Puchong | 2008 | Kerja-kerja pembaikan telah selesai. | MPSJ |
| 10 | Jalan Bayan, Bandar Puchong Jaya, Puchong | 2008 | Dalam tindakan pihak pemaju. | Citrasama Sdn. Bhd. |
| 11 | Taman Universiti Indah, Seri Kembangan | 2009 | Dalam proses perlantikan kontraktor. | MPSJ |
| 12 | SK2, Seri Kembangan | 2009 | Dalam proses perlantikan kontraktor. | MPSJ |
| 13 | Jalan PUJ 7, Taman Puncak Jalil | 2009 | Dalam tindakan pihak pemaju. | Maxisegar Sdn. Bhd. |
| 14 | Jalan PUJ 6/10, Taman Puncak Jalil | 2009 | Dalam tindakan pihak pemaju. | Maxisegar Sdn. Bhd. |
| JUMLAH | | | | - |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|------------------------------------------------|-------------------------|-------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| f. | MPS | | | |
| 1 | Jln. Desa 3/7 dan desa 6/2 Bandar Country Home | | Siap dibaiki akhir 2008 melalui peruntukan Kerajaan Negeri. | 1,846,754.59 |
| 2 | Lot 7503, Bukit Lela Gombak | | Dalam tindakan kontraktor melalui peruntukan MPS. | 19,650.00 |
| 3 | Jalan Utama Bandar Country Home. | | Siap diperbaiki Januari 2009 melalui peruntukan MPS. | 180,680.00 |
| 4 | Bandar Baru Selayang | | Dalam tindakan pemborong melalui peruntukan MPS. | 30,000.00 |
| JUMLAH | | | | 2,077,084.59 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|----------------------------------|-------------------------|----------------------------------------|-----------------------------|
| g. | MPKj | | | |
| 1 | Jalan TKC 2/4, Taman Kota Cheras | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 41,140.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|----------------------------------------------------------------|----------------------|------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| 2 | Jalan Sri Jelok 1, Taman Sri Jelok Kajang. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh Dan Membina Dinding Batu-batu Garbion | 177,390.00 |
| 3 | Jalan II, Taman Damai Jaya, Cheras. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh, Membina Dinding Batu-Batu Garbion | 72,700.00 |
| 4 | Belakang Kilang No.18 Jalan P1 Kawasan Perindustrian Balakong. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 324,590.00 |
| 5 | Tepi Pagar Rumah Yang Dipertua MPKj | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh Dan Membina Dinding Batu-Batu garbion | 85,697.00 |
| 6 | Tepi Jalan Masuk Ke Taman Bukit Belimbing. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 85,697.00 |
| 7 | Tepi Rumah Pangsa Blok M Taman Desa Mutiara, Sg. Jeloki Kajang | 2005 | Segera Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 18,746.00 |
| 8 | Belakang Jalan CU9 Taman Cheras Utama, Cheras. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 84,695.00 |
| 9 | Jalan Dahlia Taman Bukit Belimbing, Balakong Cheras. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 258,843.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|-----------------------------------------------------------------|----------------------|-----------------------------------------------|--------------------------|
| 10 | Belakang Kilang No.18 Jalan P1, Kawasan Perindustrian Balakong. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 431,044.20 |
| 11 | Jalan Cheras Jaya 14, Taman Cheras Jaya | 2005 | Membaiki Cerun Dan Longkang | 17,509.00 |
| 12 | Jalan Dahlia Taman Bukit Belimbing, Balakong Cheras. | 2005 | Segera Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 718,407.00 |
| 13 | Belakang Jalan CU9, Taman Cheras Utama Cheras. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 431,405.00 |
| 14 | Belakang Kilang No.18 Jalan P1 Kawasan Perindustrian Balakong. | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 375,925.00 |
| 15 | Tepi Jalan Masuk Ke Taman Bukit Belimbing | 2005 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 18,746.00 |
| 16 | Tepi Jalan Mas 2, Taman Cheras Mas, Cheras. | 2006 | Membaiki Cerun Yang Runtuh | 17,525.00 |
| 17 | Taman Cheras Awana | 2006 | Membaiki Semula Cerun Runtuh | 11,200.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|------------------------------------------------------|--------------------------|
| 18 | Berhampiran Jln Bahagia 32, Taman Seri Bahagia, Cheras. | 2006 | Membekal Dan Membina Tembok Batu Tunam Dalam Sangkar | 160,850.00 |
| 19 | Jalan Alam Jaya 1, Taman Alam Jaya, Cheras Serta | 2006 | Membekal Dan Membina Tembok Batu Dalam Sangkar | 41,250.00 |
| 20 | Jalan Cheras Awana 14 Serta | 2006 | Membina Dinding Konkrit Bagi Membaiki Tanah Runtuh | 19,000.00 |
| 21 | Jalan SL 7/4, Bandar Sungai Long Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Denganya. | 2006 | Dinding Konkrit Bagi Membaiki Tanah Runtuh | 18,525.00 |
| 22 | Jalan Karun Mas 14, Taman Desa Karun Mas, Balakong. | 2006 | Membina Longkang Dan Cerun Yang Runtuh | 19,995.00 |
| 23 | Jalan 1/6, Taman Juara Jaya, Balakong. | 2006 | Membina Semula Cerun Yang Runtuh | 29,300.00 |
| 24 | Berhadapan Jalan Masuk Ke Pangsapuri Cemara, Taman Kajang Utama Kajang. | 2006 | Kerja-Kerja Membina Tanah Runtuh | 24,000.00 |
| 25 | Tepi Rumah No.12, Jalan Baru 12, Taman Bukit Kajang Baru, Kajang Dan Kawasan Sekitarnya. | 2006 | Membina Tanah Runtuh | 199,840.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|----------------------------------------------------|--------------------------|
| 26 | Jalan P2/1, Bandar Teknologi Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya. | 2006 | Membina Dinding Konkrit Bagi Membaiki Tanah Runtuh | 76,184.00 |
| 27 | Lorong Belakang Jalan 4/12P Seksyen 4 Tambahan Bandar Baru Bangi | 2006 | Membaiki Lereng Yang Runtuh | 70,650.00 |
| 28 | Kawasan Zon Penampian Di Sek. 13, Bangi Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya. | 2007 | Membaiki Cerun Runtuh | 133,660.00 |
| 29 | Belakang Lot Kedai Jalan P1, Kg. Baru Balakong. | 2007 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 166,070.00 |
| 30 | Kilang Nichicon, Seksyen 10, Bandar Baru Bangi. | 2007 | Membaiki Cerun Yang Mendap | 17,180.00 |
| 31 | Belakang Lot Kedai Jalan P1, Kg. Baru Balakong. | 2007 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 199,600.00 |
| 32 | Jalan Sekamat Jaya 4, Tmn Sekamat Jaya, kajang & Kerja-Kerja yg Bersangkutan Denganya | 2007 | Memperbaiki Longkang & Tanah Runtuh | 83,818.00 |
| 33 | Belakang Lot Kedai Jalan P1, Kg. Baru Balakong. | 2007 | Membina Semula Cerun Tanah Yang Runtuh | 149,000.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------|
| 34 | Belakang Sub-Station TNB Di Jalan CU9, Taman Cheras Utama, Cheras | 2007 | Kerja-Kerja Kecemasan Membina Tebing Tanah Yang Runtuh | 944,128.00 |
| 35 | Jalan 3/2, Bandar Damai Perdana Cheras dan Kerja-Kerja yang Berkaitan. | 2007 | Membina tebing Tanah Yang Runtuh | 19,559.00 |
| 36 | Kg. Baru Balakong | 2007 | Memasang Sheet Pile Di Tepi Cerun yang Runtuh | 199,500.00 |
| 37 | Tepi Rumah Pangsa blok M Tmn Desa Mutiara Sungai Jelok, Kajang. | 2007 | Membina Dinding Batu Garbion | 67,960.00 |
| 38 | Kilang Nichicon Seksyen 10 Bandar Baru Bangi. | 2007 | Mbaiki Cerun Yang Mendap | 19,250.00 |
| 39 | Hujung Jalan Bukit Mewah 35 Taman Bukit Mewah Bersempadan Dengan Kawasan kolam Air Taman Kajang Baru Kajang. | 2007 | Membina Dinding Batu Garbion | 89,280.00 |
| 40 | Di No.27, jalan 1/3B, Seksyen 1, Bandar Baru Bangi | 2007 | Membina Dinding penahan Untuk Mengelakan Hakisan Tanah | 35,090.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|--------------------------------------------------------|--------------------------|
| 41 | Jalan Bangi Indah 7A Untuk | 2007 | Membina Dinding penahan Untuk Mengelakan Hakisan Tanah | 39,062.00 |
| 42 | Berdekatan Dengan Medan Selera Cheras Perdana Fasa 2, Jalan Suasana 5/2B, 4/3 Serta Jalan Suakasih 2/1, Jalan Seri Tanming 1D & Belakang Rumah No. 16 Jalan CP 3/20. | 2008 | Membina Semula Cerun Yang Runtuh | 16,710.00 |
| 43 | Kawasan Rumah Murah PKNS Batu ½, Semenyih Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya | 2008 | Membaiki Semula Tanah Runtuh | 60,720.00 |
| 44 | Tepi Balai Raya Taman Perkasa, Hulu Langat | 2008 | Membaiki Semula Tanah Runtuh | 16,551.00 |
| 45 | Belakang Rumah Di Jalan Kesuma, Taman Bukit Belimbing. | 2008 | Membaiki Hakisan Cerun | 12,030.00 |
| 46 | Belakang Rumah No. 71 Jalan Baiduri 1, Taman Desa Baiduri, Cheras. | 2008 | Membaiki Cerun Yang Runtuh | 19,400.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| 47 | Di Jalan CP 2/16, Taman Cheras Perdana, Cheras. | 2008 | Membina Semula Cerun Yang Runtuh | 179,920.00 |
| 52 | Lot 511, Taman Bangi Indah, Pekan Bangi | 2008 | Membina Benteng Penahan Bagi Mengelak Daripada Tanah Runtuh | 42,975.00 |
| 53 | Lorong Belakang Jalan 7, Taman Bukit Kajang Baru, Kajang. | 2008 | Kerja-Kerja Kecemasan Membaiki Tanah Runtuh (Peruntukan Kerajaan Negeri) | 200,000.00 |
| 54 | lorong Belakang Jalan Jasmin 10, Taman Jasmin Kajang Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan. | 2008 | Kerja-Kerja Kecemasan Membina Tanah Yang Runtuh (Peruntukan Kerajaan Negeri) | 195,700.00 |
| JUMLAH | | | | 6,542,316.20 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|-------|-------------------------|-------------------------------|-----------------------------|
| h. | MPSpg | | Tiada Kes Tanah Runtuh | |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|---------------|----------------------------------------------------------------------|-------------------------|------------------------------------------|-----------------------------|
| i. | MDKS | | | |
| 1 | Taman Sentosa 1, Bestari Jaya | 2006 | Telah siap di baikpulih | Pihak Pemaju |
| 2 | Lorong Gugusan alam 7/20 dan 7/7, Taman Alam Fasa 2B, Puncak Alam | 2006 | Telah siap di baikpulih | Pihak Pemaju |
| 3 | Belakang Perumahan Jalan Melor 1/5, Sungai Buloh Cauntry Resort | 2008 | Kerja-kerja baikpulih oleh kontraktor | 30,000.00 |
| JUMLAH | | | | 30,000.00 |

| BIL | PBT | BULAN/TAHUN KEJADIAN | JENIS PEMBAIKAN DAN STATUS | TINDAKAN OLEH / KOS (RM) |
|-----|------|-------------------------|-------------------------------|-----------------------------|
| j. | MDHS | | Tiada Kes Tanah Runtuh | |
| k. | MDKL | | Tiada Kes Tanah Runtuh | |
| l. | MDSB | | Tiada Kes Tanah Runtuh | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : UNISEL

78. Baru- baru ini bekalan air kepada Asrama Pelajar di kampus Utama UNISEL Bertari Jaya telah terputus. Tidakkah tangki bekalan air, *sub-station* dan loji kumbahan sepatutnya diserahkan oleh syarikat perunding dan kontraktor kepada institusi yang bertanggungjawab untuk mengendalikan utiliti ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sebenarnya berlaku?
- b) Apakah jaminan dari pihak UNISEL perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi?

JAWAPAN :

- a) Apa yang berlaku adalah pelajar di Asrama Jana niaga UNISEL yang menempatkan 5,000 pelajar terputus bekalan air untuk selama lebih kurang 12 jam.

Ini adalah akibat daripada Arkitek perunding utama (FI Architects) pembinaan kampus induk UNISEL di Bistari Jaya, tidak menyerahkan tangki bekalan air kepada pihak berwajib (Syabas) untuk Syabas kendalikan.

PENJELASAN

**ISU PENYERAHAN TANGKI AIR BEKALAN AIR OLEH FI ARCHITECTS
(SERTA SUB-STESEN ELETRIK DAN LOJI KUMBAHAN UNISEL)**

A1. PENDAHULUAN

Kontrak pembinaan kampus induk Unisel Bestari Jaya adalah di antara tahun 1999 hingga tahun 2004, dengan:

- **FI Architects**: Perunding utama
- **Lebar Daun Construction Sdn. Bhd**: Bangunan dan Peralatan, termasuk M&E.
- **Perwira Bintang Holdings Sdn. Bhd**: Infra Struktur, termasuk jalan, kumbahan.

Pada Jun 2005, serah kunci dibuat, dan kampus Bestari Jaya mula diduduki. Pada masa itu Sijil Siap Kerja (CPC) belum diperolehi. Tiga utiliti utama masih belum diserahkan oleh Perunding Utama kepada agensi terbabit. Tiga utiliti utama itu adalah:

- i) Tangki dan Sistem Bekalan Air: Sepatutnya diserahkan kepada Syabas.
- ii) Sub-station 11KVA (9 buah): Sepatutnya diserahkan kepada TNB.
- iii) Loji Kumbahan: Sepatutnya diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP).

Selepas diserahkan, segala penyelenggaraan dan operasi utiliti ini akan menjadi tanggungjawab institusi yang terlibat (TNB, JPP, dan Syabas).

A2. ISU UTAMA

Pada September 2007 (selepas dua tahun menduduki kampus ini) barulah CF bersyarat dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor. Di antara syarat yang dikenakan adalah perlunya pembaik pulih, dan penyelenggaraan tiga utiliti utama ini. Penyelenggaraan dan pembaik pulih peralatan yang berkaitan utiliti ini tidak dijalankan oleh institusi yang berkaitan (TNB, JPP dan Syabas) kerana utiliti ini masih belum diserahkan kepada mereka;

Isu-utama yang berkaitan dengan penyerahan tiga utiliti utama ini adalah:

- i) Sehingga kini ketiga-tiga utiliti ini masih tidak diserahkan kepada institusi berkaitan.
- ii) Perunding Utama yang sepatutnya bertanggung jawab untuk penyerahan ini, tidak menyerahkan utiliti-utiliti ini.
- iii) Kampus Bestari Jaya tidak sepatutnya digunakan sebelum mendapat CPC (Sijil Siap Projek).

Akibatnya;

- a) Dua kali pembayaran perlu dijelaskan:
 - i) Bayaran penyelenggaraan dan pembaik pulih dan,
 - ii) Bayaran utiliti (air dan elektrik).
- b) Ke tidak tentuan terhadap pihak mana yang bertanggungjawab (Sama ada Syarikat Perunding Utama atau Unisel) untuk membayar elektrik untuk pam air, dan membaiki peralatan seperti pam air dan sub-station). Akibatnya berlakulah masalah seperti gangguan bekalan air baru-baru ini. Bil elektrik masih dialamatkan kepada syarikat kontraktor yang membina Sistem tangki dan bekalan air (Enuiroguard Engineering Sdn Bhd).
- c) Kemungkinan gangguan penggunaan yang lebih ketara atau mengambil masa yang lebih panjang, jika berlaku kerosakan kerana Perunding Utama Projek (FI Architects) atau Unisel tidak menyimpan alat-ganti yang mencukupi untuk membaiki kerosakan.

A3. MASALAH PENYERAHAN TIGA UTILITI INI

Masalah utama dalam penyerahan utiliti ini adalah:

- i) Tidak ada pelan dan perincian teknikal (as built) untuk tujuan rujukan dan seterusnya digunakan untuk penyerahan utiliti ini institusi terbabit.
 - ii) Terdapat kecacatan yang perlu diperbaiki (Misalnya seperti surat daripada Syabas kepada FI Architects bertarikh Julai 2006).
 - iii) Beberapa bahagian daripada utiliti ini dibina tidak mengikut spesifikasi seperti yang dikehendaki oleh institusi ini (seperti saiz paip pada sistem kumbahan).
 - iv) Keperluan perundangan seperti penyerahan tanah pada laluan paip masih belum diselesaikan oleh Perunding Utama.
 - v) Syarikat Perunding yang perlu memenuhi keperluan-keperluan institusi ini kerana merekalah yang mahir dalam soal ini.
- b) UNISEL tidak boleh memberikan jaminan yang insiden terputusnya bekalan air kepada asrama UNISEL tidak akan terjadi dalam masa terdekat. Bahkan terdapat juga risiko terputusnya bekalan elektrik kepada dewan-dewan kuliah di UNISEL untuk satu jangka masa yang lama (Mungkin melebihi daripada seminggu).

PENJELASAN

SELAGI UNISEL TIDAK DAPAT MENYERAHKAN UTILITI INI KEPADA PIHAK TERLIBAT SELAGI ITULAH RISIKO GANGGUAN BEKALAN AIR DAN ELETRIK SANGAT TINGGI. UNISEL TIDAK MEMPUNYAI ALAT GANTI YANG MENCUKUPI UNTUK MEMBAIKI SEBARANG KERUSAKAN DALAM MASA YANG SINGKAT.

Apa yang boleh lakukan adalah;

1. Mempercepatkan penyerahan utiliti-utiliti ini kepada pihak berwajib.

Segala cubaan untuk mendapatkan arkitek untuk menyelesaikan soal penyerahan utiliti utama ini kepada pihak berwajib tidak berjaya. Demi kepentingan kepada pelajar dan pengajaran, UNISEL mungkin terpaksa mendapatkan kontraktor lain untuk menyiapkan kerja ini sebagaimana yang dikehendaki oleh institusi ini. Dianggarkan kos tinggi dan jangka masa 12 bulan diperlukan.

2. Pembayaran bil elektrik untuk pengepaman air ke tangki air perlu diteruskan sehingga tangki ini diserahkan kepada Syabas.

UNISEL tidak sepatutnya membayar bil ini kerana UNISEL telah membayar bil air. Tetapi oleh kerana kontraktor pembinaan sistem tangki air ini tidak membayarnya, terpaksa UNISEL membayarnya. Kalau tidak bekalan elektrik kepada pam air ini akan diputuskan sekali lagi oleh TNB.

3. Bersedia untuk kerosakan kepada sub-stesen elektrik dan Pam pada tangki air.

UNISEL tidak mempunyai simpanan alat-ganti untuk sub-stesen dan pam air. UNISEL akan bersedia untuk menyewa generator untuk keadaan kecemasan andainya sub-stesen ini rosak. UNISEL juga terpaksa membeli sebuah pam air yang baru untuk menggantikan salah satu daripada dua pam air yang telah pun rosak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PERHENTIAN BAS BANDAR KLANG

79. Perhentian bas di Bandar Klang masih digunakan. Perhentian bas ini tidak mempunyai tempat yang cukup untuk bas berhenti dan sebahagian daripada pemandu bas tidak mematuhi peraturan. Ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut dan ia juga merupakan salah satu punca kesesakan jalan raya di Bandar Klang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pandangan kerajaan terhadap hal ini?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan negeri bersetuju operasi bas dipindahkan ke Terminal Bas Klang Sentral dan hentian bas lama ditukar untuk menjadi 'pick - up point' sahaja. Mulai dari 27 Disember 2008, hentian bas telah berpindah ke Terminal Bas Klang Sentral di Jalan Meru. Petak-petak yang disediakan adalah mencukupi jika syarikat bas mematuhi peraturan yang ditetapkan iaitu tidak menunggu terlalu lama di petak yang disediakan oleh bas-bas destinasi yang dibenarkan sahaja memasuki 'pick-up point' berkenaan.
- b) Langkah-langkah yang telah diambil adalah mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat bas berkenaan dan LPKP dan memastikan syarikat-syarikat bas mematuhi keputusan yang telah dibuat. Jika ada syarikat-syarikat bas yang ingkar, maka tindakan yang telah dan akan diambil adalah melalui penguat kuasa undang-undang yang ada iaitu:-
 - Mengeluarkan saman kerana menghalang lalu lintas
 - Meminta LPKP menggantung atau membatalkan lesen-lesen bas syarikat berkenaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : JUMLAH PELAJAR TAJAAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR KE LUAR NEGARA

80. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah pelajar anak Selangor ke luar negara yang mendapat bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor ?
 - b) Nyatakan jumlah pelajar ?
 - c) Berapa jumlah peruntukan yang telah/ akan dibelanjakan?
 - d) Nyatakan jumlah bilangan dan peratusan pelajar Selangor belajar ke Mesir, Iskandariah dan Jordan ?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelajar anak Selangor ke luar negara yang mendapat bantuan LZS

| Negara | Jumlah Penerima Tajaan Dermasiswa (orang) | % | Jumlah Penerima Bantuan Umum (orang) | Jumlah Keseluruhan |
|---------------|-------------------------------------------|------|--------------------------------------|--------------------|
| Mesir | 349 | 80.9 | 328 | 677 |
| Jordan | 43 | 10 | 19 | 62 |
| Morocco | 27 | 6.3 | 10 | 37 |
| Syria | 12 | 2.8 | 18 | 30 |
| Jumlah | 431 | 100 | 375 | 806 |

- b) Kadar bantuan bagi seorang pelajar dalam tempoh setahun:

| Negara | Tajaan (dermasiswa) / Bidang | | Bantuan Umum Pendidikan / Bidang | |
|----------------|-------------------------------|----------------------------------------------------------------|----------------------------------|-----------|
| | Pengajian Islam / Bahasa Arab | Perubatan | Pengajian Islam / Bahasa Arab | Perubatan |
| Mesir | RM 5,000 | RM 27,000 tahun 1 RM 17,000 bagi tahun 2 tahun hingga ke 6. | RM 2,500 | RM 5,000 |
| Jordan | RM 12,000 | Tiada | RM 5,000 | RM 5,000 |
| Morocco | RM 10,000 | Tiada | RM 5,000 | Tiada |
| Syria | RM 5,000 | Tiada | RM 2,500 | Tiada |

- c) Peruntukan yang telah / akan dibelanjakan

Peruntukan dermasiswa RM 7,225,000.00 tahun 2009.

Telah dibelanjakan pada tahun 2009 dari 1hb Januari 2009 sehingga 25hb Februari 2009 berjumlah RM 1,197,500.00 . Baki peruntukan 2009 RM 6,027,500.00.

Telah dibelanjakan sejak tahun 2006 hingga 2008 berjumlah RM 10,268,751.00.

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah Peraturan Tetap 23 (q)).**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM / PROJEK JABATAN PERTANIAN NEGERI

81. Negeri Selangor kini semakin hampir untuk merasai kesan kegawatan ekonomi yang melanda dunia. Kesannya sudah pasti akan berlaku pengangguran dan akhirnya aktiviti pertanian akan dipilih bagi membantu mendapatkan pendapatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan dan strategi Jabatan Pertanian Negeri bagi menyediakan ruang dan peluang kepada penganggur kesan kegawatan ekonomi di dalam sektor pertanian?
- b) Apakah program tanaman secara fertigasi boleh dijadikan satu pakej bantuan bagi membantu penganggur yang berminat di dalam memajukan pertanian?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Pertanian mempunyai beberapa program yang dapat membantu bagi sesiapa yang berminat untuk menceburi di dalam bidang pemprosesan makanan. Bidang pemprosesan adalah sesuai untuk membantu memberi ruang dan peluang kepada penganggur kerana operasinya yang lebih cepat dan tidak memerlukan pengetahuan teknikal yang tinggi. Ruang pasaran juga adalah baik kerana kedudukan di sekitar Lembah Kelang.
- b) Pakej pertanian secara fertigasi adalah kurang sesuai untuk dijadikan pakej bantuan bagi golongan menganggur. Ini adalah kerana pengetahuan teknikal yang tinggi perlu dipelajari duahulu oleh pengusaha. Kos penanaman secara fertigasi juga adalah tinggi dan hanya sesuai bagi tanaman bernilai tinggi. Jabatan Pertanian memberikan khidmat nasihat dalam usaha pertrnian kecila-kecilan seperti didalamj Program Bumi Hijau dimana ia dapat membantu dalam penjimatan belanja harian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBESARAN SUNGAI RAWANG

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status projek pembesaran Sungai Rawang?
- b) Memandangkan kontraktor berkenaan telah diadu kerana tidak bekerja dengan baik, apakah tindakan susulan kerajaan negeri agar projek tersebut dapat disiapkan?

JAWAPAN :

- a) Projek pembesaran Sg. Rawang dilaksanakan sepanjang 4.5 km bermula dari hulu Sg. Pajam hingga ke kuala Sungai Rajah. Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor melaksanakan 2.5 km dari hulu Sg. Pajam dan 2.0 km lagi dilaksanakan oleh Syarikat Lafarge. Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor sudah menyiapkan projek mengikut jadual pada 18 Mac 2008. Status pelaksanaan projek oleh Syarikat Lafarge pula, hanya 70%. Kelewatan ini berpunca oleh Syarikat 'Sidhu Bros' yang enggan berpindah dari tapak projek, yang sepatutnya siap pada 8 Ogos 2008.
- b) Berdasarkan maklumat di bahagian (a), soalan ini tidak berkaitan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor berpendapat bahawa soalan Y.B Gan Pei Nei sebenarnya merujuk kepada Projek Menaik taraf Sistem Saliran Sg. Rajah dan Perparitan Bandar Rawang seperti butiran berikut :
 - i) No. Kontrak : JPS/N/SEL/SG/13/2006
 - ii) Kontrak : Pertubuhan Peladang Kawasan Gombak dan Petaling
 - iii) Kos : RM 2,667,925.00
 - iv) Tarikh Milik Tapak : 21 September 2006
 - v) Tanah Tamat Kontrak : 13 Disember 2007
 - vi) Lanjutan Masa (EOT1): 14 Disember 2007 - 1 Januari 2009
(EOT2): 2 Januari 2009 - 30 Jun 2009
 - vii) Status Semasa : Telah terhenti dengan kemajuan 25% siap.
- b) Memandangkan kemajuan yang tidak memuaskan di tapak, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor telah menghantar beberapa surat teguran kepada pihak kontraktor dari 1 Julai 2008 hingga 13 November 2008. Satu surat amaran juga telah dikeluarkan pada 29 Ogos 2008. Buat masa sekarang, Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor dan pihak kontraktor telah bersetuju untuk melaksanakan penamatan bersama (mutual termination).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : WABAK DENGGI DAN CHIKUNGUNYA

83. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menangani masalah wabak Denggi dan Chikungunya yang semakin serius sejak akhir-akhir ini?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat meningkatkan kesedaran rakyat untuk sama-sama membanteras tempat-tempat pembiakan vektor penyakit ini iaitu nyamuk Aedes?
- c) Penularan wabak ini berlaku serius di kawasan bandar, mengapakah ini berlaku?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah dan akan terus mempertingkatkan usaha-usaha kawalan dan pencegahan denggi dan Chikungunya. Diantara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah pendidikan kesihatan berkala kepada masyarakat mengenai denggi. Melaksanakan aktiviti "mencari dan memusnah" tempat pembiakan nyamuk dan aktiviti semburan kabus untuk setiap notifikasi denggi dan chikungunya yang diterima. Melaksanakan "operasi basmi aedes" pada hujung minggu, dilokalisasi wabak demam denggi atau chikungunya yang berpanjangan melebihi 14 hari. Mengerakkan penduduk untuk mengadakan gotong royong secara berkala memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di rumah dan kawasan sekeliling. Langkah jangka panjang termasuk mengwujudkan inisiatif komuniti seperti "COMBI" dan "Skuad Denggi" di lokaliti berwabak dimana penduduk tempatan menjalankan aktiviti "mencari dan memusnah" tempat pembiakan nyamuk di dalam dan di persekitaran rumah masing-masing.
- b) Kerajaan telah menjalankan kempen kesedaran denggi kepada masyarakat melalui media elektronik. Kempen melalui media cetak dengan mengedar risalah, poster, kad dan banner mengenai denggi dan cara-cara pencegahan di lokaliti bermasalah. Hebahan awam dan penyampaian maklumat kepada orang awam juga dilaksanakan melalui bacaan teks khutbah Jumaat di seluruh Masjid di Selangor. Hebahan melalui unit bergerak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan di lokaliti bermasalah. Maklumat juga disampaikan melalui kaedah bersemuka oleh anggota Jabatan Kesihatan Negeri Selangor semasa memberi nasihat individu, perbincangan kumpulan kecil, dialog dan tunjuk cara.
- c) Kes demam denggi lebih tinggi di kawasan bandar berbanding dengan luar bandar disebabkan faktor kepadatan penduduk yang tinggi yang memudahkan penularan virus denggi melalui gigitan nyamuk. Ini ditambah dengan sistem plupusan sampah yang kurang teratur termasuk pembuangan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Sila perelaskan apakah alasan utama yang menyebabkan cadangan pembinaan bangunan baru SRA Taman Harmoni Sekinchan tergendala sehingga kini selepas pilihan raya 8 Mac yang lalu sedangkan papan tanda lambang BN sudah didirikan sejak tahun 2006?
 - b) Apakah terdapat unsur-unsur sabotaj dari pihak tertentu dalam konteks ini?
 - c) Sila berikan butir-butir tentang keseluruhan kos cadangan asal pembinaan bangunan baru SRA Taman Harmoni Sekinchan dan bilakah ia dijangka siap sepenuhnya?

JAWAPAN :

- a) Cadangan pembinaan baru Sekolah Rendah Agama (SRA) Taman Harmoni, Sekinchan, Daerah Sabak Bernam telah dirancang oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 (2006 – 2010). Ianya telah dirancang untuk mula dilaksanakan dalam tahun 2008.

Namun begitu, kenaikan harga barang-barang binaan yang luar biasa dalam tahun 2008 (julat kenaikan di antara 20% - 45%) telah menyebabkan projek ini ditangguhkan pada tahun 2008.

Kenaikan harga barang-barang binaan pada tahun 2008 juga telah menyebabkan hampir kesemua projek-projek pembangunan JAIS yang sedang dilaksanakan dalam tahun 2008 mengalami pertambahan kos dan melebihi siling RMKe-9 yang diluluskan kepada pihak JAIS, dan perkara ini telah menyebabkan projek ini ditangguhkan dalam RMKe-9 melalui Semakan Semula RMKe-9 yang diadakan pada pertengahan tahun 2008. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada RMKe-10.

- b) Pihak JAIS ingin menegaskan bahawa tiada perbuatan sabotaj di dalam pelaksanaan projek ini.
- c) Butir-butir bagi Cadangan Pembinaan Baru SRA Taman Harmoni, Sekinchan adalah seperti berikut :-

| | |
|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nama Projek:: | Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Baru 2 Blok 3 Tingkat Serta kantin untuk Sekolah Rendah Agama Pekan Sekinchan, Sabak Bernam. |
| Siling Projek: | : RM 6,000,00 |
| Bilangan Kelas | : 30 Buah |
| Lain-Lain | : Sebuah (1) Blok Kantin Sebuah (1) Blok Surau Sebuah (1) Pondok Pengawal |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERUMAHAN (MASALAH PERUMAHAN TERBENGKALAI)

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Kebelakangan ini terlalu banyak projek perumahan yang terbengkalai di dalam negeri Selangor.

- a) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk membantu pembeli-pembeli rumah di projek terbengkalai yang terlalu banyak di negeri Selangor.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak langsung mengambil tindakan membaikpulih projek-projek mereka yang terbengkalai sehinggakan pembeli-pembeli rumah tertekan kerana mengalami kerugian besar.
- c) Berapakah jumlah bilangan projek-projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman semua Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Negeri amat prihatin di atas nasib pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan projek terbengkalai. Walaupun begitu Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli tersebut. Ke arah ini Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah pro aktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek yang terbengkalai untuk memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menyalurkan aduan tersebut kepada pihak yang berkaitan seperti KPKT, bank dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli adalah seperti berikut :

- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 2) Bagi projek terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ia akan dirujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi penyusunan semula pembiayaan pinjaman manakala bagi kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.
- 3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat

minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

- 4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- 5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- 7) Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir telah mengambil tindakan perampasan beberapa keping tanah atas faktor wujud pelanggaran peruntukkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin.
- 8) Penubuhan Jawatankuasa Task Force Projek Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y.B. Saari Sungib ADUN Hulu Kelang di mana tiga Konsultan iaitu Rimbun Capital Sdn. Bhd., RSS-PMC Sdn Bhd. dan Kumpulan Muhandis Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan jawatankuasa ini bagi membantu untuk menilai semula sama ada projek terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini terdapat 48 projek dalam proses kajian pihak konsultan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "breach of contract" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "locus standi" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun pembeli boleh merujuk terus kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

- b) Untuk makluman semua Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah di bawah bidang kuasa **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Akta 118** dan ia di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Ini merujuk kepada **S. 11(1)(b) Akta 118** Menteri mempunyai kuasa untuk mengarahkan supaya seseorang dilantik atau dia sendiri melantik seseorang untuk menasihati pemaju dalam menjalankan perniagaannya.

Di bawah **S. 11(1)(c) Akta 118** di mana Menteri juga mempunyai kuasa untuk mengarahkan suatu syarikat untuk mengambil kawalan dan menjalankan perniagaan pemaju yang bermasalah dengan terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri.

Di samping itu, di bawah **S. 11(1)(a) Akta 118** Menteri juga mempunyai kuasa untuk mengarahkan pemaju yang berkenaan mengambil langkah yang difikirkan perlu untuk membetulkan sesuatu perkara.

Kegagalan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh menteri di bawah perenggan 11(1)(a), (b), atau (c) Akta 118 maka mengikut **S. 19 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118)**, adalah melakukan suatu kesalahan yang mana apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang dari lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mendapatkan nama pengarah-pengarah syarikat pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Selangor. Nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah syarikat pemaju yang lain.

- c) Mengikut data terkini, terdapat sebanyak 144 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor sehingga 31 Disember 2008 melibatkan 45,449 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut PBT adalah seperti berikut :

**STATISTIK PROJEK TERBENGKALAI DI NEGERI SELANGOR SEHINGGA 31
DISEMBER 2008**

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | JUMLAH | UNIT |
|------------|------------------------------------|---------------|---------------|
| 1 | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM | 19 | 5,480 |
| 2 | MAJLIS PERBANDARAN KLANG | 28 | 4,061 |
| 3 | MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA | 7 | 2,996 |
| 4 | MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA | 13 | 3,022 |
| 5 | MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA | 10 | 9,208 |
| 6 | MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 16 | 2,936 |
| 7 | MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | 11 | 4,202 |
| 8 | MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT | 8 | 510 |
| 9 | MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR | 11 | 5,405 |
| 10 | MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR | 13 | 7,238 |
| 11 | MAJLIS PERBANDARAN SEPANG | 8 | 3,941 |
| | JUMLAH | 144 | 45,449 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : HAK MILIK KEKAL KG. BARU CINA

86. Kerajaan Negeri Perak Pakatan Rakyat yang lepas telah meluluskan Hak Milik Kekal di Kampung Baru Cina semasa memerintah di negeri itu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengikut jejak Kerajaan Negeri Perak Pakatan Rakyat yang lepas dengan meluluskan Hak Milik Kekal kepada penghuni di Kampung Baru Cina di Negeri Selangor?
- b) Jika Kerajaan Negeri Selangor bercadang berbuat demikian, manakah kawasan atau kampung baru Cina akan diberikan Hak Milik Kekal?
- c) Adakah premium tanah Hak Milik Kekal sama dengan Hak Pajak 99 tahun?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar pemberimilikan tanah di Kampung Baru Cina akan dibuat selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara iaitu secara pajakan bagi tempoh tidak lebih 99 tahun.
- b) Rujuk jawapan (a).
- c) Pembayaran premium tanah adalah mengikut formula yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 4/1999 dan tertakluk kepada Kampung Baru Cina yang telah disenaraikan di dalam pekeliling tersebut. Formula yang diguna pakai bagi hakmilik-hakmilik tersebut adalah seperti berikut:-

i) Hakmilik selama-lamanya

Nilai Tanah Semasa x Luas

ii) Hakmilik pajakan

Lanjut Tempoh Pajakan 60 tahun

| Kategori | Formula |
|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kediaman | RM0.50 sekaki persegi x luas |
| Perniagaan | $(\frac{3}{4} \times 1/100 \times \text{nilai tanah semasa} \times 60 \text{ tahun}) \times 50\%$ |
| Industri | $(\frac{3}{4} \times 1/100 \times \text{nilai tanah semasa} \times 60 \text{ tahun}) \times 50\%$ |

Lanjut Tempoh Pajakan 99 tahun

| Kategori | Formula |
|-------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kediaman | |
| i) Dalam Kawasan Majlis Perbandaran | RM2.50skp x luas |
| ii) Dalam Kawasan Majlis Daerah | RM2.00skp x luas |
| iii) Luar Kawasan Majlis Daerah | RM1.50skp x luas |
| Perniagaan | $(\frac{3}{4} \times 1/100 \times \text{nilai tanah semasa} \times 99 \text{ tahun}) \times 50\%$ |
| Industri | $(\frac{3}{4} \times 1/100 \times \text{nilai tanah semasa} \times 99 \text{ tahun}) \times 50\%$ |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR DI SELANGOR

87. Kerajaan Negeri telah bertindak bijak dengan mengawal perlombongan dan penjualan pasir di Selangor. Syarikat Semesta telah dilantik untuk menguruskan dan memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini, adakah langkah tersebut efektif ke arah mengawal kecurian pasir di Selangor?
- b) Nyatakan pendapatan tambahan yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri sejak perkara tersebut di atas dikuatkuasakan.
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengatasi masalah kepada tanah yang sudah diberikan pajakan untuk melombong tetapi permit perlombongan belum diluluskan, maka tanah tersebut tidak dapat diusahakan untuk memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri .

JAWAPAN :

- a) Sejak Kumpulan Semesta Sdn Bhd ditubuhkan, masalah kecurian pasir terutama dikawasan-kawasan Kumpulan Semesta Sdn Bhd telah dapat dikawal. Walau bagaimanapun, masalah kecurian pasir samada di atas tanah hakmilik atau tanah Kerajaan di beberapa daerah lain yang tidak terbabit dengan operasi Kumpulan Semesta Sdn Bhd masih berlaku.
- b) Berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., jumlah jualan pasir adalah RM7.04 juta dengan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak RM2.5 juta bagi tempoh 15 September 2008 hingga 31 Januari 2009.

Manakala Kerajaan Negeri telah memperoleh hasil melalui pembayaran royalti bagi pengeluaran permit 4C sebanyak RM6,359,064.29 juta.

- c) Jawapan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Selangor / Wilayah Persekutuan

Untuk makluman Y.B., terdapat enam (6) tanah Pajakan Melombong di negeri Selangor yang masih belum tamat tempoh pajakan untuk aktiviti melombong bijih timah yang kesemuanya melibatkan daerah Kuala Selangor.

Setakat ini, semua aktiviti melombong di kawasan tersebut telah dihentikan atas arahan Kerajaan negeri Selangor melalui keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor yang diadakan pada 10 Julai 2007. Melalui mesyuarat tersebut, Jabatan Mineral dan Geosains Selangor / Wilayah persekutuan diarahkan untuk tidak memperbaharui tempoh sah '*Letter of Authority to Mine*' untuk semua aktiviti melombong.

Dalam hal ini, Jabatan Mineral dan Geosains Selangor / Wilayah Persekutuan mengesyorkan tindakan berikut sekiranya pertimbangan daripada aspek pemberian permit melombong dan menambahkan hasil Kerajaan Negeri:-

i) *Sekiranya tempoh pajakan masih panjang dan bijih mempunyai gred yang baik serta ekonomik untuk diusahakan*

Memberikan kelulusan dan mengeluarkan permit perlombongan kepada pemegang pajakan / pengusaha lombong berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya melibatkan penjualan pasir, semua rizab pasir kawasan pajakan tersebut perlu diisytihar dan dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor atau pejabat-Pejabat Tanah dan Daerah yang berkaitan sebelum permit dikeluarkan.

Bayaran royalti secara lump-sum boleh dikenakan terus berdasarkan rizab yang masih ada, atau boleh secara berkala (secara tahunan) merujuk kepada jangka hayat lombong tersebut. Laporan pengeluaran bulanan perlu dikemukakan oleh pengusaha bagi tujuan kawalan. Anak syarikat Kerajaan Negeri, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. boleh diberi kuasa mengawal penjualan pasir tersebut.

atau

ii) *Sekiranya kawasan tersebut mempunyai nilai gred bijih yang rendah dan tidak ekonomik untuk dikerjakan*

Mengambil semula tanah yang diber pajakan tersebut dengan memberi pampasan kepada pemegang pajakan. Perkara ini juga untuk mengelak pasir menjadi sebab utama untuk dilombong dan bukannya bijih.

atau

iii) *Membiarkan pajakan tersebut luput tanpa pembaharuan*

Sekiranya tempoh pajakan akan luput dalam masa terdekat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : MESRA USIA EMAS

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kesan program Mesra Usia Emas ini terhadap status kewangan Selangor setiap tahun?
- b) Berapakah warga emas yang sudah berdaftar dan berapakah wasi yang sudah menikmati manfaat program ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menganggarkan seramai 10,000 orang warga emas di Selangor meninggal setiap tahun. Jadi, implikasi kewangan yang dianggarkan adalah sebanyak RM 25 juta setahun. Walau bagaimanapun, sehingga bulan Februari 2009, sebanyak RM 2.02 juta telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi memberi bantuan khairat kematian kepada peserta Skim Mesra Usia Emas.
- b) Mengikut data yang dikemas kini, seramai 31,536 orang warga emas telah mendaftar dengan skim ini dan sebanyak 1,819 orang peserta telah meninggal sehingga bulan Februari 2009.

Lampiran A

| DUN | NAMA DUN | PENDAFTARAN SKIM MESRA USIA EMAS | | | | | KEMATIAN MESRA USIA EMAS | | | | |
|-----|-----------------------|----------------------------------|-------|--------|------|--------|--------------------------|-------|--------|------|--------|
| | | Jumlah Pendaftaran | | | | | Jumlah Kematian | | | | |
| | | Cina | India | Melayu | Lain | Jumlah | Cina | India | Melayu | Lain | Jumlah |
| N01 | SUNGAI AIR TAWAR | 186 | 5 | 1,202 | | 1,393 | 69 | 3 | 2 | | 74 |
| N02 | SABAK | 249 | 37 | 1,372 | 6 | 1,664 | 58 | 13 | | | 71 |
| N03 | SUNGAI PANJANG | 102 | 7 | 860 | 1 | 970 | 55 | 10 | 1 | | 66 |
| N04 | SEKINCHAN | 554 | 9 | 482 | | 1,045 | 10 | 19 | | | 29 |
| N05 | HULU BERNAM | 16 | 5 | 42 | | 63 | 42 | 17 | 5 | | 64 |
| N06 | KUALA KUBU BAHARU | 25 | 16 | 50 | 15 | 106 | 3 | 5 | 3 | 2 | 13 |
| N07 | BATANG KALI | 15 | 8 | 27 | 2 | 52 | 20 | 9 | 8 | | 37 |
| N08 | SUNGAI BURONG | 46 | 2 | 344 | 1 | 393 | 40 | 4 | | | 44 |
| N09 | PERMATANG | 91 | 24 | 283 | | 398 | 20 | 11 | 3 | | 34 |
| N10 | BUKIT MELAWATI | 17 | 44 | 106 | | 167 | 17 | 3 | 2 | | 22 |
| N11 | IJOK | 114 | 165 | 334 | | 613 | 5 | 3 | 9 | | 17 |
| N12 | JERAM | 109 | 15 | 353 | | 477 | 28 | 4 | 3 | | 35 |
| N13 | KUANG | 522 | 80 | 230 | | 832 | 14 | 12 | 7 | | 33 |
| N14 | RAWANG | 819 | 42 | 45 | 6 | 912 | 0 | 22 | 4 | | 26 |
| N15 | TAMAN TEMPLER | 1,006 | 87 | 324 | 8 | 1,425 | 9 | 15 | 3 | | 27 |
| N16 | BATU CAVES | 48 | 156 | 596 | 7 | 807 | 11 | 2 | 8 | | 21 |
| N17 | GOMBAK SETIA | 215 | 38 | 648 | 4 | 905 | 20 | 6 | 7 | | 33 |
| N18 | HULU KELANG | 185 | 17 | 257 | 1 | 460 | 42 | 6 | | | 48 |
| N19 | BUKIT ANTARABANGSA | 50 | 4 | 115 | | 169 | 11 | 4 | 2 | | 17 |
| N20 | LEMBAH JAYA | 583 | 57 | 411 | 3 | 1,054 | 23 | 23 | 6 | | 52 |

| | | | | | | | | | | | |
|-----|-----------------|-------|-----|-----|----|-------|----|----|----|---|----|
| N21 | CHEMPAKA | 28 | 3 | 142 | | 173 | 9 | 10 | 2 | | 21 |
| N22 | TERATAI | 484 | 8 | 82 | 2 | 576 | 4 | 25 | 2 | | 31 |
| N23 | DUSUN TUA | 401 | 55 | 516 | 7 | 979 | 26 | 8 | | | 34 |
| N24 | SEMENYIH | 21 | 11 | 25 | 1 | 58 | 26 | 18 | 10 | 1 | 55 |
| N25 | KAJANG | 82 | 11 | 10 | 1 | 104 | 9 | 25 | 7 | | 41 |
| N26 | BANGI | 104 | 44 | 268 | 1 | 417 | 11 | 5 | 3 | | 19 |
| N27 | BALAKONG | 476 | 34 | 16 | 2 | 528 | 6 | 15 | 1 | | 22 |
| N28 | SERI KEMBANGAN | 1,684 | 52 | 60 | 5 | 1,801 | | 7 | | | 7 |
| N29 | SERI SERDANG | 363 | 165 | 67 | | 595 | 12 | 2 | 10 | | 24 |
| N30 | KINRARA | 428 | 39 | 6 | 5 | 478 | 2 | 29 | 9 | | 40 |
| N31 | SUBANG JAYA | 114 | 22 | 6 | 4 | 146 | | 2 | 2 | 1 | 5 |
| N32 | SERI SETIA | 123 | 84 | 123 | 1 | 331 | 1 | 1 | 1 | | 3 |
| N33 | TAMAN MEDAN | 198 | 124 | 378 | 15 | 715 | 18 | 5 | 7 | 2 | 32 |
| N34 | BUKIT GASING | 103 | 13 | 3 | 5 | 124 | | 10 | | | 10 |
| N35 | KAMPUNG TUNKU | 657 | 48 | 3 | 11 | 719 | | 8 | 1 | 2 | 11 |
| N36 | DAMANSARA UTAMA | 1,145 | 26 | 30 | 1 | 1,202 | 2 | 31 | 1 | | 34 |
| N37 | BUKIT LANJAN | 191 | 4 | 31 | 1 | 227 | 1 | 16 | 1 | | 18 |
| N38 | PAYA JARAS | 208 | 50 | 368 | | 626 | 14 | 8 | 9 | | 31 |
| N39 | KOTA DAMANSARA | 34 | 22 | 9 | | 65 | 1 | 8 | 1 | | 10 |
| N40 | KOTA ANGGERIK | 88 | 6 | 35 | | 129 | 11 | 5 | 2 | | 18 |
| N41 | BATU TIGA | 44 | 84 | 270 | 4 | 402 | 34 | 6 | 9 | | 49 |
| N42 | MERU | 63 | 9 | 130 | | 202 | 28 | 8 | 4 | | 40 |
| N43 | SEMENTA | 83 | 16 | 111 | | 210 | 29 | 14 | 12 | | 55 |
| N44 | SUNGAI PINANG | 961 | 14 | 282 | 5 | 1,262 | 3 | 24 | 2 | | 29 |
| N45 | SELAT KLANG | 121 | 17 | 238 | 6 | 382 | 20 | 7 | 2 | 1 | 30 |
| N46 | PELABUHAN KLANG | 6 | 1 | 19 | | 26 | 9 | 3 | | | 12 |
| N47 | PANDAMARAN | 600 | 58 | 71 | 3 | 732 | 6 | 43 | 17 | 1 | 67 |
| N48 | KOTA ALAM SHAH | 161 | 92 | 10 | 3 | 266 | | | 1 | | 1 |
| N49 | SERI ANDALAS | 181 | 249 | 108 | 4 | 542 | 17 | 12 | 24 | | 53 |
| N50 | SRI MUDA | 51 | 54 | 205 | 2 | 312 | 18 | 6 | 17 | 1 | 42 |

| | | | | | | | | | | | |
|-----|---------------|---------------|--------------|---------------|------------|---------------|------------|------------|------------|-----------|--------------|
| N51 | SIJANGKANG | 34 | 3 | 142 | 1 | 180 | 26 | 6 | 2 | | 34 |
| N52 | TELUK DATUK | 652 | 25 | 17 | 1 | 695 | 5 | 14 | 7 | 1 | 27 |
| N53 | MORIB | 5 | 12 | 42 | | 59 | 42 | 3 | 12 | | 57 |
| N54 | TANJUNG SEPAT | 662 | 35 | 517 | 2 | 1,216 | 26 | 10 | 2 | | 38 |
| N55 | DENGKIL | 201 | 36 | 222 | 1 | 460 | 14 | 2 | 5 | | 21 |
| N56 | SUNGAI PELEK | 412 | 87 | 99 | 1 | 599 | 10 | 22 | 3 | | 35 |
| | UNSPECIFIED | 38 | 8 | 43 | 4 | 93 | | | | | |
| | | 16,159 | 2,439 | 12,785 | 153 | 31,536 | 937 | 609 | 261 | 12 | 1,819 |

Nota:

1 Data sehingga 24hb Februari 2009

2 Tidak termasuk data yang masih belum didaftarkan ke dalam Sistem anggaran sebanyak 8,000 borang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : HOSPITAL SHAH ALAM

89. Sehingga kini Shah Alam sebagai Ibu Negeri Selangor masih tidak mempunyai hospital.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah masalah yang menyebabkan hingga kini Shah Alam masih belum mempunyai hospital?
- b) Adakah dengan pemerintahan baru Selangor di bawah Pakatan Rakyat menyebabkan Kerajaan Pusat melengah-lengahkan rancangan mendirikan hospital di negeri Selangor?
- c) Selangor?
- d) Berapakah peruntukan diperlukan bagi mendirikan hospital di Shah Alam?

JAWAPAN :

- a) Dimaklumkan bahawa projek Hospital Shah Alam kini sedang dalam pembinaan di Lot 2, Persiaran Kayangan, Seksyen 7, Shah Alam. Projek ini dijangka siap pada awal tahun 2011.
- b) Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengambil sikap melengah-lengahkan projek, khususnya yang melibatkan kebajikan rakyat. Projek hospital di Negeri Selangor telah dirancang lebih awal lagi iaitu sebelum pakatan rakyat memerintah Negeri Selangor.
- c) Projek Hospital Shah Alam melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 491.6 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : PELABURAN 2008

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah nilai pelaburan yang diterima oleh negeri Selangor pada tahun 2008?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah RM **11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 2,866,163,788** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 9,004, 746,225** adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Daripada jumlah projek yang diluluskan, sebanyak **202 projek** merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah **RM6,353,259,548** dan sebanyak **100 projek** merupakan projek pengembangan pelaburan atau penambahan pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM **5,517,650,465**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN

91. Pelancongan telah menjadi salah satu sumber ekonomi bagi Negeri Selangor dan pada setiap tahun, pendapatan yang di perolehi dari sektor ini meningkat dengan banyaknya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam meningkatkan sektor ini khususnya bagi kawasan pantai Batu Laut ?
- b) Adakah pantai ini dapat terus di pergunakan untuk pertandingan perahu layar di pelbagai peringkat hingga ke peringkat antarabangsa?
- c) Bilakah Kerajaan Negeri akan membina Akademi Sukan Layar di kawasan Pantai Batu Laut ini?
- d) Di kawasan Batu Laut, terdapat banyak tanah-tanah milik Kerajaan Negeri dan individu yang tidak digunakan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan ataupun pelancongan yang berkaitan dengan kesihatan/pendidikan?

JAWAPAN :

- a) Mengikut Rancangan Tempatan Morib – Tg. Sepat (2002 – 2020), Pantai Batu Laut telah dikenal pasti sebagai kawasan pelancongan iaitu :-
 - i) Pelancongan Semula jadi : hutan paya bakau, pusat penyelidikan hutan paya bakau, chalet atau resort serta rekreasi maritim.
 - ii) Pelancongan Khusus : program rakan muda, program balik kampung dan perkhemahan.
 - iii) Pelancongan Agro : *homestay*, IKS, Taman Botani dan Agro
- b) Bergantung kepada pihak penganjur
- c) Permohonan tanah sedang dipohon oleh pihak Majlis kepada Pentadbir Tanah bagi tujuan Akademi Sukan Layar.
- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah Peraturan Tetap (23 (q)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : BAJET NEGERI SELANGOR

92. Pada tahun ini Bajet Negeri Selangor adalah seimbang. Sempena gawat ekonomi global, banyak kerajaan di negara luar telah mengutarakan bajet berdefisit untuk merancang ekonomi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Patutkah Kerajaan Selangor mempertimbangkan membentangkan Bajet Berdefisit Fiskal?
- b) Apakah ciri-ciri rangsangan fiskal ini?
- c) Apakah mekanisme pantauan yang ada atau patut di bentuk?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak bercadang bagi membentangkan Bajet Berdefisit Fiskal memandangkan keperluan Kerajaan Negeri tidak melebihi daripada anggaran kutipan hasil tahunan.
- b) Tiada
- c) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KES TRAGEDI BUKIT ANTARABANGSA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terkini dari JKR/IKRAM mengenai keselamatan penduduk di Taman Bukit Antarabangsa.

JAWAPAN :

- a) Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kerja Raya pada 20 Februari 2009, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta untuk kerja-kerja mitigasi dan baikpulih di kawasan yang terlibat. Kerja-kerja mitigasi dan baikpulih ini dijangka mengambil masa selama 6 bulan.

Kawasan-kawasan yang terlibat untuk kerja-kerja pembaikan adalah seperti berikut:

| Bil | Kawasan | Kaedah Pembaikan |
|------------|----------------------------------------------|----------------------------------------|
| 1. | Jalan Wangsa 11 (Rumah Terbengkalai Kiri) | Hand Dug Caisson & Tie Back |
| 2. | Jalan Wangsa 9 | Micropile, Soil Nail & Tie Back |
| 3. | Taman Bukit Mewah & Jalan Bukit Antarabangsa | Baik pulih jalan dan sistem perparitan |
| 4. | Taman Bukit Jaya | Horizontal Drain |
| 5. | Kondominium Kyoto Gardens | Soil Nail & Wire Mesh |

RUMAH YANG MASIH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI

| LOKASI | STATUS | JUMLAH UNIT | TEMPOH |
|----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| JALAN 6A, TAMAN BUKIT JAYA | RUMAH NO. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16 MASIH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | 8 | Sehingga kerja-kerja penstabilan cerun dan tembok penahan (RC Wall) siap dijalankan. |
| TAMAN BUKIT MEWAH | SEBAHAGIAN NO. RUMAH : i) 6, 7, 8, 9, 10, 19, 20, 21 DI JALAN BUKIT ANTARABANGSA ii) 1,40 Jalan Bukit Mewah 2, Taman Bukit Mewah iii) 5, 6, 7 Jalan Bukit Mewah 1, Taman Bukit Mewah ADALAH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | 13 | Sehingga kerja-kerja pemulihan cerun runtuh secara kekal selesai dijalankan. |
| JALAN WANGSA 9 | KESELURUHAN BLOK RUMAH DARI NO.1, 3, 5, 7, 9, 11, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 41, 43, 45 & 47 DI SEPANJANG JALAN ADALAH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | 23 | Sehingga kerja-kerja pengukuhan Jalan Wangsa 9 siap dijalankan. |
| JUMLAH | | 44 | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN MPAJ -TAN & TAN DI BUKIT BARU-
JALAN JELATIK**

94. Merujuk kepada kelulusan pembangunan EXCO MTES Bil. 3/2000 bertarikh 26 Januari 2000:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan, fungsi dan input MPAJ sebagai pihak JV dalam Perjanjian Usaha sama tersebut?
- b) Apakah perolehan "*in-kind*" bagi MPAJ bernilai RM1,806,000.00 merupakan 10% dari anggaran pulangan kasar RM18,000,000 dan kenapa tidak berdasarkan kepada keuntungan sebenar sebanyak RM43,133,000.00?
- c) Apakah yang telah dilakukan oleh MPAJ terhadap perolehan "*in-kind*" berupa 43 unit rumah kos rendah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan perjanjian usaha sama MPAJ dan Bintang Buana Sdn Bhd bertarikh 11 April 2000, peranan, fungsi dan input MPAJ ialah :-
 - i) Memberi kebenaran kepada syarikat menjalankan cadangan pembangunan
 - ii) Membantu menempatkan semula 232 setinggan "in-situ"
 - iii) Memberi kelulusan kebenaran merancang lain-lain kelulusan berdasarkan keperluan perundangan serta kelulusan dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan
 - iv) Membenarkan pemaju keluar masuk ke atas tanah bagi tujuan pembangunan
 - v) Memastikan pemaju membina 600 unit rumah kos rendah untuk penempatan semula setinggan Kg Bukit Baru serta setinggan-setinggan sekitarnya

- b) Tapak pembangunan ini adalah seluas 15.93 ekar yang terdiri daripada 13 ekar tanah kerajaan dan 2.93 ekar tanah persendirian. Tanah persendirian tersebut telah dibeli oleh syarikat dengan harga RM3, 823,280. Pampasan yang telah dibayar oleh pemaju kepada setinggan 'in-situ' ialah sebanyak RM 2, 852,600. Manakala jualan rumah kos rendah kepada setinggan "insitu" asal adalah RM 25,000 seunit, setinggan "insitu" tambahan adalah RM 35,000 seunit, setinggan lama RM 35,000 seunit dan lain-lain setinggan RM 42,000. Selain daripada itu saiz atau keluasan rumah kos rendah terbabit adalah lebih besar iaitu 750 kaki persegi berbanding rumah kos rendah biasa 650 kaki persegi tetapi dijual pada harga kos rendah. Pulangan yang sepatutnya diterima MPAJ sebahagiannya telah dinikmati oleh setinggan yang terlibat
- c) Kesemua 43 unit rumah pangsa kos rendah telah dijual kepada kakitangan MPAJ dengan harga RM 42,000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : BANTUAN BENCANA ALAM BANJIR

95. Melalui bantuan yang disampaikan oleh kerajaan negeri masih terdapat mangsa banjir yang tidak menerima bantuan kewangan walaupun rumah mereka ditenggelami air contohnya kawasan perumahan Taman Seri Desa Morib, Sebahagian Kg Kanchong Tengah, Kg Sg Buaya, Kg Banting dan Kg Kanchong Darat.

Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

- a) Apakah kriteria dan dasar baru kerajaan untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir.
- b) Siapakah jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi membuat bancian penduduk yang layak dan memperakukan penerimaan bantuan.
- c) Berapakah nilai dan apakah bentuk bantuan tersebut.

JAWAPAN :

- a) Semua mangsa perlu dipindahkan ke tempat pemindahan yang telah disediakan oleh kerajaan sebelum bantuan dapat disalurkan (sumber daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat)
- b) Jawatankuasa Krisis dan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kuala Langat
- c) Sejumlah RM9,000.00 telah diperuntukkan untuk membekalkan perkhidmatan JCB bagi mengorek longkang di semua kampung di dalam daerah Kuala Langat yang menghadapi risiko banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : AKTIVITI KOREK PASIR

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato 'Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah permit yang dikeluarkan untuk tujuan mengorek pasir di dalam Kawasan DUN Semenyih?;
 - b) Apakah tindakan yang telah diambil atau bakal diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk mengawal dan menyelia aktiviti mengorek pasir sama ada dengan permit yang sah ataupun secara haram yang berleluasa kini?; dan
 - c) Bagaimanakah butir-butir maklumat syarikat, pemilik, lesen, kuantiti, tempoh dan sebagainya yang mendapat permit sah untuk mengorek pasir boleh diperolehi secara jelas dan adakah maklumat berkenaan boleh dipaparkan melalui papan-papan tanda di kawasan-kawasan berkenaan untuk makluman dan pemantauan oleh penduduk tempatan?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini tiada permit pasir dikeluarkan di DUN Semenyih.
- b) Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu kecurian pasir adalah seperti berikut: -
 - i) Menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi mengawal pemasaran pasir di Negeri Selangor;
 - ii) Melaksanakan Operasi Statik 24 jam di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjalankan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan
 - iii) Operasi serbuan dan penangkapan.
- c) Bagi setiap permit 4C yang diluluskan, setiap pengusaha dikehendaki menyediakan papan tanda di kawasan yang telah diluluskan permit pasir dengan memaparkan nama syarikat, no permit, tempoh permit dan sebagainya bagi memberi makluman kepada orang ramai dan memudahkan pemantauan Pihak Berkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PEPERANGAN DI GAZA DAN KESENGSARAAN PARA PENDUDUK
PALESTIN**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor tidak mengadakan Mesyuarat Khas Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi mengutuk dan membantah ancaman dan kekejaman rejim Israel ke atas penduduk di Gaza?
 - b) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri Selangor kepada mangsa-mangsa peperangan di Gaza ini?
 - c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam mengutuk ancaman dan penindasan rejim Israel kepada para penduduk Palestin terutamanya kepada kanak-kanak dan kaum wanita agar ianya tidak berulang lagi?

JAWAPAN :

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan)**
- b)
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBINAAN BANGUNAN TEATER SELANGOR

98. Bangunan teater Shah Alam yang dijadualkan siap pada tahun lepas masih belum diserahkan kepada kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Bilakah tarikh sebenar ia perlu disiapkan dan apakah yang menyebabkan kelewatan?
- b) Berapakah perbelanjaan pembinaan bangunan tersebut dan adakah ia mengikut piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan?

JAWAPAN :

- a) Cadangan Bangunan Teater Shah Alam dijadualkan siap pada **4 Jun 2007**. Walau bagaimanapun di atas permintaan kerja- kerja tambahan ruang kafeteria, ruang persiapan dan ruang pentas oleh Jabatan Kebudayaan Selangor yang pada ketika itu adalah "End User" bagi bangunan ini telah menyebabkan kelewatan dan lanjutan tempoh masa telah diberi sehingga **31 Mei 2008**. Projek ini telah berjaya disiapkan dan diberi Perakuan Siap Kerja pada **6 Ogos 2008**.
- b) Pembinaan Teater Shah Alam telah memakan belanja sebanyak **RM43,838,000.00** dengan kapasiti 800 tempat duduk dan reka bentuk sebagaimana yang telah diulas dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor 2003.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KEJAYAAN KERAJAAN PAKATAN RAKYAT

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mohon dimaklumkan kepada ahli dewan kejayaan kerajaan negeri Pakatan Rakyat Selangor sepanjang hampir setahun berada di tampuk pemerintahan.

JAWAPAN :

- a) Kejayaan Pakatan Rakyat sepanjang berada di tampuk pemerintahan berkisar terutamanya di dalam pencapaian Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Antara lain ini termasuklah:

- i) Pemberian 20m3 air percuma untuk pengguna meter individu di kediaman-kediaman seluruh Selangor
- ii) Tabung Warisan Anak Selangor untuk anak-anak Selangor yang baru lahir
- iii) Skim Mesra Usia Emas untuk Warga Emas Selangor
- iv) Peningkatan hasil batuan dan mineral menerusi Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.
- v) Peruntukan RM12 juta untuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina
- vi) Kenaikan elaun guru dan penyelia Sekolah KAFA
- vii) Pemberian cuti 90 hari untuk kakitangan kerajaan bersalin dan 14 hari bagi suami yang isterinya bersalin

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : MASALAH BANJIR DI KAMPUNG SUNGAI SURAI, HULU LANGAT

100. Kerajaan Negeri Selangor terdahulu telah melantik satu syarikat kontraktor bagi menjalankan projek mengatasi masalah banjir di Kampung Sungai Serai. Namun demikian, projek tersebut tidak diteruskan oleh kerajaan negeri sekarang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status projek mengatasi masalah banjir di Kampung Sungai Serai?
- b) Adakah projek ini akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat?

JAWAPAN :

- a) Pelaksanaan melibatkan langkah – langkah berikut;
 - 1. Jangka Pendek : Kerja-kerja mengorek dan mencuci serta membina ban Sg. Langat di Kg. Sungai Serai akan siap pada akhir Mac 2009.
 - 2. Jangka Panjang : Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Serai dalam peringkat kajian dan rekabentuk oleh Perunding. Projek ini melibatkan pengambilan balik tanah.
- b) Ya. Projek ini akan di teruskan dan dilaksanakan bagi penyelesaian banjir untuk jangka masa panjang.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

Projek Rancangan Tebatan Banjir Kg. Sungai Serai merupakan projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir Kg. Sungai Serai iaitu di bawah DUN Dusun Tua.

Projek ini terdahulu dilaksanakan secara runding terus oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Kontraktor yang dilantik melalui surat (LOI) diarah untuk menjalankan kajian dan rekabentuk seterusnya melaksanakan pembinaannya.

Dibawah pentadbiran baru Kerajaan Negeri, tawaran secara surat (LOI) kepada kontraktor telah dibatalkan.

Bagi mengatasi masalah banjir Kg. Sungai Serai, JPS telah melantik perunding bagi menjalankan kajian dan rekabentuk Projek Rancangan Tebatan Banjir Kg. Sungai Serai seterusnya merancang pelaksanaan projek tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : SYARIKAT KONSESI AIR SELANGOR

101. Kerajaan Negeri telah memberi percuma sebanyak 20 meter kiub air kepada rakyat Selangor. Dengan itu, pengguna air telah diberi subsidi hampir RM10.00 sebulan. Bagaimanapun Kerajaan Negeri membayar subsidi tersebut kepada syarikat-syarikat konsesi air di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah yang telah dibayar kepada syarikat konsesi yang berkenaan sehingga kini?
- b) Adakah syarikat-syarikat ini menerima pembayaran dari kerajaan mengikut perjanjian yang dipersetujui?
- c) Dari manakah dan bagaimana sumber kewangan untuk memberi subsidi itu diperolehi oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Jumlah bayaran bagi melaksanakan bagi inisiatif pemberian 20m³ air percuma kepada seluruh rakyat Selangor adalah sebanyak RM79,623,560.13 iaitu bagi bayaran dari bulan Jun 2008 dan bulan Januari 2009. Pembayaran ini telah dibiayai oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang mempunyai pegangan saham sebanyak 30% di dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS).
- b) Pelaksanaan inisiatif pemberian 20m³ air percuma kepada rakyat Negeri Selangor tidak melibatkan dan tidak menjejaskan apa-apa perjanjian yang dipersetujui. Pihak SYABAS yang terlibat dalam membekalkan air terawat kepada pengguna telah menerima bayaran-bayaran berkaitan pelaksanaan inisiatif ini.
- c) Pembiayaan pelaksanaan inisiatif pemberian 20m³ air percuma kepada rakyat di Negeri Selangor dilaksanakan oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) iaitu sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. KDEB merupakan pemegang 30% saham di dalam SYABAS iaitu syarikat yang mempunyai konsesi pengagihan air terawat kepada pengguna. Oleh yang demikian, hasil yang diterima oleh KDEB dalam pelaburannya dalam SYABAS telah diagihkan semula kepada rakyat melalui pembiayaan kos pemberian 20m³ air percuma. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor supaya kemakmuran ekonomi Negeri Selangor disebar luas dan dinikmati oleh seluruh rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : INDUSTRIAL PARK MANAGEMENT COMMITTEE (IPCM)

102. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak PBT telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (*Industrial Park Management Committee* - IPMC)?
- b) Bagaimanakah penubuhan IPMC telah berjaya membantu pekilang-pekilang menyelesaikan masalah mereka dengan PBT? Sila berikan contoh.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri akan terus membuat penambahbaikan dalam strategi menarik pelaburan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehingga kini beberapa kawasan dikenal pasti bagi penubuhan IPMC ini, iaitu Kawasan Perindustrian Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang; Kawasan Perindustrian Seksyen 15 dan Seksyen 16, Shah Alam, Kawasan Perindustrian Rawang Integreted Park, Kawasan Perindustrian Taman Mas Puchong, Kawasan Perindustrian Balakong dan Kawasan Perindustrian Hulu Selangor. IPMC ini akan diperluas ke seluruh kawasan perindustrian PBT di negeri Selangor, secara berperingkat atau berdasarkan keperluan semasa.
- b) IPMC ditubuhkan adalah bermatlamat untuk membantu pekilang-pekilang menyelesaikan masalah mereka dengan pihak PBT. IPMC berfungsi sebagai "persatuan penghuni" di kawasan taman-taman industri di Selangor, merupakan mekanisme pelabur dan pengusaha memberikan maklum balas kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan (EXCO) negeri khususnya masalah berkaitan infrastruktur dan perkhidmatan yang perlu diperbaiki. IPMC yang dipengerusikan bersama Yang Dipertua PBT atau wakil dan wakil pengusaha perniagaan akan bermesyuarat dengan berlandaskan peraturan dan prosedur operasi sendiri yang bersesuaian dengan keperluan taman industri. Segala maklum balas yang telah diminitkan oleh pegawai PBT akan dipanjangkan ke pejabat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan negeri untuk memantau kemajuan dan tindakan lanjut IPMC.

Sebagai contoh Kawasan Perindustrian Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang yang telah lama menubuhkan IPMC telah dapat mengurangkan isu jalan industri yang rosak, masalah banjir akibat longkang tersumbat dan kutipan sampah tidak berjadual.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA) PULAU INDAH, PELABUHAN
KLANG**

103. Pembinaan Sekolah Rendah Agama(SRA) Pulau Indah di atas tanah wakaf seluas 1.21 hektar terbengkalai yang mana sepatutnya siap pada bulan April 2008. Jumlah murid-murid sekolah bertambah ekoran pembangunan pesat di Pulau Indah dan kelas yang sedia ada di bangunan lama tidak berupaya lagi menampung pertambahan murid-murid.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Justeru itu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berkenaan dalam menangani masalah tersebut untuk menampung jumlah murid-murid yang semakin bertambah.
- b) Apakah status atau laporan terkini berkenaan projek pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Pulau Indah.
- c) Berapakah anggaran penambahan kos pembinaan Sekolah Rendah Agama(SRA) Pulau Indah yang baru akibat kelewatan dan pihak mana lagi yang terlibat selain dari Majlis Agama Islam dan Jabatan Kerja Raya?

JAWAPAN :

- a) Mengikut Riten Januari 2009 jumlah murid di SRA Pulau Indah seramai 649 orang manakala jumlah kelas sebanyak 24 buah. Purata bilangan murid setiap kelas seramai 27 orang. Oleh itu, tiada masalah kekurangan bilik darjah untuk tahun ini 2009.
- b) Cadangan Membina Baru Sekolah Rendah Agama (SRA) Pulau Indah ini telah terhenti semenjak April 2008 kerana kontraktor yang dilantik, Syarikat Z&Z Maju Sdn Bhd telah ditamatkan kontraknya kerana tidak mampu untuk meneruskan pembinaan tersebut.

Projek ini akan dilaksanakan semula dalam tahun 2009 dan dijangka mula dilaksanakan dalam suku pertama tahun 2009. Pihak Kerajaan Negeri pada masa kini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses perolehan tender untuk projek ini.

c) Butiran peruntukan bagi projek ini adalah seperti berikut:

| | SILING PROJEK RMKe-9 (RM) | KOS PROJEK (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|---------------------------------------------------------|------------------------------------------|----------------------------|------------------------------|
| KONTRAK LAMA (SYKT Z&Z MAJU SDN BHD) | 6,000,000 | 5,747,000 | 780,400 |
| ANGGARAN KOS BARU | | 5,700,000 | - |

Sebanyak RM 780,400 telah dibelanjakan sebelum projek ini terhenti dan kesemua pembayaran adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor.

Selain itu, projek ini telah mendapat sumbangan daripada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad sebanyak RM 2 juta, dan baki bagi projek ini ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

| SUMBER | JUMLAH |
|---------------------------------------------------|------------------|
| Kerajaan Negeri | 3,700,000 |
| Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad ** | 2,000,000 |

***Nota : Sumbangan ini disimpan dalam Tabung Amanah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : TUTUP KILANG

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyakkah kilang-kilang industri yang terpaksa ditutup di negeri Selangor ekoran kegawatan ekonomi?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam merangsang menarik pelabur-pelabur luar di samping terus mengekalkan pelabur-pelabur sedia ada?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Tenaga Kerja Selangor melaporkan terdapat 23 majikan yang telah menutup operasi sepenuhnya (serta merta) daripada 68 majikan yang terlibat dengan pemberhentian.
- b) Bagi tahun 2009, Kerajaan negeri mensasarkan pelaburan melebihi RM 8 bilion. Bagi mencapai sasaran ini beberapa langkah dan strategi sedang dan akan dilaksanakan seperti berikut:-
 - i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - viii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix) Penambahbaikan fungsi SSIC Berhad bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - x) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - xi) "Hand hold" program.
 - xii) Penganjaran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara

- xiii) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.
- xiv) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PETERNAKAN BABI DI TUMBUK

105. Kita sedia maklum penternakan moden ini adalah mesra persekitaran.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah ia sudah bermula operasi seperti yang ditunggu-tunggukan.
- b) Apakah rancangan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu perpindahan ladang-ladang di sekitar tempat luar daripada Tumbuk.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedang menilai semula kelulusan Kerajaan Negeri terdahulu berhubung "*Modern Pig Farming*" kerana lot yang diluluskan tidak bersambung antara satu lot dengan lot yang lain. Ini mungkin akan menimbulkan isu di kemudian hari.
- b) b) Kerajaan Negeri akan mewartakan Ladang Tumbuk sebagai '*Modern Pig Farming*' bagi membolehkan Enakmen Ternakan Babi 1991 di kuatkuasakan. Melalui enakmen semua penternak wajib untuk menyertai '*Modern Pig Farming*' jika ingin meneruskan ternakan. Tindakan undang-undang boleh dikenakan jika gagal / enggan menyertai "*Modern Pig Farming*".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK: MASALAH EKONOMI GLOBAL - PEMBERHENTIAN KERJA

106. Berkenaan dengan syarat pemberhentian kerja di mana semakin ramai pekerja diberhentikan kerja disebabkan oleh masalah ekonomi global.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri berkenaan dengan masalah tersebut ?
- b) Bagaimanakah dengan dasar Kerajaan Negeri yang ingin menjadikan negeri Selangor sebagai kerajaan kebajikan seandainya masalah pengangguran semakin bertambah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklumbalas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu berhubung pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
 - i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
 - ii) *Selangor State Investment Centre* (SSIC) Berhad;
 - iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
 - iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
 - v) Ibupejabat Polis Kontijen (IPK) Negeri Selangor;
 - vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
 - vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
 - viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
 - ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
 - x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
 - xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenalpasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan samada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
 - iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat pentauliahannya daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekaligus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan
 - iv) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklumbalas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor
- b) Bagi menghadapi masalah tersebut, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara menerusi pelaksanaan pelbagai program dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang .

Selain itu, terdapat beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah mereka yang terlibat dalam pemberhentian kerja seperti Caruman Takaful bagi Orang Kurang Upaya (OKU) /anak yatim, bantuan kepada peniaga muda; bimbingan perniagaan kepada belia, bantuan anak ke nurseri RM75 sebulan/orang, bantuan anak pra sekolah RM50 sebulan/orang, bantuan mendirikan rumah tangga, elaun ibu tunggal, elaun khas suri rumah dan bantuan memiliki kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat dalam menghadapi krisis ekonomi global.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : TAWARAN PENGAMBILALIHAN KONSESI AIR

107. Dilaporkan bahawa Kerajaan Negeri mahu mengambil alih konsesi air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bolehkah diterangkan bagaimana proses pengambilalihan ini akan dibiayai?
- b) Memandangkan pengambilalihan ini akan diikuti dengan penyerahan kepada kerajaan persekutuan pada harga yang telah mengambil kira harga pengambilalihan, apakah jaminan Kerajaan Negeri akan dapat memperoleh semula kos pengambilalihan itu?

JAWAPAN :

- a) Industri perkhidmatan air Negeri Selangor pada ketika ini beroperasi secara *segmented* di mana terdapat empat (4) buah syarikat yang mengendalikan operasi perkhidmatan air dan mempunyai Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Negeri Selangor. Tiga (3) buah syarikat untuk memproses air mentah dan mereka menjualnya kepada SYABAS yang beroperasi mengagihkan air terawat kepada pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Keempat-empat syarikat ini telah diberi konsesi untuk beroperasi di samping membangunkan aset-aset bekalan air seperti empangan dan loji rawatan air. Dalam masa sama, Kerajaan Negeri Selangor juga mempunyai aset-aset yang telah dibina sebelum proses penswastaan.

Proses pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air adalah melibatkan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor dan aset-aset milik syarikat pemegang konsesi. Aset-aset milik pemegang konsesi akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah syarikat milik Menteri Kewangan di Perbadankan. PAAB akan membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor nilai-nilai aset ini. Maka dengan hasil pembayaran ini, Kerajaan Negeri akan membayar kepada pemegang konsesi aset-aset yang dahulunya milik mereka.

Kaedah ini membolehkan syarikat yang mengoperasi perkhidmatan air beroperasi secara *asset light* iaitu hanya mengeluarkan perbelanjaan pengurusan tanpa perlu menanggung kos perbelanjaan modal. Perkara ini membolehkan kenaikan tarif akan dapat diminimumkan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan sebuah panel bebas bagi mengkaji dan mencadangkan kaedah terbaik dalam menstrukturkan semula industri ini. Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil alih semua aset-aset milik syarikat konsesi dan menjualnya kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. yang akan membeli aset-aset ini bersekali dengan aset-aset yang dimiliki Kerajaan Negeri. Aset-aset ini dinilai dengan menggunakan kaedah nilai permodalan (*capitalised value*) dengan memberi insentif sebanyak 12% kepada semua pemegang konsesi. Pembiayaannya dilaksanakan menggunakan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor yang turut dijual kepada PAAB. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sumber yang mencukupi dan mendapat *value for money* di mana kepentingan rakyat menjadi keutamaan dalam melaksanakan proses penstrukturkan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan pendidikan alternatif yang didasarkan untuk anak-anak sekolah yang mengikuti pendidikan formal di sekolah-sekolah?
- b) Berapakah peruntukan yang dibajetkan untuk sekolah-sekolah agama di bawah jagaan JAIS dalam tahun 2008?
- c) Apakah rancangan dan peruntukan yang digunakan untuk pembangunan pendidikan pra-sekolah di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Pelajaran melaksanakan dasar pendidikan kebangsaan.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan belanja mengurus tahun 2008 untuk sekolah agama kelolaan JAIS seperti berikut :

| | | |
|-------------------------------------------|---|-------------------------|
| Emolumen | - | RM 44,320,861.90 |
| Jumlah perkhidmatan dan bekalan | - | RM 21,411,590.00 |
| Jumlah pemberian dan kiraan bayaran tetap | - | RM 8,446,027.00 |
| Jumlah | - | RM 74,178,478.90 |

- c) Rancangan perluasan program pra-sekolah KPM 2010 adalah
 - 76 buah sekolah pra-sekolah akan dibina menjadikan jumlah 733 keseluruhan kelas pra-sekolah pada 2010.
 - Peruntukan pembangunan untuk membina atau mengubah suai kelas
 - Peruntukan penyelenggaraan, bantuan makanan harian, per kapita

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Pelancongan merupakan sektor yang mampu membawa keuntungan dan membawa hasil kepada kerajaan negeri. Berapakah jumlah pelancong luar dan dalam negeri yang telah melawat negeri Selangor dan berapakah anggaran hasil pendapatan dari sektor ini pada tahun 2008 yang lalu. Apakah kerajaan negeri sudah mengenal pasti tempat-tempat rekreasi atau tumpuan baru yang boleh dimasukkan ke dalam peta pelancongan negeri? Kalau sudah, di manakah lokasi-lokasi tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelancong luar dan dalam negeri yang telah melawat Negeri Selangor bagi tahun 2008 serta anggaran hasil pendapatan adalah seperti berikut :-

| | 2008 |
|----------------------------------|--------------------|
| Domestik (Malaysia) | 3,075,889 |
| Asing / Antarabangsa | 2,601,332 |
| JUMLAH | 5,677,221 |
| Anggaran Hasil Pendapatan | RM3,982,002,808.00 |

Nota : Statistik disusun dan disediakan oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor (12 Februari 2009)

Tempat-tempat rekreasi atau tumpuan baru yang telah dikenal pasti dan boleh dimasukkan ke dalam peta pelancongan negeri adalah seperti berikut :-

| BIL | TEMPAT-TEMPAT REKREASI / TUMPUAN BARU |
|------------|----------------------------------------------|
| 1 | Gunung Cenuang, Hulu Langat |
| 2 | Galeri Sate, Hulu Langat |
| 3 | Bukit Batu, Hulu Langat |
| 4 | Tasik Idaman, Sepang |
| 5 | Bukit Takun, Selayang |
| 6 | Galeri Diraja, Klang |
| 7 | Istana Alam Shah, Klang |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEKEBUN KECIL KELAPA

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa yang menghadapi kenaikan kos hidup yang semakin tinggi ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk memberikan bantuan subsidi kepada mereka dan jika ya, berapakah jumlah peruntukan kewangan yang disediakan dalam tahun 2008 ?

JAWAPAN :

- a) Langkah diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa oleh pihak negeri antaranya adalah:
 - i) Menggalakkan petani menjual kelapa muda kerana harga yang boleh diperolehi adalah 40% lebih tinggi dari jualan kelapa tua.
 - ii) Menambah pendapatan petani dengan mewujudkan industri hiliran daripada hasil kelapa seperti industri minyak kelapa dara dan kraftani.
 - iii) Menambah pendapatan petani dengan mengusahakan tanaman selingan seperti pisang, jagung dan nanas.
- b) Pihak kerajaan tidak menyediakan subsidi khusus untuk petani kelapa tetapi insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti :
 - i) Program tanam semula kelapa pada kadar RM6500/hektar dengan pemberian input dan infrastruktur pertanian.
 - ii) Program Pemulihan Kawasan Kelapa pada kadar maksimum RM2500/hektar.

Peruntukan disediakan untuk industri kelapa oleh pihak kerajaan negeri adalah sebanyak RM600,000.00 manakala peruntukan kerajaan persekutuan untuk industri kelapa Selangor adalah RM877,500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PENGAMBILALIHAN OPERASI BEKALAN AIR DI NEGERI SELANGOR

111. Kerajaan Negeri telah dilaporkan menawarkan bayaran sebanyak RM5.186b kepada Puncak Niaga Holdings Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) bagi mengambil alih operasi bekalan air di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rasionalnya pengambilalihan ini?
- b) Daripada sumber manakah jumlah sebanyak RM5.186b bagi pengambilalihan tersebut diperolehi?
- c) Apakah jaminan bahawa langkah ini mendatangkan lebih banyak kebaikan kepada pengguna air di negeri ini?

JAWAPAN :

- a) Penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor bermatlamatkan untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat di Negeri Selangor.

Seperti mana sedia maklum, perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor yang ada pada masa ini adalah berbentuk berasingan (segmented) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Bermula dari tahun 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan aktiviti rawatan air kepada beberapa operator iaitu Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd, SPLASH dan ABASS, manakala pada tahun 2004 aktiviti pengagihan bekalan air telah diswastakan kepada SYABAS.

Kerajaan Negeri Selangor mendapati bahawa penswastakan bekalan air yang telah diamalkan ini tidak berpandukan kepada pendekatan holistik. Pada masa yang sama, hampir keseluruhan perjanjian konsesi sedia ada memberi keuntungan kepada operator seperti kenaikan tarif air atau kadar air pukal (Bulk Supply Rate) secara automatik atau bayaran pampasan kepada operator sekiranya kenaikan tarif tidak dibenarkan oleh Kerajaan. Fenomena ini merugikan Kerajaan Negeri khususnya dan rakyat amnya.

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh beberapa negeri termasuk negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Dalam perbahasan mengenai Impak Terhadap Penguatkuasaan Akta tersebut di dalam sidang Dewan Rakyat pada 30 Jun 2008, dalam melaksanakan dasar-dasar penyusunan semula industri perkhidmatan air, Kerajaan Persekutuan telah menyatakan ciri-ciri seperti berikut:-

- i) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
- ii) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
- iii) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Melalui pengambilalihan semua konsesi air di Selangor, satu struktur perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan di mana syarikat air tersebut adalah dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengwujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Struktur baru ini dapat mengwujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

Di bawah struktur baru ini, operator akan beroperasi secara *asset light* di mana pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibuat oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Operator akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

- b) Proses pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air adalah melibatkan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor dan aset-aset milik syarikat pemegang konsesi. Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil alih semua aset-aset milik syarikat konsesi dan menjualnya kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. PAAB akan membeli aset-aset bersama dengan aset-aset yang dimiliki Kerajaan Negeri. Aset-aset ini dinilai dengan menggunakan kaedah nilai permodalan (*capitalised value*). PAAB akan membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor nilai-nilai aset ini. Maka dengan hasil pembayaran ini, Kerajaan Negeri akan membayar kepada pemegang konsesi aset-aset yang dahulunya milik mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sumber yang mencukupi dan mendapat *value for money* di mana kepentingan rakyat menjadi keutamaan dalam melaksanakan proses penstrukturan ini.
- c) Melalui pengambilalihan semua konsesi air di Selangor, satu struktur perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan dengan ciri-ciri seperti mana yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Persekutuan:-
- i) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
 - ii) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
 - iii) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini di mana rakyat mendapat manfaat hasil kemakmuran ekonomi negeri Selangor.

Struktur baru ini dapat mengujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

Di bawah struktur baru ini, operator akan beroperasi secara *asset light* di mana pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibuat oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Operator akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, segala sumber yang diperolehi akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m³ air percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MASJID-MASJID DI SELURUH SELANGOR

112. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci berapa buah Masjid di seluruh Selangor yang dalam peringkat perancangan dan bilakah ia akan dimulakan pembinaannya?
- b) Bagi memastikan pembinaan masjid ini lama ditangguhkan apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menyegerakan pembinaannya yang telah pun mempunyai tanah untuk didirikan?
- c) Berapakah anggaran peruntukan terendah dan tertinggi yang dapat disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi kos membaik pulih serta kos penyelenggaraan bagi sesuatu masjid?

JAWAPAN :

- a) Terdapat sebanyak 10 projek pembinaan masjid baru yang kini sedang dalam peringkat perancangan. Berikut adalah butiran bagi masjid yang dirancang beserta dengan jangkaan tahun pelaksanaannya:

| DAERAH | PROJEK | TAHUN PELAKSANAAN |
|----------------|-------------------------------------------------------------|-------------------|
| Petaling | Cadangan Membina Masjid Kampung Lindungan, PJS 6 | 2009 |
| Klang | Cadangan Membina Baru Masjid Telok Gadong | 2009 |
| Kuala Langat | Cadangan Membina Masjid Kampung Jenjarom | 2010 |
| Hulu Langat | Cadangan Membina Baru Masjid Taman Rakan | 2009 |
| | Cadangan Membina Baru Masjid Sungai Ramal Luar | 2009 |
| Kuala Selangor | Cadangan Membina Masjid Ubudiah, Sungai Darah, Ijok | 2009 |
| | Cadangan Membina Baru Masjid Pekan Jeram | 2009 |
| | Cadangan Membina Masjid Kampung Haji Razali, Tanjung Karang | 2009 |
| | Cadangan Membina Baru Masjid Ladang Tuan Mee, Ijok | 2009 |
| Sabak Bernam | Cadangan Membina Masjid Taman Padu Permai | 2010 |

b) Tapak – tapak masjid yang telah disediakan tetapi belum dibina masjid kebiasaannya disebabkan oleh faktor – faktor berikut:

i) Nisbah penduduk yang tidak mencukupi;

Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor 2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) telah menetapkan bagi pembinaan masjid tempatan (masjid taman), penduduk yang diperlukan adalah sekurang – kurangnya 20,000 penduduk Islam dalam suatu kawasan / taman.

Bilangan penduduk ini ditetapkan agar masjid yang dibina adalah senantiasa diimarahkan agar kemakmuran masjid terjaga.

ii) Terdapat masjid yang berhampiran yang berada dalam lingkungan radius 2 km;

Faktor yang kedua pula berdasarkan ketetapan yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di mana perkara ini dilaksanakan bagi mengelakkan terlalu banyaknya masjid di dalam suatu kawasan dan mengelakkan terjadinya perpecahan kariah kerana wujudnya masjid – masjid yang berdekatan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius keperluan pembinaan masjid di kawasan – kawasan taman perumahan dan perkara ini sentiasa dipantau dan tindakan yang bersesuaian akan diambil berdasarkan kepada situasi setempat.

c) Pembaikpulihan dan penyelenggaraan sesuatu masjid oleh Kerajaan Negeri akan dilaksanakan berdasarkan kepada pembaikpulihan dan penyelenggaraan bagi membolehkan **masjid berfungsi dengan baik** seperti contoh:

- i) membaiki bumbung bocor;
- ii) membaiki sistem bekalan elektrik masjid;
- iii) membaiki sistem perpaipan dan tandas; dan lain – lain.

Bagi setiap item pembaikpulihan ini, kos maksimum telah ditetapkan pada RM 50,000 bagi setiap kerja. Namun, pertimbangan lanjut akan dibuat oleh jabatan terlibat bagi kerja – kerja pembaikpulihan yang melebihi daripada nilai ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PELABURAN NEGARA ASING

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan Negara kita sedang menghadapi krisis kewangan dunia, apakah langkah-langkah spesifik Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan asing ke negeri ini?
- b) Apakah masalah-masalah yang dijangka bakal dialami sekiranya penarikan semula pelaburan asing berlaku.

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2009, Kerajaan negeri mensasarkan pelaburan melebihi RM 8 bilion. Bagi mencapai sasaran ini beberapa langkah dan strategi sedang dan akan dilaksanakan seperti berikut:-
 - 1. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - 2. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - 3. Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - 4. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - 5. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - 6. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - 7. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - 8. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

9. Penambahbaikan fungsi SSIC Berhad bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 10. Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 11. "Hand hold" program.
 12. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara
 13. Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.
 14. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- b) Beberapa masalah yang dijangkakan akan berlaku hasil daripada penarikan pelabur asing adalah seperti berikut;-
1. Berlaku kelembapan kepada kadar pertumbuhan KDNK negeri kerana sektor perindustrian merupakan sektor penyumbang utama kepada KDNK Negeri Selangor.
 2. Kejatuhan ekonomi global yang melanda sekarang menyebabkan terdapat pelabur-pelabur asing yang masih menanguhkan perancangan pelaburan mereka. Ini secara langsung akan menyebabkan pertumbuhan didalam sektor perindustrian dijangkakan agak perlahan pada tahun 2009.
 3. Pemberhentian pekerja akan berlaku menyebabkan kadar pengangguran akan meningkat. Ini secara langsung akan memberi kesan kepada peningkatan masalah sosial seperti peningkatan kadar jenayah.
 4. Pembangunan projek-projek baru dalam sektor perkilangan akan tertangguh kerana kekurangan modal kewangan syarikat bagi pembangunan projek. Ini menyebabkan peluang pekerjaan tidak dapat dijana.
 5. Penurunan permintaan kepada kawasan-kawasan industri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : KEGAWATAN EKONOMI

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaiakah pekerja-pekerja di negeri Selangor yang terpaksa di berhentikan akibat kegawatan ekonomi?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi membantu memulihkan keadaan yang berlaku sekarang ini?
- c) Apakah perancangan yang dilakukan terhadap pekerja asing dalam menangani kemelut ekonomi sekarang ini?

JAWAPAN:

- a) Data sehingga 13 Februari 2009 daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor menunjukkan seramai 2636 orang telah diberhentikan daripada pekerjaan yang terdiri daripada 1785 orang pekerja tempatan dan 851 orang pekerja asing.
- b) Antara langkah Kerajaan Negeri bagi membantu memulihkan keadaan adalah seperti berikut:
 - i) membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan sama ada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan; dan
 - iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan dan ianya juga dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan.

- c) Kerajaan Negeri telah membangkitkan isu pekerja asing yang ramai di Malaysia khususnya di negeri Selangor dengan menyarankan kepada Kerajaan Pusat supaya pengambilan pekerja asing dihadkan terutama dalam sektor elektronik, pembuatan dan perkhidmatan memandangkan kurang permintaan di dalam sektor tersebut. Tindakan ini bukan sahaja boleh mengurangkan kos penyelenggaraan pekerja asing yang telah diberhentikan atau tamat kontrak, malah akan membuka lebih ruang serta peluang pekerjaan kepada warga tempatan

Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pengambilan pekerja asing adalah mengikut kontrak yang telah ditandatangani sebelum pengambilan dilakukan dan para majikan tidak boleh memberhentikan pekerja asing sebelum tamat tempoh kontrak melainkan sejumlah pampasan dibayar mengikut terma perjanjian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PUSAT PEMBUANGAN SAMPAH SUNGAI SEDU

115. Pada tahu lalu Kerajaan berjanji untuk menutup Pusat pembuangan Sampah Sungai Sedu, Banting, pada akhir Oktober namun ia tidak dilaksanakan. Pada awal Januari 2009, terdapat akhbar menggunakan "sumber tidak rasmi" melaporkan kerajaan akan menutup pusat pembuangan sampah ini pada Jun 2009.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah jangkaan sebenarnya tempat pembuangan sampah ini ditutup?
- b) Apakah program pemulihan yang akan dijalankan ke atas "landfill" ini?

JAWAPAN :

- a) Tapak Pelupusan Sampah Sungai Sedu akan ditutup sejurus operasi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Tanjung Dua Belas dibuka. Buat masa ini, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Tanjung Dua Belas masih di dalam pembinaan dan dijangka beroperasi pada Jun 2009. Kerajaan Negeri sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan di Tapak Pelupusan Sampah Sungai Sedu agar masalah aduan bau dapat dikurangkan.
- b) Kerajaan Negeri akan menggunakan konsep "*safety closure*" seperti yang dilaksanakan di tapak-tapak pelupusan sebelum ini. Konsep ini dilaksanakan dengan menjalankan "Penutupan Tapak Secara Selamat Dan Pasca-penutupan Tapak (Tapak Sedia Ada)". Komponen utama yang terdapat dalam cadangan penutupan dan pasca-penutupan tapak adalah seperti berikut :
 - "*Capping*" atau sistem penutupan tapak;
 - Sistem pengurusan leachate;
 - Sistem pengurusan gas tapak;
 - Sistem saliran dan air larian permukaan;
 - Pelan landskap;
 - Pemantauan alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : MASALAH KEBUN KERANG DAN WARGA ASING

116. Kita sedia maklum, benih kerang berkualiti tinggi yang terdapat di pantai-pantai Kuala Selangor sememangnya mendapat permintaan yang cukup baik dan pengambilan benih kerang semula jadi oleh nelayan pesisir pantai cukup aktif pada ketika ini dan menjadi sumber pendapatan lumayan kepada mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejak sekian lama, nelayan pesisir pantai yang berlesen khususnya di Sungai Buluh, Sg Sembilang dan sekitarnya untuk mengambil benih kering terpaksa berhadapan dengan kerenah dan saingan daripada nelayan-nelayan haram dari kalangan warga asing. Apakah tindakan-tindakan yang sudah diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan untuk menangani masalah ini?
- b) Sehingga kini berapakah jumlah warga asing yang sudah dikenakan tindakan dan nyatakan perinciannya?
- c) Nelayan pesisir pantai juga berhadapan saingan dengan nelayan laut dalam yang menggunakan pukut tunda di persisiran pantai. Apakah tindakan yang sudah diambil oleh pihak berwajib bagi mengatasi masalah yang sering berulang dan tiada penghujungnya lagi ini?

JAWAPAN :

- a) Kejadian benih kerang semula jadi hanya berlaku sekali setahun atau 2 tahun sekali pada sesuatu tempat di kawasan dataran berlumpur yang kering semasa air surut. Di sepanjang pantai dari Klang ke Sabak Bernam, kejadian benih berlaku berperingkat-peringkat. Kebanyakan warga asing yang terlibat dengan pengambilan benih kerang di Sungai Buluh dan di Sungai Sembilang ialah yang mempunyai taraf penduduk tetap dan juga yang bekerja dengan beberapa pengusaha tempatan, termasuk pemilik vessel menangkap ikan tempatan. Pekerja asing yang bekerja dengan vessel tempatan, pemilik vessel dikenakan kompaun di bawah Akta Perikanan 1985, manakala yang lain diserahkan kepada sama ada polis atau Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.
- b) Dari 2006 hingga sekarang , seramai 24 warga asing telah ditangkap. 13 daripadanya telah dikenakan kompaun ke atas pemilik vesel dan yang lain diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

- c) Jabatan Perikanan menjalankan rondaan dan pemantauan berkala di sepanjang pesisir pantai bagi membendung pencerobohan pukut tunda di zon "A" di bawah 5 batu notika. Semua kes tangkapan dikenakan kompaun di bawah Akta Perikanan 1985. No vesel terlibat akan diserahkan kepada LKIM untuk ditahan subsidi minyak. Selain dari itu, penglibatan nelayan pantai juga digembelinkan. Usaha ini menjadi lebih mantap dengan pelancaran "Rakan Fish" pada awal tahun ini. Rakan Fish menjadi mata dan telinga bagi pihak Jabatan dan ia amat berkesan membendung pencerobohan pukut tunda. Melalui Rakan Fish ini, nelayan hanya mendapatkan maklumat vesel dan memberikan kepada Jabatan untuk dipanjangkan kepada LKIM bagi tujuan menyekat subsidi minyak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

117. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah program-program pembangunan kawasan luar bandar yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan program-program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan benar menguntungkan rakyat di situ?
- c) Bagaimanakah penyaluran bantuan program pembangunan luar bandar ini dilakukan oleh kerajaan pusat melalui kementeriannya?

JAWAPAN :

- a) Pada asalnya, program – program pembangunan kawasan luar bandar diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) dan dilaksanakan oleh Pejabat – Pejabat Daerah. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri tidak dapat merencanakan sebarang program pembangunan kawasan luar bandar. Segala program pembangunan luar bandar akan diselaraskan dan dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (PPN).
- b) Kerajaan Negeri tidak dapat memastikan program-program pembangunan luar bandar dilaksanakan kerana ianya adalah bukan bidang kuasa Kerajaan Negeri dan keuntungannya juga tidak dapat diukur namun kemudahan yang disediakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) dapat dinilai oleh semua masyarakat kampung.
- c) Seperti yang telah dimaklumkan, penyaluran bantuan program pembangunan luar bandar ini juga dilakukan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) yang disalurkan dari Kerajaan Pusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : GAJI MINIMA UNTUK PEKERJA

118. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri ke arah mengimplementasikan gaji minima RM1500 untuk anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor serta kakitangan Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengenakan syarat gaji minima terhadap pelabur-pelabur asing yang ingin membuka kilang dan industri di Selangor agar rakyat pekerja Selangor dijamin gaji minima?

JAWAPAN :

- a)
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah bidang Kerajaan Persekutuan)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI NEGERI SELANGOR

119. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Berapakah kes banjir kilat yang dilaporkan adalah disebabkan oleh infrastruktur yang tidak lengkap dan di manakah lokasi kes-kes yang berkenaan?
- b) Di manakah dan berapakah projek penyelenggaraan dan penambahan infrastruktur yang telah dijalankan sejak September 2008?
- c) Berapakah kos yang diperlukan untuk menyelenggarakan dan menambah infrastruktur, dan tempoh masa dijangka untuk menyelesaikan masalah banjir kilat.

JAWAPAN :

- a) Dalam tahun 2008, sebanyak 97 kawasan di seluruh Negeri Selangor telah mengalami banjir dan lokasi-lokasinya mengikut daerah adalah seperti berikut :

| Daerah | Jumlah Kawasan Yang Mengalami Banjir |
|----------------|---------------------------------------------|
| Klang | 19 |
| Kuala Langat | 19 |
| Hulu Langat | 14 |
| Petaling | 12 |
| Sepang | 12 |
| Hulu Selangor | 8 |
| Gombak | 8 |
| Kuala Selangor | 5 |
| JUMLAH | 97 |

Bagi kawasan Daerah Hulu Langat tahun 2008 melibatkan 12 kawasan iaitu;

- i) Pekan Kajang
- ii) Kampung Bangi Lama
- iii) Kampung Sungai Sekamat
- iv) Kampung Sungai Serai
- v) Kampung Sungai Ramal
- vi) Kampung Rinching Hulu dan Hilir
- vii) Kg. Sungai Purun
- viii) Taman Hulu Langat Jaya
- ix) Taman Country Height
- x) Kampung Melaka
- xi) Kg. Sungai Jernih
- xii) Taman Indah

- b) Pihak kerajaan Negeri Selangor melalui JPS telah melaksanakan kerja-kerja di bawah projek penyelenggaraan dan penambahan infrastruktur dengan peruntukan sebanyak RM 2.3 juta pada tahun 2008. Dari September hingga Disember 2008, sebanyak 33 kerja-kerja sudah dilaksanakan di daerah-daerah yang terlibat seperti berikut :

| Daerah | Kerja-kerja Dilaksanakan | Yang |
|----------------|--------------------------|------|
| Klang | 2 | |
| Kuala Langat | 5 | |
| Sepang | 10 | |
| Hulu Selangor | 7 | |
| Kuala Selangor | 2 | |
| Sabak Bernam | 3 | |
| JUMLAH | 33 | |

Bagi kawasan Daerah Hulu Langat, kos penyelenggaraan dari September tahun 2008 melibatkan sebanyak RM1.1 juta dan kawasan yang terlibat iaitu Mukim Ampang, Mukim Kajang, Mukim Cheras, Mukim Hulu Langat, Mukim Semenyih, dan lain – lain mukim.

Nota : Peruntukan di bawah P13-08000-08002 (Infrastruktur asas kawasan pertanian) P13-08000-08001 (Menurap Jalan-jalan ladang), P13-09000-09001 (Pembentong Kekotak)

- c) Dianggarkan sebanyak 1.9 billion diperlukan untuk mengatasi masalah banjir di seluruh negeri. Ini adalah berdasarkan kajian yang dilaksanakan iaitu :
- i) Kajian Klang River Basin Environmental and Flood Mitigation Project (2003),
 - ii) Sg. Langat Intergrated River Basin Management Study (2005) dan
 - iii) Master Plan Study on Flood Mitigation and River Basin Management for Bernam River Basin (2005).

Anggaran kos yang terlibat bagi menaik taraf infrastruktur adalah berdasarkan kepada kajian dan reka bentuk yang dibuat.

Manakala anggaran kos penyelenggaraan yang diperlukan sebanyak RM 3 juta setahun bagi menyelenggara sungai / saliran sedia ada.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pecahan kos projek mengalami banjir mengikut Lembangan Sungai :

| LEMBANGAN SUNGAI | ANGGARAN KOS (RM) |
|-------------------------|--------------------------|
| Sg. Langat | 1,000,000,000 |
| Sg. Klang | 322,300,000 |
| Sg. Bernam | 136,800,000 |
| Sg. Selangor | 38,340,000 |
| Sg. Buloh | 402,600,000 |
| JUMLAH | 1,900,040,000 |

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : KEMELESETAN DAN KEGAWATAN EKONOMI SEDUNIA
(PENUTUPAN KILANG)**

120. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kilang perusahaan milik pelabur tempatan dan asing yang telah menutup operasi di Negeri Selangor kesan daripada kegawatan ekonomi sedunia?
- b) Berapakah jumlah pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan masing-masing kesan daripada penutupan operasi kilang-kilang perusahaan di Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan?

JAWAPAN :

- a) Sehingga hari ini sebanyak dua syarikat milikan asing yang telah memaklumkan akan membuat penutupan syarikat secara berperingkat kepada SSIC Berhad. Syarikat tersebut ialah **Flextronics Technology (Shah Alam) Sdn Bhd** dan **Sidel Industry (Malaysia) Sdn Bhd**. Dijangkakan seramai 2,327 orang pekerja akan terlibat.
- b) Jumlah pekerja yang telah diberhentikan bagi tahun 2008 dan Januari 2009 adalah seperti berikut:-

| Tahun | Pemberhentian Biasa | | | Pemberhentian VSS | | | Jumlah | | |
|--------------|---------------------|-------|--------|-------------------|-------|--------|----------|-------|--------|
| | Tempatan | Asing | Jumlah | Tempatan | Asing | Jumlah | Tempatan | Asing | Jumlah |
| 2008 | 2,733 | 683 | 3,416 | 2,567 | 0 | 2,567 | 5,300 | 683 | 5,983 |
| Jan. 2009 | | | 1,754 | | | 451 | | | 1,205 |

* Sumber : Jabatan Tenaga Kerja, Selangor

- c) Bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklum balas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
- i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
 - ii) Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad;
 - iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
 - iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
 - v) Ibupejabat Polis Kontijen (IPK) Negeri Selangor;
 - vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
 - vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
 - viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
 - ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
 - x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
 - xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan sama ada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
- ii) Membangunkan Selangor Retrenchment Helpline iaitu pendaftaran secara online bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (match-making) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
- iii) Membangunkan Selangor Career Exchange bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan;

- iv) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan
- v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklum balas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

EVACUATION MAP (Phase 2)



CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA





Legend

- Evacuate Area2
- Landslide

| LOKASI | STATUS | JUMLAH UNIT | TEMPOH |
|----------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| JALAN 6A, TAMAN BUKIT JAYA | RUMAH NO. 2,4,6,8,10,12,14,16 MASIH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | 8 | Sehingga kerja-kerja penstabilan cerun dan tembok penahan (RC Wall) siap dijalankan |
| TAMAN BUKIT MEWAH | SEBAHAGIAN NO. RUMAH : i) 6,7,8,9,10, 19, 20, 21 DI JALAN BUKIT ANTARABANGSA ii) 1, 40 Jalan Bukit Mewah 2, Taman Bukit Mewah iii) 5,6,7 Jalan Bukit Mewah 1, Taman Bukit Mewah ADALAH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | 13 | Sehingga kerja-kerja pemuliharaan cerun runtuh secara kekal selesai dijalankan |
| JALAN WANGSA 9 | KESELURUHAN BLOK RUMAH DARI NO.1,3,5,7,9,11,15,17,19,21,23,25,27, 29,31,33,35,37,39,41,43,45,47 DISEPANJIANG JALAN ADALAH TIDAK SELAMAT DIDUDUKI | 23 | Sehingga kerja-kerja pengukuhan Jalan Wangsa 9 siap dijalankan |
| | JUMLAH | 44 | |

352200 000000 352300 000000 352400 000000 352500 000000 352600 000000

419400 000000 419500 000000 419600 000000 419700 000000 419800 000000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KAWASAN HUTAN SIMPAN RAJA MUSA

121. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini tentang masalah pencerobohan Hutan Simpan Raja Musa bersebelahan dengan ladang Hopefull, Mukim Ulu Tengi.
- b) Setakat ini, apakah bentuk tindakan yang dikenakan terhadap mereka yang menceroboh Hutan Simpan tersebut dan cara penyelesaian yang dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.
- c) Sila nyatakan keluasan keseluruhan rizab Hutan Simpan Raja Musa yang tidak boleh diterokai dan senaraikan kawasan yang dikenal pasti terdapat aktiviti pembalakan haram.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan 7 operasi bersepadu membanteras penerokaan haram di Hutan Simpan Raja Musa. Operasi ini melibatkan aktiviti memusnahkan tanaman serta binaan infrastruktur/pertanian seperti rumah/pondok, reban, jambatan dan perparitan.

| OPERASI | TARIKH | AKTIVITI |
|--------------------------------|------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| Pertama | 20 Mei 2008 | Memusnahkan tanaman dan menutup parit |
| Kedua | 29 Mei 2008 | Memusnahkan tanaman dan menutup parit |
| Ketiga | 27 Ogos 2008 | Memusnahkan tanaman dan menutup parit |
| OPS BERSEPADU RAJA MUSA | 4 Disember 2009 | Memusnahkan tanaman, meroboh insfrastruktur haram |
| Keempat | 15 Disember 2008 hingga 22 Disember 2008 | Memusnahkan tanaman dan menutup parit |
| Kelima | 12 Januari 2009 hingga 16 Januari 2009 | Memusnahkan tanaman dan menutup parit |
| Keenam | 2 Februari 2009 hingga 7 Februari 2009 | Memusnahkan dan menutup parit |
| Ketujuh | 23 Februari 2009 hingga 27 Februari 2009 | Menutup parit |

- b) Sehingga kini, pihak Jabatan Perhutanan Negeri telah berjaya mengeluarkan semua peneroka dari Hutan Simpan tersebut. Tindakan dijalankan secara bersepadu dengan agensi lain seperti Polis, Pejabat Tanah dan RELA. Jabatan telah dan sedang mengambil tindakan pemulihan hutan sejak 10 Disember, 2008 hingga kini. Jabatan Perhutanan Negeri akan mengambil tindakan menggunakan bidang kuasa diberikan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 sekiranya peneroka memasuki dan mengulangi kesalahan ini.

- c) Keluasan keseluruhan rizab Hutan Raja Musa yang tidak boleh diterokai adalah 23,486.43 hektar yang juga merupakan keluasan sebenar Hutan Simpan Raja Musa dan kawasan yang terdapat aktiviti pembalakan haram sebelum ini merupakan kawasan-kawasan terokaan untuk aktiviti pertanian dalam kompartmen 32,70,71,72 73, 99 dan 100 dalam Hutan Simpan Raja Musa yang telah dikesan oleh pihak Jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : RUMAH RETAK DI BUKIT MEWAH KAJANG

122. Masalah rumah retak di Jalan 20 dan 21 Taman Bukit Mewah berlarutan bermula dengan sebuah rumah retak pada tahun 1998 dan kini melibatkan 58 Unit rumah di kedua-dua jalan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Pihak manakah yang perlu bertanggungjawab bagi membela nasib pemilik-pemilik rumah retak berkenaan?
- b) Apakah tindakan yang diambil bagi menjamin keselamatan penghuni-penghuni rumah retak.
- c) Adakah kerajaan memberi ganti rumah baru dengan kos yang meringankan beban mereka.

JAWAPAN :

- a) Pihak Majlis telah mendapat kerjasama daripada pemaju Cekap Corporation Berhad untuk menyediakan penempatan sementara (rumah sewa) di mana kos sewa rumah di tangguh sepenuhnya oleh pemaju bermula dari Februari 2009 sehingga Jun 2010.
- b) Tindakan sementara telah diambil di mana, penduduk yang mengalami masalah keretakan rumah yang serius telah diarahkan berpindah ke tempat yang lebih selamat. Pihak IKRAM juga sedang dalam proses untuk mengkaji kestabilan tembok penahan dan seterusnya mencadangkan kaedah penstabilan cerun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN RUMAH-RUMAH EXCO

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kos penyelenggaraan rumah-rumah EXCO dari tarikh pembinaan sehingga sekarang.

JAWAPAN :

- a) Jumlah kos keseluruhan penyelenggaraan sehingga sekarang adalah sebanyak RM 3,575,000.00.

Maklumat Tambahan

- Rumah-rumah EXCO mula diselenggara pada bulan April 2007 sehingga sekarang.
- Pengiraan terperinci mengikut tahun adalah seperti berikut :-

Tahun 2007

| Bil | Bulan | Bulanan (RM) |
|------------|---------------|---------------------|
| 1 | April | 162,500.00 |
| 2 | Mei | 162,500.00 |
| 3 | Jun | 162,500.00 |
| 4 | Julai | 162,500.00 |
| 5 | Ogos | 162,500.00 |
| 6 | September | 162,500.00 |
| 7 | Oktober | 162,500.00 |
| 8 | November | 162,500.00 |
| 9 | Disember | 162,500.00 |
| | Jumlah | 1,462,500.00 |

Tahun 2008

| Bil | Bulan | Bulanan (RM) |
|------------|---------------|---------------------|
| 1 | Januari | 162,500.00 |
| 2 | Februari | 162,500.00 |
| 3 | Mac | 162,500.00 |
| 4 | April | 162,500.00 |
| 5 | Mei | 162,500.00 |
| 6 | Jun | 162,500.00 |
| 7 | Julai | 162,500.00 |
| 8 | Ogos | 162,500.00 |
| 9 | September | 162,500.00 |
| 10 | Oktober | 162,500.00 |
| 11 | November | 162,500.00 |
| 12 | Disember | 162,500.00 |
| | Jumlah | 1,950,000.00 |

Tahun 2009

| Bil | Bulan | Bulanan (RM) |
|-----|---------------|-------------------|
| 1 | Januari | 162,500.00 |
| | Jumlah | 162,500.00 |

Butir-butir terperinci perkhidmatan penyelenggaraan yang dibuat secara komprehensif adalah seperti berikut :-

| Bil | Skop | Bulanan (RM) | Tahunan (RM) | 5 Tahun (RM) |
|-----|--------------------------|-------------------|---------------------|---------------------|
| 1 | Permulaan | | 150,000.00 | |
| 2 | Mekanikal | 29,000.00 | 348,000.00 | 1,740,000.00 |
| 3 | Elektrik | 20,500.00 | 246,000.00 | 1,230,000.00 |
| 4 | Awam | 10,000.00 | 120,000.00 | 600,000.00 |
| 5 | Pembersihan dan Lanskap | 40,000.00 | 480,000.00 | 2,400,000.00 |
| 6 | CMMS | 3,000.00 | 36,000.00 | 180,000.00 |
| 7 | Kolam Renang | 2,000.00 | 24,000.00 | 120,000.00 |
| 8 | Kawalan Serangga Perosak | 35,000.00 | 420,000.00 | 2,100,000.00 |
| 9 | Pengawal Keselamatan | 23,000.00 | 276,000.00 | 1,380,000.00 |
| | JUMLAH | 162,500.00 | 1,950,000.00 | 9,900,000.00 |

Kos keseluruhan bagi 5 tahun adalah sebanyak RM 9,900,00.0.

Maklumat kontraktor yang dilantik adalah seperti berikut :

| Bil | Perkara | Maklumat |
|-----|--------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Nama Syarikat | ADILOB SDN. BHD. |
| 2 | Ahli Lembaga Pengarah | PENGARAH URUSAN LOB MUHAMMAD BIN ABDUL SHUKUR |
| 3 | Nombor Pendaftaran (ROC) | 197859 D |
| 4 | Alamat Syarikat | NO. 21B JALAN ASTAKA M U8/M SEKSYEN U8 40150 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN |
| 5 | Lesen Pusat Khidmat Kontraktor | 1006 A 2003 0455 KELAS B TARAF BUMIPUTERA |
| 6 | Lesen Kementerian Kewangan | 357-01009620 TARAF BUMIPUTERA |
| 7 | Lesen CIDB | 0120010109-SL061665 GRED G6 |

Syarikat yang bertanggungjawab ialah ADILOB Sdn. Bhd. untuk tempoh 5 tahun bermula pada 1 April 2007 hingga 31 Mac 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA MASJID SELURUH SELANGOR

124. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang digunakan di dalam sistem pemilihan Ahli Jawatankuasa masjid seluruh Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Kriteria yang digunakan adalah mengikut Pekeliling Tatacara Pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid yang berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) pindaan 2001 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Kriteria pemilihan calon adalah seperti berikut :

- i) Calon berumur **tidak melebihi 60 tahun** dan boleh disambung hingga ke umur maksima 65 tahun berdasarkan kepada prestasi dan kesesuaian.
- ii) Tinggal tetap dalam kariah masjid/surau. Peruntukan ini dikekalkan dan dijadikan salah satu kriteria utama.
- iii) Boleh membaca, menulis dan mengira.
- iv) Bagi jawatan Nazir, keutamaan akademik minima ialah mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Agama (SPA) dan keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai Diploma.
- v) Calon Nazir hendaklah mampu mengetuai halaqah-halaqah ringan yang melibatkan Jawatankuasa dan jemaah di samping mampu mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah serta mengetuai majlis tahlil.
- vi) Bagi jawatan Setiausaha, keutamaan hendaklah diberi kepada calon yang memiliki pengalaman dalam bidang kesetiausahaan dan pentadbiran.
- vii) Bagi jawatan Bendahari, keutamaan hendaklah terdiri daripada mereka yang memiliki ilmu dan berkemahiran dalam penyimpanan buku kira-kira.
- viii) Ahli-ahli lain hendaklah terdiri dari mereka yang berlatarbelakangkan pelbagai bidang kemahiran.
- ix) Mempunyai pengetahuan Agama Islam.
- x) Mempunyai akhlak yang mulia dan amanah.
- xi) Selalu membuat amal kebajikan.

- xii) Sihat tubuh badan dan mental.
- xiii) Mempunyai daya kepimpinan.
- xiv) Sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah dan menunjukkan ciri-ciri kreatif serta sering membawa idea-idea baru untuk meningkatkan kemajuan masjid/surau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KESAN KELEMBAPAN EKONOMI KEPADA USAHAWAN

125. Kelembapan ekonomi yang sedang dialami oleh dunia pada ketika ini sudah pastinya memberikan kesan yang sangat dirasai oleh rakyat Malaysia khususnya rakyat di Negeri Selangor memandangkan terdapatnya kilang-kilang berskala besar (MNC) yang telah mula melakukan proses pemberhentian pekerja dan ini secara langsung akan menyebabkan peniaga-peniaga kecil yang merasai kesannya akibat kurangnya perbelanjaan yang dilakukan oleh penduduk di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Dalam membantu keadaan ekonomi yang lembap pada ketika ini, apakah tindakan yang telah diambil bagi membantu usahawan-usahawan sedia ada?
- b) Berapakah ramaikah usahawan yang telah dikenal pasti terpaksa menutup perniagaan mereka khususnya usahawan di dalam kategori mikro dan kecil?
- c) Terdapatkah bantuan-bantuan perniagaan yang baru diwujudkan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan kerjasama dengan pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memberi bantuan pinjaman perniagaan terutama kepada usahawan – usahawan di kawasan bandar dan membantu pekerja – pekerja yang di berhentikan untuk memulakan perniagaan.
- b) Berdasarkan 284 usahawan yang berdaftar di bawah Dataran Usahawan dianggarkan 20 usahawan tidak aktif atau telah memberhentikan operasi. Kerja – kerja mengenal pasti status usahawan – usahawan ini masih sedang dijalankan.
- c) Pada ketika ini tiada bantuan – bantuan perniagaan yang baru disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERNIAGAAN DI RUMAH

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh semua PBT untuk membantu rakyat menangani masalah kemerosotan ekonomi?
- b) Adakah PBT menyokong pemberian lesen kepada rakyat yang ingin menjalankan perniagaan di rumah untuk menjimatkan kos? Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN :

- a) Ekoran daripada kenaikan harga minyak dan barangan, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk membantu meringankan beban rakyat dan salah satu daripadanya adalah pengeluaran permit perniagaan khusus kepada golongan berpendapatan rendah termasuk penjawat awam untuk menjalankan aktiviti perniagaan kecil seperti perniagaan pasar tani, pasar malam atau lain-lain perniagaan kecil yang bersesuaian dalam sesuatu kawasan PBT yang dibenarkan sepertimana yang telah digariskan dalam Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2008 Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, PBT selaku pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam proses pengeluaran permit perniagaan di kawasan masing-masing bertindak untuk melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:
 - i) Mempercepat dan mempermudah urusan mengeluarkan permit perniagaan kecil dan jika perlu memberikan kelonggaran kepada syarat-syarat sedia ada (seperti di Lampiran 1). Proses permohonan hendaklah mesra pelanggan seperti secara *on-line* bagi PBT yang sedia ada sistem tersebut, kaunter bergerak di tempat tumpuan ramai seperti di pusat membeli-belah dan kaunter di PBT. Oleh kerana aktiviti perniagaan kecil tidak menimbulkan sebarang risiko, maka permit boleh dikeluarkan serta merta;
 - ii) Permit hendaklah dikeluarkan untuk suatu tempoh masa yang munasabah, iaitu antara 1 hingga 3 tahun sahaja. Tempoh masa ini hendaklah dikaji oleh PBT bagi menentukan sama ada ianya wajar disambung selepas tamat tempoh. Kadar bayaran untuk permit tersebut hendaklah pada kadar yang munasabah serta tidak membebankan peniaga kecil;
 - iii) Perniagaan kecil yang dibenarkan adalah di kawasan-kawasan **sedia ada** sama ada pasar pagi, pasar malam, pasar tani, kios peniaga kecil atau pusat penjaja bergerak di kawasan yang dibenarkan sahaja. Bagi menggalakkan lagi perniagaan kecil ini, PBT boleh memanjangkan masa berniaga, memanjangkan tempoh hari berniaga seperti contoh dari 2 kali seminggu kepada 3 kali seminggu dan menambah petak-petak penjaja;

- iv) Bayaran fi bagi memproses permohonan permit perniagaan kecil wajar dikecualikan;
 - v) Permit hendaklah dikeluarkan kepada warga negara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut wajar diambil ke atas warga negara Malaysia yang memindah milik permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut;
 - vi) Jenis-jenis perniagaan dan penjaja kecil hendaklah yang tidak melibatkan kacau ganggu kepada masyarakat awam dan kawasan sekeliling;
 - vii) Mengadakan sesi dialog dan perbincangan dari semasa ke semasa bersama para peniaga kecil bagi menyampaikan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh peniaga kecil serta mendapatkan maklum balas berhubung pelaksanaan pengeluaran permit tersebut;
 - viii) Pemantauan dan penguatkuasaan hendaklah diambil dari semasa ke semasa bagi memastikan aktiviti perniagaan kecil ini tidak menimbulkan masalah kacau ganggu kepada orang awam; dan
 - ix) Oleh kerana pengeluaran permit perniagaan kecil turut melibatkan penjawat awam maka kelulusan Ketua Jabatan masing-masing hendaklah dijadikan sebagai dokumen sokongan bagi permohonan permit perniagaan kecil. Kelulusan Ketua Jabatan bagi melakukan pekerjaan luar adalah selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pindaan 2002.
- b) Secara dasarnya, PBT tidak menyokong pemberian lesen kepada rakyat yang ingin menjalankan perniagaan di rumah atau tanah berstatus kediaman kerana bertentangan dengan syarat nyata tanah selaras dengan peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara dan merupakan satu kesalahan salah guna bangunan selaras dengan peruntukan Seksyen 70 (12), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976. Pihak Berkuasa Tempatan hanya melesenkan aktiviti perniagaan di rumah hanya untuk aktiviti perniagaan tadika/ taska sahaja setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perancang dan Bahagian Bangunan. PBT juga kluatir jenis-jenis perniagaan selain taska/ tadika akan menyebabkan kacau ganggu, masalah kebersihan dan pengubahsuaian bangunan sekiranya dibenarkan.

Lampiran 1

Senarai Lesen Perniagaan Serta-Merta (Tanpa Syarat Khusus- Senarai A)

1. Kedai Aksesori Kereta (Jual Sahaja)
2. Kedai Aksesori Wanita
3. Kedai Alat-alat Sukan
4. Kedai Barang Hiasan/ Hiasan Dalaman
5. Kedai Barang Elektrik/ Alat Hawa Dingin
6. Kedai Barang Plastik & Pinggan Mangkuk
7. Kedai Basikal
8. Kedai Bingkai Gambar
9. Kedai Bot/ Jet Ski (Jual Sahaja)
10. Kedai Buku & Alat Tulis
11. Kedai Bunga
12. Kedai Cermin Mata
13. Kedai Dobi
14. Kedai Emas
15. Kedai Gambar
16. Kedai Gunting Rambut
17. Kedai Jahit Pakaian
18. Kedai Jam
19. Kedai Jual Batu Nisan & Keranda
20. Kedai Jual Cermin Kereta & Ekzos Kereta/ Kereta (Jual Sahaja)
21. Kedai Jual Ubatan Cina/ Ubatan Tradisional
22. Kedai Pasu
23. Kedai Komputer
24. Kedai Kraf tangan/ Cenderamata
25. Kedai Kunci
26. Kedai Mainan Kanak-kanak
27. Kedai Menjual Permaidani/ Cermin
28. Kedai Pakaian
29. Kedai Perabot
30. Kedai Peralatan Rumah/ Dapur
31. Kedai Fotostat
32. Kedai Plumbing
33. Kedai Sekolah Jahitan
34. Kedai Telefon/ Aksesori
35. Pejabat Urusan/ Insurans
36. Kedai Jual Peralatan Keagamaan
37. Kedai Jual Peralatan Makmal/ saintifik
38. Butik (Pakaian/kasut/kosmetik)
39. Stor (tidak berisiko)
40. Kedai Kelengkapan Bilik Mandi
41. Kedai Perhiasan Lampu
42. Kedai Andaman Pengantin (Tanpa Perkhidmatan Urut)
43. Kedai Akuarium
44. Pusat Senaman/ Aerobik
45. Kedai Menjual Jubin
46. Kedai Bahan-bahan besi atau Logam
47. Kedai Jual Kereta/ Motosikal Baru
48. Pusat Studio Muzik/ Rakaman
49. Iklan/ Papan Iklan Bercahaya/ Papan Tanda Premis
50. Papan Iklan Tidak Bercahaya

**Senarai Lesan Serta-Merta
(Dengan Syarat Khusus- Senarai B)**

1. Kedai Aiskrim
2. Kedai Kawalan Serangga (Jual Sahaja)
3. Kedai Runcit/ Pasar Mini
4. Kedai Produk Kesihatan/ Makanan Kesihatan
5. Restoran/ Kedai Makan
6. Tadika/ Taska
7. Hotel Bajet/ Rumah Tumpangan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BAJET GENDER

127. “*Gender Budgeting*” telah dikenal pasti sebagai salah satu pendekatan belanjawan yang menggalakkan kewajaran dan keadilan bagi lelaki dan wanita bukan saja dalam perkara berkaitan dasar tetapi juga dalam hal pengagihan sumber-sumber.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri untuk memberi kesedaran kepada para EXCO dan pegawai kerajaan yang di peringkat pembuat dasar, terhadap kebaikan dan keperluan kepada bajet gender?
- b) Bilakah dapat dilaksanakan Bajet Gender ini?
- c) Adakah perkhidmatan yang diberikan setakat ini mengambil kira keperluan dan kecenderungan serta halangan yang dihadapi oleh wanita, lelaki, budak lelaki dan perempuan dan juga kumpulan yang terpinggir secara objektif?

JAWAPAN :

- a) Di dalam Siri Bajet Dialog 2009, 1 kertas kerja yang bertajuk Bajet Gender telah dibentangkan dan dibincangkan. Ini merupakan salah satu langkah untuk memberi kesedaran kepada para EXCO dan pegawai kerajaan yang di peringkat membuat dasar, terhadap kebaikan dan keperluan kepada bajet gender. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kursus yang berkaitan dengan ‘Bajet Gender’ ada ditawarkan di Institut Tadbir Awam Negara (INTAN).
- b) Pelaksanaan Bajet Gender ini masih di dalam peringkat kajian memandangkan keperluan data yang komprehensif bagi setiap gender perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum perancangan di buat.
- c) Ya. Keperluan semua golongan telah di ambil kira dalam penyediaan bajet tahunan mengikut kesesuaian berdasarkan cadangan dan permohonan setiap jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN AGAMA-AGAMA SELAIN ISLAM

128. Sehingga tahun 2006 terdapat sebanyak 810 buah kuil, 1,111 buah tokong dan 27 buah gereja di seluruh negeri Selangor. Peruntukan yang diberikan oleh kerajaan bagi tujuan baik pulih bangunan keagamaan bukan Islam pula hanya berjumlah kurang dari RM3 juta:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam melancar serta menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran agama-agama selain Islam di negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk menambah peruntukan kewangan dalam membangunkan mahupun membaik pulih bangunan keagamaan bukan Islam di seluruh negeri Selangor?
- c) Apakah status pendudukan atau pemilikan tanah rumah-rumah ibadat selain agama Islam di kawasan Hulu Kelang?

JAWAPAN :

- a) Bagi melicinkan pengurusan dan pentadbiran agama-agama selain Islam, Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam bagi menggantikan Jawatankuasa Bangunan Keagamaan Bukan Islam. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Selain Islam telah diadakan pada 6 Jun 2008. Melalui jawatankuasa ini juga majlis-majlis dialog bersama persatuan-persatuan keagamaan selain Islam turut diadakan. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Y.B Tuan Dr A. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam dan dihadiri oleh wakil-wakil persatuan keagamaan bukan Islam dan wakil-wakil NGO. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan dasar dan peranan jawatankuasa yang akan ditubuhkan bagi membincangkan pengurusan hal ehwal selain Islam. Satu garis panduan baru berhubung pengurusan hal ehwal selain Islam turut disediakan sepertimana di **Lampiran A**. Sehubungan dengan itu , kerajaan negeri juga di dalam proses pengumpulan senarai bangunan-bangunan keagamaan selain Islam di Negeri Selangor.
- b) Bagi tahun 2009, Kerajaan Negeri bersetuju menambah peruntukan kewangan bagi bantuan baik pulih dan aktiviti keagamaan selain Islam daripada RM 3 juta kepada RM 6 juta.
- c) Berikut adalah status pendudukan atau pemilikan tanah rumah ibadat jenis kuil yang diperoleh menerusi banciaan yang dijalankan oleh Pejabat Tanah Gombak.

| MUKIM | TANAH H/MILIK | TANAH KERAJAAN | PERSENDIRIAN/ PEMAJU | TANAH REZAB | LAIN- LAIN |
|---------------|--------------------------|---------------------------|---------------------------------|------------------------|-----------------------|
| Batu | 4 | 11 | 2 | 10 | 14 |
| Rawang | 6 | 9 | 1 | 2 | 19 |
| Setapak | 1 | 2 | 0 | 5 | 0 |
| Hulu Klang | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |

**GARIS PANDUAN BERHUBUNG HAL EHWAL SELAIN ISLAM DAN PERANAN
JAWATANKUASA HAL EHWAL SELAIN ISLAM NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menetapkan segala prosedur berhubung pembinaan, perobohan dan bantuan kewangan bagi bangunan keagamaan selain Islam di dalam Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri sering berdepan dengan pelbagai isu berhubung bangunan keagamaan selain Islam di Selangor.
- 2.2 Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMK ke 6/2008 yang diadakan pada 30 April 2008 telah menimbang dan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam yang dipengerusikan bersama oleh Y.B Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanadam, Y.B Cik Teresa Kok Suh Sim dan Y.B Tuan Liu Tian Khiew. Jawatankuasa ini akan mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan agama bukan Islam dan akan meneliti inventori-inventori rumah-rumah keagamaan bukan Islam.
- 2.3 Satu mesyuarat juga telah diadakan pada 6 Jun 2008 dan dipengerusikan oleh Y.B Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam dan dihadiri oleh wakil-wakil persatuan keagamaan bukan Islam dan wakil-wakil NGO. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan dasar dan peranan jawatankuasa yang akan ditubuhkan bagi membincangkan hal ehwal bukan Islam.
- 2.4 Walau bagaimanapun, mesyuarat tersebut telah membuat keputusan untuk menamakan semula jawatankuasa yang akan ditubuhkan kepada **Jawatankuasa Hal-Ehwal Selain Islam**.

3. KEAHLIAN JAWATANKUASA

- 3.1 Setiap permohonan tanah kerajaan, tukar syarat tanah untuk pembinaan bangunan keagamaan selain Islam perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang dipengerusikan bersama oleh tiga (3) EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Keahlian jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:
- i. Y.B Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam, (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri),
 - ii. Y.B Cik Teresa Kok Suh Sim (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri),
 - iii. Y.B Tuan Liu Tian Khiew (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri),

- iv. Empat (4) orang Y.B ADUN selain Islam yang terpilih,
 - v. Semua Pegawai Daerah,
 - vi. Semua Datuk Bandar dan Yang Dipertua Majlis, dan
 - vii. Ketua-ketua jabatan seperti berikut:
 - Jabatan Kerja Raya (JKR)
 - Jabatan Parit dan Saliran (JPS)
 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
 - Jabatan Perhutanan
 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTG)
 - Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
 - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
 - Seorang daripada tujuh (7) wakil persatuan-persatuan agama yang terpilih.
 - viii. Urus setia bagi Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam adalah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri
- 3.2 Kekurangan bagi mengadakan mesyuarat jawatankuasa ini ditetapkan sebanyak enam (6) kali setahun atau dua (2) bulan sekali.

4. PERANAN DAN FUNGSI JAWATANKUASA

- 4.1 Menyelesaikan masalah isu-isu mengenai bangunan-bangunan keagamaan bukan Islam.
- 4.2 Memperakukan permohonan pemberimilikan tanah bagi tapak baru dan penggantian tapak bangunan keagamaan bukan Islam.
- 4.3 Setiap bangunan keagamaan selain Islam yang berusia lebih daripada seratus tahun yang dibina di atas tanah persendirian mahupun tanah kerajaan harus diiktiraf sebagai bangunan bersejarah bagi mengelakkan berlaku sebarang pencerobohan berpandukan Akta Antikuiti 1976.
- 4.4 Memperakukan kelulusan pelan bangunan keagamaan selain Islam.
- 4.5 Mengesyorkan bantuan kewangan yang setimpal diberikan kepada bangunan keagamaan yang layak.
- 4.6 Menentukan jangka masa yang sesuai bagi tujuan pemindahan mana-mana bangunan keagamaan.
- 4.7 Setiap permohonan tanah yang disampaikan ke pejabat tanah harus dikaji dan diambil tindakan susulan untuk dikemukakan bagi kelulusan jawatankuasa dalam masa enam (6) bulan.
- 4.8 Pemaju diminta menyediakan tapak bangunan keagamaan bukan Islam bagi pembangunan melebihi 100 ekar.

5. PEMBINAAN BANGUNAN KEAGAMAAN SELAIN ISLAM

- 5.1 Setiap permohonan pembinaan bangunan keagamaan hendaklah dipohon atas nama persatuan melalui Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 5.2 Keluasan tanah untuk kegunaan bangunan keagamaan selain Islam sedia ada di tapak adalah mengikut keluasan asal bangunan tersebut. Keluasan bangunan keagamaan selain Islam di tapak baru sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju dan bagi tujuan pemindahan adalah ditetapkan tidak melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, jawatankuasa boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi mengikut kes-kes tertentu.
- 5.3 Tapak bangunan keagamaan selain Islam tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.
- 5.4 Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam adalah tidak dibenarkan di bina di kawasan lapang.
- 5.5 Penentuan jenis bangunan keagamaan selain Islam adalah ditetapkan mengikut komposisi kaum.
- 5.6 Ketinggian yang dibenarkan adalah tertakluk kepada garis panduan dan undang-undang yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 5.7 Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam tidak akan menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam atau lalu lintas.
- 5.8 Bangunan keagamaan yang dipindahkan dicadangkan untuk ditempatkan secara tetap.

6. BANTUAN KEWANGAN

- 6.1 Peruntukan kewangan yang akan diberikan kepada setiap bangunan keagamaan adalah bergantung kepada jumlah peruntukan semasa yang diluluskan oleh kerajaan negeri.
- 6.2 Bantuan kewangan akan diberikan kepada bangunan keagamaan bagi tujuan berikut:
 - i. Baik pulih bangunan keagamaan sedia ada;
 - ii. Sumbangan bagi tujuan pemindahan bangunan keagamaan yang dirobohkan; dan
 - iii. Pendidikan keagamaan.
- 6.3 Peruntukan diluluskan hanya untuk bangunan keagamaan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sahaja dan mempunyai status tanah yang sah sahaja.
- 6.4 Peruntukan perlu dipohon melalui wakil rakyat tempatan.

7. TATACARA PEROBOHAN

- 7.1 Semua urusan perobohan bangunan keagamaan perlu dirujuk kepada jawatankuasa ini terlebih dahulu.
- 7.2 Jawatankuasa akan meninjau dan meneliti keadaan sebelum tindakan perobohan dan memberikan cadangan terbaik bagi menyelesaikan sebarang isu.
- 7.3 Bagi struktur tanpa kebenaran (haram) yang baru dimulakan mestilah dirobohkan oleh pihak berkuasa (PBT/PTD) dengan serta-merta.
- 7.4 Bagi struktur tanpa kebenaran (haram) yang telah sedia ada di tapak yang menghalang projek-projek pembangunan tindakan berikut perlu diambil:

7.4.1 Atas Tanah Kerajaan

Kerajaan akan menimbang untuk menyediakan tapak ganti di tempat yang bersesuaian.

7.4.2 Atas Tanah Milik

Pemilik tanah dikehendaki menyediakan tapak gantian atau membayar kos tanah ganti mengikut persetujuan antara pemilik dan jawatankuasa bangunan keagamaan terlibat.

a. Tanah Hak Milik

- Pemilik, PBT, Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Y.B Exco terlibat perlu mengadakan perbincangan dengan jawatankuasa bangunan keagamaan tersebut.
- PBT perlu mensyaratkan pemaju seperti berikut:
 - i. menyediakan tapak ganti sebelum pelan pembangunan diluluskan; atau
 - ii. membayar sejumlah wang untuk membeli tapak gantian dengan persetujuan jawatankuasa bangunan keagamaan terlibat.

b. Atas Tanah Kerajaan

- Pemilik, PBT, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Y.B Exco terlibat perlu mengadakan perbincangan dengan jawatankuasa bangunan keagamaan tersebut.
- Kerajaan akan menyediakan tapak ganti yang bersesuaian (jika perlu) untuk pemindahan bangunan keagamaan terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERUMAHAN (MASALAH PENEMPATAN SETINGGAN)

129. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Masalah pemindahan setinggan di Bukit Botak, Selayang masih menjadi persoalan dan tanda tanya di kalangan penduduk yang terlibat.

- a) Apakah sebenarnya perancangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini.
- b) Bagaimana pula dengan pembayaran sewa bulanan yang dijanjikan tiap-tiap bulan tetapi diberhentikan serta merta pada bulan Disember 2008.
- c) Apakah sebab projek perumahan di Bukit Botak tergendala serta terbengkalai sekian lama hingga tak dapat diselesaikan.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri dan PKNS tidak dapat meneruskan projek pembangunan Bukit Botak sehinggalah penduduk membatalkan perjanjian Pembinaan dan Surat Wakil Kuasa yang telah ditandatangani dengan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.
- b) PKNS memberhentikan pembayaran sewa bulanan pada Oktober 2008 kerana tempoh 2 tahun yang dijanjikan telahpun tamat.
- c) Punca utama adalah kerana kegagalan Syarikat Delpuri Corporation Sdn. Bhd. melaksanakan projek pembangunan Bukit Botak sejak tahun 1996.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KELEMBAPAN EKONOMI SEDUNIA

130. Negara kita dilanda kelembapan ekonomi sedunia dan terdapat banyak kilang mula memberhentikan atau membuang pekerja-pekerja untuk mengurangkan kos pengendalian.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah pengangguran?
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor dalam konteks meningkatkan peluang pekerjaan?
- c) Apakah jenis langkah-langkah kerajaan negeri dalam membantu pihak pengilang supaya kilang mereka tidak tutup?

JAWAPAN :

- a) Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklumbalas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu berhubung pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
 - i) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
 - ii) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
 - iii) Ibupejabat Polis Kontijen (IPK) Negeri Selangor;
 - iv) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
 - v) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
 - vi) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
 - vii) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
 - viii) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
 - ix) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

- b) Dalam meningkatkan peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja Negeri Selangor telah mengambil beberapa langkah antaranya adalah seperti berikut:
- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenalpasti bentuk bantuan yang boleh diberikan samada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* (tindakan jangka pendek) iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan; dan
 - iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan.
- c) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri termasuklah:
- i) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang akan diberhentikan serta yang telah diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat pentauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan serta dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekaligus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan;
 - ii) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklumbalas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor; dan
 - iii) Mengadakan sidang dialog dan pertemuan dengan pihak industri menerusi SSIC Berhad bagi mendapatkan maklumbalas mengenai isu dan permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian serta bantuan yang boleh ditawarkan untuk memastikan pihak industri terus beroperasi di negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENTERNAKAN DAN PENANAMAN UNTUK MASA CABARAN
EKONOMI**

131. Dalam masa kemelut ekonomi dunia ini, bidang penternakan dan penanaman merupakan suatu penyelesaian untuk pengangguran lantaran penutupan kilang-kilang dan firma-firma kewangan. Kerajaan Selangor patut menggalakkan ramai lagi usahawan agro.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pelan tindakan baru untuk berdepan suasana ekonomi lembap?
- b) Apakah sasarannya (*targets*) untuk mencapai objektif pelan baru itu?

JAWAPAN :

- a) Pelan tindakan untuk berdepan dengan suasana ekonomi lembap termasuklah:
 - i) Meningkatkan sumbangan sektor pertanian bagi mengurangkan import makanan;
 - ii) Mengeluarkan produk yang berkualiti tinggi;
 - iii) Meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan;
 - iv) Menguruskan sumber asli secara berhemah; dan
 - v) Meningkatkan pengeluaran bahan mentah.

Bagi mencapai pelan tindakan tersebut, beberapa pendekatan pembangunan pertanian sedang dilaksanakan untuk memasuki pasaran dunia melalui pelaburan/ perladangan swasta (*estet*); memodenkan pertanian tradisional kecil (*pekebun*); pembangunan usahawan peladang; khidmat sosial dan pembelajaran; penyelidikan teknologi; pemasaran, regulatif dan insentif, automasi/jentera, modal, pembangunan sumber manusia dan Pusat khidmat Sehenti (*one stop centre*).

- b) Bagi sektor pertanian, sasaran pengeluaran sebanyak RM10.6 bilion telah ditetapkan untuk tempoh 2005 sehingga 2010. Sasaran ini merangkumi pengeluaran oleh empat sub-sektor pertanian iaitu:

| BIL | SEKTOR | SASARAN PENGELUARAN |
|------------|-------------------------|----------------------------|
| 1 | Tanaman dan Bunga-bunga | RM 3.32 billion |
| 2 | Ternakan | RM 4.395 billion |
| 3 | Perikanan | RM 2.532 billion |
| 4 | Perhutanan | RM 0.357 billion |
| | JUMLAH | RM 10.6 billion |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGGUNAAN TANAH DI SELANGOR

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah penggunaan tanah dan peratusan mengikut jenis penggunaan di Selangor.
- b) Apakah yang dipanggil tanah TOL dan syarat-syarat serta prosedur meluluskan penyewaan tapak-tapak tersebut?
- c) Penjualan tanah kerajaan yang dibuat oleh kerajaan yang lalu adakah mengikut syarat dan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri? Huraikan

JAWAPAN :

- a) Dari segi penggunaan tanah, terdapat 3 kategori syarat guna tanah iaitu pertanian, industri dan bangunan. Jumlah keseluruhan hak milik (Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hak milik) adalah 1,153,668 hak milik. Jumlah penggunaan tanah dan peratusan penggunaan tanah di Selangor mengikut bilangan hak milik di Selangor adalah seperti berikut:-

| Kategori | Bilangan Hak milik | % Penggunaan |
|-----------------|---------------------------|---------------------|
| Pertanian | 139,692 | 12.10 |
| Bangunan | 966,845 | 83.81 |
| Perusahaan | 47,131 | 4.09 |
| Jumlah | 1,153,668 | 100 |

- b) Temporarily Occupancy Licenses (TOL) atau Lesen Pendudukan Sementara (LPS) adalah satu kaedah pelupusan tanah mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Dalam hubungan ini, tanah-tanah yang dilupuskan kepada mereka yang layak dilupuskan adalah untuk tujuan sementara di mana sesuatu LPS berkuat kuasa bagi tempoh 1 tahun kalendar.

Berdasarkan KTN 1965, kuasa memutuskan permohonan LPS terletak kepada Pentadbir Tanah Daerah. Syarat-syarat lazim yang biasa dikenakan bagi LPS ialah seperti berikut:-

- i) Tidak boleh menanam tanaman kekal;
- ii) Tidak boleh mendirikan mana-mana bangunan kekal atau struktur kekal yang lain;
- iii) LPS tamat setelah kematian pemegang LPS dan tidak boleh dipindah milik;
- iv) LPS boleh dibatalkan serta-merta dan tanpa apa-apa bayaran pampasan jika berlaku pelanggaran syarat; dan
- v) LPS boleh dibatalkan dengan bayaran pampasan pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh.

- c) Berdasarkan rekod sedia ada, Kerajaan Negeri belum pernah melupuskan tanah melalui kaedah penjualan tanah-tanah Kerajaan. Walau bagaimanapun dari segi perundangan, Seksyen 80(2) Kanun Tanah Negara membolehkan Kerajaan Negeri menjual tanah melalui kaedah lelongan.

Pelupusan tanah Kerajaan Negeri sebelum ini ialah melalui pemberimilikan tanah, pemberian Lesen Pendudukan Sementara, pemberian permit mengalih bahan batuan (4C) dan perizaban. Dari segi pemprosesan, ianya telah dibuat berdasarkan syarat-syarat serta mengambil kira dasar-dasar yang diputuskan Kerajaan Negeri khususnya dari segi mendapatkan ulasan teknikal Jabatan-Jabatan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENCAHAYAAN KAWASAN PADA WAKTU MALAM DI MPAJ

133. Daripada lapan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran, MPAJ mencatatkan perbelanjaan pencahayaan kawasan pada waktu malam yang paling rendah, iaitu RM979,816.80. Semua majlis yang lain mencatat perbelanjaan melebihi RM1.35 juta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bukankah ini menjadi tanda aras bahawa pencahayaan dan penyenggaraan di kawasan-kawasan dalam MPAJ berada di bawah standard pencahayaan dan penyenggaraan yang dikehendaki?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh MPAJ memberi perkhidmatan pencahayaan yang setanding dengan majlis-majlis yang lain?
- c) Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi kelemahan MPAJ dalam pengurusan pencahayaan kawasan di waktu malam?

JAWAPAN :

- a) Standard pencahayaan tidak dapat diukur hanya melalui kos penyelenggaraan, jumlah lampu jalan di bawah seliaan Majlis berjumlah 21,371. Daripada jumlah berikut hanya 19,504 lampu jalan dibayar bil penyelenggaraan. Ini berikutan sebahagian daripada lampu jalan yang ada masih di bawah penyelenggaraan pemaju, pihak pengurusan bangunan (strata) untuk lampu di kawasan strata, Jabatan Kerja Raya dan agensi lain seperti pihak LRT.
- b) MPAJ dalam perancangan jangka panjang akan menaik taraf lampu-lampu jalan di bawah Majlis dengan menetapkan kriteria berikut :
 - i) Jarak maksimum antara tiang lampu dihadkan kepada 30 m.
 - ii) Lampu-lampu jalan akan menggunakan bulb 250 watt.

Walau bagaimanapun pelaksanaan bergantung kepada kedudukan kewangan dan peruntukkan yang diluluskan.

- c) MPAJ akan memastikan kawasan-kawasan yang berlampu akan diberi peruntukkan dengan penekanan kepada dasar setiap kawasan baru seperti kawasan perumahan dan taman-taman wajib dipasang lampu-lampu awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : MASALAH PENGANGGURAN

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pekerja yang telah diberhentikan dalam sektor industri di Selangor dan apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah pengangguran?

JAWAPAN:

- a) Data sehingga 13 Februari 2009 daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor menunjukkan seramai 2636 orang telah diberhentikan daripada pekerjaan yang merangkumi 1785 orang pekerja tempatan dan 851 orang pekerja asing.

Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklumbalas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:

- i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
- ii) *Selangor State Investment Corporation* (SSIC) Berhad;
- iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
- iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
- v) Ibupejabat Polis Kontijen (IPK) Negeri Selangor;
- vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
- vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
- viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
- ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
- x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
- xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenalpasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan samada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
- ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
- iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekaligus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan
- iv) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklumbalas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SEKTOR SUKAN

135. Perkembangan Sukan Perahu Layar telah mendapat perhatian sejak kebelakangan ini dan Malaysia telah menjadi terkenal di dalam menghasilkan juara dunia. Kebanyakan juara-juara ini di lahirkan di Batu Laut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri di dalam melahirkan bakal-bakal juara di dalam industri ini?

JAWAPAN :

- a) Majlis Sukan Negeri Selangor telah memberi bantuan kewangan dan kemudahan bagi Persatuan Perahu Layar Negeri Selangor dengan pembinaan 'rem' untuk bot-bot perahu layar serta bantuan kewangan bagi menyertai kejohanan regata sepanjang tahun dan bantuan kewangan bagi menganjurkan kejohanan-kejohanan yang akan dianjurkan oleh pihak persatuan sukan negeri.

Selain itu, Majlis Sukan Negeri Selangor juga dengan kerjasama Persatuan Perahu Layar Negeri Selangor dan Majlis Sukan Negara Malaysia juga telah memilih pusat tersebut dijadikan Pusat Latihan Prestasi Tinggi Negeri (PELAPIS Negeri) dan ini juga telah membantu pihak persatuan melaksanakan program pembangunan dengan lebih baik. Melalui itu juga pihak MSNM juga telah memilih atlet-atlet program pembangunan Negeri Selangor untuk berlatih ke pusat-pusat latihan Negara yang terpilih sebagai contoh PELAPIS Serantau di Langkawi.

Dengan penyertaan lebih daripada 10 sirkuit kejohanan regata sepanjang tahun adalah merupakan salah satu pendedahan yang baik untuk para atlet Negeri Selangor untuk mereka mengekalkan seterusnya meningkatkan prestasi atlet tersebut untuk menghadapi kejohanan-kejohanan yang lebih besar dan mencabar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : STATUS DAN HAKMILIK TANAH BAGI BANGUNAN KUIL-KUIL HINDU

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih belum memberikan hakmilik-hakmilik Tanah yang kekal kepada semua Kuil-Kuil Hindu di dalam Negeri Selangor ini?
- b) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih belum menggerakkan kakitangannya untuk turun padang dan mendaftarkan semua Kuil-Kuil Hindu di seluruh Negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pampasan serta penempatan baru bagi Kuil-Kuil Hindu yang telah dirobohkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dahulu?

JAWAPAN :

- a) Pemberian hakmilik tanah kerajaan yang kekal boleh dipertimbangkan kepada pihak kuil yang memohon sekiranya tanah yang dipohon tidak terlibat dengan projek pembinaan, rizab jalan, atau rizab sungai. Selain itu kawasan lapang tidak boleh diberimilik kepada apa-apa jua jenis pembangunan. Walau bagaimanapun, bangunan kuil boleh didirikan di atas tanah yang diberi oleh pemaju setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.
- b) Pendaftaran bagi kuil-kuil Hindu hendaklah dibuat oleh pemegang amanah atau persatuan kuil tersebut di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah bangunan keagamaan selain Islam ini mendaftarkan lokasi bangunan keagamaan mereka kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan senarai inventori dan rekod bangunan keagamaan selain Islam yang terdapat di Negeri Selangor.

c) Pemberian pampasan atau penggantian tanah kepada kuil-kuil Hindu yang telah dirobohkan dahulu akan diberikan sekiranya:

- Didirikan di atas tanah kerajaan

Kerajaan akan menimbang untuk menyediakan tapak ganti di tempat yang bersesuaian.

- Didirikan di atas tanah milik

Pemilik tanah dikehendaki menyediakan tapak gantian atau membayar kos tanah ganti mengikut persetujuan antara pemilik dan jawatankuasa bangunan keagamaan terlibat.

i) Tanah Hak Milik

- Pemilik, PBT, Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Y.B Exco terlibat perlu mengadakan perbincangan dengan jawatankuasa bangunan keagamaan tersebut.
- PBT perlu mensyaratkan pemaju seperti berikut:
 - 1) menyediakan tapak ganti sebelum pelan pembangunan diluluskan; atau
 - 2) membayar sejumlah wang untuk membeli tapak gantian dengan persetujuan jawatankuasa bangunan keagamaan terlibat.

ii) Atas Tanah Kerajaan

- Pemilik, PBT, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Y.B Exco terlibat perlu mengadakan perbincangan dengan jawatankuasa bangunan keagamaan tersebut.
- Kerajaan akan menyediakan tapak ganti yang bersesuaian (jika perlu) untuk pemindahan bangunan keagamaan terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KEMELESETAN EKONOMI DAN KEBAJIKAN RAKYAT SELANGOR

137. Memandangkan impak kemelesetan ekonomi melanda di seluruh dunia dan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada sektor perkilangan dan pembuatan di negeri Selangor,

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah senario ini turut menjejaskan minat pelabur tempatan dan luar negeri dalam usaha Kerajaan Negeri menarik minat para pelabur di negeri Selangor.
- b) Satu jawatankuasa tindakan masalah pemberhentian pekerja telah diumumkan penubuhannya oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini. Sila nyatakan sejauh mana keberkesanan jawatankuasa tersebut dalam usaha Kerajaan Negeri membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan.
- c) Dalam usaha Kerajaan Negeri Selangor memelihara kebajikan rakyat, apakah tindakan ekonomi menerusi program agenda merakyatkan ekonomi Selangor dalam menghadapi krisis ekonomi global.

JAWAPAN :

- a) Minat pelabur masih ada untuk melabur di Negeri Selangor, isunya ialah permintaan bagi produk mereka telah merosot. Sehubungan itu, kebanyakan pelabur mengambil tindakan tunggu dan lihat tentang keadaan ekonomi semasa sebelum mereka mengambil keputusan untuk membuat sebarang bentuk pelaburan.
- b) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani masalah pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor dengan tujuan memantau masalah pemberhentian serta mencari penyelesaian untuk membantu para pekerja yang diberhentikan. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap minggu. Berbagai program telah dicadangkan di dalam jawatankuasa ini untuk dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Dari segi keberkesanan jawatankuasa ini, ianya telah mula menunjukkan kesan yang positif di mana terdapat pekerja yang telah diberhentikan telah mendapat pekerjaan baru. Kerajaan Negeri percaya usaha yang dibuat ini akan memberikan manfaat kepada para pekerja yang diberhentikan oleh pihak syarikat.

Menerusi usaha bersepadu yang dijalankan terdapat juga pekerja-pekerja yang diberhentikan telah mendapat pekerjaan baru. Sebagai contoh, seramai 60 orang pekerja yang akan diberhentikan oleh Flextronics (M) Sdn Bhd telah ditawarkan pekerjaan di Western Digital (M) Sdn Bhd mulai April 2009. Manakala seramai 50 orang pekerja Toshiba Electronics (M) Sdn Bhd telah mendapat pekerjaan baru di syarikat Top Thermo Mfg. (M) Sdn Bhd

- c) Suasana ekonomi global yang tidak menentu akibat kelembapan ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, negara-negara Eropah, Jepun dan China menuntut Kerajaan Negeri untuk lebih berhemah dalam berbelanja dan lebih mementingkan perbelanjaan yang boleh meningkatkan kebajikan dan pembangunan kualiti hidup rakyat.

Sehubungan dengan itu kerajaan negeri melalui 5 strategi bajet 2009 telah menumpukan pembangunan ekonomi negeri Selangor khusus untuk meringankan beban rakyat Selangor dalam menghadapi kelembapan ekonomi. 5 strategi bajet yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- i) Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)
- ii) Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri;
- iii) Memperkasa Modal Insan;
- iv) Mengurus Perbelanjaan Yang Cekap; dan
- v) Memantapkan pembangunan negeri Selangor.

Justeru itu, kerajaan negeri telah menyediakan satu bajet yang seimbang bagi merangsang ekonomi dan memastikan kebajikan rakyat tidak terabai dengan menyediakan sejumlah RM710.6 juta peruntukan pembangunan bagi tahun 2009. Kerajaan negeri menyediakan pelbagai inisiatif melalui strategi yang ditetapkan iaitu:

- I. Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) melalui inisiatif:
 - i) Kebajikan Anak Selangor;
 - ii) Meringankan Kos Sara Hidup;
 - iii) Mengiktiraf Kecemerlangan;
 - iv) Bantuan Kematian;
 - v) Penerapan Budaya Usahawan; dan
 - vi) Menyediakan Pusat Krisis Sehati (OSCC).
- II. Memantapkan Pembangunan Negeri Selangor melalui inisiatif:
 - i) Pembangunan dan peningkatan kualiti hidup;
 - ii) Pengurusan perbandaran;
 - iii) Perindustrian, pelaburan dan perdagangan;
 - iv) Pembangunan sosioekonomi;
 - v) Pembangunan pertanian;
 - vi) Infrastruktur dan kemudahan awam;
 - vii) Pembangunan Islam;
 - viii) Pembangunan pelancongan;
 - ix) Kebudayaan;
 - x) Pembangunan ICT, Sains Teknologi dan Inovasi; dan
 - xi) Pengurusan Alam Sekitar.

JAWAPAN DARIPADA UPEN

- a) Walaupun negara amnya dan Selangor khususnya turut merasakan impak akibat kemerosotan ekonomi global, namun demikian Selangor berjaya mencatatkan peningkatan dalam jumlah pelaburan kepada RM11.87 bilion bagi tahun 2008 berbanding RM11.18 bilion pada tahun 2007.

Kerajaan Negeri akan terus membuat pemantauan secara berterusan serta melipatgandakan pelbagai usaha dalam menarik minat pelabur datang melabur di negeri Selangor.

- b) Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja Negeri Selangor ditubuhkan antara lain adalah untuk memantau, mengumpul maklumat serta menangani isu pemberhentian pekerja di negeri Selangor. Pelbagai agensi yang berkaitan telah dipanggil antaranya Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah, Persatuan Pengilang Malaysia (FMM), Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) untuk memberikan maklumbalas serta bentuk bantuan yang boleh ditawarkan dan tindakan yang boleh diambil bagi menangani isu ini. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah antaranya:

- i) membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor;
- ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* (tindakan jangka pendek) bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut;
- iii) Membangunkan *Selangor Career Exchange* (tindakan jangka panjang) bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan;
- iv) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti di CIAST (Center for Instructor and Advanced Skill Training) di Seksyen 19, Shah Alam, INPENS International College dan lain-lain; dan
- v) Bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklum balas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

- c) Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dengan rakyat di negeri ini dan itulah yang menjadi teras utama visi Kerajaan Negeri iaitu menjadikan Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan.

Bagi menghadapi masalah tersebut, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara khususnya golongan berpendapatan rendah menerusi pelaksanaan pelbagai program dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Antara program MES yang telah dilaksanakan bagi Fasa 1 termasuklah program seperti Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma Bagi 20 meter padu (m³), Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang .

Selain itu, terdapat beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi Orang Kurang Upaya (OKU)/anak yatim, bantuan kepada peniaga muda; bimbingan perniagaan kepada belia, bantuan anak ke nurseri RM75 sebulan/orang, bantuan anak pra sekolah RM50 sebulan/orang, bantuan mendirikan rumah tangga, elaun ibu tunggal, elaun khas suri rumah dan bantuan memiliki kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam menghadapi krisis ekonomi global.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : REFORMASI PENGURUSAN TANAH SELANGOR

138. Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah reformasi pengurusan tanah yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan dan pengurusan tanah lebih efisien dan berdaya saing.
- b) Apakah masalah utama yang dikenal pasti dalam pengurusan dan pembangunan tanah di negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Di antara reformasi pengurusan tanah yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-
 - i) Kerajaan Negeri menimbang semula dasar pemberimilikan tanah dari segi pemberimilikan tanah kepada pemohon yang telah lama menduduki dan mengusahakan tanah, pemberimilikan tanah kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan penganan premium tanah mengikut harga pasaran kepada syarikat-syarikat swasta;
 - ii) Penubuhan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. bagi menjalankan operasi pengeluaran pasir;
 - iii) Kerajaan Negeri sedang meneliti untuk meluaskan penggunaan elektronik dalam urusan tanah; dan
 - iv) Kerajaan Negeri tidak mempertimbangkan rayuan pengurangan premium oleh syarikat-syarikat.
- b) Masalah-masalah utama dalam pengurusan dan pembayaran tanah adalah seperti berikut :-
 - i) Kemampuan organisasi sedia ada berbanding beban kerja terutama bagi urusan pendaftaran urus niaga / bukan urus niaga dan pendaftaran serta pengeluaran hak milik strata;
 - ii) Kemampuan logistik yang kurang dan lemah (ruang kerja, ICT dan pengangkutan);
 - iii) Kemahiran anggota Pentadbiran Tanah; dan
 - iv) Pengurusan hasil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN BEKALAN AIR NEGERI SELANGOR OLEH
SYABAS**

139. Sepanjang pentadbiran kerajaan baru di negeri Selangor berlaku 2 kali gangguan putus bekalan air di kawasan Kuala Langat dan yang terlibat di daerah-daerah lain yang amat kritikal dengan tidak memberi notis yang cukup oleh pihak bertanggungjawab.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Adakah kerajaan sedar perkara ini berlaku 2 kali dalam jangka waktu tidak sampai setahun?
- b) Apakah penambahbaikan yang dilaksanakan untuk meningkatkan perkhidmatan bekalan air ini supaya tidak kerap berulang?
- c) Mengapa pihak Syabas gagal memberi notis awal contohnya kejadian yang berlaku khususnya di Kuala Langat pada 14 Februari 2009 yang lalu?

JAWAPAN :

- a) Dua gangguan bekalan air **TIDAK BERJADUAL** telah berlaku pada **16 Oktober 2008** dan **14 Februari 2009**. Untuk gangguan pada 16 Oktober 2009, terdapat 3 paip yang berukuran 1050mm, 1200mm dan 1500mm telah pecah akibat dari kejadian perlombongan pasir tidak terkawal di Sepang dan ini telah menyebabkan tiga kawasan di Kuala Langat, Sepang dan Hulu Langat mengalami gangguan bekalan air. Manakala untuk gangguan yang berlaku pada 14 Februari 2009, gangguan air disebabkan oleh kerosakan injap yang bersaiz 1500mm di saluran paip yang membekalkan air dari Loji Sungai Semenyih ke ketiga-tiga wilayah tersebut. Kedua-dua gangguan tersebut merupakan gangguan bekalan yang tidak berjadual.
- b) Bagi penambahbaikan sementara, setakat ini SYABAS telah membuat sambungan pintas sepanjang 270 meter kepada paip berukuran 1500mm secara serta merta untuk memulihkan kejadian yang berlaku pada bulan Oktober yang lalu. Untuk jangka masa panjang, SYABAS akan memasang semula paip air baru berukuran 1050 mm dan 1200mm yang rosak mulai bulan Mac 2009 setelah proses pengambilan balik tanah diselesaikan oleh Pejabat Tanah Sepang. Dengan siapnya kerja pemasangan semula ketiga-tiga paip tersebut tidak lama lagi, maka kemungkinan berlaku gangguan di ketiga-tiga daerah secara serentak akan dapat diatasi memandangkan ketiga-tiga paip air tersebut berkeupayaan untuk memberikan kemudahan bekalan 'back-up' apabila berlaku kegagalan terhadap mana-mana satu paip tersebut.

SYABAS juga telah menghantar kertas cadangan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mendapat kelulusan bagi mendapatkan sumber bekalan air alternatif kepada KLIA tanpa perlu bergantung kepada Loji Sungai Semenyih. Pembangunan sumber air alternatif ini adalah tertakluk kepada polisi kerajaan.

Langkah-langkah yang proaktif juga diambil antaranya dengan mengadakan rondaan dan tinjauan ke kawasan tersebut disamping meningkatkan pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berjadual dengan mengadakan program pemulihan dikawasan terlibat.

Proses mengemaskini data-data pengguna turut dilakukan terutamanya nombor telefon bimbit bagi memudahkan sebarang maklumat disalurkan kepada pengguna.

- c) Bagi gangguan yang berlaku di kawasan Kuala Langat pada 16 November 2008 dan 14 Februari 2009, ia merupakan gangguan **tidak berjadual**. Oleh itu pihak SYABAS tidak dapat mengeluarkan sebarang notis lebih awal kerana ia berlaku **tanpa dijangka dan bukan dalam perancangan SYABAS**. Walaubagaimanapun SYABAS telah **mengeluarkan kenyataan media pada hari yang sama** untuk maklumkan kepada pengguna dan semua kenyataan-kenyataan serta berita-berita mengenai gangguan tidak berjadual ini telah disiarkan melalui media cetak dan media elektronik setiap hari sehingga bekalan air pulih sepenuhnya. Pihak media juga dibawa ke tapak bagi melihat kerja-kerja pembaikan untuk dimaklumkan kepada pengguna. SYABAS turut membuka **Pusat Operasi Krisis yang beroperasi 24 jam** sehari bagi memantau kerja-kerja pembaikan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, SYABAS juga telah menghantar laporan segera kepada Kerajaan Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi memaklumkan kejadian-kejadian tersebut.

Bagaimanapun Pengguna juga disarankan untuk menghubungi talian bebas tol PUSPEL iaitu 1- 800 - 88 –5252 yang beroperasi selama 24 jam sehari atau SMS ke 39222 dengan menaip: PUSPEL<jarak><aduan/pertanyaan> untuk tindakan segera oleh pihak SYABAS. Dengan cara ini, SYABAS boleh memendekkan tempoh masa untuk melakukan siasatan dan semakan serta tindakan yang sewajarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN BUKIT PUTIH OLEH PENDAKI

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap permasalahan yang berterusan ini?
- b) Pendaki-pendaki didapati menggunakan laluan daripada taman-taman persekitaran seperti Taman Cheras Awana untuk ke tempat pendakian dan meletak kereta di kawasan perumahan yang mengganggu penduduk. Apakah tindakan PBT dalam mengatasi masalah halangan lalu lintas yang menyusahkan penduduk untuk keluar masuk kawasan perumahan mereka?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Perhutanan Negeri telah mengambil beberapa tindakan untuk menangani isu ini seperti berikut :
 - i) Memasang pagar *chain-link* sepanjang 190 meter kawasan sempadan hutan simpan ini dengan kawasan taman perumahan dan meletakkan papan tanda larangan masuk dengan catatan hukuman/penalti yang dikenakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 sekiranya engkar bagi menghalang kemasukan tanpa kebenaran.
 - ii) Mengedarkan notis larangan masuk kepada setiap individu/ kumpulan yang ditemui di sekitar kawasan secara berterusan setiap kali rondaan dijalankan oleh kakitangan Jabatan Perhutanan
 - iii) Beberapa siri perbincangan bersama wakil kumpulan pendaki/ *jogger*, persatuan penduduk dan agensi kerajaan telah diadakan dan paling akhir diselaraskan oleh YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping pada 9 hb Ogos, 2008
 - iv) Jabatan dalam proses mengenalpasti laluan baru untuk kegunaan pendaki. Laluan baru dibuat dengan perundingan dengan wakil pendaki.

- b) **JAWAPAN DARIPADA UPBT**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PENGAMBILAN BALIK KUALA LUMPUR

141. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pulangan yang dijanjikan diberi kepada Kerajaan Selangor apabila Kuala Lumpur diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 1974?
- b) Adakah kerajaan Selangor mempunyai rancangan untuk mengambil alih Kuala Lumpur memandangkan Kerajaan Persekutuan sudah mempunyai Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN :

- a) Dijawab oleh PWN
- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak ada rancangan untuk mengambil alih Kuala Lumpur memandangkan perjanjian sudah dimeterai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : ISU BERKAITAN TEMPAT IBADAT

142. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah tempat ibadat mengikut pecahan agama Buddha, Hindu dan Kristian yang didirikan secara tidak sah di atas tanah milik kerajaan ?
- b) Sebutkan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah rumah ibadat yang didirikan tanpa kebenaran ini
- c) Berapa banyakkah rumah ibadat Hindu yang telah dirobohkan pada tahun 2006, 2007 dan 2008 ?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai data yang lengkap berhubung jumlah rumah ibadat yang didirikan secara tidak sah di atas tanah milik kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun mengarahkan semua Pejabat Daerah mengadakan bancian terperinci mengenai bilangan kuil, tokong dan gereja yang terdapat dalam daerah masing-masing.

- b) Kerajaan Negeri telah membuat keputusan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2008 yang telah diadakan pada 9 Julai 2008 memaklumkan bahawa "*semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengenakan kompaun/bayaran kepada pemilik-pemilik rumah ibadat yang dibina secara haram dan bayaran kompaun ini perlu dijelaskan secara berterusan sehingga pemilik-pemilik rumah ibadat tersebut memohon untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan*"

" Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju supaya semua PBT mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana struktur yang baru dibina tanpa kebenaran dan surau atau masjid juga tidak terkecuali daripada tindakan ini"

Walaupun bagaimanapun, semua PBT atau agensi-agensi kerajaan yang lain, hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri bagi mengambil sebarang tindakan perobohan rumah-rumah ibadat ini.

- c) Berikut adalah jumlah kuil-kuil Hindu yang telah dirobuhkan di dalam Negeri Selangor dari tahun 2006, 2007 dan 2008.

| BIL | PBT | TAHUN | | |
|---------------|------------|--------------|-------------|-------------|
| | | 2006 | 2007 | 2008 |
| 1. | MBSA | 1 | 1 | - |
| 2. | MBPJ | 3 | 3 | 2 |
| 3. | MPAJ | 1 | 1 | |
| 4. | MPSJ | 1 | 17 | - |
| 5. | MPS | 8 | 6 | 2 |
| 6. | MPKJ | 2 | - | - |
| 7. | MPSP | - | 1 | - |
| 8. | MDKS | 1 | - | - |
| JUMLAH | | 17 | 29 | 4 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : MASJID

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kelancaran mesyuarat agung dan proses pencalonan ahli jawatankuasa masjid secara umumnya di seluruh negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan yang dilakukan untuk mengimarahkan masjid-masjid dan surau-sarau?
- c) Apakah dasar kerajaan negeri terhadap bangunan-bangunan rumah kedai yang di gunakan sebagai tempat beribadat?

JAWAPAN :

- a) Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid diadakan bermula pada 15 Januari 09 – hingga 15 Februari 2009 untuk mencalonkan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid bagi sesi Jun 2009-Mei 2012. Secara umumnya semua mesyuarat berjalan lancar kecuali beberapa buah masjid yang lewat mendaftarkan anak kariah.
- b) Antara perancangan pengimarahkan masjid dan surau adalah :
 - i) Memantapkan organisasi pengurusan masjid dari segi kelayakan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid dengan menambah baik struktur kepimpinan masjid dan surau.
 - ii) Memperkasakan kurikulum dan metodologi pembelajaran Islam di masjid dan surau.
 - iii) Melaksanakan program-program pembentukan jati diri ummah menerusi masjid.
 - iv) Mewujud dan meningkatkan jaringan ICT dan jawatankuasa kariah melalui mukim-mukim dan zon-zon.
 - v) Menjadikan Masjid sebagai pusat maklumat dan kemasyarakatan yang bersifat "One Stop Centre" (aktiviti berpusat)
 - vi) Meningkatkan kerjasama antara NGO's, JKKK, MPP dan masjid dalam merangka aktiviti-aktiviti yang bersifat mesra remaja, mesra keluarga dan mesra masyarakat.
- c) Kerajaan Negeri tidak menghalang bangunan-bangunan rumah kedai dijadikan sebagai tempat beribadat dengan syarat ianya hendaklah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan tiada bantahan daripada penduduk sekitar. Walau bagaimanapun, sekiranya bangunan tersebut dijadikan tempat beribadat tanpa kebenaran bertulis daripada PBT, ianya adalah melanggar peruntukan Seksyen 70(12), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1947 (Akta 133).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

144. Perkhidmatan syarikat konsesi air di Negeri Selangor amat memuaskan sejak kerajaan menswastakan bekalan air. Segala masalah berkaitan perkhidmatan air kepada pengguna diuruskan dengan cekap dan berkesan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah masalah syarikat konsesi berkenaan sehingga Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh ingin menstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Selangor?
- b) Adakah dengan penstrukturkan semula dan kerajaan negeri mengambil alih konsesi syarikat ini akan menjamin rakyat Selangor akan menikmati harga air lebih rendah sehingga 50% atau 30% daripada harga sekarang?
- c) Adakah kesungguhan kerajaan sekarang untuk mengambil alih atau menstrukturkan semula konsesi air di Selangor mempunyai muslihat atau berdasarkan sentimen dan prasangka orang tertentu?

JAWAPAN :

- a) Perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor yang ada pada masa ini adalah berbentuk berasingan (segmented) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Struktur ini tidak merangkumi keseluruhan rantaian nilai (*value chain*) sistem perkhidmatan air. Bermula dari tahun 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan aktiviti rawatan air kepada beberapa operator iaitu Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd, SPLASH dan ABASS, manakala pada tahun 2004 aktiviti pengagihan bekalan air telah diswastakan kepada SYABAS. Sehubungan dengan itu, melalui penstrukturkan semula, dapat diwujudkan satu industri perkhidmatan air yang mapan dan holistik.

Kerajaan Negeri Selangor mendapati hampir keseluruhan perjanjian konsesi sedia ada memberi keuntungan kepada operator seperti kenaikan tarif air atau kadar air pukal (Bulk Supply Rate) secara automatik atau bayaran pampasan kepada operator sekiranya kenaikan tarif tidak dibenarkan oleh Kerajaan. Fenomena ini merugikan Kerajaan Negeri khususnya dan rakyat amnya.

Industri perkhidmatan air memerlukan perbelanjaan yang tinggi bukan sahaja untuk membina kemudahan baru tetapi untuk membaik pulih kemudahan sedia ada bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan berkualiti. Adalah menjadi amalan semasa bahawa setiap perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh operator perkhidmatan air akan diserapkan dalam bentuk tarif yang akan ditanggung oleh pengguna. Ini telah mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung kenaikan tarif yang melampau.

Masalah lain yang telah dikenal pasti adalah ketelusan operator dalam penentuan tarif, tatacara perolehan dan tender, perancangan perniagaan dan keperluan terhadap CAPEX dan OPEX.

Bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti, Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk melaksanakan penstrukturan semula industri air di Selangor. Dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah selaras dengan pewujudan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara dan Akta SPAN 2006. Akta ini diwujudkan bagi memastikan pengguna membayar harga air terawat dengan kadar tarif yang setimpal dengan kualiti air yang dibekalkan. Selain itu, air adalah dianggap sebagai keperluan awam dan tidak sesuai untuk dijadikan sumber perniagaan yang menekankan isu keuntungan semata-mata.

Tujuan penstrukturan semula ini bagi memastikan syarikat konsesi atau konsortium beroperasi secara *asset light company*, iaitu syarikat tidak lagi menanggung kos operasi yang tinggi dari segi perbelanjaan modal yang biasanya diperolehi daripada kemudahan pinjaman bank komersial. Sehubungan dengan itu, hasrat Akta IPA dan Akta SPAN 2006 mahu dicapai oleh Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan ketetapan yang dinyatakan di dalam kedua-dua akta. Operator akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

- b) Perjanjian konsesi sedia ada antara Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS telah didapati bahawa akan berlaku kenaikan tarif bagi setiap tiga (3) tahun. Bagi tahun 2009, kenaikan tarif yang dipohon adalah sebanyak 37%. Jika tindakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air tidak dilaksanakan segera, rakyat Negeri Selangor akan sekali lagi menerima kenaikan tarif air pada 2012 iaitu sebanyak 25% dan begitulah seterusnya bagi setiap tiga (3) tahun. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor sedang berusaha memperbaiki keadaan ini agar pengguna tidak lagi dibebani dengan kenaikan tarif yang sangat melampau.

Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan sebuah panel bebas bagi mengkaji dan mencadangkan kaedah terbaik dalam menstrukturkan semula industri ini. Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil alih semua aset-aset milik syarikat konsesi dan menjualnya kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan yang akan membeli aset-aset ini bersekali dengan aset-aset yang dimiliki Kerajaan Negeri. Aset-aset ini dinilai dengan menggunakan kaedah nilai permodalan (*capitalised value*) dengan memberi insentif sebanyak 12% kepada semua pemegang konsesi. Pembiayaannya dilaksanakan menggunakan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor yang turut dijual kepada PAAB. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sumber yang mencukupi dan mendapat *value for money* di mana kepentingan rakyat menjadi keutamaan dalam melaksanakan proses penstrukturkan ini.

- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah Peraturan Tetap 23 (c)).**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KELEMBAPAN EKONOMI DI NEGERI SELANGOR

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Selangor bagi membantu ibu bapa yang terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama yang berada di bawah Pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor, mengambil berat perkara ini dapat dikecualikan daripada membayar yuran dan menyediakan buku teks percuma kepada pelajar.
- c) Di maklumkan bahawa ramai ibu bapa luar Bandar tidak dapat menghantar anak-anak ke sekolah kerana kos yang tinggi. Bolehkah memberi statistik jumlah anak-anak yang bersekolah dan dengan anak-anak yang tidak bersekolah.

JAWAPAN :

a) **Membantu ibubapa**

- Kerajaan negeri melalui Lembaga Zakat Selangor dan JAIS sentiasa membantu ibubapa/ penjaga yang kurang berkemampuan melalui **bantuan zakat** dan **dermasiswa / biasiswa** kepada ibubapa dan murid-murid.

b) **1. Pengecualian Yuran:**

- Pengecualian yuran belum dapat dilaksanakan kerana kutipan yuran/ sumbangan tersebut adalah bagi menampung kos tambahan pengurusan sekolah dan aktiviti sekolah. Namun demikian JAIS sentiasa mengawal dan memantau kadar yuran/ sumbangan tersebut di bawah RM 88.00 setahun untuk sekolah-sekolah kawasan bandar, RM 63.00 setahun untuk sekolah-sekolah kawasan pinggir bandar dan RM 42.00 setahun untuk kawasan kampung serta memastikan ianya mendapat persetujuan ibubapa/ PIBG.

2. Buku Teks Percuma:

- JAIS sedang berusaha untuk mengadakan Skim Pinjaman Buku Teks Agama (SPBTA) untuk semua murid sekolah agama kerajaan negeri melalui Lembaga Zakat Selangor, MAIS.

- c) Dalam makluman Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, semua murid luar bandar dapat bersekolah. Jumlah murid luar bandar yang bersekolah pula adalah seramai 471 957 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : CUKAI TANAH

146. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah cukai tanah yang telah dikutip bagi tempoh sejak Pakatan Rakyat mengambil alih sejak Mac 2008?
- b) Apakah bentuk usaha dan tindakan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri agar semua pemilik tanah membayar cukai tunggakan mereka?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil kutipan cukai pada masa akan datang?

JAWAPAN :

- a) Jumlah cukai tanah yang telah dikutip bagi tempoh Pakatan Rakyat mengambil alih sejak Mac 2008 ialah **RM323,994,813.55**
- b) Usaha dan tindakan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan semua pemilik tanah membayar cukai tunggakan mereka adalah seperti berikut:-
 - i) Memberi insentif kepada pembayar cukai terawal iaitu dalam bentuk barangan IKS;
 - ii) Ops Ketuk Pintu (mengutip cukai dari pintu ke pintu);
 - iii) Membenarkan pembayaran tunggakan cukai tanah secara ansuran di dalam tempoh masa yang ditetapkan, tetapi tidak melebihi tempoh 12 bulan tahun kewangan semasa;
 - iv) Penghantaran notis peringatan kepada penunggak-penunggak dan notis perampasan kepada penunggak-penunggak tegar;
 - v) Kemudahan pembayaran cukai tanah secara elektronik; dan
 - vi) Kemudahan pembayaran cukai tanah di kaunter pelbagai Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Pos.

- c) Di antara perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil kutipan cukai pada masa akan datang adalah seperti berikut:-
- i) Kempen Kesedaran Membayar Cukai Tanah;
 - ii) Melantik lebih banyak agen-agen kutipan sebagai contoh BSN (lebih tertumpu pada kawasan-kawasan Luar Bandar);
 - iii) Pemberian insentif yang lebih menarik kepada pembayar cukai terawal;
 - iv) Pengwujudkan kiosk-kiosk untuk percetakan bil di tempat-tempat yang strategik;
 - v) Menkuatkuasakan pengeluaran Notis 6A kepada pemilik tanah; dan
 - vi) Kerajaan Negeri memberi pengurangan bayaran denda lewat bayar maksimum 30% bagi kes-kes berkecualan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL KERAJAAN

147. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Secara puratanya, apakah peratusan pekerja tempatan dan pekerja asing yang kini bekerja dengan syarikat kontraktor dan pembekal rasmi Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Demi menambahkan peluang pekerjaan untuk warga tempatan pada masa krisis ekonomi ini, apakah langkah Kerajaan untuk menyediakan suatu garis panduan kepada pembekal dan kontraktor utama Kerajaan Negeri supaya mereka memberikan keutamaan kepada warga tempatan dan mempunyai bilangan peratusan pekerja tempatan yang lebih tinggi berbanding dengan pekerja asing.

JAWAPAN :

- a)
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bersidang pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini (Di bawah Peraturan Tetap 23 (q)).**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : JALAN-JALAN KAMPUNG

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan tanggungjawab menyelenggarakan jalan-jalan kampung yang terdapat di Negeri Selangor?
- b) Jika ya, berapakah jumlah peruntukan kewangan untuk penyelenggaraan tersebut yang disediakan dalam tahun 2008 mengikut kampung dan daerah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor sememangnya komited untuk melaksanakan tanggungjawab bagi menyelenggara jalan-jalan kampung Negeri Selangor. Penyelenggaraan jalan-jalan kampung ini dilaksanakan di bawah projek-projek kecil luar bandar. Peruntukan untuk menyelenggarakan jalan-jalan kampung ini disalurkan dan dilaksanakan oleh Pejabat-Pejabat Daerah.
- b) Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 24,064,193.75 bagi sembilan daerah untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang dilaksanakan oleh Pejabat-Pejabat Daerah selaku Penguasa Projek. Jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di Negeri Selangor yang telah diluluskan mengikut daerah dan kampung adalah seperti berikut :

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG NEGERI SELANGOR TAHUN 2008

| BIL | DAERAH | BIL. KAMPUNG | BIL. PROJEK | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|--------------------|----------------|--------------|-------------|------------------------|
| 1 | Petaling | 16 | 35 | 2,012,454.00 |
| 2 | Gombak | 20 | 33 | 2,110,000.00 |
| 3 | Klang | 37 | 99 | 3,081,000.00 |
| 4 | Hulu Langat | 24 | 32 | 1,653,666.50 |
| 5 | Sepang | 21 | 40 | 2,375,000.00 |
| 6 | Kuala Langat | 30 | 81 | 2,714,000.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 36 | 73 | 2,779,474.25 |
| 8 | Hulu Selangor | 25 | 27 | 1,525,000.00 |
| 9 | Sabak Bernam | 58 | 99 | 5,813,599.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | 267 | 519 | 24,064,193.75 |

MAKLUMAT TAMBAHAN

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH PETALING TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|------|---------------|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| 1 | PETALING | BATU TIGA | KG. PADANG JAWA KG BATU TIGA | 9 1 | 790,000.00 25,000.00 | 815,000.00 |
| 2 | PETALING | DAMANSARA UTAMA | KG. CEMPAKA | 1 | 100,000.00 | 100,000.00 |
| 3 | PETALING | KINRARA | KG. KANDAN LAMA | 3 | 215,000.00 | 215,000.00 |
| 4 | PETALING | KOTA DAMANSARA | KG. BARU CINA KG. MELAYU SUBANG KG. SELAMAT | 2 1 1 | 214,000.00 30,000.00 30,000.00 | 274,000.00 |
| 5 | PETALING | PAYA JARAS | KG. PAYA JARAS HULU KG. PAYA JARAS HILIR KG. PAYA JARAS DALAM KG. KUBU GAJAH KG. SG. PLONG KG. MERBAU SEMPAK | 1 2 1 1 2 3 | 40,000.00 100,000.00 30,000.00 40,000.00 120,000.00 90,000.00 | 420,000.00 |
| 6 | PETALING | SERI SERDANG | KG. BATU 12 KG. SERI AMAN | 2 2 | 50,000.00 60,000.00 | 110,000.00 |
| 7 | PETALING | MERU | KG. BUKIT CHERAKAH | 3 | 78,454.00 | 78,454.00 |
| | JUMLAH | | 16 | 35 | | 2,012,454.00 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH GOMBAK TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|------|---------------|--------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------|-------------------------|
| 1 | GOMBAK | KUANG | KG. BARU KUNDANG KG. CEMPEDAK KUANG | 1 1 | 100,000.00 90,000.00 | 190,000.00 |
| 2 | GOMBAK | TEMPLER | KG. SELAYANG BARU KG. LEMBAH INDAH KG. SELAYANG INDAH KG. SELAYANG PANDANG KG. MELAYU BT. 16 | 12 1 1 1 1 | 790,000.00 80,000.00 70,000.00 50,000.00 60,000.00 | 1,050,000.00 |
| 3 | GOMBAK | PAYA JARAS | KG. SRI INDAH A KG. ORG ASLI BKT. LAGONG KG. BAHAGIAN | 1 1 1 | 50,000.00 100,000.00 50,000.00 | 200,000.00 |
| 4 | GOMBAK | RAWANG | KG. SG. BAKAU KG. DATO' LEE KIM SAI KG. SG. TERENTANG | 3 1 1 | 230,000.00 50,000.00 150,000.00 | 430,000.00 |
| 5 | GOMBAK | BATU CAVES | KG. SG. KERTAS KG. MAHKOTA KG. GOMBAK INDAH | 1 1 1 | 90,000.00 30,000.00 30,000.00 | 150,000.00 |
| 6 | GOMBAK | HULU KLANG | KG. KLANG GATE KG. KEMENSAH | 1 1 | 20,000.00 30,000.00 | 50,000.00 |
| 7 | GOMBAK | GOMBAK SETIA | KG. SG. SALAK KG. CHANGKAT | 1 1 | 20,000.00 20,000.00 | 40,000.00 |
| | JUMLAH | | 20 | 33 | | 2,110,000.00 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH KLANG TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|------|---------------|-----------------|-----------------------|-------------|-----------------|-------------------------|
| 1 | KLANG | MERU | KG. BUKIT KAPAR | 12 | 239,000.00 | 494,000.00 |
| | | | KG. BATU BELAH | 2 | 40,000.00 | |
| | | | KG. BUDIMAN | 2 | 70,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT CHERAKAH | 2 | 85,000.00 | |
| | | | KG. MERU | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT KERAYONG | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. SERI JAYA KAPAR | 1 | 20,000.00 | |
| 2 | KLANG | PENDAMARAN | KG. RAJA UDA | 2 | 175,000.00 | 175,000.00 |
| 3 | KLANG | BATU TIGA | KG. PADANG JAWA | 2 | 120,000.00 | 140,000.00 |
| | | | KG. KUANTAN | 1 | 20,000.00 | |
| 4 | KLANG | SERI ANDALAS | KG. SG. KANDIS | 1 | 100,000.00 | 170,000.00 |
| | | | KG. JAWA KLANG | 2 | 70,000.00 | |
| 5 | KLANG | SELAT KLANG | KG. DELEK BARU | 4 | 353,000.00 | 416,000.00 |
| | | | KG. DELEK KANAN | 1 | 23,000.00 | |
| | | | KG. SG. SIREH | 2 | 40,000.00 | |
| 6 | KLANG | SRI MUDA | KG. JAWA KLANG | 2 | 130,000.00 | 149,000.00 |
| | | | KG. BUKIT NAGA | 1 | 19,000.00 | |
| 7 | KLANG | PELABUHAN KLANG | KG. TENGAH TELOK GONG | 1 | 60,000.00 | 300,000.00 |
| | | | KG. HAMID TUAH | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. PERIGI NENAS | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. PENDAMAR KLANG | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. AIR HITAM | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. SG. PINANG | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. TELOK NIPAH | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. SG. KEMBONG | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. PENDAMARAN | 1 | 20,000.00 | |
| 8 | KLANG | SEMENTA | KG. SERDANG | 2 | 70,000.00 | 449,000.00 |
| | | | KG. TOK MUDA KAPAR | 5 | 100,000.00 | |
| | | | KG. PEREPAT | 6 | 159,000.00 | |
| | | | KG. SEMENTA | 5 | 60,000.00 | |
| | | | KG. BATU 4 | 2 | 40,000.00 | |
| | | | KG. BATU 12 | 1 | 20,000.00 | |
| 9 | KLANG | SG. PINANG | KG. SG. PINANG | 9 | 200,000.00 | 788,000.00 |
| | | | KG. BATU BELAH | 5 | 160,000.00 | |
| | | | KG. BATU 3 | 5 | 140,000.00 | |
| | | | KG. BATU 4 | 2 | 80,000.00 | |
| | | | KG. RANTAU PANJANG | 9 | 208,000.00 | |
| | JUMLAH | | 37 | 99 | | 3,081,000.00 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH HULU LANGAT TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|------|---------------|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| 1 | HULU LANGAT | BUKIT ANTARABANGSA | KG. MELAYU AMPANG | 1 | 20,000.00 | 20,000.00 |
| 2 | HULU LANGAT | LEMBAH JAYA | KG. BKT SG. SEPUTIH | 1 | 100,000.00 | 100,000.00 |
| 3 | HULU LANGAT | CEMPAKA | KG. PANDAN DALAM | 5 | 389,413.00 | 389,413.00 |
| 4 | HULU LANGAT | SEMENYIH | KG. PASIR BARU KG. BARU SEMENYIH KG. SENTOSA | 1 1 1 | 50,000.00 60,000.00 20,000.00 | 130,000.00 |
| 5 | HULU LANGAT | BALAKONG | KG. BARU BATU 11 KG. SG. JERNIH KG. BARU BALAKONG | 1 1 3 | 45,000.00 50,000.00 190,000.00 | 285,000.00 |
| 6 | HULU LANGAT | KAJANG | KG. LEMBAH SG. SEKAMAT | 1 | 30,000.00 | 30,000.00 |
| 7 | HULU LANGAT | DUSUN TUA | KG. SG. SOP KG. PAYA SEBERANG KG. DUSUN TUA KG. LUBUK KELUBI KG. SG. SERAI KG. BATU 23 KG. DUSUN NANDING KG. BARU BATU 20 KG. PERDEK KG. SG. TEKALI KG. BT. 14. HULU LANGAT | 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 | 80,000.00 30,000.00 45,000.00 60,000.00 50,000.00 50,000.00 50,000.00 87,000.00 48,000.00 31,191.00 10,000.00 | 541,191.00 |
| 8 | HULU LANGAT | BANGI | KG. SG. RAMAL DALAM KG. BANGI KG. SG. RAMAL | 3 1 1 | 123,900.00 14,162.50 20,000.00 | 158,062.50 |
| | JUMLAH | | 24 | 32 | | 1,653,666.50 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH SEPANG TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|------|---------------|---------------|-----------------------|-------------|-----------------|-------------------------|
| 1 | SEPANG | SUNGAI PELEK | KG. HULU CHUCHOH | 6 | 260,000.00 | 1,360,000.00 |
| | | | KG. SALAK TINGGI | 3 | 250,000.00 | |
| | | | KG. TG. MAS | 2 | 90,000.00 | |
| | | | KG. GICHING | 2 | 120,000.00 | |
| | | | KG. AIR KEROH | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. LABU LANJUT | 1 | 70,000.00 | |
| | | | KG. SG. PELEK | 1 | 150,000.00 | |
| | | | KG. SALAK | 1 | 80,000.00 | |
| | | | KG. JENDERAM HULU | 2 | 210,000.00 | |
| | | | KG. BAGAN LALANG | 2 | 70,000.00 | |
| | | | KG. TANJUNG EMAS | 1 | 20,000.00 | |
| 2 | SEPANG | TANJUNG SEPAT | KG. BUKIT BANGKONG | 3 | 300,000.00 | 300,000.00 |
| 3 | SEPANG | DENGKIL | KG. SG. BUAH | 2 | 75,000.00 | 715,000.00 |
| | | | KG. SRI T. DENGKIL | 2 | 165,000.00 | |
| | | | KG. DESA PUTRA | 5 | 310,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT DAMAR | 1 | 65,000.00 | |
| | | | KG. RKT LIMA MANIS | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. CEMPERAI | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. JENDERAM HULU | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. DATO' ABU BAGINDA | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. DENGKIL | 1 | 20,000.00 | |
| | JUMLAH | | 21 | 40 | | 2,375,000.00 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH KUALA LANGAT TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|------|---------------|---------------|-------------------------------------------|-------------|-----------------|-------------------------|
| 1 | KUALA LANGAT | DENGKIL | KG. LABOHAN DAGANG KG. BUKIT CHANGGANG | 2 | 80,000.00 | 100,000.00 |
| | | | | 1 | 20,000.00 | |
| 2 | KUALA LANGAT | MORIB | KG. KILKEE | 1 | 20,000.00 | 920,000.00 |
| | | | KG. KELANANG | 7 | 130,000.00 | |
| | | | KG. KANCHONG DARAT | 14 | 295,000.00 | |
| | | | KG. BANDAR | 3 | 65,000.00 | |
| | | | KG. SG. BUAYA | 2 | 40,000.00 | |
| | | | KG. KANCHONG TENGAH | 6 | 160,000.00 | |
| | | | KG. SAWAH | 3 | 65,000.00 | |
| | | | KG. PULAU BANTING | 1 | 25,000.00 | |
| | | | KG. SERI JUGRA | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. TAMPOI | 2 | 40,000.00 | |
| | | | KG. ORG ASLI TONGKAH | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. TALI AIR | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. BANTING | 1 | 20,000.00 | |
| 3 | KUALA LANGAT | SIJANGKANG | KG. MEDAN | 1 | 80,000.00 | 170,000.00 |
| | | | KG. MELAYU | 1 | 90,000.00 | |
| 4 | KUALA LANGAT | TANJUNG SEPAT | KG. TUMBUK | 1 | 70,000.00 | 924,000.00 |
| | | | KG. TANJUNG SEPAT | 5 | 150,000.00 | |
| | | | KG. KUNDANG | 4 | 105,000.00 | |
| | | | KG. LADANG BATU | 3 | 140,000.00 | |
| | | | KG. ENDAH | 5 | 275,000.00 | |
| | | | KG. SG. LANG BARU | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. SG. LANG TENGAH | 1 | 45,000.00 | |
| | | | KG. SG. KELAMBU | 3 | 89,000.00 | |
| 5 | KUALA LANGAT | TELUK DATUK | KG. TELUK BUNUT | 1 | 200,000.00 | 600,000.00 |
| | | | KG. JAYA SEPAKAT | 1 | 100,000.00 | |
| | | | KG. RAMBUTAN | 1 | 65,000.00 | |
| | | | KG. JENJAROM | 6 | 215,000.00 | |
| | | | KG. SERI CHEEDING | 1 | 20,000.00 | |
| | JUMLAH | | 30 | 81 | | 2,714,000.00 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH KUALA SELANGOR TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|----------------------|----------------|----------------|--------------------------|-------------|-----------------|-------------------------|
| 1 | KUALA SELANGOR | SUNGAI BURONG | KG. SG. SIREH | 2 | 80,000.00 | 1,190,000.00 |
| | | | KG. HAJI RAZALI | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. KUNCI AIR BUANG | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. SG. KAJANG | 8 | 260,000.00 | |
| | | | KG. MELAKA | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 4 | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. SG. BURONG | 2 | 200,000.00 | |
| | | | KG. PINANG | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. SG. TENGI KIRI | 2 | 50,000.00 | |
| | | | KG. HJ. RAZALI | 2 | 70,000.00 | |
| | | | KG. AMPANGAN | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. SG. TENGI KANAN | 4 | 105,000.00 | |
| | | | KG. BLOK BI | 1 | 35,000.00 | |
| | | | KG. BLOK COJ | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. TOK ADAM | 2 | 60,000.00 | |
| | | | KG. BLOK DKPV | 1 | 40,000.00 | |
| KG. BAGAN SG. KAJANG | 1 | 20,000.00 | | | | |
| KG. PARIT 3 | 1 | 30,000.00 | | | | |
| 2 | KUALA SELANGOR | PERMATANG | KG. BUKIT BELIMBING | 1 | 20,000.00 | 474,974.25 |
| | | | KG. SERI TIRAM JAYA | 4 | 185,000.00 | |
| | | | KG. SG. GULANG-GULANG | 3 | 70,000.00 | |
| | | | KG. TANJONG KARANG | 1 | 199,974.25 | |
| 3 | KUALA SELANGOR | BUKIT MELAWATI | KG. KUANTAN | 3 | 110,000.00 | 285,000.00 |
| | | | KG. API-API | 2 | 85,000.00 | |
| | | | KG. PASIR TUNTONG | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. TG. SIAM BARU | 1 | 40,000.00 | |
| 4 | KUALA SELANGOR | IJOK | KG. JAYA SETIA | 1 | 40,000.00 | 40,000.00 |
| 5 | KUALA SELANGOR | JERAM | KG. JERAM | 5 | 146,000.00 | 789,500.00 |
| | | | KG. BUKIT KERAYONG | 2 | 90,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT HIJAU | 1 | 15,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT KUCHING | 4 | 195,000.00 | |
| | | | KG. SG. BULOH | 4 | 85,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT KUCHING TENGAH | 4 | 106,000.00 | |
| | | | KG. BKT. CHERAKAH | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. JERAM | 1 | 58,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT KAPAR | 1 | 54,500.00 | |
| | JUMLAH | | | 36 | 73 | 2,779,474.25 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH HULU SELANGOR TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|-----------------------|---------------|------------------|---------------------------|---------------|-----------------|-------------------------|
| 1 | HULU SELANGOR | KUALA KUBU BHARU | KG. ORANG ASLI BULOH | 1 | 55,000.00 | 370,000.00 |
| | | | KG. STESYEN TAMBAHAN | 1 | 60,000.00 | |
| | | | KG. BUKIT CHANDANG | 1 | 110,000.00 | |
| | | | KG. ASAM KUMBANG | 1 | 55,000.00 | |
| | | | KG. RASA | 1 | 90,000.00 | |
| 2 | HULU SELANGOR | BATANG KALI | KG ORG ASLI HULU TAMU | 2 | 100,000.00 | 405,000.00 |
| | | | KG. ORG ASLI BKT MUNCHONG | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. KOSKAN TAMBAHAN | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. KUANTAN | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. PASIR TAMBAHAN | 1 | 45,000.00 | |
| | | | KG. BARU SG. CHOH | 1 | 60,000.00 | |
| | | | KG. TANJONG | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. BATU 30 | 1 | 30,000.00 | |
| | | | 3 | HULU SELANGOR | HULU BERNAM | |
| KG. LALANG | 1 | 30,000.00 | | | | |
| KG. MASJID | 1 | 100,000.00 | | | | |
| KG. HASAN | 1 | 50,000.00 | | | | |
| KG. ALAH BATU | 1 | 50,000.00 | | | | |
| KG. BILAL | 1 | 30,000.00 | | | | |
| KG. PASIR PUTEH | 1 | 100,000.00 | | | | |
| KG. GUMUT | 2 | 180,000.00 | | | | |
| KG. TITIWANGSA | 1 | 70,000.00 | | | | |
| KG. SERI GERIANG | 1 | 50,000.00 | | | | |
| KG. ORG ASLI SERIGALA | 1 | 20,000.00 | | | | |
| KG. SG. SELISEK | 1 | 20,000.00 | | | | |
| | JUMLAH | | | | | 25 |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|-------------------|--------------|------------|---------------------------|--------------|-----------------|-------------------------|
| 1 | SABAK BERNAM | SABAK | KG. BAGAN NIRA | 1 | 40,000.00 | 443,975.00 |
| | | | KG. TEBUK PULAI | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. TOK KHALIFAH | 1 | 40,000.00 | |
| | | | KG. BATU 4 | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. BATU 2 | 3 | 136,000.00 | |
| | | | KG. BATU 37 | 1 | 30,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 3 | 1 | 19,975.00 | |
| | | | KG. TERSUSUN | 1 | 19,000.00 | |
| | | | KG. SG. BESAR | 1 | 19,000.00 | |
| | | | KG. BAGAN NAKHODA OMAR | 1 | 20,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 12 TIMUR | 1 | 10,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 12 1/2 TIMUR | 1 | 20,000.00 | |
| | | | 2 | SABAK BERNAM | SG. AIR TAWAR | |
| KG. SIMPANG 4 | 2 | 140,000.00 | | | | |
| KG. SEKENDI | 2 | 130,000.00 | | | | |
| KG. TEBUK JAWA | 1 | 100,000.00 | | | | |
| KG. SG. AIR TAWAR | 3 | 200,000.00 | | | | |
| KG. TEBUK MUFRAD | 2 | 170,000.00 | | | | |
| KG. TEBUK BERIHUN | 1 | 90,000.00 | | | | |
| KG. TELUK RHU | 3 | 280,000.00 | | | | |
| KG. TENGAH | 1 | 45,000.00 | | | | |
| KG. PERENGGAN | 3 | 130,000.00 | | | | |
| KG. PARIT BARU | 1 | 100,000.00 | | | | |
| KG. BARU | 1 | 20,000.00 | | | | |

STATISTIK PERUNTUKAN BAGI PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2008

| BIL. | DAERAH | DUN | NAMA KAMPUNG | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|---------------|---------------|-------------|-------------------------|--------------|-----------------|-------------------------|
| 3 | SABAK BERNAM | SG. PANJANG | KG. RTB 1 | 1 | 50,000.00 | 2,187,874.00 |
| | | | KG. HALA CARA | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. BINJAI PATAH | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. MERBAU JAYA | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 13 | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 12 | 3 | 150,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 3/4 | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 2 | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 1 TIMUR | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. SG HJ. DORANI | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. NELAYAN | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. SG. NIPAH | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG PEKET 100 | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. TALIAIR 14 | 1 | 50,000.00 | |
| | | | KG. TALIAIR 13 | 2 | 100,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 13 | 3 | 139,000.00 | |
| | | | KG. TALIAIR 12 | 2 | 100,000.00 | |
| | | | KG. BATU 23 | 3 | 185,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 11 | 2 | 100,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 7 | 1 | 15,528.00 | |
| | | | KG. PARIT 4 | 2 | 347,586.00 | |
| | | | KWSN JKKK (TANAH BELIA) | 1 | 169,770.00 | |
| | | | KG. SIMPANG 5 | 2 | 36,000.00 | |
| | | | KG. PARIT 16 | 1 | 29,990.00 | |
| | | | KG. PASIR PANJANG | 1 | 115,000.00 | |
| | | | KG. ASSAM JAWA | 1 | 50,000.00 | |
| | | | 4 | SABAK BERNAM | SEKINCHAN | |
| KG. TALIAIR 8 | 2 | 140,000.00 | | | | |
| KG. PARIT 8 | 4 | 100,000.00 | | | | |
| KG. TALIAIR 7 | 2 | 100,000.00 | | | | |
| KG. PARIT 7 | 6 | 590,000.00 | | | | |
| KG. SG. LEMAN | 1 | 50,000.00 | | | | |
| KG. BATU 15 | 3 | 170,000.00 | | | | |
| KG. PARIT 5 | 2 | 271,750.00 | | | | |
| | JUMLAH | | 58 | 99 | | 5,813,599.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PERLAKSANAAN MANIFESTO PILIHANRAYA UMUM KE 12
KERAJAAN BARISAN ALTERNATIF**

149. Semasa menghadapi pilihan raya umum ke 12, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang dahulu dikenali sebagai Barisan Alternatif telah menawarkan manifesto mengandungi 25 perkara yang melibatkan hal ehwal sosial dan kebajikan rakyat dan 5 perkara yang melibatkan urus tadbir negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyakkah perkara yang terkandung dalam manifesto tersebut telah dilaksanakan sehingga kini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar-dasar ini yang dijanjikan di dalam Manifesto Barisan Alternatif Selangor 2008:
- i) Pembukaan tabung RM100 bagi setiap anak kelahiran Selangor di dalam bentuk Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
 - ii) Pemberian RM1000 untuk setiap anak masuk universiti, tetapi difokuskan untuk mereka yang berpendapatan RM1500 ke bawah
 - iii) Pencaruman RM2500 untuk warga emas dan OKU dalam bentuk Skim Mesra Usia Emas
 - iv) Pemberian cuti bersalin 90 hari bagi kakitangan kerajaan
 - v) Pemberian cuti 14 hari bagi kakitangan kerajaan yang isterinya melahirkan anak
 - vi) Pemberian cuti sebulan bagi kakitangan kerajaan yang kematian suami
 - vii) Pemberian bekalan air 20 m3 bagi pengguna domestik
 - viii) Peningkatan pendapatan petani
 - ix) Penyediaan Pusat Khidmat Sehenti bagi wanita yang menjadi mangsa keganasan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: SISTEM BEKALAN AIR DI NEGERI SELANGOR

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peratusan rakyat di Selangor yang masih belum menikmati air percuma 20 m³?
- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan penukaran "*bulk*" meter kepada meter individu bagi mereka yang menduduki pangsapuri-pangsapuri?
- b) Dalam pelaksanaan penukaran meter tersebut, apakah masalah-masalah yang dihadapi dan apakah cara-cara untuk mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Adalah dianggarkan lebih kurang 10% dari rakyat di Selangor masih belum menikmati air percuma 20m³. Mereka ini terdiri dari pengguna domestik yang tinggal di rumah pangsapuri/kondominium yang mana syarikat pengurusan bangunan (MC) masih belum membuat permohonan untuk menukar meter pukal kepada meter individu.
- b) Pemegang akaun meter pukal adalah di atas nama pengurusan bangunan. Tiada jangkaan masa tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri ataupun SYABAS bagi penukaran meter pukal kepada meter individu. Program ini bergantung sepenuhnya kepada pihak MC yang bersedia untuk mengemukakan permohonan migrasi meter. Kerajaan Negeri hanya menyarankan kepada pihak pengurusan bangunan supaya mengemukakan permohonan penukaran meter individu kepada SYABAS secara rasmi.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah bercadang untuk menguatkuasakan pindaan undang-undang supaya peruntukan migrasi meter dijadikan wajib ke atas semua akaun bekalan air meter pukal (bagi kediaman pangsapuri/kondominium), namun perkara ini masih dalam perancangan. Sekiranya pindaan undang-undang yang dicadangkan oleh SPAN dapat dilaksanakan, kepentingan pengguna akan lebih terpelihara dan pemberian 20 meter padu air percuma dapat dinikmati oleh semua rakyat di Selangor.

c) Kebanyakan masalah yang dihadapi adalah tertumpu pada masalah dari segi teknikal seperti:-

- i) Kedudukan meter yang tidak sesuai di mana ia dipasang terlalu tinggi melebihi 2.1 meter sukar untuk dibaca dan disenggaraakan;
- ii) Tapak meter yang tidak sesuai di mana ia telah reput, berkarat dan bocor atau dibuat dari bahan yang berkualiti rendah di mana ia menyebabkan kesukaran kepada pihak SYABAS untuk menyenggara meter;
- iii) Terdapat pemasangan pam elektrik di kawasan 'meter stand' di mana air dipamkan terus dari paip;
- iv) Terdapat pemasangan penapis air di kawasan 'meter stand' yang boleh mengganggu pembacaan meter dan juga menyukarkan penyenggaraan meter;
- v) Terdapat tangki air bocor yang tidak dibaiki oleh pihak pengurusan bangunan;
- vi) Meter dipasang terbalik di setiap premis;
- vii) Tapak meter yang dipasang tidak menepati spesifikasi 'drawing' yang diluluskan oleh SYABAS;
- viii) Meter berada dalam rumah/grill yang berkunci;
- ix) Terdapat meter yang dipasang terlalu jauh di luar koridor yang menyulitkan kerja-kerja penyenggaraan dan pembacaan meter;
- x) Terdapat tunggakan bil air terhadap akaun meter pukal Kondominium/Pangsapuri;
- xi) Terdapat halangan seperti sampah sarap yang menghalang bacaan meter dilakukan oleh pembaca meter;
- xii) Bagi meter yang diletakkan secara berkelompok nombor unit premis tidak dilabel bagi menunjukkan nombor rumah atau tempat air dibekalkan; dan
- xiii) Nombor siri meter tidak jelas/tiada nombor siri.

Selain masalah teknikal terdapat juga masalah keengganan pihak pengurusan bangunan membuat permohonan penukaran meter individu. Perkara ini berlaku kerana terdapat syarikat pengurusan bangunan yang menyimpan permohonan migrasi akaun meter individu yang dibuat oleh pemilik dan tidak dikemukakan kepada SYABAS disebabkan mereka menghendaki pemilik menjelaskan terlebih dahulu hutang tunggakan bil air sedia ada.

Ada juga masalah di mana pemilik premis gagal untuk menyediakan dokumen yang lengkap semasa membuat permohonan penukaran meter individu.

Terdapat juga segelintir pemilik premis yang sememangnya enggan membuat permohonan bekalan air individu selepas kelulusan migrasi diberikan oleh SYABAS kerana selama ini mereka tidak pernah membayar bil air kepada pihak syarikat pengurusan bangunan. Disebabkan segelintir individu yang tidak bertanggungjawab ini telah menyebabkan proses pengaktifan akaun tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan jayanya.

Ini kerana pihak pengurusan bangunan tidak akan lagi membuat kutipan bayaran bil air seperti mana yang dinikmati ketika ini. Kerajaan Negeri Selangor hanya menjalankan promosi penukaran meter memandangkan permohonan tersebut tidak ada unsur paksaan dan terpulanglah kepada pengurusan bangunan untuk melaksanakan.

Secara keseluruhannya, semua masalah ini timbul kerana tiada sebarang undang-undang yang mewajibkan dan menetapkan tempoh masa tertentu kepada pihak yang terlibat untuk melaksanakan penukaran meter pukal kepada meter individu. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kawal Selia Air Selangor (JKAS) pada ketika itu hanya membuat satu garis panduan sahaja untuk menjayakan program ini. Oleh itu Kerajaan Negeri hanya menyarankan kepada pihak pengurusan bangunan supaya mengemukakan permohonan penukaran meter individu kepada SYABAS secara rasmi.

Baru-baru ini Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah bercadang untuk menguatkuasakan pindaan undang-undang supaya peruntukan migrasi meter dijadikan wajib ke atas semua akaun bekalan air meter pukal (bagi kediaman pangsapuri/kondominium), namun perkara ini masih dalam perancangan. Sekiranya pindaan undang-undang yang dicadangkan oleh SPAN dapat dilaksanakan, kepentingan pengguna akan lebih terpelihara dan pemberian 20 meter padu air percuma dapat dinikmati oleh semua rakyat di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROGRAM MESRA USIA EMAS

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejak program Mesra Usia Emas dilancarkan berapa ramaikah yang telah mendaftar untuk skim ini?
- b) Berapa ramaikah orang yang telah menerima manfaat program Mesra Usia Emas ini dan berapa kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri?
- c) Apakah terdapat perancangan Kerajaan Negeri untuk meluaskan skim ini kepada golongan lain?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 24 Februari 2009 yang lepas, seramai 31,536 orang warga emas telah didaftarkan sebagai peserta skim ini.
- b) Mengikut data yang dikemaskini, seramai 1,819 orang warga emas telah meninggal dunia setelah mendaftar dengan skim ini dan jumlah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membayar faedah kematian ini adalah sebanyak RM 2.02 juta.
- c) Kerajaan Negeri masih dalam proses perancangan bagi meluaskan skim ini kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Cara pelaksanaan masih sama seperti Skim Mesra Usia Emas di mana faedah kematian akan diterima oleh wasi sebagai membantu wasi dalam proses pengkebumian peserta skim. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan diumumkan di suatu masa yang akan ditentukan memandangkan program ini terletak di bawah fasa 2 Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN KERETA-KERETA KERAJAAN NEGERI

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kos penyelenggaraan kereta-kereta Kerajaan Negeri dari tahun 2004 hingga 2007. Dan syarikat manakah yang mendapat kontrak penyelenggaraan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jumlah penyelenggaraan bagi 34 buah kenderaan dari tahun 2004 hingga 2007 sebanyak RM 793, 273.33

Syarikat tidak dilantik di bawah perjanjian atau kontrak tetapi penyelenggaraan dibuat oleh syarikat bengkel yang berdaftar dengan Pentadbiran secara bergilir-bergilir. Nama-nama syarikat seperti di berikut:

| BIL | NAMA SYARIKAT |
|------------|---------------------------------|
| 1 | Data Mewah Sdn. Bhd. |
| 2 | Kia Protee Services Sdn. Bhd. |
| 3 | Metro Velay Autitech Sdn. Bhd. |
| 4 | Free Will Auto Sdn. Bhd. |
| 5 | Massaga Auto Services Sdn. Bhd. |
| 6 | Bengkel Kereta Sahar |
| 7 | Syarikat Perkhidmatan Shah Jaya |
| 8 | Zaan Maju Enterprise |
| 9 | ED Tayar dan Bateri Sdn. Bhd. |
| 10 | Syarikat Tayar Soon Leong |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR

153. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd. bagi meningkatkan hasil perlombongan pasir di negeri ini dengan janji untuk meningkatkan pendapatan perlombongan pasir antara RM 100 - 200 juta setahun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah pendapatan yang telah diperolehi oleh Kerajaan hasil perlombongan pasir melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd dalam tempoh enam bulan lalu?
- b) Siapakah kontraktor-kontraktor yang dilantik bagi mengendalikan aktiviti perlombongan pasir ini?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., bayaran royalti telah dibuat kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak RM1.475 juta bagi tempoh 15 September 2008 sehingga 31 Januari 2009. Kadar royalti adalah RM3.00/m³.
- b) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., kontraktor-kontraktor yang dilantik melalui tender terbuka untuk lombong-lombong setakat ini adalah:-
 - i) Lombong DK1 – Wawasan Dengkil Sdn. Bhd.
 - ii) Lombong DK2 – Hai Thiong Construction
 - iii) Lombong BJ1 – Plot A – Low Chai Eng & Sons Trading Sdn. Bhd.
 - iv) Lombong BJ1 – Plot B – Resvil Holding Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : MENGHADAPI KEGAWATAN EKONOMI

154. Pakar ekonomi meramalkan kegawatan ekonomi di seluruh dunia pada tahun 2009 ini bakal menjejaskan banyak industri di negara ini khususnya industri-industri di Selangor yang menjadi antara nadi pembangunan negara.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah pembuangan pekerja oleh industri-industri yang terjejas di negeri ini?
- b) Kita difahamkan Kerajaan Negeri menyediakan dana khas untuk mereka yang diberhentikan kerja. Bagaimanakah proses itu dilaksanakan dan cara-cara untuk mendapatkannya?
- c) Nyatakan industri dan kilang-kilang yang terjejas yang berada dalam pengetahuan Kerajaan Negeri dan langkah-langkah yang sudah diambil?

JAWAPAN :

- a) Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat serta mengambil tindakan yang wajar bagi menangani isu berhubung pemberhentian pekerja. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu.

Berdasarkan perbincangan di dalam mesyuarat jawatankuasa tersebut, beberapa langkah akan dilaksanakan seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan sama ada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
- ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan; dan

- iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan dan ianya juga dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan.
- b) Melalui mesyuarat jawatankuasa khas yang ditubuhkan, Kerajaan Negeri akan membangunkan sistem *Selangor Retrenchment Helpline* (SRH) dengan usaha sama Pusat ICT Negeri Selangor dengan syarikat Jobstreet.Com Sdn. Bhd yang mempunyai kepakaran di dalam membangunkan sistem pencarian kerja yang efektif. Bagi memudahkan pelaksanaan, pihak Jobstreet.com akan mengguna pakai sistem data sedia ada dan ianya akan disambungkan (*link*) ke laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor. Sistem ini bertujuan untuk mengumpul maklumat pekerja yang diberhentikan di negeri Selangor dan dalam masa yang sama membantu pekerja tersebut mendapatkan peluang-peluang kerjaya yang baru melalui penyuaipadanan (*match-making*) dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat sedia ada yang berdaftar dengan pihak Jobstreet.

Melalui sistem yang dicadangkan ini, pekerja yang diberhentikan boleh mendaftar dengan percuma melalui laman web tersebut dan akan diberi kata kunci (password) bagi memudahkan penggunaan sistem tersebut di mana-mana tempat yang mempunyai jaringan internet.

Setelah pendaftaran dilakukan, sistem akan menapis (*filtering*) maklumat yang diterima dan akan dipadankan (*match-make*) dengan kekosongan jawatan di dalam syarikat-syarikat yang telah sedia ada berdaftar dengan pihak Jobstreet.com.

Tawaran kekosongan jawatan tersebut akan dibuat melalui sistem tersebut berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pengguna.

- c) Antara syarikat yang teruk terjejas akibat kemelesetan ekonomi negara adalah dari sektor pembuatan (semi-conductors) di mana terdapat pihak syarikat yang terpaksa menutup operasi pada setiap hujung bulan bagi mengurangkan kos operasi.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad dengan mengadakan beberapa pertemuan dan dialog dengan pihak industri yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas mengenai isu dan permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk memastikan pihak industri yang terbabit dapat meneruskan operasi mereka di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : TEBING RUNTUH

155. Penduduk Jalan 12, Taman Bukit Kajang bimbang tanah Bukit Kajang yang dipotong secara '*vertical*' runtuh dan membahayakan mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah masalah tebing bukit curam ini berada di dalam maklumat MPKj?
- b) Apakah kaedah terbaik bagi menjamin tidak berlakunya runtuhan.
- c) Bilakah tindakan memperbaikinya akan dilakukan?

JAWAPAN :

- a) Ya terdapat tebing curam di dalam kawasan MPKj.
- b) Pihak IKRAM telah membuat kajian dan cadangan pembaikan di mana pihak IKRAM mencadangkan pembinaan tembok penahan jenis '*soil nail*' yang menelan belanja RM 1,209 juta.
- c) Projek pembaikan ini akan dilaksanakan oleh pejabat pembangunan negeri (Pejabat ICU) memandangkan peruntukan tersebut telah diluluskan oleh MPKj pada tahun 2009. Kerja-kerja dijangka atau diiklankan pada bulan Mac 2009 dan dilakukan pada bulan April 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : UNJURAN PENDAPATAN DARIPADA PELABURAN

156. Kerajaan Negeri Selangor yang diterajui oleh Pakatan Rakyat berjanji akan membawa masuk pelaburan dari luar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jenis-jenis pelaburan dan jumlah pelaburan yang dibuat oleh negeri sepanjang 2 tahun lepas sehingga kini?
- b) Berapakah jumlah pelaburan asing ke dalam negeri Selangor dan perincian negara-negara yang melabur serta jumlah pelaburan yang dibuat.
- c) Apakah unjuran peningkatan kadar pelaburan yang akan diperolehi dalam masa lima tahun akan datang?

JAWAPAN :

- a) Pelaburan Negeri Selangor melalui anak-anak syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti berikut;-

| Bil | Syarikat | Jenis Pelaburan | Tempat / Lokasi | Jumlah Pelaburan (RM) |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|------------------------------|
| 1. | Worldwide Holdings Berhad melalui anak syarikat Cekal Unggul Sdn Bhd | Pembelian bank tanah seluas 252 ekar untuk tujuan pembangunan. | Kapar, Klang | RM 84 Juta |
| 2. | Worldwide Holdings Berhad melalui anak syarikat Worldwide Landfills Sdn Bhd | Pembelian ekuiti tambahan sebanyak 50% dalam syarikat Jana landfill Sdn Bhd (JLSB) daripada TNB Energy Services Sdn Bhd. JLSB merupakan syarikat yang mengendalikan projek 2 MW loji jana kuasa elektrik menggunakan gas metana yang dihasilkan oleh pusat pelupusan pepejal. | Air Hitam, Puchong | RM 2 Juta |

| | | | | |
|----|----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|------------------|
| 4. | Kumpulan Darul Ehsan Berhad | <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Jetson Corporation Sdn Bhd (Jcorp.) • Pengambilalihan ini telah menghasilkan pemilikan secara tidak langsung 3 syarikat di bawah Jcorp., iaitu Alam Flora Sdn Bhd, hebat Abadi Sdn Bhd dan Segar Prima Sdn Bhd. | | RM 30,975,736 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pelaburan baru yang dibuat oleh PKPS sepanjang 2 tahun lepas sehingga kini. • Pada masa ini PKPS lebih menumpukan kepada sektor kelapa sawit dengan melaksanakan penambahan dari aspek pengurusan dan penyelenggaraan ladang ke arah mencapai standard sama dengan pengusaha ladang swasta yang lain. | | |
| 6. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pelaburan baru | | |

- b) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah RM **11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 2,866,163,788** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 9,004, 746,225** adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Pecahan pelaburan asing mengikut negara adalah seperti berikut:-

| Negara | Projek | Peluang Pekerjaan | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|----------------------------|------------|-------------------|-----------------------------|
| Germany | 5 | 981 | 3,144,254,183 |
| USA | 7 | 8,752 | 2,674,546,900 |
| Japan | 17 | 1,388 | 967,224,338 |
| United Kingdom | 11 | 312 | 647,893,387 |
| Lain-lain Negara | 29 | 4,255 | 223,805,248 |
| Singapore | 24 | 2,202 | 202,127,804 |
| Switzerland | 3 | 423 | 180,874,501 |
| India | 4 | 184 | 148,502,464 |
| Cyprus | 3 | 225 | 104,308,500 |
| Thailand | 3 | 381 | 94,313,606 |
| United Arab Emirates (UAE) | 5 | 145 | 90,877,420 |
| Denmark | 4 | 182 | 90,459,740 |
| Australia | 5 | 85 | 66,848,452 |
| Netherlands | 4 | 167 | 64,987,610 |
| Taiwan | 5 | 401 | 45,114,859 |
| British Virgin Islands | 2 | 58 | 41,680,675 |
| Austria | 1 | 82 | 35,200,000 |
| China | 10 | 574 | 30,360,448 |
| Sweden | 2 | 43 | 28,368,465 |
| Indonesia | 2 | 63 | 22,106,090 |
| Syria | 1 | 12 | 22,050,000 |
| France | 2 | 45 | 19,366,315 |
| Hong Kong | 2 | 282 | 13,333,024 |
| Nigeria | 1 | 320 | 7,322,225 |
| Luxembourg | 1 | 108 | 6,717,315 |
| South Africa | 1 | 76 | 6,699,530 |
| Ukraine | 1 | 31 | 6,000,000 |
| Korea Rep. | 2 | 49 | 4,869,120 |
| Myanmar | 1 | 26 | 4,489,031 |
| Philippines | 1 | 150 | 3,357,500 |
| Ireland | 1 | 25 | 3,055,140 |
| New Zealand | 1 | 12 | 1,799,034 |
| Norway | 2 | 17 | 941,940 |
| Bangladesh | 1 | 80 | 891,360 |
| Mauritius | 1 | 3 | 0 |
| Jumlah | 165 | 22,139 | 9,004,746,224 |

Sumber : MIDA

- c) Bagi tempoh 5 tahun Kerajaan Negeri mensasarkan pelaburan berjumlah **RM 40 bilion** dengan sasaran pelaburan tahunan sebanyak **RM 8 bilion setahun**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : ISU TANAH DI NEGERI SELANGOR

157. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Sila jelaskan mekanisme yang melibatkan ADUN di setiap kawasan dalam menentukan kegunaan tanah di setiap kawasan DUN yang berkenaan?
- b) Berapa banyakkah kawasan lapang di setiap Daerah yang digunakan oleh pihak swasta? Sila nyatakan lokasinya dan tempoh kontrak berkenaan?
- c) Berapa banyak kawasan lapang yang telah dibina bangunan kekal di atasnya dan adakah pihak kerajaan mengambil alih kawasan berkenaan dalam tahun 2009?

JAWAPAN :

- a) Jawapan daripada PTG
- b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai kawasan- kawasan lapang yang digunakan oleh pihak swasta. Kerajaan Negeri masih di dalam proses mengumpul maklumat-maklumat tersebut dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Setakat ini, hanya dua (2) PBT sahaja yang mempunyai kawasan lapang dan telah dibina bangunan kekal di situ. Berdasarkan maklumat yang diberi Majlis Perbandaran Subang Jaya iaitu terdapat kawasan lapang di SS13, Subang Jaya dan tapak ini telah dibangunkan oleh MPSJ dengan Kompleks 3K (Kompleks Kemudahan dan Kemasyarakatan). Manakala bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya terdapat 89 kawasan lapang yang telah di ceroboh atau didirikan struktur seperti surau, dewan, gerai dan sebagainya. MPAJ telah mengambil alih pengurusan bangunan-bangunan yang didirikan di atas tanah kerajaan dan kawasan lapang bagi mengelakkan salah guna pakai aktiviti kegunaan tanah.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : URUSTADBIR BERWIBAWA

158. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah sebenar perbelanjaan pembelian kenderaan Toyota Camry untuk ahli-ahli pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah tindakan yang diambil terhadap ahli-ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (Ahli EXCO) yang sedang menghadapi siasatan dan tindakan mahkamah serta salah laku moral?
- c) Senaraikan jumlah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada setiap Ahli Parlimen di Negeri Selangor dan nyatakan senarai Ahli-ahli Parlimen yang menerima peruntukan berkenaan bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Jumlah sebenar perbelanjaan pembelian kenderaan Toyota Camry untuk ahli-ahli pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ialah RM 2,356,123.35 (harga sebuah ialah RM 157,074.89)
- b) Jawapan oleh PWN
- c) Jawapan oleh PWN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : ISU AIR PERCUMA

159. Mengenai isu air percuma yang diberikan Kerajaan Negeri kepada rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah tunggakan (sekiranya ada) dan berapakah anggaran bil bulanan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikat KDEB kepada SYABAS. Ini adalah penting kerana sekiranya terdapat tunggakan, kualiti air untuk rakyat tidak dapat di pertahan / dipertingkatkan atas kekangan kos penyelenggaraan oleh pihak berkenaan dan seterusnya akan merugikan rakyat.

JAWAPAN :

- a) Pembayaran bagi melaksanakan inisiatif pemberian 20m³ air percuma pada seluruh rakyat negeri Selangor telah dan sedang dibiayai oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang mempunyai saham 30% di dalam SYABAS.

KDEB telah melaksanakan tanggungjawab membuat pembayaran kepada pihak SYABAS berdasarkan bil tuntutan yang dikemukakan. Setakat bulan Januari 2009, pihak KDEB telah membayar sejumlah RM79,623,560.13 bagi membiayai inisiatif pemberian air percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : TITAH SULTAN SELANGOR BERHUBUNG MENGHORMATI
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN PERANAN INSTITUSI RAJA**

160. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah bersetuju dengan pendapat Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj berhubung perlunya rakyat negeri ini menghormati perlembagaan persekutuan dan institusi raja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Namun demikian apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menghadapi situasi di mana sesetengah pihak seperti ' menanggung di air keruh' dengan mengheret institusi raja-raja dalam membangkitkan isu yang samar dan tidak relevan.
- b) Apakah pendekatan kerajaan negeri dalam merapatkan lagi hubungan rakyat dan institusi raja dalam usaha memartabatkan sistem perlembagaan beraja di negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bersidang pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini. (Di bawah Peraturan Tetap 23 (c)).**
- b) Kerajaan Negeri telah memberi kerjasama bagi program-program DYMM Tuanku bersama rakyat. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah mengecam tindakan kelompok-kelompok tertentu yang berfikiran sempit dan telah cuba mengheret institusi Di Raja ke dalam kancah politik. Di samping itu, anjuran DYMM Tuanku agar Keluhuran Perlembagaan terus dijunjung tinggi dan tidak ditafsirkan untuk kepentingan peribadi dipandang serius oleh Kerajaan Negeri, termasuk isu bidang kuasa Kerajaan Negeri yang cuba dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti dalam isu pelantikan JKKK, penggunaan agensi Kerajaan bagi tujuan politik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM RAKAN PASIR

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah unjuran keuntungan daripada hasil perlombongan pasir di seluruh Negeri Selangor bagi setiap tahun dari 2008 hingga 2012.
- b) Bagaimanakah Program Rakan Pasir ini membantu dalam menghapus atau mengurangkan kegiatan pencurian pasir
- c) Apakah strategi, program dan prasarana yang dirangka dalam Program RakanPasir yang boleh memperkasakan penglibatan rakyat bagi menjaga hasil pasir di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., adalah diunjurkan bahawa jualan pasir sekitar 6 hingga 7 juta tan metrik setahun bagi tahun 2009 hingga 2012 dengan nilai sekitar RM108 juta hingga RM126 juta setahun. Nilai royalti adalah sekitar RM11 juta hingga RM13 juta setahun.
- b) Program Rakan Pasir menyediakan kemudahan menyalurkan maklumat di mana orang ramai boleh memberikan maklumat secara mudah atau terus kepada Pihak Berkuasa berhubung apa-apa aktiviti kecurian pasir. Program Rakan Pasir telah di laksanakan sejak Jun 2008 yang lalu dan setakat ini program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Setiap aduan yang dibuat melalui khidmat pesanan ringkas (short message service) akan ditapis dan disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Tindakan segera harus diambil oleh pihak tersebut dalam masa 24 jam dari masa aduan diterima (dengan mengambil kira tempoh transmisi di antara aduan diterima di pusat kawalan dan pengagihan aduan kepada pihak yang berkenaan).
- c) Rakan Pasir satu program yang menyediakan kemudahan kepada orang awam untuk menyalurkan maklumat / aduan kes-kes pencurian pasir melalui Sistem Pesan Ringkas (SMS) kepada Pihak Berkuasa. Prasarana yang disediakan talian 33886 yang memberikan kemudahan kepada orang awam untuk mengemukakan aduan. Program ini dipantau oleh Bahagian Penguatkuasaan, Pejabat Tanah dan Galian.

Strategi yang diguna pakai bagi meningkatkan penglibatan orang awam ialah dengan menghebahkan kewujudan program tersebut melalui media massa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: KEDAI PERJUDIAN HARAM (MESIN SLOT)

162. Didapati bahawa perjudian tersebut semakin hari semakin berleluasa di kampung-kampung baru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri ke atas pemilik kedai dan peniaga tersebut?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh PBT?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, lesen perjudian dikawal selia oleh Kementerian Kewangan di bawah Akta Perjudian Rumah Terbuka 1953. Oleh kerana itu, sebarang tangkapan aktiviti perjudian haram adalah di bawah kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walau bagaimanapun, PBT boleh menggunakan Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007 untuk mengkompaun, menyita dan menutup premis berkenaan kerana menjalankan aktiviti tanpa lesen.

Setakat ini, tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik kedai dan peniaga akan dilakukan oleh pihak polis dan bagi pihak berkuasa tempatan hanya mengambil tindakan sita ke atas barang-barang yang digunakan dan yang terdapat di dalam premis tersebut. Pindaan dalam Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 menghuraikan seseorang yang disabitkan di atas suatu kesalahan di bawah Seksyen 4B boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 bagi setiap mesin judi yang disita dan hendaklah juga dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

- b) Langkah yang diambil oleh PBT ialah menjalankan operasi bersepadu bersama pihak polis secara berkala agar penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram dapat dibendung sepenuhnya. Maklumat daripada orang awam melalui aduan akan dipantau kesahihannya dan jika ia terbukti dijalankan maka penguatkuasaan bersama pihak PDRM akan dilaksanakan dengan segera dengan mengambil langkah-langkah seperti:
 - i) Membatalkan lesen premis atau kedai tersebut jika kedai tersebut mempunyai lesen; atau
 - ii) Mengambil tindakan menotiskan premis agar tidak mengadakan perjudian atau mesin slot; atau
 - iii) menyita barang-barang yang berada di dalam premis tersebut; atau /dan menutup kedai tersebut atau
 - iv) tindakan kompaun atau mendakwa operator atau pemilik kedai (walau bagaimanapun ianya perlu mendapat kerjasama pihak polis untuk tentukan/bukti wujud perjudian)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : MANIFESTO KERAJAAN BERKEBAJIKAN

163. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

Di dalam manifesto kerajaan berkebijakan telah di nyatakan akan diberi RM 75.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke taman asuhan kanak-kanak.

Di dalam manifesto kerajaan berkebijakan juga telah di nyatakan akan diberi RM 50.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke pra-sekolah.

- a) Nyatakan bilakah akan dilaksanakan ?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang akan di belanjakan?
- c) Siapa kumpulan sasar yang layak menerima bantuan tersebut ?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini rancangan tersebut belum ditetapkan bila pelaksanaannya
- b) Jawapan seperti di atas
- c) Jawapan seperti di atas

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR

164. Demi menjayakan visi Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, segala program pembasmian kemiskinan harus capai pada kumpulan sasaran yang betul. Kumpulan sasaran hanya dapat dikenal pasti jika Kerajaan Negeri mempunyai maklumat jitu mengenai kadar kemiskinan dan lokasi warga berpendapatan rendah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengumpul data yang jitu ,agar tidak berlakunya pertindihan dan pelaksanaan kerja berulang kali oleh bahagian-bahagian yang berlainan dalam Kerajaan Negeri apabila mengimplementasikan aktiviti mereka .
- b) Data yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Tempatan semasa menyelaraskan permohonan perumahan rakyat (PPR),adalah amat penting memberikan gambaran sebenar bilangan keluarga miskin bandar. Apakah langkah Kerajaan untuk menggunakan data yang sedia ada ini untuk terus menyalurkan bantuan kebajikan Kerajaan Negeri,tanpa mengulang proses pengumpulan data.

JAWAPAN :

- a) Perancangan Kerajaan Negeri bagi memantapkan lagi pengumpulan data rakyat miskin di Negeri Selangor adalah dengan mengujudkan pangkalan data yang dinamakan sebagai i-Bantu. i-Bantu diwujudkan untuk mengumpul data yang lebih efisien bagi membantu pemberian bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui program yang dibuat dari semasa ke semasa. Melalui data sedia ada sejumlah 176661 orang Ketua Isi Rumah (KIR) telah didaftarkan melalui pengumpulan data tersebut, dan seramai 421031 orang Ahli Isi Rumah (AIR) telah dikenal pasti.
- b) Data yang diterima melalui pengumpulan i-Bantu menunjukkan seramai 597692 orang telah dikenal pasti melalui sistem tersebut. Pengumpulan data tersebut adalah sumber daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

i-Bantu telah memasuki fasa ke-2 pembangunan dengan menekankan fungsi laporan eksekutif dan penambahbaikan dari segi carian dan kenal pasti. i-Bantu dijangka akan siap sepenuhnya untuk tujuan penggunaan secara menyeluruh setelah memasuki fasa ke-3 pada tahun hadapan. Setelah sistem ini siap sepenuhnya, dijangka akan dapat memudahkan semua agensi kerajaan yang terlibat untuk mengakses data dari pangkalan data tersebut. Penggunaan sistem i-Bantu dijangka akan dapat diguna pakai oleh semua agensi secara menyeluruh secara berperingkat pada tahun hadapan. Setakat ini semua agensi yang terlibat menggunakan data masing-masing untuk tujuan program dan bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PEMODENAN PERTANIAN

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan ataupun langkah yang telah diambil oleh kerajaan Pakatan Rakyat dalam memodenkan pertanian di negeri Selangor?
- b) Sila berikan statistik yang menunjukkan bahawa proses pemodenan pertanian sedang giat berkembang.

JAWAPAN :

- a) Antara usaha yang dilakukan bagi memodenkan pertanian di negeri Selangor adalah:
 - i) Usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian. Sektor pertanian perlu didorong oleh peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi berkesan secara intensif, petani berpengetahuan dalam amalan pertanian baik serta pembangunan industri berasaskan pertanian.
 - ii) Mengukuhkan pertalian dengan sektor-sektor lain di mana pertalian dalam dan antara sektor ekonomi lain yang merangkumi pembangunan dan perluasan industri sokongan dan perantaraan.
 - iii) Mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru untuk sektor pertanian. Sumber pertumbuhan yang baru adalah penting seperti industri asas tani yang dapat memberi nilai tambah kepada produk pertanian negeri Selangor.
 - iv) Memulihara dan menggunakan sumber asli secara mampan. Pemeliharaan dan penggunaan sumber asli yang berkesan dan mampan dapat memastikan industri pertanian Selangor dapat berkekalan.
 - v) Bantuan insentif teknologi tanaman di mana bantuan dalam bentuk infrastruktur dan juga input tanaman.
- b) Pertanian secara kaedah moden adalah berkembang dengan baik di negeri Selangor. Penanaman secara kaedah fertigasi di Taman Agrotek juga telah dipertingkatkan. Setakat masa ini sebanyak 59 buah rumah pelindung hujan bagi penanaman kaedah fertigasi telah dibina dan digunakan sepenuhnya.

Dalam industri tanaman padi pula, penggunaan mesin jentera moden telah diamalkan secara meluas di negeri Selangor. Penanaman padi secara kaedah transplanter telah meningkat kepada 6000 hektar. Penggunaan kaedah ini dapat meningkatkan hasil 15-20% lebih baik dan dapat mengawal masalah padi angin dengan berkesan. 11 set Baler (Pengumpul Jerami) dan traktor telah digunakan dalam pengurusan jerami padi yang berkesan.

Sebuah pusat pengumpulan pertanian yang moden yang menepati kehendak Amalan Pertanian Baik (GAP) telah diwujudkan di mana semua proses pasca tuai seperti pengumpulan, pemprosesan, penggredan dan pembungkusan dijalankan secara mekanisasi dan automasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MENGHADAPI KRISIS EKONOMI - PEMBANGUNAN USAHAWAN

166. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menghadapi situasi ekonomi global khususnya dalam pembangunan usahawan?
- b) Apakah bentuk-bentuk bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan yang ingin memulakan sesuatu perniagaan?
- c) Apakah insentif yang boleh ditawarkan kepada peniaga dan pengilang yang sedang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi ini?

JAWAPAN :

- a) Bagi meningkatkan lagi semangat jati diri usahawan menghadapi keadaan semasa pelbagai aktiviti seperti kursus, seminar dan program – program motivasi dirancang bagi usahawan – usahawan yang berkenaan.
- b) Kerajaan Negeri telah menjalankan kerjasama dengan pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memberi bantuan kepada usahawan – usahawan yang ingin memulakan perniagaan.
- c) Pada masa ini Kerajaan Negeri belum ada insentif yang boleh ditawarkan kepada yang sedang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi ini. Walau bagaimanapun beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad dengan mengadakan beberapa pertemuan dan dialog dengan pihak industri bagi mendapatkan maklum balas mengenai isu/permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri bagi mencari jalan penyelesaian untuk memastikan pihak industri yang terjejas terus beroperasi di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KONTRAKTOR NEGERI SELANGOR

167. Kesan dari kelembapan ekonomi yang berlaku pada ketika ini amat di rasai oleh usahawan dan tidak ketinggalan juga kepada golongan usahawan yang terlibat di dalam sektor pembinaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikah jumlah usahawan kontraktor yang berdaftar di Negeri Selangor sehingga Disember 2008 mengikut kelas ?
- b) Berapakah jumlah nilai projek yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri (Pejabat Daerah, PBT dan agensi-agensi Kerajaan Negeri) kepada Kontraktor kelas F dari bulan April hingga Disember 2008?
- c) Apakah langkah-langkah drastik yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan usahawan tersebut khususnya kontraktor kelas F memandangkan ianya seratus peratus adalah bumiputera?

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini, jumlah kontraktor yang berdaftar dengan PKK Selangor adalah seperti berikut:-
 - i) Kerja-kerja awam
 - 1. Kelas A 434 kontraktor
 - 2. Kelas B 299 kontraktor
 - 3. Kelas C 435 kontraktor
 - 4. Kelas D 929 kontraktor
 - 5. Kelas E 292 kontraktor
 - 6. Kelas F 4722 kontraktor
 - ii) Kerja-kerja elektrik
 - 1. Kelas I 107 kontraktor
 - 2. Kelas II 157 kontraktor
 - 3. Kelas III 240 kontraktor
 - 4. Kelas IV 68 kontraktor
 - 5. Kelas V 0 kontraktor
 - 6. Kelas VI 0 kontraktor
- b) Jumlah nilai projek yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi kontraktor kelas F dari bulan April hingga Disember 2008 adalah seperti berikut :-

| | | | |
|------|-------------|------------|-------------------------|
| i) | JPS | 124 projek | RM 13,296,731.00 |
| ii) | PBT | 22 projek | RM 2,468,942.00 |
| iii) | Pej. Daerah | 138 Projek | RM 3,366,074.00 |
| iv) | JKR | 76 projek | <u>RM 35,000,000.00</u> |
| | Jumlah | 222 projek | <u>RM 54,131,747.00</u> |
- c) Tidak ada langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan usahawan ini khususnya kontraktor kelas F, sebaliknya Kerajaan Negeri akan meneruskan projek-projek pembangunan yang telah di rancang yang melibatkan kontraktor-kontraktor dari semua kelas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MASALAH WABAK DENGGI DI SELANGOR

168. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Baru-baru ini wabak denggi di Selangor cukup dalam keadaan membimbangkan khususnya di Daerah Gombak.

- a) Apakah tindakan Majlis Perbandaran Selayang untuk mengawal wabak ini.
- b) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk mengambil tindakan mengenai wabak denggi di Selangor.
- c) Apakah jumlah kes di Selangor dan pecahan mengikut daerah dan berapa kematian setakat ini di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Tindakan Majlis Perbandaran Selayang untuk mengawal wabak denggi.
 - Mengadakan Program Khidmat Masyarakat iaitu COMBI (Communication for Behavioral Impact) bertujuan mendidik, mengajar dan mengubah tingkah laku masyarakat terhadap penyakit demam denggi.
 - Kempen anti denggi 10 minit setiap minggu bertujuan menggalakkan masyarakat memeriksa sebarang tempat dan bekas pembiakan nyamuk aedes di dalam dan luar rumah masing-masing selama 10 minit setiap minggu
 - Gotong-royong perdana yang lebih khusus untuk mencari dan memusnah tempat-tempat pembiakan Aedes pada 3/8/08, 9/8/08 dan 17/8/08 di kawasan wabak tidak terkawal.
 - Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan melalui pengedaran risalah dan nasihat secara individu berkaitan bahaya dan cara-cara mencegah penularan wabak denggi.
 - Menjalankan aktiviti pengawalan dan pencegahan melalui aktiviti semburan kabus dan ULV untuk memutuskan transmisi nyamuk, aktiviti Search and Destroy serta oiling / larvasiding di kawasan yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk
 - Menkuatkuasakan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit Pindaan (2000) untuk mengeluarkan notis, kompaun dan perintah tutup bagi premis- premis yang melakukan kesalahan membiakkan nyamuk.

- b) Kerajaan telah dan akan terus mempertingkatkan usaha-usaha kawalan dan pencegahan denggi. Diantara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah pendidikan kesihatan berkala kepada masyarakat mengenai denggi. Melaksanakan aktiviti "mencari dan memusnah" tempat pembiakan nyamuk dan aktiviti semburan kabus untuk setiap notifikasi denggi yang diterima. Melaksanakan "operasi basmi aedes" pada hujung minggu, dilokalti wabak demam dengue yang berpanjangan melebihi 14 hari. Mengerakkan penduduk untuk mengadakan gotong royong secara berkala memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di rumah dan kawasan sekeliling. Langkah jangka panjang termasuk mengwujudkan inisiatif komuniti seperti "COMBI" dan "Skuad Denggi" di lokalti berwabak dimana penduduk tempatan menjalankan aktiviti "mencari dan memusnah" tempat pembiakan nyamuk di dalam dan di persekitaran rumah masing-masing.
- c) Sehingga 28 Februari 2009 (minggu ke lapan) sejumlah 5,186 kes demam denggi dengan 20 kematian akibat denggi telah dilaporkan. Daerah Petaling merupakan daerah tertinggi kes denggi iaitu 1,852 kes dengan 3 kematian, Hulu Langat 1,481 kes dan 5 kematian, Klang 580 kes dan 4 kematian, Gombak 524 kes dan 7 kematian, Hulu Selangor 244 kes tiada kematian, Kuala Selangor 137 kes tiada kematian, Kuala Langat 134 kes dan 1 kematian, Sabak Bernam 126 kes, tiada kematian dan Sepang 108 kes, tiada kematian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROJEK USAHASAMA KERAJAAN NEGERI

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap masalah yang berlaku dalam projek-projek usaha sama dengan pihak swasta terutama yang melibatkan soal hak milik hartanah yang tidak dapat ditukar milik daripada pihak pemaju kepada pembeli.

JAWAPAN :

- a) Bagi memastikan ke semua pemajuan hartanah yang dijalankan di Negeri Selangor dilaksanakan dapat siap dengan sempurna maka Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan dengan memastikan segala hak milik hartanah dapat ditukar milik kepada pembeli dengan perkara berikut:-
- i) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1996) diguna pakai dalam setiap projek hartanah. Akta ini berperanan dalam memastikan bahawa ke semua pemajuan hartanah yang dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia dilesenkan dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi memastikan projek yang dijalankan dapat disiapkan dan diserahkan kepada pembeli seperti mana perjanjian jual beli yang telah ditandatangani.
 - ii) Tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang terlibat di dalam projek yang terbengkalai di bawah Akta 118, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
 - iii) Memastikan supaya pihak pemaju hartanah tidak melanggar syarat kuota yang telah disyaratkan dan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - iv) Memastikan tunggakan cukai tanah dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.
 - v) Memastikan hak milik tanah telah ditukar syarat kepada pembangunan sebelum memajukan tanah.
 - vi) Memastikan pihak pemaju mengikut syarat pindah milik yang telah ditetapkan dan sekiranya melanggar syarat kuota bumiputera dan bukan bumiputera yang telah diluluskan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian Selangor maka pemaju akan dikenakan penalti sebanyak 12% bagi bilangan unit yang telah dijual pada bukan bumiputera atau kontra dengan bilangan hartanah.

- vii) Memastikan pemaju melaksanakan segala pulangan kepada Kerajaan Negeri disempurnakan sebagai mana termaktubnya perjanjian usaha sama tersebut. Sekiranya pihak pemaju gagal melaksanakan faktor-faktor di atas maka Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap pihak pemaju dengan tindakan yang bersesuaian mengikut perjanjian usaha sama yang telah ditandatangani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KUMPULAN WANG TABUNG WARISAN NEGERI SELANGOR

170. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah Tabung Kumpulan Wang Warisan Negeri Selangor diwujudkan dan apakah matlamat utama penubuhan tabung tersebut.
- b) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah baki wang tabung tersebut sehingga tahun 2008, dan nyatakan jumlah baki secara bandingan dengan tahun 2007.
- c) Sila berikan butir-butir terkini mengenai hasil pendapatan dan pelaburan tabung tersebut sehingga tahun 2008.

JAWAPAN :

- a) Tabung Kumpulan Wang Warisan Negeri Selangor diwujudkan melalui ketetapan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 17 April 1989. Tabung ini telah ditubuhkan di bawah Enakmen No. 1 Tahun 1991. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk mengasingkan sebahagian wang perolehan, keuntungan dan lebihan yang ada untuk digunakan dan dinikmati oleh generasi akan datang.
- b) Jumlah baki wang Tabung Kumpulan Wang Warisan Negeri Selangor pada 31 Disember 2008 dan 31 Disember 2007 adalah masing-masing berjumlah sebanyak **RM29,740,608.73** dan **RM13,158,032.04**. Ini menunjukkan peningkatan tunai sebanyak 126.03% iaitu **RM16,582,576.69**. Perincian bagi jumlah baki wang secara bandingan adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

| KUMPULAN WANG TABUNG WARISAN NEGERI SELANGOR | | |
|--------------------------------------------------------------|----------------------|----------------------|
| <u>PENYATA ALIRAN TUNAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2008</u> | | |
| | <u>2008</u> | <u>2007</u> |
| | RM | RM |
| Baki wang pada 1 Januari (Maybank) | 12,892,966.58 | 6,338,484.58 |
| Baki wang pada 1 Januari (Bank Islam) | 227,257.25 | 98,660.04 |
| Baki wang pada 1 Januari (CIMB) | 37,808.21 | |
| | 13,158,032.04 | 6,437,144.62 |
| <u>(+) PENERIMAAN</u> | | |
| Faedah atas Akaun Semasa | 274,296.77 | 121,335.91 |
| Dividen Saham-saham | 5,846,779.62 | 5,220,840.03 |
| Jumlah Terimaan Pendapatan Pelaburan | 2,592,637.72 | 2,261,718.68 |
| Simpanan Tetap/Instrumen Pasaran Wang Semasa dan Terakru | | |
| Bayaran dari Gold Structure Product | 10,006.01 | |
| Sumbangan dari PKNS | 10,000,000.00 | 12,942,570.52 |
| Imbuan balik LHDN | 1,124,860.06 | 601,131.75 |
| Jualan Pelbagai Pelaburan | 20,000,000.00 | 30,866,839.88 |
| Akaun belum terima (GDC) | 36.00 | |
| | 39,848,616.18 | 52,014,436.77 |
| JUMLAH | 53,006,648.22 | 58,451,581.39 |
| <u>(-) PEMBAYARAN</u> | | |
| Pelaburan dalam BIMB Right Shares | - | 1,500,000.00 |
| Bayaran Perkhidmatan Bank | - | 45.80 |
| Elaun Mesyuarat | 5,900.00 | 9,100.00 |
| Elaun urusetia | 7,200.00 | 7,200.00 |
| Pelbagai Pelaburan | 20,000,000.00 | 37,000,000.00 |
| Cetakan Penyata Kewangan 2005 | - | 3,750.00 |
| PPB Corporate service | | 6.00 |
| Simpanan Tetap CIMB | | 5,000,000.00 |
| Symphony Share Registrar | 20.00 | 25.00 |
| Pembelian saham KPS | | 1,773,422.55 |
| Pembayaran pembelian kedai pejabat | 3,252,919.49 | |
| | 23,266,039.49 | 45,293,549.35 |
| JUMLAH (Baki tunai pada 31 Disember) | 29,740,608.73 | 13,158,032.04 |

- c) Hasil Pendapatan terkini bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah berjumlah **RM21,534,907.38**. Perincian hasil-hasil ini adalah terdiri daripada faedah atas akaun semasa, dividen-dividen saham, faedah pasaran wang, sumbangan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), imbuhan balik cukai dan bayaran daripada Gold Structure Product yang dapat ditingkaskan melalui jadual di bawah :-

| <u>PENDAPATAN</u> | RM |
|-------------------------------------|-----------------------------|
| Faedah atas akaun semasa | 274,296.77 |
| Dividen saham-saham | 5,846,779.62 |
| Faedah Pasaran wang | 4,278,964.92 |
| Sumbangan dari PKNS | 10,000,000.00 |
| Imbuhan balik cukai | 1,124,860.06 |
| Bayaran dari Gold Structure Product | 10,006.01 |
| | <u>21,534,907.38</u> |

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Tabung Warisan Negeri Selangor pula terdiri daripada Pelaburan Saham-saham dalam syarikat dan juga Pelaburan Jangka Pendek iaitu melalui Simpanan Tetap dan Instrumen Pasaran Wang yang mana secara keseluruhannya berjumlah **RM185,887,126.35**. Pelaburan-pelaburan ini diperincikan seperti di Lampiran B dan C.

LAMPIRAN B

| <u>PELABURAN SAHAM-SAHAM DALAM SYARIKAT-SYARIKAT</u> | | | | | |
|-------------------------------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------|----------------------------------------|---------------------------------------------|
| <u>BIL</u> | <u>NAMA SYARIKAT</u> | <u>BIL. UNIT SAHAM</u> | <u>JUMLAH HARGA BELIAN RM</u> | <u>HARGA PADA 31.12.2008 RM</u> | <u>NILAI PELABURAN 31.12.2008 RM</u> |
| 1 | Tenaga Nasional Berhad | 1,250,000 | 4,500,000.00 | 6.2500 | 7,812,500.00 |
| 2 | North Port Corporation Bhd | 22,304,429 | 47,155,625.00 | 2.3300 | 51,969,319.57 |
| 3 | DRB-HICOM Holdings Bhd | 210,000 | 630,000.00 | 0.7250 | 152,250.00 |
| 4 | KPJ Healthcare | 10,000 | 17,000.00 | 2.5500 | 25,500.00 |
| 5 | Petronas Gas Berhad | 50,000 | 265,000.00 | 9.8000 | 490,000.00 |
| 6 | Gas District Cooling (M) Sdn. Bhd. | 349 | 4,766,500.00 | - | - |
| 7 | Kumpulan Hartanah Selangor Berhad | 32,056,000 | 22,439,200.00 | 0.3250 | 10,418,200.00 |
| 8 | Kumpulan Perangsang Selangor | 5,000,000 | 9,273,822.55 | 1.4300 | 7,150,000.00 |
| 9 | BIMB Holdings Berhad | 4,500,000 | 6,900,000.00 | 0.8750 | 3,937,500.00 |
| 10 | Al-Aqar KPJ Reit | 700 | - | 2.4000 | 1,680.00 |
| JUMLAH | | | 95,947,147.55 | | 81,956,949.57 |

LAMPIRAN C

| SIMPANAN TETAP DAN INSTRUMEN PASARAN WANG | | | | |
|--------------------------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------|-----------------------|----------------------|
| SEHINGGA 31 Disember 2008 | | | | |
| A. Simpanan Tetap | | | | |
| Bil | Nama Institusi Kewangan | No. Sijil /Akaun no. | Tempoh | Amaun |
| 1 | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd | 10449861 | 29.07.2007-29.01.2009 | 5,538,281.42 |
| 2 | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd | 10417696 | 11.11.2007-11.02.2009 | 8,863,415.96 |
| 3 | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd | 10417923 | 29.07.2007-29.01.2009 | 5,538,281.42 |
| 4 | CIMB | 217-0026365-68 | 19.12.2008-19.01.2009 | 3,000,000.00 |
| 4 | CIMB | 217-0026366-68 | 19.12.2008-19.01.2009 | 1,000,000.00 |
| 4 | CIMB | 217-0026367-68 | 19.12.2008-19.01.2009 | 1,000,000.00 |
| JUMLAH | | | | 24,939,978.80 |
| B. Instrumen Pasaran Wang | | | | |
| Bil | Nama | Bil. Unit saham | Kos Pelaburan | |
| 1 | Amanah Raya Berhad | - | 20,000,000.00 | |
| 2 | Bank Islam Malaysia Berhad (REPO) | - | 4,000,000.00 | |
| 3 | Callable Range Accrual | - | 2,000,000.00 | |
| 4 | All Star Protected Note | - | 2,000,000.00 | |
| 5 | CIMB Global Income Fund | 20,000,000 | 10,000,000.00 | |
| 6 | HSBC-BRIS | | 10,000,000.00 | |
| 7 | HSBC-China Consumer | - | 10,000,000.00 | |
| 8 | CIMB ISGF | - | 2,000,000.00 | |
| 9 | Dynamic Asia | - | 5,000,000.00 | 65,000,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | 89,939,978.80 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PERANCANGAN MENGAMBIL ALIH PENGURUSAN AIR DI SELANGOR

171. Selangor berhasrat mengambil alih syarikat bekalan air di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Setakat manakah rancangan ini dilakukan?
- b) Pada jangkaan apakah pengurusan air oleh Kerajaan Negeri Selangor lebih baik dan lancar berbanding dengan pengurusan swasta sekarang?
- c) Apakah kebaikan bagi rakyat apabila syarikat-syarikat urus air diambil alih dan di tadbir oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Tempoh penyelesaian pengambilalihan telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi (KTAK) pada 31 Mac 2009. Proses ini akan diselesaikan sepenuhnya setelah proses *due diligence* selesai dilaksanakan untuk keempat-empat syarikat tersebut.

Sehingga hari ini, beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 8 Oktober 2008 telah bersetuju untuk menubuhkan satu panel *review* air, iaitu satu panel bebas yang bertujuan untuk mengkaji dan mencadangkan kaedah terbaik dalam melaksanakan rancangan penstrukturan semula ini.

Panel *review* air ini telah menyemak dan membuat penilaian ke atas semua aset bekalan air yang dipegang oleh syarikat konsesi air dan aset yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Melalui panel ini juga telah ditentukan harga tawaran yang ditawarkan kepada pemegang konsesi. Pada 13 Februari 2009, tawaran harga telah dikemukakan kepada keempat-empat pemegang konsesi air. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk mengadakan rundingan dengan semua pemegang konsesi mengenai harga yang telah ditawarkan.

- b) Penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor bermatlamatkan untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat di Negeri Selangor.

Melalui pengambilalihan semua konsesi air di Selangor, satu struktur perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan dengan ciri-ciri seperti mana yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Persekutuan:-

- i) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
- ii) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
- iii) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Satu struktur perkhidmatan air yang baru akan diwujudkan di mana operator yang akan mengendalikan perkhidmatan air tersebut adalah merupakan syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Pada masa sekarang, perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor adalah berbentuk berasingan (segmented) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Melalui penstrukturan semula industri perkhidmatan air, operator yang mengendalikan perkhidmatan air akan berpandukan kepada pendekatan yang holistik di mana aktiviti perkhidmatan air bermula dari rawatan sehingga pembaikan akan dikendalikan oleh satu operator sahaja. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

Di bawah struktur baru ini, semua aset bekalan air akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan operator akan beroperasi secara *asset light*. Melalui kaedah ini pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibiayai oleh PAAB dan pelantikan kontraktor akan mematuhi tatacara perolehan yang telus dan melalui proses tender terbuka. Operator perkhidmatan air pada masa itu akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, keuntungan syarikat bukan matlamat utama sebagaimana syarikat-syarikat swasta sebelumnya, maka segala sumber yang diperolehi akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m³ air percuma.

- c) Melalui penstrukturan semula industri perkhidmatan air, semua syarikat konsesi akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor. Struktur perkhidmatan air yang baru akan diwujudkan di mana operator yang akan mengendalikan perkhidmatan air tersebut adalah merupakan syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengwujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Pada masa sekarang, perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor adalah berbentuk berasingan (segmented) di mana aktiviti rawatan dijalankan oleh pihak yang berlainan daripada pihak yang menjalankan aktiviti pengagihan. Melalui penstrukturan semula industri perkhidmatan air, operator yang mengendalikan perkhidmatan air akan berpandukan kepada pendekatan yang holistik di mana aktiviti perkhidmatan air bermula dari rawatan sehingga pembiliran akan dikendalikan oleh satu operator sahaja. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

Di bawah struktur baru ini, semua aset bekalan air akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan operator akan beroperasi secara *asset light*. Melalui kaedah ini pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibiayai oleh PAAB dan pelantikan kontraktor akan mematuhi tatacara perolehan yang telus dan melalui proses tender terbuka. Operator perkhidmatan air pada masa itu akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, keuntungan syarikat bukan matlamat utama sebagaimana syarikat-syarikat swasta sebelumnya, maka segala sumber yang diperolehi akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m³ air percuma.

Proses pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air adalah melibatkan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor dan aset-aset milik syarikat pemegang konsesi. Aset-aset milik pemegang konsesi akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah syarikat milik Menteri Kewangan di Perbadankan. PAAB akan membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor nilai-nilai aset ini. Maka dengan hasil pembayaran ini, Kerajaan Negeri akan membayar kepada pemegang konsesi aset-aset yang dahulunya milik mereka.

Kaedah ini membolehkan syarikat yang mengoperasi perkhidmatan air beroperasi secara *asset light* iaitu hanya mengeluarkan perbelanjaan pengurusan tanpa perlu menanggung kos perbelanjaan modal. Perkara ini membolehkan kos kenaikan tarif akan dapat diminimumkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PELABURAN ASING DAN PELUANG PEKERJAAN

172. Dalam masa kelembapan ekonomi ini, kerajaan seharusnya berusaha lebih untuk mendatangkan pelaburan asing dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk Negeri Selangor khasnya para bekas graduan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyak pelaburan asing telah melabur di Negeri Selangor pada tahun 2008 dan tahun 2009?
- b) Berapa banyak bilangan pekerjaan baru telah diwujudkan?
- c) Berapakah peratus bekas graduan telah berjaya mendapat peluang pekerjaan?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 2,866,163,788** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 9,004, 746,225** adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Februari 2009 sebanyak **24** Permohonan Penempatan Projek Perkilangan telah diluluskan untuk ditempatkan oleh Kerajaan Negeri di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 489,928,761**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 166,564,956** adalah dari pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 323,363,805** daripada pelaburan asing. Sebanyak **2,020** peluang pekerjaan telah diwujudkan.

- b) Dari kelulusan projek pada tahun 2008 sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

- c) Peratus bekas graduan yang telah berjaya mendapat peluang pekerjaan bagi tahun 2008 adalah seperti berikut;-

| Institut Pengajian | Status Graduan | | | | | | |
|--------------------------|----------------|------|-------------------------------|-----|---------------|------|---------------|
| | Bekerja | (%) | Menunggu Penempatan Pekerjaan | (%) | Belum Bekerja | (%) | Jumlah |
| IPTA | 10,672 | 76.6 | 803 | 5.7 | 2,446 | 17.5 | 13,921 |
| IPTS | 2,876 | 73.8 | 129 | 3.3 | 891 | 22.8 | 3,896 |
| Politeknik | 2,325 | 73.5 | 76 | 2.4 | 761 | 24.0 | 3,162 |
| Kolej Komuniti | 260 | 67.5 | 7 | 1.8 | 118 | 30.6 | 385 |
| Institut Perguruan (IPG) | 5 | 100 | - | | - | | 5 |
| Jumlah | 16,138 | | 1,015 | | 4,216 | | 21,369 |

Sumber : Unit Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PELANCONGAN

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan destinasi pelancongan yang telah digazetkan di seluruh negeri Selangor dan keunikannya.
- b) Berapakah jumlah pendapatan negeri daripada sektor pelancongan dan perincian mengikut jenis-jenis pelancongan.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah destinasi pelancongan yang telah digazetkan di seluruh negeri Selangor dan keunikannya.

| DAERAH | BIL | LOKASI | KEUNIKAN |
|----------------|------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------------|
| Sepang | 1 | Pantai Bagan Lalang | Pantai |
| | 2 | Banghunis Homestay | Homestay |
| | 3 | Sepang Formula Circuit | Formula One & Grand Prix |
| Hulu Selangor | 1 | Air Terjun Serendah | Rekreasi |
| | 2 | Kolam Air Panas Hulu Tamu | Kolam Air panas dan dusun buah-buahan |
| | 3 | Hutan Pelajaran | Rekreasi |
| | 4 | Kolam Air Panas Kerling | Kolam Air panas |
| | 5 | Jalan Mager Bukit Fraser | Kawasan rekreasi |
| Klang | 1 | Jalan Tengku Kelana | 'Little India' |
| | 2 | Tanjung Harapan | Pantai Pelabuhan Klang |
| | 3 | Pulau Ketam | Kampung nelayan |
| Kuala Selangor | 1 | Bukit Melawati | Bukit Bersejarah |
| | 2 | Taman Alam | Keindahan alam dan fauna |
| | 3 | Kelip-kelip Kampung Kuantan & Bukit Belimbing | Kelip-kelip |
| | 4 | Homestay Sungai Sireh | Homestay |
| Kuala Langat | 1 | Bukit Jugra | Paragliding, rekreasi dan sejarah |
| | 2 | Pantai Kelanang | Pantai dan rekreasi |
| | 3 | Pantai Morib | Pantai dan rekreasi |
| | 4 | Homestay Kanchong Darat, Sungai Lang, Kampung Endah | Homestay |
| | 5 | Pantai Batu Laut | Perahu layar |
| Gombak | 1 | Hutan Lipur Bukit Lagong | Air terjun dan rekreasi |
| | 2 | Hutan Rimba Templer | Air terjun dan rekreasi |
| | 3 | Hutan Rimba Kanching | Air terjun dan rekreasi |
| | 4 | FRIM | Pusat Rekreasi dan pendidikan umum |
| | 5 | Batu Caves | Sempena sambutan Thaipusam dan keagamaan |
| | 6 | Zoo Negara | Zoo Negara Malaysia |

| | | | |
|--------------|---|----------------------------------------|--------------------------------|
| Petaling | 1 | Masjid Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah | Masjid Negeri |
| | 2 | Galeri Shah Alam | Galeri |
| | 3 | Kompleks Taman Seni Islam | Keunikan kesenian Islam |
| | 4 | Muzium Sultan Alam Shah | Muzium Negeri |
| | 5 | Taman Pertanian Malaysia | Taman Botanik Malaysia |
| Sabak Bernam | 1 | Kelong Bagan Nakhoda Omar | Memancing |
| | 2 | Muzium Daerah Sabak Bernam | Muzium pertanian dan perikanan |
| Hulu Langat | 1 | Menara Tinjau Ampang | Rekreasi |
| | 2 | Taman Rimba Ampang | Rekreasi dan perkelahan |
| | 3 | Hutan Lipur Sungai Congkak | Rekreasi dan perkelahan |

- b) Berikut adalah jumlah pendapatan Negeri Selangor daripada sektor pelancongan bagi tahun 2008 : RM3,982,002,808.00

Perincian mengikut jenis-jenis pelancongan :

| JENIS | PERATUSAN | PENDAPATAN |
|-----------------------|-----------|--------------------|
| Penginapan | 33% | RM1,314,060,926.00 |
| Pengangkutan tempatan | 12% | RM477,840,336.90 |
| Makanan & Minuman | 20% | RM796,400,561.60 |
| Membeli-belah | 21% | RM836,220,589.60 |
| Hiburan | 4% | RM159,280,112.30 |
| Penerbangan Domestik | 4% | RM159,280,112.30 |
| Penganjuran | 3% | RM119,460,084.20 |
| Lain-lain | 3% | RM119,460,084.20 |

Nota : Anggaran pecahan perbelanjaan bagi tahun 2008 adalah berdasarkan statistik tahun 2007. Ini adalah disebabkan perincian hanya akan diperolehi pada Julai 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : IBU TUNGGAL

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini, apakah rancangan yang telah dilancarkan untuk membantu ibu tunggal di negeri Selangor? Huraikan.
- b) Apakah program yang akan dilancarkan dalam masa yang terdekat untuk ibu tunggal? Sila kaitkan program tersebut dengan kegawatan ekonomi yang melanda kini.
- c) Saya dapati bahawa informasi mengenai ibu tunggal tidak dapat disampaikan kesegenap lapisan masyarakat. Apakah pendekatan yang akan digunakan oleh pihak kerajaan negeri untuk memastikan informasi berkenaan dapat disebarkan?

JAWAPAN :

a) Sehingga Disember 2008, Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa rancangan khusus untuk membantu golongan Ibu Tunggal, antaranya:-

i) **Portal E-Bu**

Portal ini telah dilancarkan pada 1 Julai 2008 oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Melalui portal ini, Ibu Tunggal yang masih belum berdaftar boleh mendaftarkan diri mereka di sini. Ini dapat memastikan jumlah ibu tunggal yang menetap di Negeri Selangor di samping dapat membantu mereka dengan lebih telus dan teratur.

Sehingga 2 Mac 2009 terdapat seramai 14966 Ibu Tunggal yang telah berdaftar di dalam portal ini. Berikut adalah pecahan jumlah Ibu Tunggal berdasarkan daerah:-

ii) **Program Dana IKS Ibu Tunggal**

Program yang dijalankan untuk membantu golongan Ibu Tunggal yang telah mempunyai perusahaan mereka sendiri bagi meningkatkan pendapatan mereka melalui pemberian bantuan dari segi peralatan yang dapat meningkatkan lagi pendapatan mereka.

iii) **Kursus Jati Diri**

Golongan Ibu Tunggal yang terpilih telah dibantu untuk memberikan mereka suatu iltizam dalam meneruskan kehidupan mereka seharian dari segi emosi dan membantu merapatkan hubungan antara kaum Ibu Tunggal.

iv) **Kursus Pengurusan dan Keusahawanan**

Memberikan golongan Ibu Tunggal pendedahan terhadap dunia perniagaan dan keusahawanan. Program yang menggalakkan golongan Ibu Tunggal ini untuk menceburi bidang perniagaan dengan memberikan mereka asas yang diperlukan.

b) Dalam memastikan pembangunan ekonomi yang mantap terhadap rakyat Negeri Selangor umumnya dan golongan Ibu Tunggal khususnya, Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama agensi berkaitan telah menyediakan pelbagai bantuan untuk membantu golongan ini. Dalam memastikan golongan ini dapat mengharungi cabaran di masa hadapan, bantuan yang diberikan mampu menjana pendapatan ekonomi mereka. Antara bantuan tersebut adalah:-

i) **Bantuan Usahawan**

Bantuan ini dibuka kepada semua kaum termasuk Ibu Tunggal. Dalam memastikan golongan ini mampu menjana pendapatan mereka, bantuan dari segi peralatan serta asas kemahiran diberikan untuk memajukan diri serta perusahaan akan dilaksanakan.

ii) **Bantuan Pinjaman Perniagaan Ibu Tunggal**

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini, bantuan pinjaman akan disalurkan kepada mereka yang layak dalam usaha membantu mereka untuk memulakan perusahaan mereka dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Tidak kira dari apa jua bidang perusahaan yang diceburi, selagi ianya mampu meningkatkan taraf ekonomi kaum Ibu Tunggal ini.

iii) **Kursus Keusahawanan dan Kemahiran**

Kerajaan Negeri Selangor bersama-sama dengan agensi di bawahnya serta beberapa agensi bukan Kerajaan (NGO) sering menjalankan kursus kepada kaum Ibu Tunggal. Ini adalah untuk memastikan kaum ini dapat seiring dalam menjana sumber pendapatan mereka dan meningkatkan lagi taraf hidup mereka. Kursus yang diberikan adalah kompeten dan mampu menjadikan Ibu Tunggal berdaya saing di dalam mengharungi ketidaktentuan ekonomi masa hadapan.

c) Kerajaan Negeri Selangor sedar bahawa penambahbaikan kepada sistem penyampaian maklumat kepada semua lapisan masyarakat. disampaikan hingga ke bawah. Oleh demikian, beberapa perancangan telah dirangka bagi memastikan pendedahan maklumat dapat disampaikan.

i) **Mewujudkan Rangkaian Ibu Tunggal**

Sebagai wakil yang telah diamanahkan, rakyat menjadikan Adun sebagai suatu tempat dan sumber untuk mendapatkan maklumat dan bantuan. Oleh demikian, dengan mewujudkan rangkaian wakil di setiap DUN, segala informasi dan program dapat disampaikan secara terus daripada kerajaan negeri kepada Ibu Tunggal yang memerlukan.

ii) **Menjalankan Promosi Portal E-Bu**

Teknologi maklumat menjadi semakin penting kepada kita semua. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan suatu portal data dan penyampaian maklumat kepada golongan ini. Melalui portal E-Bu, kaum Ibu Tunggal mampu mendapatkan maklumat dari pihak Kerajaan Negeri serta memberikan maklum balas dengan segera kemudahan untuk memastikan pendaftaran Ibu Tunggal dapat dibuat dengan mudah.

iii) **Penubuhan Sekretariat Majlis Permuafakatan Wanita Selangor**

Memandangkan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor (iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita) tidak lagi memberikan perkhidmatan dan kerjasama kepada portfolio wanita, maka penubuhan sekretariat Majlis Permuafakatan Wanita Selangor adalah wajar.

Sekretariat MPWS ini merupakan Sebagai suatu jawatankuasa penggerak kerja dalam menguruskan Hal Ehwat Wanita (HEWA) Selangor di bawah EXCO Wanita. Penubuhan sekretariat ini mampu untuk memberikan dan menyampaikan segala maklumat serta memastikan pelancaran program-program pembangunan wanita di Negeri Selangor amnya dan golongan Ibu Tunggal khususnya dapat di laksanakan dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MASJID WARISAN

175. Terdapat sebuah masjid antara tertua di Selangor, di Kampung Sungai Ramal Luar, Kajang di Daerah Hulu Langat dikenali sebagai Masjid Mat Saman. Masjid ini berusia lebih dari 80 tahun (didirikan 1929). Penduduk berbelah bahagi antara mengekalkan Masjid lama atau meroboh dan mendirikan bangunan masjid yang baru.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor :

- a) Tidakkah wajar masjid ini di kekal dan diiktiraf sebagai bangunan khazanah warisan?
- b) Jika demikian apakah rancangan pemuliharaan sewajarnya dilakukan
- c) Apakah sumber-sumber kewangan dapat dimanfaatkan bagi memulihara bangunan (masjid) warisan ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan negeri sangat menyokong mana-mana masjid yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan warisan dapat diiktiraf sebagai bangunan khazanah warisan.
- b) Masjid-masjid yang sesuai untuk dijadikan sebagai bangunan khazanah warisan mestilah dipulihara sebaik-baiknya dengan mengekalkan konsep, ciri-ciri dan reka bentuk asal bangunan tersebut agar nilai sejarah dan warisan yang wujud tidak hilang dan dapat diperhalusi oleh generasi yang akan datang.
- c) Antara sumber kewangan yang dapat dimanfaatkan untuk memulihara bangunan masjid warisan ini adalah melalui peruntukan kerajaan negeri dan Kementerian Perpaduan Kebudayaan Kesenian dan Warisan (KEKKWA)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : KRISIS EKONOMI

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Dalam kelembapan ekonomi dunia, apakah kerajaan mengadakan pakej rangsangan ekonomi untuk kepentingan rakyat.

JAWAPAN :

- a) Krisis kelembapan ekonomi dunia berlaku ekoran kesan negatif daripada krisis gadai janji subprima Amerika Syarikat yang memberi kesan terhadap institusi kewangan terkemuka seperti Bear Stearns, Lehman Brothers, Royal Bank of Scotland dan beberapa institusi kewangan lain.

Penyumbang utama pembangunan ekonomi Negeri Selangor adalah melalui sektor perindustrian. Sektor ini sangat bergantung kepada permintaan untuk eksport ke negeri maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Pengurangan permintaan dari negara-negara ini mengakibatkan penguncupan ekonomi bagi Selangor. Keadaan ini menyebabkan penutupan kilang, pemberhentian pekerja dan peningkatan pengangguran.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui 5 strategi bajet telah menumpukan pembangunan ekonomi negeri Selangor secara menyeluruh dalam menghadapi kelembapan ekonomi tahun 2009. 5 strategi bajet yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- i) Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Melalui prinsip MES dan negeri berkeadilan Kerajaan Negeri telah merangka enam (6) inisiatif untuk dilaksanakan iaitu menumpukan kebajikan anak Selangor, meringankan kos sara hidup, mengiktiraf kecemerlangan, bantuan kematian, penerapan budaya usahawan dan menyediakan pusat krisis sehati.

- ii) Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri

Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan hasil pendapatan negeri melalui pelbagai inisiatif antaranya peningkatan royalti bahan batuan, pembangunan sungai sebagai punca pendapatan, meningkatkan kecekapan kutipan cukai dan mempromosikan produk pelancongan Selangor.

- iii) Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan menjadi agenda utama kerajaan negeri dalam menyediakan insan yang kamil dan berkualiti melalui inisiatif keseimbangan pembangunan insan, peningkatan kualiti perkhidmatan awam, peningkatan kualiti dan akses kepada pendidikan, memperkasa sektor pendidikan tinggi dan memperkasa peranan belia, wanita serta keluarga dalam masyarakat.

iv) Mengurus Perbelanjaan Yang Cepak

Sebagai usaha untuk mengurugi perbelanjaan, Kerajaan Negeri melaksanakan budaya perbelanjaan berhemat dengan memastikan semua perbelanjaan dibuat secara lebih berhati-hati berdasarkan inisiatif *value for money* dan tiada pembaziran.

v) Memantapkan pembangunan negeri Selangor

Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memantapkan pembangunan negeri Selangor secara menyeluruh dan seimbang meliputi inisiatif dari pembangunan peningkatan kualiti hidup rakyat, pengurusan perbandaran, pembangunan sosio ekonomi, infrastruktur, pembangunan agama Islam sehinggalah pengurusan alam sekitar.

Justeru itu, kerajaan negeri telah menyediakan satu bajet yang seimbang bagi merangsang ekonomi dengan menyediakan sejumlah RM710.6 juta peruntukan pembangunan bagi tahun 2009. Bagi merencanakan pembangunan negeri, kerajaan negeri akan menyalurkan peruntukan pembangunan dalam pelbagai sektor pembangunan antaranya:

1. Pembangunan dan peningkatan kualiti hidup;
2. Pengurusan perbandaran;
3. Perindustrian, pelaburan dan perdagangan;
4. Pembangunan sosioekonomi;
5. Pembangunan pertanian;
6. Infrastruktur dan kemudahan awam;
7. Pembangunan Islam;
8. Pembangunan pelancongan;
9. Kebudayaan;
10. Pembangunan ICT, Sains Teknologi dan Inovasi; dan
11. Pengurusan Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : PENUTUPAN KILANG-KILANG

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

Di dalam keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan, sila nyatakan :

- a) Berapakah jumlah kilang yang telah di tutup dan kilang yang akan di tutup?
- b) Berapakah jumlah pekerja yang akan kehilangan pekerjaan?
- c) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menghadapi situasi ini?

JAWAPAN :

- a) Sehingga hari ini sebanyak dua syarikat milikan asing yang telah memaklumkan akan membuat penutupan syarikat secara berperingkat kepada SSIC Berhad. Syarikat tersebut ialah **Flextronics Technology (Shah Alam) Sdn Bhd** dan **Sidel Industry (Malaysia) Sdn Bhd**. Dijangkakan seramai 2,327 orang pekerja akan terlibat.
- b) Jumlah pekerja yang telah diberhentikan bagi tahun 2008 dan Januari 2009 adalah seperti berikut:-

| Tahun | Pemberhentian Biasa | | | Pemberhentian VSS | | | Jumlah | | |
|-----------|---------------------|-------|--------|-------------------|-------|--------|----------|-------|--------|
| | Tempatan | Asing | Jumlah | Tempatan | Asing | Jumlah | Tempatan | Asing | Jumlah |
| 2008 | 2,733 | 683 | 3,416 | 2,567 | 0 | 2,567 | 5,300 | 683 | 5,983 |
| Jan. 2009 | - | - | 1,754 | - | - | 451 | - | - | 1,205 |

* Sumber : Jabatan Tenaga Kerja, Selangor

- c) Bagi menghadapi situasi ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklumbalas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
 - i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
 - ii) Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad;
 - iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
 - iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
 - v) Ibupejabat Polis Kontijen (IPK) Negeri Selangor;
 - vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
 - vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
 - viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
 - ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
 - x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
 - xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenalpasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan samada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
- ii) Membangunkan Selangor Retrenchment Helpline iaitu pendaftaran secara online bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (match-making) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
- iii) Membangunkan Selangor Career Exchange bertujuan memberi kemudahan pencarian peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor awam di Selangor dan sektor swasta dalam skop yang lebih luas termasuk kepada para graduan dan pekerja yang diberhentikan;
- iv) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekaligus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan
- v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklumbalas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN SEPARUH SIAP / TERBENGKALAI

178. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat langkah pemulihan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah projek perumahan separuh siap dan membebaskan pembeli?
- b) Apakah terdapat usaha Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli-pembeli yang terlibat di dalam permasalahan dan jalan keluar meringankan kadar faedah bank mereka ?
- c) Bilakah pemaju dan pengarah ini akan di senarai hitamkan supaya mereka sedar diri kerana kerap kali membatalkan pembinaan rumah sedangkan pembeli telah diberi pinjaman oleh bank ?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman semua Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Negeri amat prihatin di atas nasib pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan projek terbengkalai. Walaupun begitu Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli tersebut. Ke arah ini Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah pro aktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek yang terbengkalai untuk memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menyalurkan aduan tersebut kepada pihak yang berkaitan seperti KPKT, bank dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli adalah seperti berikut :

- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 2) Bagi projek terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ia akan dirujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi penyusunan semula pembiayaan pinjaman manakala bagi kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.
- 3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

- 4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- 5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama '*liquidator*'/*Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- 7) Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin.
- 8) Penubuhan Jawatankuasa Task Force Projek Terbengkalai yang dipengerusikan oleh Y.B. Saari Sungib ADUN Hulu Kelang di mana tiga Konsultan iaitu Rimbun Capital Sdn. Bhd., RSS-PMC Sdn Bhd. dan Kumpulan Muhandis Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan jawatankuasa ini bagi membantu untuk menilai semula sama ada projek terbengkalai tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini terdapat 48 projek dalam proses kajian pihak konsultan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "breach of contract" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "locus standi" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun pembeli boleh merujuk terus kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek terbengkalai yang berdaftar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pembeli yang terlibat boleh mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai daripada KPKT untuk meringankan kadar faedah bank. Manakala bagi projek terbengkalai yang tidak berdaftar di bawah KPKT, pembeli terlibat boleh mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk dipanjangkan kepada pihak bank bagi tujuan penyusunan semula pembiayaan.

- c) Menyedari komitmen Kerajaan Negeri yang begitu tinggi dalam usaha mengatasi masalah projek terbengkalai, LPHS telah mengambil inisiatif dengan mendapatkan senarai nama pengarah syarikat pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk disenaraihitamkan dari menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor. Senarai nama tersebut akan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Selangor selain dicadangkan untuk dipaparkan dalam laman web sebagai panduan kepada bakal pembeli rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : BAS UNTUK PBT

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status bas yang telah dijanjikan untuk diberikan kepada MPSJ untuk kegunaan orang ramai pada tahun lepas?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah jumlah bas ini memandangkan satu unit bas tidak mencukupi untuk kawasan pentadbiran MPSJ? Jika ya, nyatakan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Sebenarnya MPSJ belum menerima sebuah bas yang akan digunakan oleh OKU / warga emas di kawasan MPSJ. Walau bagaimanapun pihak MPSJ telah pun menyediakan "route-route" perjalanan dan juga lokasi tempat-tempat berhenti yang boleh digunakan oleh bas tersebut.
- b) Kerajaan Negeri melalui MPSJ boleh menambah sebuah lagi bas tersebut bagi memastikan pengangkutan awam bagi OKU / warga emas dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan terancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TAMAN WARISAN, RANCANGAN BUKU HIJAU DAN TANAH
RANCANGAN RANJAU & DEBOI**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah Taman Warisan, di manakah lokasi-lokasinya di negeri Selangor, di bawah agensi manakah pentadbirannya dan apakah nombor-nombor gazet sekiranya lokasi-lokasi tersebut telah digazet.
- b) Sila jelaskan status dan kedudukan Rancangan Buku Hijau di mana penduduk-penduduk Kampong Klang Gate Baru telah dibenarkan meneroka tanah kerajaan satu ekar seorang sejak tahun 1976.
- c) Sila nyatakan status pertanian secara berkelompok di kawasan Ranjau dalam mukim Setapak dan Deboi dalam mukim Hulu Kelang dalam konteks pemberian geran kepada sebahagian peneroka dan juga dalam konteks penafian geran kepada sebahagian peneroka yang lain di atas alasan telah digazet sebagai Taman Warisan.

JAWAPAN :

a) **JAWAPAN DARIPADA JABATAN PERHUTANAN**

Pelancaran Taman Warisan Selangor telah disempurnakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sempena pengisytiharan Negeri Selangor Maju pada 27 Ogos 2005. Taman Warisan Selangor berkeluasan 107,000 ha merangkumi tiga (3) daerah pentadbiran iaitu Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat. Kawasan ini terletak di sepanjang Banjaran Titiwangsa.

Pihak Berkuasa Negeri telah mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mentadbir urus Taman Warisan/Taman Negeri Selangor mulai 11 Oktober, 2006. Lanjutan daripada keputusan ini, Jabatan Perhutanan Negeri telah mengambil tindakanewartakan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) terlibat sebagai Hutan Taman Negeri di bawah seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Sehingga kini seluas 91,144.519 ha kawasan HSK telah diwartakan melalui Warta No. 182 bertarikh 25.1.2007. Seluas 15,505.29 ha HSK dan 121 ha Tanah Kerajaan kawasan Permatang Kuartza Hulu Klang sedang dalam tindakan Jabatan Perhutanan untuk diwartakan sebagai Taman Negeri Selangor. Cadangan Pelan Warta telah dikemukakan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Selangor.

- b) Bagi kawasan Rancangan Bumi Hijau, Pentadbir Tanah telah mengangkat permohonan peserta-peserta berjumlah lebih kurang 211 orang untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Walau bagaimanapun, MMKN ke 12/2003 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah menangguhkan permohonan tersebut.

Pentadbir Tanah Gombak semasa mengemukakan Kertas Ringkasan tersebut telah mengesyorkan sekiranya permohonan dipertimbangkan Pentadbir Tanah akan mendapatkan kerjasama JKKK untuk menyiasat dan menapis semula nama-nama kemungkinan terdapat masalah pertindihan, nama-nama tercicir, bertukar usaha, kematian dan sebagainya. Tindakan ini tidak dapat diteruskan kerana MMKN telah menangguhkan permohonan ini.

- c) Kawasan Deboi sebahagiannya telah diluluskan oleh MMKN yang bersidang pada 21 Julai 1993, kecuali permohonan bertindih atau tidak dapat dikesan siapa peneroka. Sekiranya ada pemohon yang belum dipertimbangkan permohonannya dan pemohon adalah peneroka, Pentadbir Tanah mengesyorkan supaya pemohon datang ke Pejabat Tanah dengan membawa dokumen yang boleh menyokong kepada permohonannya untuk diambil tindakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : PANTAI MORIB

181. Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri Persekutuan telah meluluskan peruntukkan sebanyak 280 ribu yang di laksanakan melalui Majlis Daerah Kuala Langat untuk penambahan Landskap Pantai Morib.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan sedar projek itu dari peruntukkan persekutuan dan memantau nya?
- b) Apakah kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan adakah ianya mengikut nilai peruntukan tersebut?
- c) Apakah langkah kerajaan negeri untuk mengembalikan kebersihan, keceriaan, keselesaan gerai dan kemudahan awam di pantai tersebut yang kotor dan uzur?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PELUANG PERTANIAN SEMASA KRISIS EKONOMI

182. Satu lagi kesan krisis ekonomi selain daripada kehilangan kerja, ialah peningkatan harga barang makan keperluan harian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membuka lebih banyak tanah terbiar sebagai kawasan pertanian agar menggalakkan para penganggur untuk memulakan kegiatan perniagaan demi menawarkan suatu sumber pendapatan kepada yang kehilangan kerja pada masa yang sama mengembangkan bekalan stok makanan tempatan?

JAWAPAN :

- a) Keluasan tanah pertanian Negeri Selangor ialah seluas 273, 663 hektar yang merangkumi 34% peratus keluasan Negeri Selangor. Keluasan hutan Negeri Selangor pula ialah 234, 065 hektar ataupun 29.4% Negeri Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak merancang untuk membuka lebih banyak tanah terbiar sebagai kawasan pertanian memandangkan kawasan pertanian sedia ada sudah mencukupi dan kawasan hutan juga haruslah dipelihara dan dikekalkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mewujudkan 12 buah Taman Agrotek di mana 1, 230 hektar telah dipersetujui untuk diusahakan dengan tanaman sayur-sayuran dan 220 hektar lagi diusahakan untuk tanaman buah-buahan. Menurut Jabatan Pertanian Negeri Selangor, semua kawasan tersebut telah diusahakan dan dibangunkan oleh para petani.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut membenarkan pembangunan di tanah-tanah hutan miskin seperti di Kuala Langat dengan keluasan 230 hektar untuk tujuan pertanian dengan syarat tertentu dan permit penggunaan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengarahkan ketua-ketua kampung mengenal pasti tanah-tanah milik yang terbiar untuk dibangunkan dengan aktiviti pertanian. Aktiviti-aktiviti tersebut telah berjaya dilaksanakan di Kampung Bukit Cherakah dengan mengusahakan tanaman tembikai.

Bagi golongan penganggur yang berminat dalam bidang pertanian, Jabatan Pertanian turut menyediakan pelbagai kursus sama ada dari segi teori dan juga teknikal bagi melahirkan lebih ramai usahawan tani di samping menambahkan pendapatan mereka.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penggunaan per kapita makanan asas penduduk Negeri Selangor 2009

| BIL | MAKANAN | PERMINTAAN |
|---------------------------|----------------|-----------------------------|
| 1. | Beras | 408, 000 tan |
| 2. | Sayur-sayuran | 367, 200 tan |
| 3. | Buah-buahan | 459, 000 tan |
| 4. | Kelapa/ santan | 25, 500 tan |
| 5. | Daging lembu | 36, 720 tan |
| 6. | Susu lembu | 269, 790 tan |
| 7. | Telur ayam | 143,897 tan |
| 8. | Daging kambing | 3, 468 tan |
| 9. | Ikan | 229, 500 tan |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1,943,075 TAN/ TAHUN |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : TINDAKAN RANGSANGAN EKONOMI UNTUK NEGERI SELANGOR

183. Pakej rangsangan ekonomi Kerajaan Pusat melalui saluran *Value cap* dan sebagainya, nampaknya belum ada kesan pada rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bolehkah kerajaan Negeri Selangor mengadakan pakej rangsangan ekonomi sendiri untuk compliment langkah kerajaan pusat yang kurang kesan itu?
- b) Tentang pakej rangsangan Negeri Selangor, apakah agensi/saluran yang patut dipergunakan supaya berkesan dan bertelusan dan yang patut dipantau dengan baik?
- c) Bolehkah ADUN-ADUN mainkan peranan di peringkat ini?

JAWAPAN :

- a) Krisis kelembapan ekonomi dunia berlaku ekoran kesan negatif daripada krisis gadai janji subprima Amerika Syarikat yang memberi kesan terhadap institusi kewangan terkemuka seperti Bear Stearns, Lehman Brothers, Royal Bank of Scotland dan beberapa institusi kewangan lain.

Penyumbang utama pembangunan ekonomi Negeri Selangor adalah melalui sektor perindustrian. Sektor ini sangat bergantung kepada permintaan untuk eksport ke negeri maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Pengurangan permintaan dari negara-negara ini mengakibatkan penguncupan ekonomi bagi Selangor. Keadaan ini menyebabkan penutupan kilang, pemberhentian pekerja dan peningkatan pengangguran.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui 5 strategi bajet telah menumpukan pembangunan ekonomi negeri Selangor secara menyeluruh dalam menghadapi kelembapan ekonomi tahun 2009. 5 strategi bajet yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- i) Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Melalui prinsip MES dan negeri berkebijakan Kerajaan Negeri telah merangka enam (6) inisiatif untuk dilaksanakan iaitu menumpukan kebajikan anak Selangor, meringankan kos sara hidup, mengiktiraf kecemerlangan, bantuan kematian, penerapan budaya usahawan dan menyediakan pusat krisis sehati.

- ii) Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri

Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan hasil pendapatan negeri melalui pelbagai inisiatif antaranya peningkatan royalti bahan batuan, pembangunan sungai sebagai punca pendapatan, meningkatkan kecekapan kutipan cukai dan mempromosikan produk pelancongan Selangor.

iii) Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan menjadi agenda utama kerajaan negeri dalam menyediakan insan yang kamil dan berkualiti melalui inisiatif keseimbangan pembangunan insan, peningkatan kualiti perkhidmatan awam, peningkatan kualiti dan akses kepada pendidikan, memperkasa sektor pendidikan tinggi dan memperkasa peranan belia, wanita serta keluarga dalam masyarakat.

iv) Mengurus Perbelanjaan Yang Cepak

Sebagai usaha untuk mengurangi perbelanjaan, Kerajaan Negeri melaksanakan budaya perbelanjaan berhemat dengan memastikan semua perbelanjaan dibuat secara lebih berhati-hati berdasarkan inisiatif *value for money* dan tiada pembaziran.

v) Memantapkan pembangunan negeri Selangor

Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memantapkan pembangunan negeri Selangor secara menyeluruh dan seimbang meliputi inisiatif dari pembangunan peningkatan kualiti hidup rakyat, pengurusan perbandaran, pembangunan sosio ekonomi, infrastruktur, pembangunan agama Islam sehinggalah pengurusan alam sekitar.

b) Kerajaan Negeri akan memastikan segala perancangan program dan pelan tindakan dan dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui agensi dan jabatan yang telah dipertanggungjawabkan secara langsung. Sehubungan itu beberapa agensi dan Jabatan Kerajaan Negeri telah dikenal pasti akan melaksanakan segala perancangan negeri yang akan dipantau dan dikawal selia oleh Pejabat Pegawai Kewangan Negeri (PWN) serta dibantu oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Agensi dan jabatan kerajaan negeri Selangor tersebut ialah:

- i) Jabatan Kerja Raya;
- ii) Jabatan Pertanian;
- iii) Jabatan Veterinar;
- iv) Jabatan Perikanan;
- v) Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor;
- vi) Jabatan Agama Islam;
- vii) Jabatan Mufti;
- viii) Jabatan Perhutanan; dan
- ix) Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

c) Sudah semestinya peranan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) amat penting dalam memberi pendapat dalam merencanakan pembangunan Negeri Selangor. Justeru itu, dalam pentadbiran kerajaan baharu ini, pelbagai program, diskusi, bengkel dan taklimat yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri akan melibatkan peranan ADUN dalam usaha mendengar idea-idea dan input bernas untuk melaksanakan perancangan pembangunan negeri. Selain itu juga, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan tahun 2009 sejumlah RM29.2 juta dan RM432 ribu bagi pembangunan pembinaan pejabat kepada ahli-ahli yang berhormat ADUN. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk membolehkan ADUN berperanan dalam menyumbang kepada perancangan pembangunan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH

184. Aduan mengenai sampah tidak di selenggara dengan baik banyak dan berterusan diterima.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah masalah sampah ini tidak dapat diselesaikan hingga kini.
- b) Apakah kaedah pelupusan sampah yang sedang dilakukan?
- c) Apakah ada perancangan untuk dilantik syarikat yang baru bagi mengurus sisa pepejal di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masalah sampah ini tidak dapat diselesaikan hingga kini. Antaranya : -
 - Kesedaran orang ramai yang masih rendah walaupun pelbagai kempen dilaksanakan;
 - Dari segi infrastruktur, Kerajaan Negeri sedang meningkatkan kemudahan sedia ada;
 - Perbelanjaan pengurusan sisa pepejal tinggi. Oleh itu penambahbaikan dilaksanakan mengikut fasa.
- b) Terdapat beberapa kaedah pelupusan sampah yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Antaranya :-
 - Tapak Pelupusan Terbuka (*Open Dumpsite*);
 - Sisa Pepejal Sanitari (*Sanitary Landfill*);
 - *Refuse Derived Fuel* (RDF).

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti beberapa kaedah pelupusan sampah yang bersesuaian untuk dilaksanakan di Negeri Selangor seperti *incinerator* berskala kecil dan *Material Recovery Facilities* (MRF). Ini dijangkakan dapat memanjangkan lagi jangka hayat tapak pelupusan sampah sisa pepejal sedia ada di Negeri Selangor.

- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk melantik syarikat lain bagi menguruskan sisa pepejal. Walau bagaimanapun bagi urusan pelupusan sisa pepejal, Kerajaan Negeri telah melantik Worldwide Landfill Berhad untuk mengendalikan *Sanitary Landfill* di Jeram dan Tanjung Dua Belas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : MEMPERKASAKAN GOLONGAN BELIA

185. Golongan belia adalah pewaris generasi akan datang. Usaha membentuk dan memantapkan golongan belia memerlukan komitmen tinggi, usaha berganda dan secara berterusan demi memastikan golongan belia pada hari ini mampu membentuk golongan berkualiti pada masa depan. Asas terbaik dalam usaha ini adalah menerusi pertubuhan belia.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memperkasakan pertubuhan belia, selain usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat?
- b) Selangor adalah negeri maju. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk golongan belia supaya mereka tidak terpinggir dan tertinggal oleh arus kemajuan itu?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam waktu terdekat ini untuk golongan dan pertubuhan belia? Apa pula perancangan jangka panjangnya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sedar bahawa golongan belia merupakan pewaris generasi akan datang dan segala usaha pembentukan dan pemantapan golongan belia memerlukan komitmen tinggi. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan serius usaha-usaha memperkasakan pertubuhan belia. Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah dengan mengadakan beberapa program seperti berikut:-
 - i) Bengkel Pembangunan Belia Negeri Selangor
 - ii) Seminar Pengurusan Organisasi
 - iii) Dialog Bersama Pemimpin Belia
 - iv) Program Bakti Siswa
 - v) Penubuhan Seketeriat Belia dan Sukan Negeri Selangor
 - vi) Penubuhan Penggerak Belia Tempatan

Program-program yang telah dirancang dan akan dilaksanakan secara konsisten dan akan dinilai dari masa ke semasa. Dengan adanya program ini akan dapat memperkasakan pertubuhan-pertubuhan belia.

- b) Pembangunan dan kemajuan Negeri Selangor adalah didokongi oleh golongan belia. Golongan ini merupakan aset bagi Negeri Selangor dan bakat-bakat mereka harus digilap bagi memastikan kesinambungan kemajuan Negeri Selangor. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program latihan Kemahiran Belia yang dilaksanakan oleh Yayasan Selangor dimana para peserta akan diberi pendedahan kemahiran yang diperlukan dipasaran perkerjaan dijamin akan memperolehi pendapatan sekurang-kuranya RM 2000 sebulan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan Program Pembangunan Insan Berkemahiran Teknikal (PPIBT) dengan kerjasama Kolej INSPEN. Dengan adanya program-program ini akan dapat menentukan golongan belia tidak terpinggir dan tertinggal oleh arus kemajuan.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian serius ke atas usaha-usaha pembangunan belia. Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa program jangka pendek seperti berikut.
- i) Mengadakan kursus/ seminar pengukuhan organisasi.
 - ii) Program menarik minat para belia menyertai pertubuhan-pertubuhan belia.
 - iii) Program dialog bersama pemimpin-pemimpin belia.
 - iv) Program belia bersama rakyat.

Disamping itu Kerajaan Negeri akan menubuhkan Seketeriat Belia dan Sukan Negeri yang berfungsi menyelaras program/ aktiviti belia Negeri Selangor. Dalam melahirkan pemimpin pelapis yang akan mewarisi kepimpinan Negara, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Penggerak Belia Tempatan di setiap zon PBT. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan program latihan kemahiran belia sebagai usaha memastikan para belia diberi peluang meningkatkan kemahiran bagi meningkatkan pendapatan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN JAWATANKUASA MASJID DI NEGERI SELANGOR

186. Mulai Februari 2009 Majlis Agama Islam mula menstrukturkan semula jawatankuasa masjid di negeri Selangor. Pihak masjid menghendaki mengadakan mesyuarat memilih jawatankuasa, khususnya Nazir bagi mentadbir masjid-masjid tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah tiada penyeragaman sistem pengundian untuk memilih jawatankuasa antara masjid-masjid di Selangor?
- b) Mengapa pengiraan undian tidak dilakukan di tempat mesyuarat tetapi undian dikira di Pejabat Agama Islam di Shah Alam?
- c) Adakah kerajaan negeri berpuas hati dengan pemilihan jawatankuasa masjid yang telah dijalankan?

JAWAPAN :

- a) Sistem pengundian Pegawai dan Jawatankuasa Masjid telah diseragamkan di semua daerah iaitu dengan melaksanakan sistem syura melalui cara undian angkat tangan atau undian sulit.
- b) Bagi undi sulit, pengiraan undi dilakukan di masjid berkenaan.
- c) Kerajaan negeri sangat berpuas hati kerana secara umumnya, kaedah pencalonan ini dapat memuaskan hati keseluruhan anak kariah memandangkan calon yang dikemukakan adalah berdasarkan pilihan anak kariah sendiri dan diundi juga oleh anak kariah itu sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KONSESI KERAJAAN NEGERI

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah pemantauan yang dibuat terhadap prestasi syarikat pemegang konsesi dengan Kerajaan Negeri.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula tempoh konsesi yang diberi dengan memendekkan tempoh konsesi tersebut agar ianya dapat dipantau dengan lebih berkesan dengan menetapkan KPI yang sewajarnya.
- c) Sila senaraikan syarikat-syarikat pemegang konsesi tersebut.

JAWAPAN :

- a) Konsesi antara Kerajaan Negeri dengan syarikat konsesi melibatkan penswastaan perkhidmatan air dan penswastaan perkhidmatan bukan hartanah. Berikut adalah skop pemantauan yang dilakukan terhadap pemegang-pemegang konsesi:-

- i) Penswastaan Perkhidmatan Air

Perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor bermula dari tahun 1994, dengan menswastakan aktiviti rawatan air kepada beberapa operator iaitu Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd, SPLASH dan ABASS, manakala pada tahun 2004 aktiviti pengagihan bekalan air telah diswastakan kepada SYABAS.

Sebelum Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS) dikorporatkan kepada Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS), pemantauan terhadap prestasi syarikat pemegang konsesi ini dibuat oleh JBAS. Dalam tempoh PUAS masih berkuat kuasa antara tahun 2002 hingga 2004, pemantauan dibuat oleh Jabatan Kawal Selia Air Selangor (JKAS). Pemantauan oleh JKAS terus dibuat semasa penswastaan PUAS kepada SYABAS sehingga tahun 2008. Bermula 01 Januari 2008, pemantauan terhadap prestasi semua syarikat pemegang konsesi air telah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berikutan dengan penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

- ii) Penswastaan Perkhidmatan Bukan Hartanah

Bagi pemantauan projek-projek penswastaan perkhidmatan bukan hartanah, prestasi syarikat pemegang konsesi dipantau melalui pembayaran sewa yang teratur yang telah ditetapkan di dalam perjanjian penswastaan. Selain itu, ia diukur melalui laporan bulanan yang dihantar oleh syarikat mahupun PBT yang terlibat. Lawatan tapak juga dilakukan bagi melihat perkembangan projek-projek yang terlibat.

Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan membatalkan perjanjian dengan merujuk kepada peruntukan di dalam perjanjian penswastaaan yang telah ditandatangani sekiranya pemegang konsesi tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan.

b) Penswastaaan Perkhidmatan Air

Dalam hal berkaitan dengan konsesi perkhidmatan air di negeri Selangor, dengan penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Kerajaan Negeri Selangor memang sedang dalam usaha untuk melaksanakan penstrukturan semula semua pemegang konsesi air berlandaskan kepada ciri-ciri seperti berikut:-

- i) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan
 1. Kerajaan Negeri;
- ii) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
- iii) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Melalui pengambilalihan semua konsesi air di Selangor, satu struktur perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan di mana syarikat air tersebut adalah dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Penswastaaan Perkhidmatan Bukan Hartanah

Pihak Kerajaan Negeri perlu menilai dan membuat kajian secara terperinci sekiranya ingin memendekkan tempoh konsesi tersebut memandangkan syarikat-syarikat konsesi telah pun menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri dan juga PBT yang terlibat.

- c)
i) Penswastaan Perkhidmatan Air

| BIL. | PERJANJIAN | TARIKH |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| | SPLASH | |
| 1. | <i>Sungai Selangor Phase 1 Operations & Maintenance Agreement Between Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. and Perangsan Water Management Sdn. Bhd.</i> | 24 Januari 2000 |
| 2. | Perjanjian Penswastaan Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3 Negeri Selangor Darul Ehsan Di Antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. | 24 Januari 2000 |
| 3. | <i>Operation & Maintenance Agreement Sg. Tinggi Dam between Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan & Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd.</i> | 31 Disember 2005 |
| | Konsortium ABASS | |
| 4. | Perjanjian Penswastaan Konsesi (<i>Privatisation Cum Concession Agreement</i>) Skim Sungai Semenyih Negeri Selangor Darul Ehsan di antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Konsortium ABASS Sdn. Bhd. | 9 Disember 2000 |
| 5. | <i>Supplemental Agreement To The Privatisation And Concession Agreement In Respect Of The Turnkey Contract To Undertake Bukit Badong Distribution Works Of Sungai Selangor Phase 3 di antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Konsortium ABASS Sdn. Bhd. – Volume II</i> | 10 Februari 2001 |
| 6. | <i>“Second Supplemental Agreement To The Privatisation And Concession Agreement” Di Antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Konsortium ABASS Sdn. Bhd.</i> | 28 Ogos 2001 |
| 7. | <i>“Third Supplemental Agreement To The Privatisation Cum Concession Agreement Of Sg. Semenyih Scheme” Between The State Government Of Selangor Darul Ehsan (“State Government”) and Konsortium ABASS Sdn. Bhd.</i> | 15 Februari 2005 |

| Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. | | |
|-----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 8. | Perjanjian Penswastaan Loji Penapis Bekalan Air Negeri Selangor Darul Ehsan di antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. | 22 September 1994 |
| 9. | Perjanjian Pembinaan Dan Operasi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 2 di antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. | 22 Mac 1995 |
| 10. | <i>Sungai Lolo Water Treatment Plant (Extension) Operation And Maintenance Agreement between The State Government Of Selangor and Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.</i> | 16 Ogos 2007 |
| 11. | <i>Sungai Sireh Water Treatment Plant Operation And Maintenance Agreement between The State Government Of Selangor and Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.</i> | 7 Mac 2008 |
| SYABAS | | |
| 12. | <i>Concession Agreement Between The Government Of Malaysia And The State Government Of Selangor Darul Ehsan And Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.</i> | 15 Disember 2004 |

ii) Penswastaan Perkhidmatan Bukan Hartanah

| BIL. | PERJANJIAN | TARIKH |
|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Penswastaan Rumah Rehat Sabak Bernam oleh Syarikat Hay Resort N Services Sdn. Bhd. | 27 Januari 2004 |
| 2. | Penswastaan Kelong Sabak Bernam oleh Syarikat Line Alright Dot Com Sdn. Bhd. | Perjanjian belum ditandatangani |
| 3. | Penswastaan Papan Iklan Mesra Rakyat Di Negeri Selangor oleh Syarikat Karisma Vista Sdn. Bhd. | 9 Disember 2000 (Konsesi telah tamat) |
| 4. | Penswastaan Penyelenggaraan dan Penajaan Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki, Pintu Gerbang Gantry Petunjuk Tanda Sempadan Negeri/Daerah dan Petunjuk Arah Jalan di Seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan oleh Syarikat Bernam Kiara Sdn. Bhd. | 12 Januari 2005 (Kertas penamatan konsesi telah dibentangkan di dalam MTES kerana pihak syarikat tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan) |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan warga emas menurut DUN yang telah didaftarkan dalam skim ini?
- b) Berapakah bilangan warga emas menurut DUN yang telah meninggal dunia sejak skim bermula sehingga akhir Januari 2009?
- c) Apakah program serta bilakah ahli yang berdaftar di bawah skim ini boleh menikmati sumbangan dari skim ini semasa hayat mereka?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 24 Februari 2009 yang lepas, seramai 31,536 orang warga emas telah didaftarkan sebagai peserta skim ini. Pecahan mengikut DUN adalah seperti di Lampiran A.
- b) Mengikut data yang dikemas kini, seramai 1,819 orang warga emas telah meninggal dunia setelah mendaftar dengan skim ini dan pecahan mengikut DUN adalah seperti di Lampiran A.
- c) Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dilancarkan bertujuan untuk memberi faedah khairat kematian sekiranya berlaku kematian ke atas warga emas yang berumur 60 tahun ke atas setelah mendaftar di bawah skim ini. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM 2500 di mana Kerajaan Negeri berpendapat jumlah tersebut adalah wajar dalam meringankan beban waris si mati seperti dalam membiayai kos pengebumian ke atas peserta skim ini terutamanya bagi mereka yang bukan Islam. Oleh sebab itu, skim ini diperkenalkan adalah untuk memberi bantuan kewangan sekiranya berlaku kematian ke atas warga emas yang berdaftar dalam skim ini.

Lampiran A

| DUN | NAMA DUN | PENDAFTARAN SKIM MESRA USIA EMAS | | | | | KEMATIAN MESRA USIA EMAS | | | | |
|-----|--------------------|----------------------------------|-------|--------|------|--------|--------------------------|-------|--------|------|--------|
| | | Jumlah Pendaftaran | | | | | Jumlah Kematian | | | | |
| | | Cina | India | Melayu | Lain | Jumlah | Cina | India | Melayu | Lain | Jumlah |
| N01 | SUNGAI AIR TAWAR | 186 | 5 | 1,202 | | 1,393 | 69 | 3 | 2 | | 74 |
| N02 | SABAK | 249 | 37 | 1,372 | 6 | 1,664 | 58 | 13 | | | 71 |
| N03 | SUNGAI PANJANG | 102 | 7 | 860 | 1 | 970 | 55 | 10 | 1 | | 66 |
| N04 | SEKINCHAN | 554 | 9 | 482 | | 1,045 | 10 | 19 | | | 29 |
| N05 | HULU BERNAM | 16 | 5 | 42 | | 63 | 42 | 17 | 5 | | 64 |
| N06 | KUALA KUBU BAHARU | 25 | 16 | 50 | 15 | 106 | 3 | 5 | 3 | 2 | 13 |
| N07 | BATANG KALI | 15 | 8 | 27 | 2 | 52 | 20 | 9 | 8 | | 37 |
| N08 | SUNGAI BURONG | 46 | 2 | 344 | 1 | 393 | 40 | 4 | | | 44 |
| N09 | PERMATANG | 91 | 24 | 283 | | 398 | 20 | 11 | 3 | | 34 |
| N10 | BUKIT MELAWATI | 17 | 44 | 106 | | 167 | 17 | 3 | 2 | | 22 |
| N11 | IJOK | 114 | 165 | 334 | | 613 | 5 | 3 | 9 | | 17 |
| N12 | JERAM | 109 | 15 | 353 | | 477 | 28 | 4 | 3 | | 35 |
| N13 | KUANG | 522 | 80 | 230 | | 832 | 14 | 12 | 7 | | 33 |
| N14 | RAWANG | 819 | 42 | 45 | 6 | 912 | 0 | 22 | 4 | | 26 |
| N15 | TAMAN TEMPLER | 1,006 | 87 | 324 | 8 | 1,425 | 9 | 15 | 3 | | 27 |
| N16 | BATU CAVES | 48 | 156 | 596 | 7 | 807 | 11 | 2 | 8 | | 21 |
| N17 | GOMBAK SETIA | 215 | 38 | 648 | 4 | 905 | 20 | 6 | 7 | | 33 |
| N18 | HULU KELANG | 185 | 17 | 257 | 1 | 460 | 42 | 6 | | | 48 |
| N19 | BUKIT ANTARABANGSA | 50 | 4 | 115 | | 169 | 11 | 4 | 2 | | 17 |
| N20 | LEMBAH JAYA | 583 | 57 | 411 | 3 | 1,054 | 23 | 23 | 6 | | 52 |
| N21 | CHEMPAKA | 28 | 3 | 142 | | 173 | 9 | 10 | 2 | | 21 |
| N22 | TERATAI | 484 | 8 | 82 | 2 | 576 | 4 | 25 | 2 | | 31 |
| N23 | DUSUN TUA | 401 | 55 | 516 | 7 | 979 | 26 | 8 | | | 34 |
| N24 | SEMENYIH | 21 | 11 | 25 | 1 | 58 | 26 | 18 | 10 | 1 | 55 |
| N25 | KAJANG | 82 | 11 | 10 | 1 | 104 | 9 | 25 | 7 | | 41 |
| N26 | BANGI | 104 | 44 | 268 | 1 | 417 | 11 | 5 | 3 | | 19 |
| N27 | BALAKONG | 476 | 34 | 16 | 2 | 528 | 6 | 15 | 1 | | 22 |
| N28 | SERI KEMBANGAN | 1,684 | 52 | 60 | 5 | 1,801 | | 7 | | | 7 |
| N29 | SERI SERDANG | 363 | 165 | 67 | | 595 | 12 | 2 | 10 | | 24 |
| N30 | KINRARA | 428 | 39 | 6 | 5 | 478 | 2 | 29 | 9 | | 40 |
| N31 | SUBANG JAYA | 114 | 22 | 6 | 4 | 146 | | 2 | 2 | 1 | 5 |
| N32 | SERI SETIA | 123 | 84 | 123 | 1 | 331 | 1 | 1 | 1 | | 3 |

| | | | | | | | | | | | |
|-----|-----------------|---------------|--------------|---------------|------------|---------------|------------|------------|------------|-----------|--------------|
| N33 | TAMAN MEDAN | 198 | 124 | 378 | 15 | 715 | 18 | 5 | 7 | 2 | 32 |
| N34 | BUKIT GASING | 103 | 13 | 3 | 5 | 124 | | 10 | | | 10 |
| N35 | KAMPUNG TUNKU | 657 | 48 | 3 | 11 | 719 | | 8 | 1 | 2 | 11 |
| N36 | DAMANSARA UTAMA | 1,145 | 26 | 30 | 1 | 1,202 | 2 | 31 | 1 | | 34 |
| N37 | BUKIT LANJAN | 191 | 4 | 31 | 1 | 227 | 1 | 16 | 1 | | 18 |
| N38 | PAYA JARAS | 208 | 50 | 368 | | 626 | 14 | 8 | 9 | | 31 |
| N39 | KOTA DAMANSARA | 34 | 22 | 9 | | 65 | 1 | 8 | 1 | | 10 |
| N40 | KOTA ANGGERIK | 88 | 6 | 35 | | 129 | 11 | 5 | 2 | | 18 |
| N41 | BATU TIGA | 44 | 84 | 270 | 4 | 402 | 34 | 6 | 9 | | 49 |
| N42 | MERU | 63 | 9 | 130 | | 202 | 28 | 8 | 4 | | 40 |
| N43 | SEMENTA | 83 | 16 | 111 | | 210 | 29 | 14 | 12 | | 55 |
| N44 | SUNGAI PINANG | 961 | 14 | 282 | 5 | 1,262 | 3 | 24 | 2 | | 29 |
| N45 | SELAT KLANG | 121 | 17 | 238 | 6 | 382 | 20 | 7 | 2 | 1 | 30 |
| N46 | PELABUHAN KLANG | 6 | 1 | 19 | | 26 | 9 | 3 | | | 12 |
| N47 | PANDAMARAN | 600 | 58 | 71 | 3 | 732 | 6 | 43 | 17 | 1 | 67 |
| N48 | KOTA ALAM SHAH | 161 | 92 | 10 | 3 | 266 | | | 1 | | 1 |
| N49 | SERI ANDALAS | 181 | 249 | 108 | 4 | 542 | 17 | 12 | 24 | | 53 |
| N50 | SRI MUDA | 51 | 54 | 205 | 2 | 312 | 18 | 6 | 17 | 1 | 42 |
| N51 | SIJANGKANG | 34 | 3 | 142 | 1 | 180 | 26 | 6 | 2 | | 34 |
| N52 | TELUK DATUK | 652 | 25 | 17 | 1 | 695 | 5 | 14 | 7 | 1 | 27 |
| N53 | MORIB | 5 | 12 | 42 | | 59 | 42 | 3 | 12 | | 57 |
| N54 | TANJUNG SEPAT | 662 | 35 | 517 | 2 | 1,216 | 26 | 10 | 2 | | 38 |
| N55 | DENGKIL | 201 | 36 | 222 | 1 | 460 | 14 | 2 | 5 | | 21 |
| N56 | SUNGAI PELEK | 412 | 87 | 99 | 1 | 599 | 10 | 22 | 3 | | 35 |
| | UNSPECIFIED | 38 | 8 | 43 | 4 | 93 | | | | | |
| | | 16,159 | 2,439 | 12,785 | 153 | 31,536 | 937 | 609 | 261 | 12 | 1,819 |

Nota:

1 Data sehingga 24hb Februari 2009

2 Tidak termasuk data yang masih belum didaftarkan ke dalam Sistem anggaran sebanyak 8,000 borang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : HAKMILIK KEKAL KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG
BARU CINA & TERSUSUN**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri Perak dalam memberikan hak milik kekal kepada semua penduduk-penduduk Kampung Baru Cina dan Kampung Tersusun?
- b) Berapakah jumlah Kampung Baru Cina dan Kampung Tersusun yang masih wujud di Negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai rancangan untuk membentuk suatu perkampungan khas bagi orang-orang India yang telah diusir dari ladang-ladang yang terpaksa dibangunkan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan bahawa pemberimilikan tanah di Negeri Selangor adalah berlandaskan kepada peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara. Dalam hubungan ini, bagi tanah-tanah Kampung Baru dan Kampung Tersusun akan diberi hakmilik pajakan bagi tempoh tidak lebih 99 tahun selaras dengan seksyen 76(1) (a) Kanun Tanah Negara.
- b) Terdapat sebanyak 78 buah Kampung Baru Cina di Negeri Selangor. Ia terdiri daripada 42 buah Kampung Baru, 19 Kampung Bagan, dan 17 Kampung Tersusun.
- c) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dengan masalah pekerja-pekerja ladang yang telah diberhentikan kerja akibat pembangunan sesuatu ladang. Setakat ini Kerajaan Negeri belum mempunyai hasrat untuk mewujudkan perkampungan khas untuk masyarakat India. Walau bagaimana pun, bagi memastikan kebajikan pekerja ladang terjamin, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan agar setiap kelulusan untuk pembangunan/ tukar syarat/ hak milik tanah mestilah melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang akan menetapkan syarat supaya pihak majikan/ pemaju menyediakan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang yang terlibat atau lot-lot tanah untuk pembangunan perumahan pekerja ladang di bawah Skim Pemilikan Rumah Pekerja Ladang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TINDAKAN NEGERI SELANGOR MENGHADAPI KEGAWATAN EKONOMI

190. Dalam kegawatan ekonomi ini turut dirasai oleh sektor perindustrian di Negara ini.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah pelan dan perancangan serta tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat negeri ini / pekerja-pekerja yang di berhentikan kerja dan galakan atau insentif kepada industri-industri di negeri ini.
- b) Berapakah pelaburan baru di bawah pemerintah Kerajaan PR telah membawa ke Negeri Selangor?
- c) Berapa jumlah nilai pelaburan?

JAWAPAN :

- a) Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklumbalas serta membincangkan bentuk bantuan yang boleh ditawarkan bagi menangani isu pemberhentian pekerja khususnya di negeri Selangor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu dan antara agensi yang terlibat adalah:
 - i) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN);
 - ii) *Selangor State Investment Centre* (SSIC) Berhad;
 - iii) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor;
 - iv) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Tengah;
 - v) Ibupejabat Polis Kontijen (IPK) Negeri Selangor;
 - vi) Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
 - vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor;
 - viii) Lembaga Zakat Selangor (LZS);
 - ix) Persatuan Pengilang Malaysia (FMM);
 - x) Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); dan
 - xi) Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Antara perancangan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenalpasti bentuk bantuan menerusi program sedia ada yang boleh diberikan samada dalam bentuk bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan;
 - iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dan yang berkemungkinan diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat sekaligus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja berkenaan diberhentikan; dan
 - iv) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklumbalas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor
- b) Bagi tahun 2008, sebanyak 302 projek perkilangan telah diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM11.87 bilion. Hasil daripada pelaburan tersebut telah membuka ruang kepada 30,580 peluang pekerjaan.
- Daripada keseluruhan jumlah projek perkilangan yang diluluskan, 202 projek adalah merupakan projek baru dengan membuka kepada lebih 15,131 peluang pekerjaan.
- c) Nilai pelaburan daripada projek baru yang diluluskan adalah berjumlah RM6.353 bilion. Kerajaan Negeri Selangor melalui Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad akan terus memantau dan mengambil langkah yang sesuai dengan mempergiatkan lagi usaha mempromosi negeri Selangor sebagai negeri perindustrian dan pelaburan melalui misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara dalam usaha menarik para pelabur yang berpotensi untuk melabur di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PUSAT SEHENTI KRISIS (OSCC)

191. Pusat Sehenti Krisis sudah pernah dilancarkan sebelum ini oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar :

- a) Mengapakah perlu dilancarkan sekali lagi di Selangor?
- b) Selepas Pusat Sehenti ini dilancarkan bagaimanakah sambutan orang ramai terhadapnya dari bilangan kes yang dirujuk?

JAWAPAN :

- a) Tujuan Kerajaan Negeri melancarkan Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) bukan bertujuan untuk melancarkan pembinaan pusat ini, tetapi bertujuan untuk mempromosi OSCC ini kepada seluruh lapisan masyarakat di Negeri Selangor khususnya kepada kaum wanita dan keluarga. Pada ketika ini, masih ramai orang awam tidak mengetahui kewujudan pusat ini dalam memberi perkhidmatan yang menyeluruh kepada mangsa-mangsa keganasan terutamanya wanita dan kanak. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri memutuskan supaya satu kempen promosi dan kesedaran perlu dilaksanakan di seluruh Selangor dan seterusnya memberi maklumat yang terkini berkaitan OSCC kepada orang awam. Di samping itu, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengadakan kerjasama dengan hospital-hospital kerajaan di Selangor dalam mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai.
- b) Selepas program pelancaran mempromosi OSCC pada bulan Disember tahun lepas didapati bahawa sambutan terhadap kempen ini amat memberangsangkan. Kerajaan Negeri menerima maklum balas yang positif terutamanya dari Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan mereka menyatakan kesudian untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan kempen mempromosi OSCC di Selangor. Di samping itu, orang ramai turut memberi cadangan agar kempen ini perlu diadakan di seluruh Selangor memandangkan masih ramai yang kurang arif mengenai kewujudan dan peranan OSCC kepada masyarakat terutamanya di kawasan luar Bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN “TRANSIT-ORIENTED DEVELOPMENT”

192. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah *Transit-Oriented Development* (TOD) akan diterap ke dalam dan disyaratkan dalam dasar pembangunan bandar dan desa di Selangor?
- b) Jika ya, bagaimanakah ianya akan diterap dan apakah contoh-contoh terbaru yang telah dan akan dilaksanakan di Selangor?

JAWAPAN :

- a) 'Transit Oriented Development' (TOD) didefinisikan kawasan perumahan dan komersil yang direkabentuk untuk memaksimumkan kebolehsampaian melalui transit dan mod pengangkutan tidak bermotor, serta menggalakkan 'transit ridership'. TOD juga bertujuan untuk memaksimumkan akses ke sistem pengangkutan awam dan mempunyai ciri-ciri yang dapat menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam. Kerajaan Negeri komited di dalam melaksanakan 'Transit Oriented Development' di Negeri Selangor bagi mencapai matlamat **Halatuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025**. Kaedah 'Urban Redevelopment' dan 'Urban Renewal' akan difokuskan di dalam pembangunan perbandaran berasaskan TOD di Negeri Selangor.

Konsep TOD juga hendaklah dilihat secara menyeluruh tidak hanya tertumpu di dalam Negeri Selangor sahaja, malah meliputi keseluruhan Lembah Klang. Selain itu, TOD juga ditakrifkan sebagai satu konsep pengembangan kawasan yang berorientasikan nodus pergerakan, iaitu lokasi di mana semua jenis pengangkutan awam berhenti. Nodus pergerakan atau terminal ini akan menjadi tulang belakang bagi pergerakan pengguna. Kebiasaannya, terminal-terminal ini akan menjadi titik mula pergerakan pengguna ke destinasi untuk melakukan aktiviti harian seperti ke tempat kerja, rumah dan sebagainya. TOD menyokong pilihan pengangkutan yang lebih cepat, selamat dan efisien di samping mengurangkan kesesakan lalu lintas dan masa perjalanan dapat dipercepatkan.

- b) Berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 yang diwartakan pada 14 Jun 2007 No Warta 1541, terdapat konsep pembangunan berorientasikan transit. Konsep tersebut adalah untuk mewujudkan rangkaian perhubungan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap serta pembangunan perbandaran yang tertumpu di kawasan pusat transit. Ia bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan dan konflik lalu lintas. Di dalam RSN Selangor juga telah menggariskan dasar-dasar yang berkaitan dengan sistem pengangkutan secara menyeluruh iaitu:-
- i) Dasar FZ 14 – Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu Dilaksanakan Di Semua Bandar Untuk Mempertingkatkan Penggunaan Semua Mod Pengangkutan.
 - ii) Dasar FZ 15 – Sistem Pengurusan Permintaan Perjalanan (*Travel Demand Management*) Perlu Di laksana Bagi Mewujudkan Sistem Pengangkutan Bandar Yang Mampan.
 - iii) Dasar FZ 16 - Sistem Pengangkutan Awam Perlu Diperluaskan Untuk Mengintegrasikan Perkhidmatan Pengangkutan Berasaskan Rel.
 - iv) Dasar FZ 17 – Kemudahan Sokongan Pengangkutan Yang Selamat Dan Mesra Pengguna Perlu Disediakan Dengan Mencukupi, Menyeluruh Dan Berterusan.
 - v) Dasar FZ 37 – Perkhidmatan Pengangkutan Awam Bersepadu Dan Pendekatan 'Travel Demand Management' Perlu Dilaksanakan Di Bandar-Bandar Utama.

Dasar-dasar tersebut adalah menjurus kepada mengadaptasikan konsep 'Transit Oriented Development' di dalam dasar pembangunan di Negeri Selangor.

Konsep 'Transit Oriented Development' telah diterapkan secara khusus di dalam penyediaan Rancangan Tempatan di Negeri Selangor. Cadangan-cadangan sistem pengangkutan bersepadu ini mengintegrasikan pengangkutan berasaskan rel, jaringan jalan raya dan terminal pengangkutan awam bersepadu. Rancangan Tempatan yang telah menerapkan konsep TOD adalah seperti berikut:

- i) Rancangan Tempatan MBSA, MBPJ dan MPSJ.
- ii) Rancangan Tempatan Klang
- iii) Rancangan Tempatan Daerah Sepang
- iv) Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang
- v) Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- vi) Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang
- vii) Rancangan Tempatan Daerah Kuala Langat.
- viii) Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor

Sehubungan itu, peranan dan tanggungjawab agensi-agensi yang berkaitan di dalam melaksanakan dasar-dasar dan perancangan TOD yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Pemajuan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PELANCONGAN ILMU

193. Bangi dikenali sebagai Bandar Ilmu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato` Menteri Besar :

- a) Sebagai `Bangi Bandar Ilmu` apakah rancangan kerajaan negeri mempromosikan Bangi Bandar Ilmu.
- b) Tidakkah wajar `Bangi Bandar Ilmu` dijadikan destinasi pelancongan terutama Pelancongan Ilmu'.
- c) Bilakah janji PKNS mahu mewujudkan `Books mall` dan Dewan Persidangan dapat diadakan?

JAWAPAN :

- a) Perbadanan tidak ada perancangan untuk membina Kompleks *Book Mall* di Bandar Baru Bangi. Walau bagaimanapun Perbadanan akan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh menyemarakkan lagi ciri-ciri keilmuan untuk disertai oleh masyarakat seperti menganjurkan penjualan bahan-bahan bacaan, mengadakan pesta buku, Forum Perdana, Program Pidato antara sekolah-sekolah dan lain-lain. Penganjuran program ini akan dilaksanakan di Kompleks PKNS Bangi serta Bangi Walk di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi.
- b) Acara pertama yang dilaksanakan ialah Pesta Buku Bangi 2009 bermula 18 Februari – 01 Mac 2009 yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Ir. Iskandar Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan Selangor anjuran Persatuan Penduduk-Penduduk Bandar Baru Bangi.
- c) PKNS tiada perancangan untuk membina Dewan Persidangan di Bandar Baru Bangi dalam masa terdekat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : SETINGGAN DAN KUIL HARAM

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan tanah-tanah Kerajaan Negeri Selangor tidak dicerobohi setinggan-setinggan baru dan dibina kuil-kuil haram.
- b) Sejauh manakah bancian dan kajian yang telah dibuat mengenai wujudnya setinggan-setinggan berkenaan dan apakah langkah-langkah penyelesaian yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri amat serius terhadap isu-isu pencerobohan ke atas tanah Kerajaan Negeri oleh orang awam. Ini termasuk tanah-tanah yang telah diwartakan sebagai tanah rizab bagi tujuan pelebaran jalan, sungai, hutan simpan dan sebagainya. Semua Pejabat Tanah Dan Daerah telah diminta menyenaraikan tanah-tanah Kerajaan yang belum dibangunkan untuk dipantau oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor.

Pemasangan pagar juga akan dilakukan bagi memastikan tiada pencerobohan ke atas tanah-tanah Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diarahkan supaya mengawasi semua tanah-tanah Kerajaan Negeri sama ada belum diduduki atau telah dikosongkan oleh setinggan bagi memastikan tidak berlaku pencerobohan ke atas tanah-tanah tersebut. Tindakan perobohan akan dilakukan serta-merta sekiranya terdapat struktur bangunan baru seperti bangunan kediaman dan rumah ibadat seperti kuil, tokong ataupun surau dengan menggunakan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara.

- b) BANCIAN yang telah dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merekodkan terdapat seramai 2,797 keluarga menduduki tanah kerajaan dan rizab agensi kerajaan yang telah dikenal pasti sebagai rizab sungai, jalan, pendidikan dan sebagainya. Berikut adalah statistik bilangan keluarga setinggan yang berada di atas tanah kerajaan dan rizab kerajaan sehingga 28 Februari 2009 :-

Statistik Bilangan Setinggan Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Dan Rizab Kerajaan Di Negeri Selangor Sehingga 28 Februari 2009

| Bil. | Nama Pemilik Tanah /Agensi | Bil. Setinggan/ Bangunan |
|-------------|----------------------------------------|-------------------------------------|
| 1. | Tanah Kerajaan Negeri | 567 |
| 2. | Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) | 836 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya (JKR) / rizab jalan | 397 |
| 4. | Rizab hutan | 220 |
| 5. | Aset KTMB / Kementerian Pengangkutan | 502 |
| 6. | Rizab TNB | 148 |
| 7. | Rizab orang asli | 101 |
| 8. | Kementerian Pendidikan | 20 |
| 9. | Rizab Kubur | 6 |
| | Jumlah keseluruhan | 2,797 |

Bagi mengelakkan sebarang masalah mengeluarkan setinggan atau merobohkan bangunan tanpa izin seperti rumah kediaman, tokong, kuil dan surau pada masa akan datang, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya Pejabat Tanah Dan Daerah tidak lagi meluluskan permohonan Lesen Menduduki Sementara (LMS) mana-mana tanah Kerajaan Negeri atau tanah rizab yang telah diwartakan untuk kegunaan agensi Kerajaan akan datang.

Tindakan penyelesaian ke atas penempatan-penempatan setinggan di atas tanah Kerajaan dan rizab akan dilakukan secara berperingkat bergantung kepada keperluan tapak tersebut. Ini disebabkan Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti padanan rumah kos rendah bagi setinggan-setinggan sedia ada yang masih di atas tapak. Selain itu, tindakan penguatkuasaan akan dilakukan ke atas mana-mana orang awam yang memasuki atau menceroboh tanah Kerajaan Negeri untuk tujuan pembinaan bangunan kediaman ataupun rumah-rumah ibadat. Penempatan setinggan di atas tanah kerajaan juga akan dipantau dan dikawal supaya tiada penambahan binaan bangunan lain di dalam kawasan tersebut. Sekiranya ada, maka tindakan perobohan akan dilakukan ke atas struktur bangunan berkenaan kerana ianya dianggap setinggan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : JUMLAH PELABURAN DI NEGERI SELANGOR SEJAK MAC 2007
HINGGA SEKARANG**

195. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2007, Negeri Selangor telah berjaya menarik pelaburan domestik bernilai RM6,989,739,443 dan pelaburan asing bernilai RM4,191,710,937 menjadi keseluruhan pelaburan yang dibuat di Negeri Selangor bagi tempoh tersebut bernilai RM11,181,456,369. Manakala jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan bagi tempoh yang sama ialah sebanyak 97,673.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah pelaburan domestik dan asing yang berjaya diperolehi oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh bulan Mac 2007 hingga kini?
- b) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan bagi tempoh yang sama?
- c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelaburan domestik dan asing ke Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh Mac 2007 sehingga Disember 2008 sebanyak **598 projek** perkilangan telah diluluskan di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 22,673,330,006**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 9,585,202,546** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 13,088,127,460** adalah daripada pelaburan asing.
- b) Sebanyak **55,262 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

- c) Bagi tahun 2009, Kerajaan negeri mensasarkan pelaburan melebihi RM 8 bilion. Bagi mencapai sasaran ini beberapa langkah dan strategi sedang dan akan dilaksanakan seperti berikut:-
- i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - viii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - x) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.

- xi) "Hand hold" program.
- xii) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
- xiii) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.
- xiv) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK: TANAH MILIK KERAJAAN YANG DITEROKA

196. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam menyelesaikan isu peneroka tanah terbabit yang nama mereka bertindih sehingga beberapa nama?
- b) Huraikan kategori apakah yang diguna pakai dan di teliti sebelum hak pemilikan di serahkan kepada peneroka tanah kerajaan ini?
- c) Jelaskan alasan kerajaan negeri terdahulu yang memberi hak milik tanah kepada orang luar dan tidak pada peneroka atau penduduk kampung berhampiran yang menetap puluhan tahun di sekitar kawasan itu serta mengusahakannya?

JAWAPAN :

- a) Bagi isu permohonan tanah secara bertindih, Kerajaan Negeri meletakkan pendekatan di mana Pentadbir Tanah Daerah akan membuat siasatan terperinci bagi memastikan pihak pengusaha sebenar yang perlu diberi keutamaan pemberimilikan tanah.
- b) Di antara perkara yang diteliti sebelum hak pemilikan diserahkan kepada peneroka tanah Kerajaan ini ialah seperti berikut:-
 - i) Telah menduduki atau mengusahakan tanah terlibat bagi tempoh lebih 10 tahun;
 - ii) Kesesuaian lot tanah untuk diberi milik;
 - iii) Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal seperti Pentadbir Tanah Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan kerja Raya dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa atau Pihak Berkuasa Tempatan
- c) Persoalan ini bersifat umum. Sekiranya terdapat kes yang spesifik, mohon Y.B. mengemukakan maklumat untuk siasatan yang lebih terperinci. Walau bagaimanapun, secara umumnya prinsip pemberimilikan tanah ialah berdasarkan kepada permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PASAR MALAM DAN PASAR TANI

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar atau garis panduan yang digunakan dalam pengendalian pasar malam atau pasar tani dan sebagainya?
- b) Berapakah jumlah pendapatan Negeri daripada aktiviti pasar malam atau pasar tani pada tahun 2007?
- c) Apakah rancangan untuk mengatasi masalah yang diakibatkan oleh pasar malam dan pasar tani?

JAWAPAN :

- a) Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor mengguna pakai dasar atau garis panduan pengendalian pasar malam atau pasar tani seperti yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil Penjaja iaitu seperti berikut:
 - i) Pihak PBT hendaklah mengambil kira ruang pergerakan pengunjung. PBT membuat petak-petak dengan jelas dan dinomborkan.
 - ii) Memastikan ruang untuk meletak kereta bagi peniaga dan pengunjung pasar malam mencukupi.
 - iii) Keluasan tapak yang sesuai bagi setiap pasar malam ialah kurang 10,000 k.p. Jumlah petak yang dihadkan tidak melebihi 150 petak dan saiz setiap petak ialah kira-kira 32 k.p. Kawasan selebihnya boleh dikhususkan untuk tempat letak kereta. Bagi kawasan CBD (Central Business District) tidak ada had dari segi jumlah petak.
 - iv) PBT digalakkan untuk mengadakan rupa bentuk gerai yang menarik dan seragam dan jenis mudah alih.
 - v) Pemilihan penjaja hendaklah dibuat oleh PBT dengan memberi keutamaan kepada permohonan dari penduduk setempat. Pemandang atau warganegara asing adalah tidak dibenarkan untuk berniaga di pasar –pasar malam. Pemegang lesen warganegara yang didapati menyewakan lesen pasar malam mereka kepada bukan warganegara hendaklah diambil tindakan merampas lesen tersebut.
 - vi) Untuk tujuan pengawalan dan penguatkuasaan, PBT hendaklah menyediakan tanda pengenalan kepada penjaja–penjaja pasar malam dan dipamerkan.
 - vii) Para penjaja dikenakan bayaran lesen menjaja seperti yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil Penjaja. Penjaja dihadkan kepada 2 petak sahaja. Kadar bayaran boleh ditingkatkan sekiranya tahap kebersihan rendah.

- viii) Bagi penjaja yang menjual makanan segala keperluan kebersihan seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan, Undang-Undang Kecil Establishment Makanan hendaklah dikuatkuasakan.
 - ix) Peniaga makanan hendaklah menjalani suntikan TY2 (Typhoid).
 - x) Penjaja juga hendaklah menyediakan tong sampah yang sempurna bagi menjamin kebersihan di tempat berniaga.
 - xi) Penjualan peralatan yang mengeluarkan bunyi seperti CD,DVD, Kaset, Video adalah ditegah sama sekali.
 - xii) Pasar Malam adalah bertujuan untuk menampung keperluan bahan-bahan pasar sahaja. Barangan hendaklah dihadkan kepada barangan harian seperti makanan, buah-buahan, sayuran, pakaian dan lain-lain.
 - xiii) Penjualan ikan, ayam dan daging dan bahan lain yang perlu penyiangan atau diproses tidak dibenarkan di proses atau di siang di tempat jualan. Kaedah penjualan secara siap pek adalah digalakkan. Walau bagaimanapun daging yang telah disiat kulit dan digantung untuk dijual adalah dibenarkan.
 - xiv) Harga barangan yang dijual hendaklah dipamerkan sepertimana ditetapkan oleh Akta Kawalan Harga, 1946 dan Perintah Kawalan Harga Penandaan Oleh Penjual Runcit,1993.
 - xv) Para penjual hendaklah berkeadaan dan berpakaian yang sopan dan bersih.
- b) Hasil yang diperoleh oleh PBT Negeri Selangor daripada kutipan aktiviti pasar malam dan pasar tani pada tahun 2007 adalah berjumlah **RM 5,320,545.82**. Berikut adalah senarai jadual pendapatan yang diperoleh dari aktiviti pasar malam dan pasar tani mengikut PBT masing-masing untuk tahun 2007.

| BIL. | PBT | JUMLAH PENDAPATAN TAHUN 2007 |
|------|---------------|------------------------------|
| 1 | MBSA | 715,232 |
| 2 | MBPJ | 453,012.00 |
| 3 | MPK | 1,073,000.00 |
| 4 | MPAJ | 94,611.00 |
| 5 | MPSJ | 609,033.00 |
| 6 | MPS | 198,132.00 |
| 7 | MPKj | 960,749.50 |
| 8 | MPSp | 198,132 |
| 9 | MDKS | 469,030.00 |
| 10 | MDHS | 306, 652 |
| 11 | MDKL | 117,898.00 |
| 12 | MDSB | 125,064.32 |
| | JUMLAH | 5,320,545.82 |

- c) Kerajaan Negeri mengambil beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah yang diakibatkan oleh pasar malam dan pasar tani di Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengawal jumlah pertumbuhan pasar malam/tani dan menumpukan terhadap lokasi pasar malam dan pasar siang sedia ada yang memberikan keuntungan. Selain itu PBT diarah untuk mengawal trafik dan lokasi pasar-pasar yang berdekatan dengan kawasan perumahan yang menimbulkan masalah kesesakan agar kerja-kerja pembersihan dan pelupusan oleh pihak yang terlibat dapat dijalankan agar masalah kebersihan dapat dikawal dengan baik.
- Aduan-
aduan yang dibuat oleh orang ramai perlu diambil tindakan supaya masalah di lokasi pasar dapat di atasi dengan segera mengikut keperluan dan masalah di lokasi yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : BEKALAN AIR PERCUMA

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk meningkatkan pemberian jumlah isi padu air percuma bagi pengguna bermeter individu dalam masa terdekat?
- b) Bilakah sasaran dan apakah program-program bagi migrasi sepenuhnya daripada meter pukal ke meter individu bagi pemilik-pemilik rumah berstrata di seluruh Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberi manfaat nilai bekalan air percuma bagi pemilik rumah berstrata yang telah bersetuju untuk migrasi dari meter pukal ke meter individu tetapi masih terhalang pelaksanaannya disebabkan masalah-masalah teknikal?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri berpandangan bahawa inisiatif pemberian air percuma sebanyak 20m³ pertama adalah nilai yang ideal bagi keluarga yang menggunakan air secara berhemah. Tumpuan Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan dasar tersebut berjalan dengan lancar dan berterusan.

Kerajaan Negeri sedar bahawa sementelahan rakyat diberi kemudahan penggunaan air percuma, Kerajaan Negeri Selangor juga tidak mahu berlaku pembaziran penggunaan air yang mungkin boleh berlaku jika jumlah isi padu air percuma ditingkatkan.

- b) Pemegang akaun meter pukal adalah di atas nama pengurusan bangunan. Tiada jangkaan masa tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri ataupun SYABAS bagi penukaran meter pukal kepada meter individu. Program ini bergantung sepenuhnya kepada pihak MC yang bersedia untuk mengemukakan permohonan migrasi meter. Kerajaan Negeri hanya menyarankan kepada pihak pengurusan bangunan supaya mengemukakan permohonan penukaran meter individu kepada SYABAS secara rasmi.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah bercadang untuk menguatkuasakan pindaan undang-undang supaya peruntukan migrasi meter dijadikan wajib ke atas semua akaun bekalan air meter pukal (bagi kediaman pangsapuri/kondominium), namun perkara ini masih dalam perancangan. Sekiranya pindaan undang-undang yang dicadangkan oleh SPAN dapat dilaksanakan, kepentingan pengguna akan lebih terpelihara dan pemberian 20 meter padu air percuma dapat dinikmati oleh semua rakyat di Selangor.

- c) Kerajaan Negeri Selangor hanya menjalankan promosi penukaran meter memandangkan permohonan tersebut tidak ada unsur paksaan dan terpulanglah kepada pengurusan bangunan untuk melaksanakan.

Pada ketika ini telah ada cadangan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menguatkuasakan pindaan undang-undang supaya peruntukan migrasi meter dijadikan wajib ke atas semua akaun bekalan air meter pukal (bagi kediaman pangsapuri/kondominium), namun perkara ini masih dalam perancangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PEMINDAHAN LADANG TERNAKAN AYAM DI DESA COALFIELD

199. Sejak perumahan di Taman Saujana Utama dan Desa Coalfield di buka beberapa tahun lalu, ladang ternakan ayam yang sudah lama wujud di kawasan berkenaan telah menimbulkan bantahan penduduk akibat pencemaran bau yang kurang menyenangkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memindahkan ladang ternakan ayam berkenaan ke Jeram. Bilakah pemindahan itu akan dilaksanakan dan di manakah ladang ternakan baru itu ditempatkan?
- b) Adakah tempat ladang ternakan ayam yang baru itu nanti bersesuaian dan tidak akan menimbulkan masalah dan bantahan kepada penduduk sekitarnya sedangkan kawasan Jeram juga sudah sarat dengan masalah pencemaran bau?
- c) Sila senaraikan ladang-ladang ternakan bermasalah lain yang sedia untuk dipindahkan dan lokasi penempatan baru di daerah Kuala Selangor?

JAWAPAN :

- a) Pemindahan itu ditetapkan akan dilaksanakan pada 3 Mac 2009. Namun pihak syarikat ada mengemukakan pelan perpindahan kepada Pejabat Menteri Besar pada 13 Februari 2009 yang melepasi tarikh berkenaan.

Ladang dan Tempat Proses Baja yang baru akan ditempatkan berhampiran pusat pelupusan sisa pepejal di Bukit Kerayong, jeram.

- b) Berdasarkan kepada teknologi yang dicadangkan oleh pengusaha, kita percaya masalah kacau ganggu bau tidak lagi timbul.
- c) Tiada ladang ternakan lain yang bermasalah setakat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: KADAR PENGANGGURAN DI NEGERI SELANGOR

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jangkaan kadar pengangguran yang akan berlaku di negeri Selangor pada tahun ini?
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini.?
- c) Apakah sektor-sektor yang bakal ditimpa tamparan hebat ini?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan laporan ekonomi Negeri Selangor, kadar pengangguran bagi negeri Selangor pada tahun 2008 adalah pada kadar 3.4%. Kesan daripada kemerosotan ekonomi global, adalah dijangkakan bahawa kadar pengangguran bagi tahun 2009 akan berlaku kenaikan akibat daripada aktiviti pemberhentian pekerja. Namun demikian, Kerajaan Negeri akan terus memantau dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memastikan kadar pengangguran di negeri ini berada di tahap paling minima.
- b) Antara langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah adalah seperti berikut:
 - i) Membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan sama ada bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan lain-lain;
 - ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* (tindakan jangka pendek) iaitu pendaftaran secara *online* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut berdasarkan kelayakan; dan
 - iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana elaun akan diberikan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan dan ianya juga dapat mengurangkan kos operasi kepada majikan yang terlibat. Langkah ini juga membolehkan mereka yang diberhentikan diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti pelancongan dan perhotelan.

- c) Tumpuan ekonomi di negeri Selangor adalah terhadap industri elektrik dan elektronik (E&E) serta industri yang melibatkan pengeksporan barangan dan perkhidmatan ke luar negara terutamanya ke negara-negara Eropah. Keadaan ini menyebabkan ekonomi Selangor sangat sensitif terhadap perubahan ekonomi dunia iaitu akan menerima tamparan secara langsung apabila negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah mengalami kemerosotan ekonomi. Antara sektor yang menerima kesan akibat kemerosotan ekonomi global termasuklah sektor:

- i) Perkilangan;
- ii) Pembinaan;
- iii) Perkhidmatan;
- iv) Perladangan; dan
- v) Pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : HAK ORANG ASLI DI SELANGOR

201. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan penempatan orang asli yang masih wujud di Negeri Selangor.
- b) Adakah apa jua projek pembangunan yang telah dirancang di penempatan-penempatan tersebut dan apakah kesannya terhadap komuniti orang asli ini?
- c) Daripada jumlah peruntukan kebajikan orang asli, berapa peratus daripada peruntukan ini digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran dan berapa peratus digunakan untuk pembangunan sosial orang asli?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 74 buah penempatan atau Kampung Orang Asli yang masih wujud di sekitar 5 Daerah di Negeri Selangor. Ianya merangkumi Daerah Hulu Selangor : 16 Kampung, Gombak dan Petaling : 11 Kampung, Hulu Langat : 9 Kampung, Sepang : 15 Kampung dan Kuala Langat dan Klang : 23 Kampung menjadikan semuanya 74 Buah Kampung Orang Asli yang berada di dalam Negeri Selangor.
- b) Bagi pihak Kerajaan khususnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah merupakan satu agensi yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal Orang Asli. Jabatan sentiasa merancang, menjana sebarang bentuk kegiatan atau projek – projek ekonomi yang boleh meningkatkan taraf ekonomi supaya berlaku peningkatan pendapatan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup yang lebih selesa secara menyeluruh di penempatan-penempatan Orang Asli. Ke arah itu Jabatan telah merancang beberapa program yang telah, sedang dan akan diadakan secara berterusan melalui peruntukan-peruntukan yang telah disediakan. Di antara beberapa program tersebut adalah seperti berikut:-
 - i) Program Pembangunan Tanah
 - ii) Program Bimbingan Usahawan
 - iii) Program Peningkatan Pendapatan & Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.
 - iv) Program Bantuan Ruang Niaga
 - v) Program meningkatkan Kualiti Hidup

Selain dari itu, Jabatan juga sentiasa merancang dan menjalankan Program-Program Pengembangan (Kursus) dengan tujuan meningkatkan pembangunan dari segi minda kaum Orang Asli. Kelangsungan daripada perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan secara berterusan dan menyeluruh dijangka dapat mencapai ke arah matlamat yang dikehendaki oleh kerajaan.

c) Keseluruhan peruntukan yang disalurkan ke JHEOA Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i) Belanja mengurus sebanyak - 29 %
- ii) Pembangunan Ekonomi dan Infrastruktur Sosial sebanyak – 71 %

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PELABURAN DI NEGERI SELANGOR

202. Bertanya Kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pelaburan dari warga Malaysia dan warga asing yang disalurkan ke negeri Selangor sejak tahun 2008?
- b) Sila nyatakan perangkaan mengikut negara-negara yang melabur di Selangor dalam angka peratusan dan bidang-bidang yang berkaitan?
- c) Apakah anggaran peluang pekerjaan yang akan diwujudkan berikutan dengan pelaburan-pelaburan berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah RM **11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 2,866,163,788** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 9,004, 746,225** adalah daripada pelaburan asing.

- b) Pecahan pelaburan mengikut negara-negara yang melabur adalah seperti berikut;-

| Negara | Projek | Peluang Pekerjaan | Jumlah Modal Pelaburan (RM) | (%) |
|----------------------------|------------|-------------------|-----------------------------|-------------|
| Germany | 5 | 981 | 3,144,254,183 | 34.9 |
| USA | 7 | 8,752 | 2,674,546,900 | 29.7 |
| Japan | 17 | 1,388 | 967,224,338 | 10.7 |
| United Kingdom | 11 | 312 | 647,893,387 | 7.1 |
| Lain-lain Negara | 29 | 4,255 | 223,805,248 | 2.4 |
| Singapore | 24 | 2,202 | 202,127,804 | 2.2 |
| Switzerland | 3 | 423 | 180,874,501 | 2.0 |
| India | 4 | 184 | 148,502,464 | 1.6 |
| Cyprus | 3 | 225 | 104,308,500 | 1.1 |
| Thailand | 3 | 381 | 94,313,606 | 1.0 |
| United Arab Emirates (UAE) | 5 | 145 | 90,877,420 | 1.0 |
| Denmark | 4 | 182 | 90,459,740 | 1.0 |
| Australia | 5 | 85 | 66,848,452 | 0.7 |
| Netherlands | 4 | 167 | 64,987,610 | 0.7 |
| Taiwan | 5 | 401 | 45,114,859 | 0.5 |
| British Virgin Islands | 2 | 58 | 41,680,675 | 0.4 |
| Austria | 1 | 82 | 35,200,000 | 0.3 |
| China | 10 | 574 | 30,360,448 | 0.3 |
| Sweden | 2 | 43 | 28,368,465 | 0.3 |
| Indonesia | 2 | 63 | 22,106,090 | 0.2 |
| Syria | 1 | 12 | 22,050,000 | 0.2 |
| France | 2 | 45 | 19,366,315 | 0.2 |
| Hong Kong | 2 | 282 | 13,333,024 | 0.1 |
| Nigeria | 1 | 320 | 7,322,225 | 0.00 |
| Luxembourg | 1 | 108 | 6,717,315 | 0.00 |
| South Africa | 1 | 76 | 6,699,530 | 0.00 |
| Ukraine | 1 | 31 | 6,000,000 | 0.00 |
| Korea Rep. | 2 | 49 | 4,869,120 | 0.00 |
| Myanmar | 1 | 26 | 4,489,031 | 0.00 |
| Philippines | 1 | 150 | 3,357,500 | 0.00 |
| Ireland | 1 | 25 | 3,055,140 | 0.00 |
| New Zealand | 1 | 12 | 1,799,034 | 0.00 |
| Norway | 2 | 17 | 941,940 | 0.00 |
| Bangladesh | 1 | 80 | 891,360 | 0.00 |
| Mauritius | 1 | 3 | 0 | |
| Jumlah | 165 | 22,139 | 9,004,746,224 | 100% |

Sumber : MIDA

Pecahan pelaburan mengikut industri adalah seperti berikut:-

| Industri | Projek | Peluang Pekerjaan | Pelaburan Tempatan (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Modal Pelaburan (RM) | (%) |
|------------------------------------------|------------|-------------------|-------------------------|----------------------|-----------------------|-------------|
| Food Manufacturing | 31 | 1,651 | 387,433,956 | 388,677,650 | 776,111,606 | 6.5 |
| Beverages & Tobacco | 1 | 129 | 20,339,798 | 56,385,202 | 76,725,000 | 0.6 |
| Textiles & Textiles Product | 6 | 570 | 11,319,064 | 52,525,529 | 63,844,593 | 0.5 |
| Wood & Wood Products | 6 | 331 | 115,529,856 | 1,196,640 | 116,726,496 | 0.9 |
| Furniture & Fixtures | 22 | 2,399 | 110,962,241 | 16,382,079 | 127,344,320 | 1.0 |
| Paper, Printing & Publishing | 12 | 1,185 | 119,478,043 | 23,022,013 | 142,500,056 | 1.2 |
| Chemicals & Chemicals Products | 20 | 877 | 390,883,705 | 585,035,378 | 975,919,083 | 8.2 |
| Petroleum Products (Inc. Petrochemicals) | 3 | 78 | 8,801,940 | 596,230,000 | 605,031,940 | 5.0 |
| Rubber Products | 15 | 2,151 | 180,206,197 | 65,982,241 | 246,188,438 | 2.0 |
| Plastic Products | 21 | 1,107 | 203,599,067 | 77,619,910 | 281,218,977 | 2.3 |
| Non-Metallic Mineral Products | 7 | 496 | 61,594,642 | 249,546,602 | 311,141,244 | 2.6 |
| Basic Metal Products | 15 | 995 | 343,487,330 | 900,417,627 | 1,243,904,957 | 10.4 |
| Fabricated Metal Products | 34 | 1,670 | 153,620,315 | 152,932,926 | 306,553,241 | 2.5 |
| Machinery & Equipment | 44 | 2,145 | 346,011,085 | 269,137,629 | 615,148,714 | 5.1 |
| Electronics & Electrical Products | 27 | 13,059 | 89,689,939 | 5,381,546,034 | 5,471,235,973 | 46.0 |
| Transport Equipment | 30 | 1,635 | 271,872,300 | 177,426,422 | 449,298,722 | 3.7 |
| Scientific & Measuring Equipment | 3 | 163 | 16,909,050 | 5,325,000 | 22,234,050 | 0.1 |
| Miscellaneous | 5 | 339 | 34,425,262 | 5,357,342 | 39,782,604 | 0.3 |
| Jumlah | 302 | 30,980 | 2,866,163,790 | 9,004,746,224 | 11,870,910,014 | 100% |

- c) Daripada jumlah projek yang diluluskan sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KERESAHAN RAKYAT NEGERI SELANGOR

203. Baru - baru ini negara berdepan dengan isu yang mencemarkan kedaulatan Raja-Raja Melayu sehingga DYMM Tuanku Sultan Selangor menitahkan kekusaran dan dukacita Baginda terhadap insiden-insiden yang berlaku.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini yang menimbulkan keresahan rakyat berbilang kaum.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor prihatin dengan nasihat DYMM Tuanku. Sebab itu, anjuran DYMM Tuanku agar Keluhuran Perlembagaan terus dijunjung tinggi dan tidak ditafsirkan untuk kepentingan peribadi dipandang serius oleh Kerajaan Negeri, termasuk isu bidang kuasa Kerajaan Negeri yang cuba dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti dalam isu pelantikan JKKK dan penggunaan agensi Kerajaan bagi tujuan politik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : RUMAH KONGSI

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan berlakunya kes-kes jenayah di sekitar kediaman penduduk yang berhampiran dengan kawasan pembangunan yang sering dikaitkan dengan rumah kongsi.
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina satu pusat penempatan kongsi yang lebih selamat dan teratur sebagai syarat kepada pemaju bagi mengurangkan berlakunya kes-kes jenayah yang tidak diingini berlaku dan juga bagi menjaga soal ketenteraman penghuni di sekitar kawasan pembangunan terbabit.

JAWAPAN :

- a) Untuk mengurangkan berlakunya kes-kes jenayah di sekitar kediaman penduduk berhampiran pembangunan yang sering dikaitkan dengan rumah kongsi adalah seperti berikut:-
 - i) Mengadakan rondaan bermotosikal / MPV secara berterusan / berkala di kawasan-kawasan yang sering berlaku kes-kes jenayah mengikut kesesuaian / keperluan semasa.
 - ii) Mengadakan operasi secara berkala di rumah-rumah kongsi yang disyaki dijadikan tempat perlindungan oleh pendatang asing yang melakukan jenayah di samping mengadakan operasi bersama pihak imigresen / RELA untuk menangkap pendatang asing yang masuk secara haram / permit masuk telah tamat tempoh yang berada di rumah kongsi tersebut.
 - iii) Mengadakan program Community Policing yang melibatkan masyarakat seperti mengadakan dialog / perjumpaan / menggalakkan rondaan sukarela oleh masyarakat dan meningkatkan kesedaran masyarakat supaya berganding bahu bersama-sama polis untuk melaksanakan tanggungjawab pencegahan jenayah di kawasan komuniti tersebut dengan menekan "pencegahan jenayah adalah tanggungjawab bersama".
- b) Buat masa ini Polis Diraja Malaysia (PDRM) tiada rancangan dan tidak bertanggungjawab untuk membina satu penempatan kongsi sebagai satu syarat kepada pemaju bagi mengurangkan berlakunya kes-kes jenayah dan menjaga ketenteraman penghuni di kawasan pembangunan. Walau bagaimanapun pihak polis Kontinjen Selangor sudah menyarankan cadangan ini kepada Kerajaan Negeri kerana langkah ini sudah pasti akan dapat membendung jenayah dan masalah sosial.

JAWAPAN DARIPADA UPBT

- b) Kerajaan Negeri sedar masalah yang timbul apabila wujud rumah kongsi pekerja asing berhampiran kawasan perumahan. Walau bagaimanapun, untuk mewujudkan satu penempatan berpusat adalah sukar memandangkan tapak projek terletak di kawasan yang berlainan.

Pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan bagi perumahan pekerja kilang yang mana boleh digunakan di kawasan pembangunan. Penyediaan asrama adalah berdasarkan kriteria berikut :

- i) Asrama pekerja didefinisikan sebagai premis yang digunakan sebagai tempat tinggal pekerja kilang.
- ii) ii. Penyediaan asrama pekerja dipertimbangkan bagi industri yang mempunyai 30 peratus daripada pekerja-pekerja asing dan bukan penduduk tempatan.
- iii) iii. Kawasan perindustrian baru yang berkeluasan 8 hektar (20 ekar) dan lebih dibolehkan untuk membina asrama pekerja dan 15 peratus daripada kawasan industri dibenarkan untuk asrama.
- iv) Kepadatan pembangunan bagi asrama adalah di dalam lingkungan 250 penghuni/ekar.
- v) Penukaran fungsi serta pengubahsuaian bangunan yang telah sedia ada kepada fungsi kediaman adalah seperti berikut :

1. Lokasi

Kedudukan bangunan asrama mestilah di luar kawasan penampakan yang ditetapkan.

2. Susun atur Bangunan

Perlu diasingkan daripada aktiviti-aktiviti perindustrian.

3. Jumlah Pekerja

Jumlah pekerja yang dibenarkan untuk menduduki sesuatu bangunan asrama tidak melebihi 500 orang.

4. Kemudahan Awam

Kemudahan yang perlu disediakan perlulah mematuhi syarat seperti perancangan perumahan pekerja-pekerja kilang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : KESESAKAN JALANRAYA DI BANDAR KLANG

205. Kesyakan jalan raya telah menjadi masalah utama yang dihadapi oleh penduduk Bandar Klang. Perjalanan yang memakan masa selama 10 minit telah menjadi 1 jam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pembinaan jejambat di Klang dapat disiapkan?
- b) Apakah langkah yang terbaik untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya tersebut?
- c) Adakah kerajaan akan membuat perancangan semula ke atas jalan raya di Bandar Klang?

JAWAPAN :

- a) Pembinaan jejambat di Klang dijangkakan akan siap pada September 2010.
- b) Beberapa langkah telah diambil bagi mengurangkan keadaan kesesakan jalan seperti:-
 - i) Jabatan Kerja Raya telah mendapatkan kerjasama pihak polis trafik untuk mengawal trafik bagi melancarkan aliran trafik terutama waktu puncak.
 - ii) Kerja-kerja pembinaan diminimumkan pada waktu puncak.
 - iii) Menasihatkan pengguna melalui media untuk menggunakan laluan alternatif seperti Lebuhraya Shapadu, Lebuhraya Kesyakan dan Jambatan Connauhgk untuk ke Kuala Lumpur, Shah Alam dan Banting.
- c) Pembinaan menaik taraf Laluan Persekutuan 5 Kapar-Klang yang sekarang dalam pembinaan adalah merupakan perancangan jangka panjang Kerajaan untuk melancarkan perjalanan kenderaan di Bandar Klang. Di samping itu beberapa projek seperti berikut telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia ke-9 oleh Kerajaan Persekutuan:
 - i) Jambatan ke-3, Klang.
 - ii) Naik taraf Jalan Bukit Kemuning (daripada Taman Sri Muda ke Bulatan 5 Jalan Kebun).
 - iii) Lebuhraya Bukit Kemuning – Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : MAJLIS TINDAKAN PELANCONGAN NEGERI

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) dan adakah majlis ini masih berfungsi sebagai badan pelaksana pelancongan untuk Kerajaan Negeri? Ulaskan.
- b) Siapakah ahli jawatankuasa untuk MTPN dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing untuk melaksanakan program pelancongan sejak tahun 2004?
- c) Berapakah jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2009 untuk membantu membangunkan sektor pelancongan Negeri Selangor dan melalui badan manakah wang ini disalurkan?

JAWAPAN :

- a) Penubuhan MTPN adalah bertujuan merancang, membangun, menyelaraskan, memantau, mempromosi, dan memasarkan kemudahan produk dan aktiviti pelancongan secara sistematik, bersepadu dan lebih berkesan di negeri-negeri.

Ya. Majlis ini masih berfungsi sebagai badan pelaksana pelancongan di negeri-negeri atas kapasiti sebagai Pejabat Cawangan Kementerian Pelancongan di negeri-negeri.

- b) Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa MTPN adalah seperti di lampiran 1.

Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program pelancongan sejak tahun 2004 adalah sebagai berikut :

| PROGRAM | KERAJAAN PERSEKUTUAN | KERAJAAN NEGERI |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|
| 1) RMK 8 (2001-2005) a) Projek Baru b) Penyelenggaraan c) PapanTanda Penerangan | RM 11.1 juta RM 730,000.00 (3 peringkat) RM 130,000.00 (Fasa 1-12 unit) | - - - |
| 2) RMK 9 (2006-2010) a) Projek Baru b) Penyelenggaraan c) Naik taraf Homestay d) Naik taraf Tandas Rumah Homestay | RM 29,655,000.00 RM 8,560,000.00 RM 2,490,000.00 RM 135,000.00 | - - - - |
| 3) GERAN TAHUNAN MTPN Tahun - 2004 - 2005 - 2006 - 2007 - 2008 - 2009 | RM 1,154,200.00 RM 1,472,061.80 RM 3,483,192.10 RM 3,730,000.00 RM 3,558,500.00 RM 58,000.00 | RM 1,454,510.00 RM 299,090.00 RM 277,700.00 RM 504,800.00 - - |

- c) Jumlah peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:
- Geran Tahunan sehingga 31 Januari 2009 sebanyak RM 58,000.00
 - Peruntukan Pembangunan Projek Pelancongan RMK 9 yang diterima mengikut waran sehingga 17 Februari 2009 sebanyak RM 7 juta.
 - Bantuan disalurkan terus kepada Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor.

**SENARAI AHLI MAJLIS TINDAKAN PELANCONGAN
NEGERI SELANGOR 2008**

| BIL | NAMA | JAWATAN/JABATAN |
|------------|-----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| 1. | PENGERUSI Y. B. Dato' Subahan Bin Kamal | Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer Selangor Darl Ehsan |
| 2. | Dato' Noordin Bin Sulaiman | Tim. Setiausaha Kerajaan Negeri (P) |
| 3. | Y. Bhg. Datuk Hj. Abdul Gafar Bin Ab Tambi | Timbalan Ketua Setiausaha (P) Kementerian Pelancongan Malaysia |
| 4. | Y. Bhg. Dato' Hj. Zakaria Bin Hj Bahari | Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia |
| 5. | Y. Bhg. Dato' Markiman Kobiran | Pengerusi Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan |
| 6. | Y. Bhg. Dato' Dr. Munit Bin Kasmin | Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya |
| 7. | En. Rosli Bin Osman | Pengarah Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Selangor |
| 8. | En. Mohammad Nor Bin Ismail | Pengarah Lembagan Penggalakan Pelancongan Malaysia |
| 9. | Dato' Khalid Bin Abu Bakar | Ketua Polis Negeri Selangor |
| 10. | Dr. Rosnah binti Hadis | Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor |
| 11. | Tuan Haji Nor Akhiruddin bin Mahmud | Pengarah Jabatan Hutan Negeri Selangor |
| 12. | Encik Rahmat bin Topani | Pengarah Jabatan Perhilitan Negeri Selangor |
| 13. | Puan Norazimah binti Taharim | Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor |
| 14. | Puan Ashah binti Abu Samah | Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor |

| BIL | NAMA | JAWATAN/JABATAN |
|------------|----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| 15. | Tuan Haji Lahuri bin Haji Redewan | Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor |
| 16. | Encik Mohd Salleh bin Ahmad Tabrani | Pengurus Mas Negeri |
| 17. | Yg. Bhg. Dato' Abdul Samad bin Maharuddin | Yang Di Pertua Majlis Kebudayaan Negeri Selangor |
| 18. | Tuan Haji Razali bin Sham | Pengerusi Persatuan Travel Agensi Negeri Selangor (MATTA) |
| 19. | Encik Perremal a/l Maruthamuthu | Pengerusi Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Selangor |
| 20. | Encik Gary Phong Hon Hin | Pengerusi MNS Cawangan Selangor |
| 21. | Yg. Bhg. Dato' Ismail Hutson | President Zoo Negara |
| 22. | Haji Basir Wagiman | President Homestay Baghuris |
| 23. | Encik IR Mohamed Hassan K.B. Hamzah | President Persatuan Hotel Budget Malaysia (MBHA) |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PELABURAN ASING (MENGENALPASTI JUMLAH PELABURAN ASING DI NEGERI SELANGOR)

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

Memandangkan negeri Selangor sebagai negeri maju, banyak pelabur-pelabur asing dikenal pasti.

- a) Berapakah jumlah pelaburan asing yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing setakat ini dan apakah pecahan pelaburan asing mengikut Negara di negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan-pelaburan asing ini.
- c) Bagaimanakah strategi dan peranan Kerajaan Negeri bagi memberi manfaat terus pelaburan asing kepada rakyat negeri Selangor dari segi peluang ekonomi dan pekerjaan.

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2008 sebanyak **302 projek** perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor oleh MIDA/MITI dengan nilai pelaburan berjumlah RM **11,870,910,013**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 2,866,163,788** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 9,004, 746,225** adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak **30,980** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Pecahan pelaburan asing mengikut negara adalah seperti berikut:-

| Negara | Projek | Peluang Pekerjaan | Jumlah Modal Pelaburan (RM) |
|-----------------------------|------------|-------------------|-----------------------------|
| Germany | 5 | 981 | 3,144,254,183 |
| United States America (USA) | 7 | 8,752 | 2,674,546,900 |
| Japan | 17 | 1,388 | 967,224,338 |
| United Kingdom | 11 | 312 | 647,893,387 |
| Lain-lain Negara | 29 | 4,255 | 223,805,248 |
| Singapore | 24 | 2,202 | 202,127,804 |
| Switzerland | 3 | 423 | 180,874,501 |
| India | 4 | 184 | 148,502,464 |
| Cyprus | 3 | 225 | 104,308,500 |
| Thailand | 3 | 381 | 94,313,606 |
| United Arab Emirates (UAE) | 5 | 145 | 90,877,420 |
| Denmark | 4 | 182 | 90,459,740 |
| Australia | 5 | 85 | 66,848,452 |
| Netherlands | 4 | 167 | 64,987,610 |
| Taiwan | 5 | 401 | 45,114,859 |
| British Virgin Islands | 2 | 58 | 41,680,675 |
| Austria | 1 | 82 | 35,200,000 |
| China | 10 | 574 | 30,360,448 |
| Sweden | 2 | 43 | 28,368,465 |
| Indonesia | 2 | 63 | 22,106,090 |
| Syria | 1 | 12 | 22,050,000 |
| France | 2 | 45 | 19,366,315 |
| Hong Kong | 2 | 282 | 13,333,024 |
| Nigeria | 1 | 320 | 7,322,225 |
| Luxembourg | 1 | 108 | 6,717,315 |
| South Africa | 1 | 76 | 6,699,530 |
| Ukraine | 1 | 31 | 6,000,000 |
| Korea Rep. | 2 | 49 | 4,869,120 |
| Myanmar | 1 | 26 | 4,489,031 |
| Philippines | 1 | 150 | 3,357,500 |
| Ireland | 1 | 25 | 3,055,140 |
| New Zealand | 1 | 12 | 1,799,034 |
| Norway | 2 | 17 | 941,940 |
| Bangladesh | 1 | 80 | 891,360 |
| Mauritius | 1 | 3 | 0 |
| Jumlah | 165 | 22,139 | 9,004,746,224 |

Sumber : MIDA

- b) Bagi tahun 2009, Kerajaan negeri mensasarkan pelaburan melebihi RM 8 bilion. Bagi mencapai sasaran ini beberapa langkah dan strategi sedang dan akan dilaksanakan seperti berikut:-
- Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - "Hand hold" program.
 - Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
 - Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.

- Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenalpasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi
- c) Beberapa program telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad bagi memberi manfaat terus pelabur asing kepada rakyat Negeri Selangor dari segi peluang ekonomi dan pekerjaan. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut;-

1. Peluang Ekonomi

- i) Menyediakan maklumat penyedia-penyedia perkhidmatan untuk rujukan para pelabur bagi mendapatkan khidmat profesional yang beroperasi di negeri Selangor.
- ii) Menganjurkan program-program networking antara para pelabur yang beroperasi di Negeri Selangor bertujuan bagi menyediakan ruang untuk pelabur tempatan serta pelabur asing menjalin hubungan kerjasama perniagaan antara satu sama lain.

2. Peluang Pekerjaan

- i) Mengadakan sesi pertemuan antara institusi-institusi pengajian tinggi di negeri Selangor dengan syarikat multinasional bagi mewujudkan jaringan antara pihak industri dan institusi pengajian tinggi supaya program yang ditawarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi menepati kehendak industri serta pihak industri dapat berhubung terus dengan pihak institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan tenaga kerja yang bersesuaian.
- ii) Dalam syarat-syarat lesen pengilang yang dikeluarkan oleh MIDA, pihak syarikat disyaratkan untuk melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERLANTIKAN PENGURUS BESAR PKNS

208. Kerajaan Selangor melantik Pn Low Siew Moi sebagai Pemangku Pengurus Besar PKNS pada bulan November 2008 dan tempoh lantik adalah sepanjang 1 tahun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mengapa tempoh lantikan Pn Low Siew Moi dipendekkan kepada 3 bulan sahaja?
- b) Adakah Pn. Low Siew Moi tidak berkelayakan dan berkemampuan untuk memegang jawatan pemangku Pengurus Besar PKNS?
- c) Apakah justifikasinya atau syarat-syarat pelantikan seseorang Pengurus Besar PKNS?

JAWAPAN :

- a) Pn Low Siew Moi dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar selama setahun, tetapi dari awal lagi beliau sendiri bersetuju sekiranya ditemui calon lain bagi memegang jawatan tersebut secara tetap beliau bersedia berundur diri. Oleh itu apabila En. Othman Omar dipilih oleh Lembaga Pengarah, maka beliau secara rela hati berundur diri.
- b) Pn Low Siew Moi sememangnya berkelayakan berdasarkan pengalaman lamanya di dalam PKNS di samping kebolehan beliau. Sebab itu, beliau dilantik bagi menerajui PKNS sebagai Pemangku Pengurus Besar PKNS.
- c) Seorang Pengurus Besar PKNS mestilah memahami operasi yang dijalankan oleh PKNS dari aspek komersial dan sosial, di dalam konteks agenda pembangunan yang ditetapkan Kerajaan Negeri. Dari segi sejarah, perbadanan kemajuan ekonomi negeri dibentuk sebagai salah satu agensi melebarkan pelaksanaan DEB dan pembangunan ekonomi negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KERETA RASMI EXCO

209. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan jumlah bilangan dan kos sebenar pembelian kereta Toyota Camry oleh Kerajaan Negeri untuk kegunaan rasmi?
- b) Sila nyatakan apakah kriteria yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri semasa dalam proses pembelian kereta tersebut?
- c) Sila perelaskan kenapa terdapat desas-desus khususnya dari pihak pembangkang yang menuduh pihak Kerajaan Negeri tidak telus dan tidak mematuhi peraturan dalam proses pembelian kereta Toyota Camry.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PINJAMAN PERUMAHAN WARGA PEKERJA

210. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kerajaan prihatin Pakatan Rakyat harus bertindak pro aktif dengan mengadakan perbincangan dengan bank-bank agar tempoh bayaran balik ansuran perumahan mereka yang terbabit dipanjangkan atau dirombak semula agar rumah mereka tidak dilelong. Jika pihak bank mampu '*restructure loan*' untuk pihak korporat, maka pihak bank juga harus mempunyai kewajipan sosial untuk membantu warga pekerja dalam keadaan krisis ekonomi ini. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini?

JAWAPAN :

- a) Komitmen untuk membuat bayaran ansuran bulanan pinjaman perumahan telah dipersetujui oleh pembeli melalui perjanjian yang ditandatangani dengan institusi pembiaya yang mana antara terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut memberi hak kepada institusi pembiaya untuk melelong rumah sekiranya peminjam gagal untuk menjelaskan bayaran ansuran mengikut tempoh dan jumlah yang dinyatakan.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, beberapa siri perbincangan dengan institusi pembiaya telah dan akan diadakan dari semasa ke semasa bagi membantu pembeli rumah kos rendah yang mempunyai tunggakan terutamanya bagi tempoh melebihi enam bulan agar penstrukturan semula pinjaman dibuat. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga mengesyorkan supaya penambahan nama anak-anak atau keluarga yang layak meneruskan bayaran ansuran dibuat dalam perjanjian pinjaman ketika peringkat permulaan transaksi pembelian supaya tindakan untuk melelong rumah dapat dielakkan.

Walau bagaimanapun persetujuan mengstruktur semula bayaran balik pinjaman adalah tertakluk kepada polisi bank berkenaan di mana pinjaman dibuat. Bank-bank juga adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Bank Negara dan tidak boleh membuat keputusan yang bertentangan dengan dasar sedia ada dan Pihak Berkuasa Negeri juga tidak boleh memberi jaminan setiap permohonan yang dikemukakan akan dipertimbangkan oleh semua bank kerana tetap tertakluk kepada persetujuan bank-bank tersebut secara individu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah hasil kajian pilihan raya kerajaan tempatan yang telah dijalankan di negeri Selangor?
- b) Nyatakan halangan yang perlu diatasi untuk melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasinya?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini kajian masih lagi di peringkat pelaksanaan. Setelah hasil kajian didapati, satu jawatankuasa akan dilaksanakan berdasarkan fungsi dan keperluan agar objektif untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dapat dicapai.
- b) Halangan utama yang dihadapi untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan ialah halangan Undang-Undang di bawah Seksyen 15 (c) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) secara jelas dinyatakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak dibenarkan. Oleh kerana itu, kajian sedang dibuat untuk mengenal pasti pendekatan terbaik mengatasi halangan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SEKTOR EKONOMI (DUN TG SEPAT)

212. Kerajaan Negeri Selangor telah banyak membangunkan Pusat-pusat Pertumbuhan Ekonomi di setiap daerah bagi mempertingkatkan industri IKS di setiap daerah. Namun di DUN Tanjong Sepat juga memerlukan pusat-pusat seperti ini bagi mengumpulkan peniaga-peniaga IKS di satu tempat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah pihak Kerajaan Negeri telah merancang untuk membuka Pusat Pertumbuhan Ekonomi terutamanya bagi Industri Kecil & Sederhana (IKS) dan Industri Asas Tani di DUN ini?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri ada perancangan untuk membuka kawasan industri perkilangan di DUN ini bagi membantu masyarakat setempat di dalam pekerjaan?
- c) Bagi meningkatkan ekonomi petani-petani dan nelayan, apakah usaha kerajaan di dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menggalakkan supaya industri kecil dan sederhana (IKS) berkembang bukan sahaja di Tanjong Sepat tetapi juga di kawasan- kawasan lain. Pada ketika ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk membina atau membuka pusat pertumbuhan ekonomi yang dikhususkan bagi industri tersebut di Tanjong Sepat
- b) Kerajaan Negeri amat menggalakkan pembangunan di kawasan Luar Lembah Kelang bagi mengimbangi pembangunan yang tidak hanya tertumpu di kawasan Lembah Kelang sahaja.

Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri belum ada cadangan untuk mewujudkan kawasan industri perkilangan baru di DUN Tanjong Sepat. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan Negeri telah mengezonkan kawasan industri di kawasan ini mengikut Rancangan Tempatan Morib – Tanjong Sepat 2002-2020

Pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan mana-mana cadangan daripada syarikat atau pemilik tanah yang berminat untuk mewujudkan kawasan industri yang difikirkan sesuai terutama yang melibatkan industri kecil dan sederhana serta mendatangkan faedah atau kebaikan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

- c) Selaku kerajaan yang prihatin dan yang berkebajikan nasib para petani dan nelayan sentiasa menjadi agenda untuk dibela. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah merangka projek ekonomi pertanian yang bercirikan teknologi moden seperti sistem tanaman secara furtigasi yang mampu menjana pendapatan dengan kawasan yang terhad. Penggunaan efektif mikro organisma (EM) dan benih yang berkualiti tinggi telah di selaraskan melalui jabatan dan agensi di dalam sektor pertanian dengan harapan hasil yang diperoleh oleh petani adalah berkualiti dan berproduktiviti tinggi. Sementara itu, bagi para nelayan Kerajaan Negeri akan menyediakan bantuan yang lebih besar supaya para nelayan dapat menangkap ikan di atas satu batu nautika dan tidak semata-mata hanya di persisiran pantai sahaja. Kaedah ternakan di dalam sangkar atau kolam tanah juga akan dilaksanakan mengikut kemampuan dan kesesuaian lokasi. Bagi para nelayan dan petani kerajaan juga ada menyediakan Skim Perumahan Kerajaan Prihatin bagi menaik taraf rumah yang uzur dan bantuan anak ke sekolah melalui Lembaga Zakat Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : MASALAH KERJA PENYELENGGARAAN MAJLIS

213. Rakyat memaklumkan tiada penyelenggaraan longkang-longkang, di kawasan Taman Perumahan, kampung-kampung yang berada di kawasan Majlis, lampu jalan yang gelap di kawasan taman-taman perumahan Kg Air Panas dan Kg Pasir Kerling. Keadaan ini menyebabkan longkang-longkang yang tersumbat menjadi pembiakan nyamuk aedes, lampu jalan yang gelap di waktu malam membahayakan keselamatan penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengatasi masalah tersebut?
- b) Berapakah kos atau bajet yang di sediakan oleh Kerajaan Negeri dan berapa banyak kontraktor yang telah di lantik bagi menjalankan penyelenggaraan?
- c) Bolehkah senarai pemborong penyelenggaraan diumumkan kepada rakyat supaya dapat dipantau oleh penduduk?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK OLEH TNB

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri bagi mewujudkan satu kerjasama yang lebih berkesan di antara TNB dan PBT dalam isu pemotongan bekalan elektrik terutama di jalan-jalan utama berhampiran kawasan kediaman penduduk.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sering mengadakan perbincangan bersama antara TNB dan PBT bagi menjalinkan kerjasama yang lebih berkesan dalam isu pemotongan bekalan elektrik terutama di jalan-jalan utama berhampiran kawasan kediaman penduduk.

Bagi kawasan-kawasan yang masih di bawah tanggungjawab penyelenggaraan pemaju, Kerajaan Negeri berusaha untuk menukar nama kepada PBT supaya pemantauan boleh dijalankan dengan lebih baik.

Setakat ini, Kerajaan Negeri mendapat kerjasama yang sangat baik daripada TNB dalam memastikan bekalan elektrik terutama di jalan-jalan utama terus disalurkan oleh TNB walaupun terdapat tunggakan bayaran oleh pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH-TANAH DAN NASIB PARA PEKERJA DI
LADANG ATAU ESTATE**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah penduduk yang kehilangan tempat tinggal akibat pengambilan tanah-tanah ladang atau estet oleh pemaju-pemaju swasta?
- b) Adakah tuan-tuan tanah dan ladang yang menyebabkan para pekerja ladang kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan mereka akibat kemajuan memberi bayaran ganti rugi bagi pembelian rumah untuk para pekerja ladang tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi tindakan beberapa tuan punya ladang yang menyebabkan pekerja-pekerja mereka menjadi setinggian dan sebagainya selepas mereka menjual ladang kepada pihak pemaju perumahan ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dengan masalah pekerja-pekerja ladang yang telah diberhentikan kerja akibat pembangunan sesuatu ladang. Bagi memastikan kebajikan pekerja ladang terjamin, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan agar setiap kelulusan untuk pembangunan/ tukar syarat/ hak milik tanah mestilah melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang akan menetapkan syarat supaya pihak majikan/ pemaju menyediakan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang yang terlibat. Pihak pemaju juga tidak boleh sewenang-wenangnya menghalau bekas pekerja-pekerja ladang dari rumah ladang yang sedang diduduki kerana ini telah termaktub di dalam perjanjian di antara pihak *Malaysian Agricultural Producers Association* (MAPA) dengan Persatuan Pekerja Ladang (*National Union of Plantation Workers* ,NUPW). Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan bersama pemaju supaya, sama ada membenarkan pekerja ladang terus tinggal di rumah ladang atau membiayai bayaran sewa rumah sehingga rumah kos rendah untuk pekerja ladang siap di bina. Setakat ini tiada pekerja ladang yang telah dihalau keluar dari ladang untuk tujuan pembangunan tanah ladang.

- b) Kerajaan Negeri akan memastikan pekerja-pekerja ladang yang diberhentikan kerja akibat pembangunan ladang mendapat hak-hak yang sepatutnya diberikan kepada mereka iaitu :-
- i) Pihak majikan mesti mengeluarkan notis pemberhentian kerja dalam tempoh yang ditetapkan atau membayar ganti rugi notis kepada pekerja-pekerja ladang yang diberhentikan.
 - ii) Pihak majikan juga mesti membayar **Faedah Penamatan Kerja, bayaran baki gaji, baki cuti tahunan** atau apa jua bayaran wajib mengikut undang-undang kepada pekerja-pekerja ladang.

Selain daripada itu, pihak pengurusan ladang digalakkan berhubung dengan pengurusan ladang-ladang berhampiran yang masih beroperasi supaya mengambil pekerja-pekerja yang terlibat untuk bekerja di ladang-ladang tersebut. Pekerja-pekerja ladang juga boleh berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran untuk mendapatkan pekerjaan baru. Kerajaan Negeri juga telah meminta dan menggalakkan pihak majikan agar memberi keutamaan kepada pekerja tempatan sebelum mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pekerja asing.

- c) Hala tuju Kerajaan Negeri dalam melestarikan kehidupan rakyat telah merancang beberapa strategi dalam pembangunan Negeri Selangor. Dengan itu, dalam Bajet 2009, antara inisiatif dalam mengelakkan terjadinya setinggian di kalangan pekerja ladang, Kerajaan Negeri telah memantapkan Pengurusan Perbandaran di mana setiap kelulusan untuk pembangunan/ tukar syarat/ hak milik bagi tanah ladang tanah adalah bersyarat iaitu pihak majikan/ pemaju perlu menyediakan dan menawarkan rumah mampu milik kepada pekerja-pekerja ladang tersebut pada harga RM35,000.00. Selain daripada perumahan, pihak ladang juga disyaratkan untuk menyediakan kemudahan yang sedia ada di ladang seperti Sekolah Tamil dan kuil. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, permohonan pihak majikan atau pemaju tersebut tidak dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TANAH RUNTUH DI BUKIT ANTARABANGSA

216. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah perkembangan terbaru terhadap siasatan yang dijalankan terhadap kes tanah runtuh Bukit Antarabangsa?
- b) Adakah kerajaan Selangor akan mengekalkan larangan membangun kawasan bukit memandangkan terdapat cadangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memansuhkan larangan ini?

JAWAPAN :

- a) Kajian berhubung kejadian tanah runtuh adalah dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Runtuhan diketuai oleh Cawangan Cerun JKR Malaysia. Kajian dilakukan dalam tempoh 3 bulan dan laporan dijangka siap pada Mac 2009.
- b) Kerajaan Selangor masih mengekalkan arahan bahawa tanah kelas 3 dan 4 (> 25°) tidak boleh dibangunkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

**TAJUK : PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT KERAJAAN NEGERI DI KAWASAN
PEMBANGKANG**

217. Kita sedia maklum, Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang menjadi pejabat wakil rakyat diwujudkan bagi membolehkan wakil rakyat melaksanakan amanah dan tanggungjawabnya selepas dipilih oleh rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Pusat Khidmat Masyarakat yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri (menggunakan lambang Kerajaan Negeri) di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang?
- b) Berapakah jumlah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun lalu untuk membiayai pengurusan Pusat Khidmat Masyarakat Berkenaan termasuk petugas-petugasnya?
- c) Berapakah pula jumlah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pengurusan pusat berkenaan pada tahun ini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah Pusat Khidmat Masyarakat yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri (menggunakan Lambang Kerajaan Negeri) yang dimenangi oleh Pembangkang adalah sebanyak dua puluh (20) pusat kawasan. Senarainya adalah seperti berikut:-

| Bil | Kawasan |
|------------|------------------|
| 1. | Paya Jaras |
| 2. | Jeram |
| 3. | Morib |
| 4. | Seri Serdang |
| 5. | Dengkil |
| 6. | Kuang |
| 7. | Sementa |
| 8. | Semenyih |
| 9. | Tg. Sepat |
| 10. | Sabak |
| 11. | Sg. Air Tawar |
| 12. | Taman Templer |
| 13. | Dusun Tua |
| 14. | Sg. Panjang |
| 15. | Sg. Pelek |
| 16. | Sg. Burung |
| 17. | Hulu Bernam |
| 18. | Permatang |
| 19. | Batang Kali |
| 20 | Kuala Kubu Bharu |

- b) Kos perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 untuk membiayai pengurusan Pusat Khidmat Masyarakat dan petugas-petugasnya adalah sebanyak RM8,067,511.19. Bersama-sama ini disertakan kiraan kos perbelanjaan yang dilaksanakan.

| | Mei – Jun 2008 | Julai – Dis 2008 | Jumlah (RM) |
|-----------------------------------------|------------------------------------------------------|-----------------------------------------|---------------------|
| Pengurusan Pejabat | $700 \times 2 \times 20 = 28,000.00$ | $1,000 \times 6 \times 20 = 120,000.00$ | 148,000.00 |
| Bil Telefon | $200 \times 2 \times 20 = 8,999.00$ | $500 \times 6 \times 20 = 60,000.00$ | 68,000.00 |
| Perbelanjaan Kakitangan | $RM1,464.63 \times 12 \times 20$ | | 351,511.20 |
| Perbelanjaan Pembangunan & Mesra Rakyat | $500,000.00 \div 12 \times 9 = 374,999.99 \times 20$ | | 7,499,999.99 |
| Jumlah | | | 8,067,511.19 |

- c) Jumlah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pengurusan Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan yang dimenangi oleh pembangkang bagi tahun 2009 ialah RM10,711.511.20 seperti kiraan berikut:-

| | Jan – Dis 2009 | Jumlah |
|-------------------------------------------|--------------------------------|----------------------|
| Pengurusan Pejabat | $1000 \times 12 \times 20$ | 240,000.00 |
| Bil Telefon | $500 \times 12 \times 20$ | 120,000.00 |
| Perbelanjaan Kakitangan | $1,464.63 \times 12 \times 20$ | 351,511.20 |
| Perbelanjaan Pembangunan dan Mesra Rakyat | $500,000.00 \times 20$ | 10,000,000.00 |
| Jumlah 2009 | | 10,711.511.20 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN BABI

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri memaklumkan akan membuat pelaburan RM100 juta dalam industri ternakan babi secara kaedah moden.

- a) Apakah rasional Kerajaan Negeri membuat pelaburan begitu banyak dalam industri ternakan babi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat pelaburan tambahan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mengambil kira sensitiviti kaum agama Islam sebelum membuat pilihan kawasan yang dikenal pasti menjalankan industri ternakan babi secara moden.

JAWAPAN :

- a) Telah dijelaskan sebelum ini bahawa Kerajaan Negeri tidak akan menanggung sebarang kos bagi membangunkan Modern Pig Farming tersebut. Secara rasionalnya kawasan Tumbuk tersebut telah tercemar sejak 20 tahun yang lalu tanpa sebarang tindakan. Ini kerana aktiviti ternakan babi di Negeri Selangor telah dilaksanakan secara bertaburan. Keadaan ini menyukarkan proses pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri berusaha untuk membangunkan 'Modern Pig Farming' seluas 335 ekar yang terletak di Ladang Tumbuk secara berpusat. Pelaksanaan MPF akan ditanggung oleh pihak swasta dengan teknologi canggih dan moden.
- b) Pelaburan akan dibuat oleh syarikat yang dilantik dan Kerajaan hanya membantu secara pentadbiran bagi pelaksanaan projek berkenaan sahaja.
- c) Kerajaan Negeri sejak tahun 2003 telah menjalankan siasatan di beberapa lokasi seperti di Pulau Ketam, Rawang, Batang berjantai dan pada tahun 2007 Kerajaan telah meluluskan Ladang Tumbuk dijadikan 'Modern Pig farming' setelah semua aspek dan sensitiviti kaum diambil kira.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA MANGSA AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA)

219. Dalam sidang Dewan yang lalu, telah diusulkan dan diterima bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah akta yang zalim dan mesti dimansuhkan. Terakhir, seorang anak tahanan telah meninggal dan tidak berkesempatan menemui bapanya sehingga menghembuskan nafas yang terakhir.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah bantuan yang telah diberikan kepada keluarga malang tersebut dan yang senasib dengannya serta bantuan jangka panjang yang akan diberikan?
- b) Berapakah bilangan keluarga dan ahli-ahli keluarga mangsa ISA yang tinggal di Selangor? Apakah lingkungan umur anak-anak mereka, pendapatan keluarga- keluarga ini?

JAWAPAN :

- a) Seorang anak bekas tahanan ISA, Cik Aina Mardhiah Shahrial, 17 tahun telah meninggal dunia pada Julai 2008 yang lalu tanpa berpeluang untuk bertemu dengan bapanya yang pada ketika itu ditahan di Kem Kamunting, Perak. Bapanya, En. Shahrial Sirin pula telah dibebaskan dari tahanan pada Ogos 2008 yang lalu dan telah dihantar pulang ke Indonesia.

Pada Mei 2008, sidang DUN Negeri Selangor telah mengeluarkan usul memansuhkan akta ISA dan Kerajaan Selangor juga telah memberi bantuan sebanyak RM500 kepada 16 buah keluarga tahanan ISA di Selangor, sebelum menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu tanpa mengira kaum dan bangsa.

Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan bantuan pengangkutan bas dari setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada keluarga tahanan ISA dari Shah Alam ke Taiping, untuk memberi peluang keluarga mereka melawat di Kem Kamunting. Bantuan itu telah dilaksanakan dua kali sebulan bermula dari bulan Jun hingga Disember 2008 yang melibatkan kos sebanyak RM 12,870.00, termasuk kos insurans bagi setiap ahli keluarga yang turut serta.

Berikut adalah jadual lawatan ahli keluarga mangsa tahanan ISA ke Kem Kemunting, Perak ;-

| BIL | TARIKH | PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG TERLIBAT |
|------------|-----------------------------|----------------------------------------------|
| 1. | 20 Julai 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Klang |
| 2. | 10 Ogos 2008 (Sabtu) | Majlis Perbandaran Klang |
| 3. | 17 Ogos 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Klang |
| 4. | 31 Ogos 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Subang Jaya |
| 5. | 6 September 2008 (Sabtu) | Majlis Perbandaran Subang Jaya |
| 6. | 21 September 2008 (Ahad) | Majlis Bandar raya Shah Alam |
| 7. | 4 Oktober 2008 (Sabtu) | Majlis Perbandaran Sepang |
| 8. | 19 Oktober 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Sepang |
| 9. | 1 November 2008 (Sabtu) | Majlis Perbandaran Kajang |
| 10. | 16 November 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Kajang |
| 11. | 30 November 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Klang |
| 12. | 6 Disember 2008 (Sabtu) | Majlis Perbandaran Ampang Jaya |
| 13. | 21 Disember 2008 (Ahad) | Majlis Perbandaran Ampang Jaya |

- b) Jumlah bilangan keluarga tahanan ISA berkurangan dari tahun ke tahun berikutan terdapat tahanan yang sudah dibebaskan. Walau bagaimanapun, Negeri Selangor adalah negeri yang mempunyai tahanan ISA paling ramai di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2009 ini, ada 12 keluarga tahanan ISA yang tinggal di Selangor.

Berikut adalah senarai nama tahanan / isteri, lingkungan umur anak-anak dan pendapatan keluarga mereka.

| BIL | NAMA TAHANAN / ISTERI | BILANGAN ANAK | PEKERJAAN ISTERI |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1. | Zulkifli Marzuki/ Rohaya Abdullah (Isteri) | 6 orang :- <ul style="list-style-type: none"> • 4 orang sekolah menengah, dan • 2 orang sekolah rendah | Suri rumah |
| 2. | Shamsudin Sulaiman | 3 orang :- <ul style="list-style-type: none"> • 2 orang sekolah menengah, dan • 1 orang sekolah rendah | Pembantu makmal |
| 3. | Sundaraj Vijay / M. Leela a/p Mogonidass (Isteri) | 1 orang anak bawah 6 tahun | Bekerja sendiri |
| 4. | Mat Sah b. Mohd. Satray / Norlaila Othman (Isteri) | 1 orang anak sekolah menengah | Bekerja sendiri |
| 5. | Idris b. Lanama / Dayang bt Hamid (Isteri) | 5 orang anak :- <ul style="list-style-type: none"> • 4 orang sekolah rendah, dan • 1 orang bawah 6 tahun | Pembantu tadika |
| 6. | Wan Amin b. Wan Hamat / Atikah Witowiyono (Isteri) | Tiada | Pembantu tadika |
| 7. | Ahmad Kamil Hanafiah / Masriyah Tayib (Isteri) | 1 orang anak bawah 6 tahun | Guru sekolah menengah |
| 8. | Y.B. M. Manoharan / Puspaneela (Isteri) | 4 orang anak ;- <ul style="list-style-type: none"> • 3 orang sekolah rendah, dan • 1 orang tadika | Menguruskan Firma Guaman suami |
| 9. | V. Ganabati Rao a/l Venaram Pn. Buvaneswary Balasubramaniam (Isteri) | 2 orang anak bawah 6 tahun | Guru sekolah menengah |
| 10. | T. Vasanthakumar a/l Krishnan T. Vickneswary (Isteri) | 2 orang anak bawah 6 tahun | Eksekutif Syarikat |
| 11. | R. Khenghadaran a/l Ramasamy Dr. Kala (Isteri) | 1 orang anak bawah 6 tahun | Doktor |
| 12. | P. Uthayakumar / Pn. Indera (Isteri) | Tiada | Pegawai Bank |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN DAN AGAMA

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar kebudayaan Negeri Selangor dalam mempertingkatkan penghayatan rakyat terhadap kepelbagaian kebudayaan masyarakat kita?
- b) Apakah dasar Kerajaan dalam memperuntukkan tanah dan bajet untuk pembinaan tempat-tempat beribadah dan juga tanah perkuburan?
- c) Apakah insentif yang diperuntukkan untuk institusi atau badan kebudayaan di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Dasar Kebudayaan Negeri Selangor sedia ada adalah sebagaimana yang telah dinyatakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang bertujuan untuk :-
 - i) Menasihati, memimpin, menyelaras dan mengawasi perkara-perkara kebudayaan dalam negeri mengikut perkembangan kebudayaan kebangsaan di samping bekerjasama, menolong dan membantu Kerajaan Negeri menerusi kementerian atau agensi-agensi yang berkaitan bagi mencapai matlamatnya.
 - ii) Menggalak, mengembang dan memajukan kebudayaan melalui penyelidikan, latihan, pesta, pertandingan, seminar dan menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi kepentingan dan kemajuan kebudayaan di seluruh Negeri Selangor dengan berpandukan kebudayaan kebangsaan.
 - iii) Merancang dan menyelaras projek-projek dan aktiviti-aktiviti kebudayaan dalam negeri
 - iv) Memberi nasihat, pendapat dan menerima syor-syor dan cadangan-cadangan dari Majlis Kebudayaan Daerah dan Persatuan Kebudayaan Negeri
 - v) Mengkaji perkara-perkara berhubung dengan kesenian dan kebudayaan yang mendatangkan kebajikan dan faedah kepada ahli dan masyarakat.
 - vi) Mendapatkan penyertaan dan penglibatan semua kaum yang ada di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, Dasar Kebudayaan Negeri Selangor sedang dirangka, dihuraikan dan dijangka akan disiapkan pada tahun ini.

b) Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa bagi rumah ibadat sedia ada, permohonan tanah boleh dipertimbangkan sekiranya tanah yang pohon itu sesuai dan tidak terlibat dengan apa-apa projek pembangunan pada masa akan datang atau tanah tersebut tidak termasuk di dalam rizab jalan. Bagi pembinaan rumah ibadat yang baru, pemohon boleh memohon tanah-tanah kerajaan yang sesuai dan akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Bajet untuk rumah-rumah ibadat, Kerajaan Negeri telah menetapkan bagi bangunan keagamaan selain Islam, pemberian peruntukan untuk tujuan seperti berikut :-

- i) Baik pulih bangunan keagamaan sedia ada;
- ii) Sumbangan bagi pemindahan bangunan keagamaan; dan
- iii) Pendidikan keagamaan.

Bagi pembinaan tanah perkuburan, Kerajaan Negeri mengguna pakai Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD) seperti berikut :-

- i) Setiap pembangunan berkeluasan 100 hektar (250.0 ek) atau lebih diwajibkan menyediakan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam seluas 2.02 hektar (5.0ekar)dalam kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.
- ii) Bagi pembangunan kurang 100 hektar pemaju atau pemilik tanah tidak diwajibkan daripada menyediakan tapak perkuburan di dalam kawasan yang dibangunkan. Walau bagaimanapun mereka diwajibkan menyumbang kepada Tabung Amanah Perkuburan.
- iii) Piawaian tanah perkuburan :-

| Penempatan | Bilangan Penduduk | Tanah Perkuburan | |
|-------------------------|-------------------|---------------------------------------|--------------------------------------|
| | | Islam | Bukan Islam |
| Bandar besar | 200,000+ | 25 hek (61.8 ek) | 15 hek (37.1 ek) |
| Bandar kecil atau pekan | 75,000 – 200,000 | 10-25 hek (24.7 – 61.8 ek) | 5-15 hek (12.4 – 37.1 ek) |
| Kawasan kejiranan | 10,000 – 75,000 | 2-10 hek (5 – 24.7 ek) | 0.4 – 1.2 hek (1 – 3 ek) |

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 kepada Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (NGO) melalui geran tahunan. Manakala peranan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor adalah memberikan sumbangan kepada ahli gabungan / ahli-ahli di bawah Majlis Kebudayaan Negeri Selangor mengikut peruntukkan projek yang dikemukakan.
- b) Jawapan daripada PTG

Peruntukan tanah dan bajet untuk pembinaan tempat-tempat beribadah

Tanah untuk pembinaan tempat-tempat beribadah sama ada dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) atau diberi milik di bawah Seksyen 76, KTN kepada pemohon yang layak mengikut peruntukan di bawah Seksyen 43, KTN.

Kadar bayaran premium pemberimilikan tanah untuk kegunaan bangunan ditetapkan dalam Kaedah 7, Kaedah Tanah Selangor 2003 seperti berikut:-

- i) Tanah bandar dan pekan - RM1,000 per hektar
ii) Tanah desa - RMM300.00 per hektar

Peruntukan tanah dan bajet untuk tanah perkuburan

Pemaju atau pemilik tanah yang membangunkan kawasan kediaman atau pembangunan bercampur (bangunan komersil / kediaman) berkeluasan 100 hektar (250 ekar) atau lebih diwajibkan untuk menyediakan tapak perkuburan (Islam dan Bukan Islam) dalam kawasan yang dibangunkan.

Kiraan keluasan tapak perkuburan yang perlu disediakan adalah seperti berikut:-

Andaian: 5,000 penduduk bagi 1 hektar

1 orang penduduk = 0.0005 ekar atau 0.0002 hektar keperluan kawasan perkuburan; atau

1 ekar pembangunan = 0.05 ekar atau 0.0202 hektar keperluan kawasan perkuburan

Bagi pembangunan yang kurang daripada 100 hektar (250 ekar), pemaju atau pemilik tanah dikecualikan daripada menyediakan tapak kubur dalam kawasan pembangunan tetapi perlu menyumbang kepada Tabung Amanah Perkuburan sebanyak RM62.50 bagi setiap petak / unit kediaman yang dibina. Tabung Amanah Perkuburan ini diwujudkan bertujuan untuk menampung kos penyediaan atau / dan membiayai kos pengambilan tanah untuk tapak perkuburan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PROGRAM-PROGRAM MERANGSANGKAN EKONOMI DI NEGERI SELANGOR

221. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah program-program merangsang ekonomi yang dirancang dan sedang dijalankan?
- b) Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan untuk tujuan perangsangan ekonomi mengikut bidang dan sektor yang dikenal pasti?

JAWAPAN :

- a) Dalam merangsang ekonomi negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah menggariskan 5 program utama dalam menumpukan pembangunan ekonomi negeri Selangor secara menyeluruh tahun 2009. 5 program utama yang telah disediakan adalah seperti berikut:
 - i) Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Melalui prinsip MES dan negeri berkeadilan Kerajaan Negeri telah merangka enam (6) inisiatif untuk dilaksanakan iaitu menumpukan kebajikan anak Selangor, meringankan kos sara hidup, mengiktiraf kecemerlangan, bantuan kematian, penerapan budaya usahawan dan menyediakan pusat krisis sehati.
 - ii) Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri

Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan hasil pendapatan negeri melalui pelbagai inisiatif antaranya peningkatan royalti bahan batuan, pembangunan sungai sebagai punca pendapatan, meningkatkan kecekapan kutipan cukai dan mempromosikan produk pelancongan Selangor.
 - iii) Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan menjadi agenda utama kerajaan negeri dalam menyediakan insan yang kamil dan berkualiti melalui inisiatif keseimbangan pembangunan insan, peningkatan kualiti perkhidmatan awam, peningkatan kualiti dan akses kepada pendidikan, memperkasa sektor pendidikan tinggi dan memperkasa peranan belia, wanita serta keluarga dalam masyarakat.
 - iv) Mengurus Perbelanjaan Yang Cepak

Sebagai usaha untuk mengurangi perbelanjaan, Kerajaan Negeri melaksanakan budaya perbelanjaan berhemat dengan memastikan semua perbelanjaan dibuat secara lebih berhati-hati berdasarkan inisiatif *value for money* dan tiada pembaziran.

v) Memantapkan pembangunan negeri Selangor

Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memantapkan pembangunan negeri Selangor secara menyeluruh dan seimbang meliputi inisiatif dari pembangunan peningkatan kualiti hidup rakyat, pengurusan perbandaran, pembangunan sosio ekonomi, infrastruktur, pembangunan agama Islam sehinggalah pengurusan alam sekitar.

b) Kerajaan negeri melalui pembentangan bajet 2009 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Sehubungan itu kerajaan negeri telah menyediakan satu bajet yang seimbang bagi merangsang ekonomi dengan menyediakan sejumlah RM710.6 juta peruntukan pembangunan bagi tahun 2009. Kerajaan negeri akan menyalurkan peruntukan pembangunan dalam pelbagai bidang dan sektor pembangunan seperti berikut:

- i) Pembangunan dan peningkatan kualiti hidup;
- ii) Pengurusan perbandaran;
- iii) Perindustrian, pelaburan dan perdagangan;
- iv) Pembangunan sosioekonomi;
- v) Pembangunan pertanian;
- vi) Infrastruktur dan kemudahan awam;
- vii) Pembangunan Islam;
- viii) Pembangunan pelancongan;
- ix) Kebudayaan;
- x) Pembangunan ICT, Sains Teknologi dan Inovasi; dan
- xi) Pengurusan Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERUNTUKAN DUN SG. PELEK

222. Difahamkan DUN Sg. Pelek diperuntukkan sebanyak RM375,000.00 pada tahun 2008 oleh kerajaan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah wang peruntukkan telah diluluskan kepada DUN Sg. Pelek pada tahun 2008?
- b) Wang peruntukan digunakan untuk tujuan dan program apa dan berikan jawapan secara *detail*?
- c) Tahun 2009 berapa jumlah wang akan diluluskan untuk DUN Sg. Pelek?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA UPEN SEKSYEN AGIHAN

- a) Pada tahun 2008, peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) disalurkan sebanyak 2 kali iaitu bagi ADUN Penggal Kesebelas dan Kedua Belas. Perincian peruntukan yang disalurkan adalah seperti berikut:

| BIL | PENGGAL | ADUN | PERUNTUKAN |
|-----|-------------|-------------------------------------------|--------------|
| 1. | Kesebelas | YB Dato' Liew Chee Kong @ Liew Chee Chong | RM500,000.00 |
| 2. | Kedua belas | YB Tuan Liu Tian Khiew | RM375,000.00 |
| | | Jumlah | RM875,000.00 |

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi peruntukan ADUN bagi Penggal Kedua Belas Tahun 2008 kepada setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Jumlah peruntukan diberikan bagi EXCO ialah RM450,000.00 dan bagi ADUN ialah RM375,000.00. Peruntukan adalah bagi tempoh 8 bulan (April sehingga Disember 2008).

Peruntukan yang diterima oleh kawasan DUN Sungai Pelek bagi tahun 2008 untuk Penggal Kedua Belas adalah sebanyak RM375,000. DUN Sg Pelek merupakan DUN angkat Y.B. Tuan Liu Tian Khiew.

- b) Peruntukan yang diberi kepada DUN Sungai Pelek digunakan mengikut garis panduan penggunaan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seperti mana yang dinyatakan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2008. Penggunaan peruntukan DUN Sungai Pelek adalah seperti berikut :-

- i) DUN Sungai Pelek Penggal Kesebelas

Peruntukan diterima : RM500,000.00

| Bil | Perkara | Bil | Jumlah (RM) |
|-----|------------------------|-----|-------------|
| 1. | Perbelanjaan sumbangan | 53 | 327,800.00 |
| 2. | Perbelanjaan lain-lain | 36 | 172,200.00 |
| | Jumlah | | 500,000.00 |
| | Baki | | - |

- ii) DUN Sungai Pelek Penggal Kedua Belas

Peruntukan diterima : RM375,000.00

| Bil | Perkara | Bil | Jumlah (RM) |
|-----|------------------------------------------------------------|-----|-------------|
| 1. | Perbelanjaan menyewa mesin fotostat | 1 | 7,200.00 |
| 2. | Projek kecil pembangunan | 15 | 116,150.00 |
| 3. | Perbelanjaan sumbangan | 31 | 79,200.00 |
| 4. | Program dan aktiviti mesra rakyat (Perbelanjaan lain-lain) | 63 | 162,450.00 |
| | Jumlah | | 365,000.00 |
| | Baki | | 10,000.00 |

Senarai terperinci perbelanjaan adalah seperti di lampiran.

- c) Keputusan MMKN Ke 24/2006 yang diadakan pada 04 Oktober 2006 masih diguna pakai di mana peruntukan tahunan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah sebanyak RM500,000.00 dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pula sebanyak RM600,000.00. Sehubungan dengan itu, jumlah yang diluluskan bagi DUN Sg Pelek bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM500,000.00 sahaja.

LAMPIRAN

**LAPORAN TERPERINCI
PERUNTUKAN ADUN SG PELEK
PENGGAL KESEBELAS TAHUN
2008**

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 500,000.00
BAGI PERBELANJAAN SUMBANGAN

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | 28.01.2008 | Membiayai Program Bagi Ketua Masyarakat Kaum India Sg.Pepek Untuk Menjalankan Aktiviti-Aktiviti. | 3,600.00 | Velayutham a/l K.Madhavan Pengerusi Ketua Masyarakat Kaum India |
| 2. | 28.01.2008 | Membiayai Program Untuk Menjalankan Aktiviti Tahunan Kepada Ketua Masyarakat Kaum Cina Sg.Pepek. | 10,000.00 | Chan Hoi Ching @ Chan Ah Nong Pengerusi Ketua Masyarakat Kaum Cina Sg.Pepek |
| 3. | 28.01.2008 | Sumbangan Majlis Muhibah Sempena Tahun Baru Cina DUN Sg.Pepek. | 10,000.00 | Lee Sun Lai JK Majlis Muhibah Sempena Tahun Baru Cina |
| 4. | 28.01.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Untuk Menjalankan Aktiviti Tahun Kepada Persatuan Ibu Bapa Guru Sekolah Kebangsaan Salak. | 2,500.00 | Mohd Fazidin bin Jabar YDP PIBG SK Salak |
| 5. | 28.01.2008 | Membiayai Program Bagi JKKK Sg.Pepek Untuk Menjalankan Aktiviti Sempena Hari Merdeka Ke 50. | 3,000.00 | Tang Ah Tee Pengerusi JKKK Sg.Pepek |
| 6. | 28.01.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Untuk Membeli Peralatan Pembersihan Kawasan Tanah Wakaf. | 3,000.00 | Hj.Hamzah bin Karso Pengerusi J/Kuasa Pengurusan Tanah Wakaf |
| 7. | 28.01.2008 | Membiayai Program Taklimat I.T DUN Sg.Pepek. | 10,000.00 | Rina Mohd Harun Ketua Puteri Puteri UMNO Bhgn.Sepang |
| 8. | 28.01.2008 | Membiayai Program Jejari Bistari. | 10,000.00 | Azizah bt Hj.Harun Pengerusi |
| 9. | 28.01.2008 | Membiayai Program Bagi Majlis Mesra Bersama Persatuan Wanita. | 10,000.00 | Azizah bt Hj Harun Pengerusi |
| 10. | 28.01.2008 | Sumbangan Kepada Majlis Penyampaian Hamper Kepada Warga Miskin Sempena Tahun Baru Cina. | 10,000.00 | Kuan Huan Seng Pengerusi JK Penganjur Majlis Penyampaian |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11. | 28.01.2008 | Membekal dan Membiayai Program Bagi JKKK Sg.Pelek Menganjurkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2008. | 10,000.00 | Tang Ah Tee Pengerusi JKKK Sg.Pelek |
| 12. | 28.01.2008 | Membekal dan Membiayai Program Bagi Persatuan Penduduk DUN Sg.Pelek Mengadakan Majlis Mesra Rakyat. | 10,000.00 | Ong Hock Pengerusi Persatuan Penduduk DUN Sg.Pelek |
| 13. | 28.01.2008 | Sumbangan Untuk Majlis Perayaan Tamilar Thirunal Sepang (Pesta Tamil). | 5,000.00 | Sukumaran a/l Muniandy Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Perayaan Tamilar Thirunal Sepang |
| 14. | 28.01.2008 | Membiayai Program Bagi Menganjurkan Malam Amal Sempena Tahun Baru Cina. | 10,000.00 | Lee Sun Lai Pengerusi JK Penganjur Majlis |
| 15. | 28.01.2008 | Membiayai Program Bagi Persatuan Penganut Agama Buddha Sg.Pelek Untuk Perayaan Hari Buddha. | 5,000.00 | Lim Beng Huat Pengerusi Persatuan Penganut Agama Buddha Sg.Pelek |
| 16. | 28.01.2008 | Sumbangan Pertandingan Kaligrafi Kepada Para Penganut Agama Buddha dan Penduduk Sempena Menyambut Perayaan Tahun Baru Cina. | 2,000.00 | Lim Beng Huat Pengerusi Persatuan Penganut Agama Buddha Sg.Pelek |
| 17. | 28.01.2008 | Membekal dan Membiayai Program Untuk Penduduk-Penduduk DUN Sg.Pelek Menjalankan Aktiviti Menyambut Tahun Baru Cina. | 10,000.00 | Muniandy a/l Palaniandy Pegawai Kerani DUN Sg.Pelek |
| 18. | 30.01.2008 | Membiayai Program Bagi DUN Sg.Pelek Untuk Menjalankan Aktiviti-Aktiviti Tahunan. | 10,000.00 | Muniandy a/l Palaniandy Pegawai Kerani DUN Sg.Pelek |
| 19. | 30.01.2008 | Sumbangan Perbelanjaan Pengurusan Sukan Gabungan Sekolah-Sekolah Cina Daerah Sepang. | 4,000.00 | Yam Ooi Thye Pengerusi J/K Pengelola Temasya Sukan Gabungan Ke-28 SJK(C) Sepang |
| 20. | 30.01.2008 | Membiayai Program Perayaan Pesta Ponggal Kawasan Sepang 2008. | 5,000.00 | V.Sukumaran Setiausaha Perayaan Pesta Ponggal Kawasan Sepang |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 21. | 30.01.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Untuk Perayaan "Ponggal" Tahun 2008 Bagi Persatuan Pekerja Ladang Sepang. | 3,000.00 | P.Muthaiah Setiausaha Persatuan Pekerja Ladang Sepang |
| 22. | 30.01.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Untuk Perayaan "PONGGAL" Tahun 2008. | 2,500.00 | Sellaperumal a/ Veeramalai Pengerusi Persatuan Pekerja-Pekerja Ladang Bhg.Kilang Ladang Sepang |
| 23. | 30.01.2008 | Sumbangan Untuk Menjayakan Majlis Pelajar-Pelajar Cemerlang UPSR & PMR Sekolah-Sekolah Tamil & Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Parlimen Sepang. | 2,000.00 | Ibrahim Shah Hj.Sahul Hamid Ketua Biro Pendidikan Bhgn.Sepang |
| 24. | 30.01.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Bagi Persatuan IbuBapa & Guru SJK(C) Tche Min Sg.Pelek Untuk Menjalankan Aktiviti Tahunan. | 4,000.00 | Sim Chee Keong Pengerusi PIBG SJK(C) Tche Min |
| 25. | 01.02.2008 | Membiayai Program Bagi Menganjurkan Kem Kepimpinan & Motivasi Pengawas-Pengawas Sekolah-Sekolah Cina Daerah Sepang. | 4,000.00 | Chiew Chu Kiang Pengerusi Kem Kepimpinan & Motivasi Pengawas Sek-Sek Cina Daerah Sepang |
| 26. | 01.02.2008 | Membiayai Program Ceramah Pilihanraya Anjuran DUN Sg.Pelek. | 10,000.00 | Muniandy a/l Palaniandy Pegawai Kerani DUN Sg.Pelek |
| 27. | 01.02.2008 | Membekal dan Membiayai Program Bagi YMM Dengkil Menganjurkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2008. | 10,000.00 | Lee Kain Seen Pengerusi Y.M.M Dengkil |
| 28. | 04.02.2008 | Sumbangan Melaksanakan Program Kebajikan Pengundi Kg.Tg.Mas, Bt.2, Sepang. | 5,000.00 | Sortiah Tamsir Pengerusi Biro Kebajikan Kg.Tg.Mas, Bt.2 |
| 29. | 04.02.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Bagi Program Majlis Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke 28. | 2,500.00 | Manimaran a/ Ramasamy Guru Besar SJK(T) Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| 30. | 04.02.2008 | Membiayai Program Mesra Rakyat Bersama Penduduk Bandar Baru Salak Tinggi. | 10,000.00 | Kuan Huan Seng Pengerusi JK Penganjur Majlis |
| 31. | 04.02.2008 | Membiayai Program Mesra Bersama Pemimpin-Pemimpin Masyarakat Dengkil. | 10,000.00 | Sim Ah Fatt Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis |
| 32. | 04.02.2008 | Membiayai Program Mesra Rakyat Bersama Penduduk-Penduduk DUN Sg.Pepek Mengadakan Perayaan Gong Xi Fa Chai. | 10,000.00 | Chan Hoi Ching & Chan Ah Nong Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis |
| 33. | 05.02.2008 | Membiayai Program Majlis Mesra Rakyat Di Kalangan Kaum Orang India Di Padang Bandar Baru Salak Tinggi. | 5,000.00 | Dato' C.Krishnan Ketua Masyarakat Kaum India |
| 34. | 05.02.2008 | Membiayai Program Majlis Mesra Rakyat Di Kalangan Kaum Orang India Di Padang Bandar Baru Salak Tinggi. | 5,000.00 | Dato' C.Krishnan Ketua Masyarakat Kaum India |
| 35. | 05.02.2008 | Membiayai Program Mesra Rakyat Bersama Penduduk Pekan Salak. | 10,000.00 | Kuan Huan Seng Pengerusi JK Penganjur Majlis |
| 36. | 06.02.2008 | Membiayai Program Untuk Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-24 Sesi 2008/2009 Pada Tarikh 16 Februari 2008. | 1,500.00 | Maslin bt Salleh Setiausaha PIBG Sek.Keb.Methodist (Integ) (M) Sg.Pepek |
| 37. | 06.02.2008 | Sumbangan Membiayai Program "Pemuda Sepang Sedia Gempur" Anjuran Pergerakan Pemuda Bahagian Sepang. | 20,000.00 | Hj.Sulaiman Samia'an Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Bahagian Sepang |
| 38. | 06.02.2008 | Membiayai Program Mesra Rakyat Menyambut Ulang Tahun Persatuan Hainam Sepang Kali Ke-95. | 10,000.00 | Haw Ming Hock Pengerusi Persatuan |
| 39. | 06.02.2008 | Membiayai Program Bagi Majlis Pertandingan Nyanyian Karaoke Kawasan Salak. | 5,000.00 | Wong Jeng Cheng Ketua Kampung Salak |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 40. | 11.02.2008 | Sumbangan Sebahagian Kos Untuk Pertandingan Bola Keranjang dan Bola Sepak Anjuran Rakan Muda. | 4,000.00 | Kon Then Wong Pengerusi Persatuan PIBG SJK(C) Chio Chiao Salak |
| 41. | 11.02.2008 | Membiyai Program Mesra Rakyat & Seminar Target "A" SPM 2008. | 2,500.00 | Selvarasan Sachinathan Pengerusi Kebajikan Pendidikan & Mesra Rakyat Sg.Pelek |
| 42. | 11.02.2008 | Membiyai Program Bagi Persatuan Wanita DUN Sg.Pelek Untuk Menjalankan Aktiviti-Aktiviti Tahunan. | 10,000.00 | Lee Sun Lai Pengerusi Penganjur Persatuan Wanita |
| 43. | 11.02.2008 | Membiyai Program Bagi Pertandingan Karaoke Warga Mas Wanita Salak. | 10,000.00 | Wong Jee Yeng Pengerusi Penganjur Warga Mas Wanita Salak |
| 44. | 11.02.2008 | Sumbangan Pertandingan Kaligrafi Kepada Masyarakat Kaum Cina DUN Sg.Pelek Sempena Gong Xi Fatt Cai. | 10,000.00 | Sim Ah Fatt Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis |
| 45. | 15.02.2008 | Sumbangan Perbelanjaan Pertandingan Kaligrafi SJK (C) Sepang. | 1,000.00 | Tai Seng Sin PIBG SJK(C) Sepang |
| 46. | 15.02.2008 | Membiyai Sebahagian Kos Untuk Mengadakan Jamuan Sambutan Tahun Baru Cina. | 2,000.00 | Kuek Kam Hai Pengerusi J/K Hian Tian Gong |
| 47. | 18.02.2008 | Sumbangan Tajaan Bagi Pasukan Bola Jaring Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang. | 1,000.00 | Noorhasnida bt Amer Hamzah Pengerusi Pasukan Bola Jaring IPD Sepang |
| 48. | 18.02.2008 | Membiyai Program Bagi Persatuan Kesusasteraan Tamil Sepang Mengadakan Majlis Sambutan Meraikan Jubli Perak Ulang Tahun Ke -25. | 1,000.00 | V.K.Chandira Segaram Persatuan Kesusasteraan Tamil Sepang |
| 49. | 29.02.2008 | Sumbangan Persediaan Pertandingan 3K Tahun 2008 (Kategori Kesihatan dan Kebersihan Sekolah). | 1,500.00 | Pn.Rohaidah bt Mohd Ali Guru Besar SK Kota Warisan |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|-------------|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| 50. | 29.02.2008 | Membiayai Sebahagian Kos Untuk Sambutan Tahun Baru Cina Bagi Warga Mas Daerah Sepang. | 3,000.00 | Pusat Haemodialysis Sepang Ng Seng Chai |
| 51. | 29.02.2008 | Membiayai Perayaan Pesta Ang Pow kawasan Sg.Pelek. | 2,700.00 | Persatuan Hokkien Sepang Ng Seng Chai |
| 52. | 29.02.2008 | Sumbangan Melaksanakan Program Kebajikan Pengundi DUN Sg.Pelek. | 3,500.00 | En.Muniandy a/l Palaniandy Pegawai Kerani DUN Sg.Pelek |
| 53. | 29.02.2008 | Membiayai Program Pesta Ang Pow Untuk Sambutan Tahun Baru Cina. | 3,000.00 | Chan Suet Har Pengerusi Persatuan Murid-Murid Tua Sek-Sek. Cina Sg.Pelek |
| | | JUMLAH | 327,800.00 | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 500,000.00
BAGI PERBELANJAAN LAIN-LAIN

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|-------------|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | 28.01.2008 | Membekal dan Memasang Alat Hawa Dingin Bagi Persatuan Bekas Murid-Murid Tua Sekolah Cina Sg.Pepek. | 6,000.00 | Chan Sok Har Pengerusi Persatuan Bekas Murid-Murid Tua Sek.Cina Sg.Pepek |
| 2. | 28.01.2008 | Membekal Hadiah-Hadiah Bagi Persatuan Masyarakat Kaum India Sepang Untuk Menjalankan Aktiviti. | 2,500.00 | Dato' Telukanam a/l Sinnapayan Pengerusi Persatuan Masyarakat Kaum India Sepang |
| 3. | 28.01.2008 | Membekal Hamper Untuk Warga Tua dan Miskin Kepada Rakyat Sumbangan Tahun Baru Cina 2008. | 10,000.00 | Goh Siew Lan Pengerusi Persatuan Wanita Cawangan Taman Sinar Terang |
| 4. | 28.01.2008 | Program Penerangan Isu-Isu Semasa. | 10,000.00 | Rina Mohd Harun Ketua Puteri Puteri UMNO Bhgn.Sepang |
| 5. | 28.01.2008 | Program Membiayai Makan Ramah Mesra Bersama Penduduk-Penduduk DUN Sg.Pepek. | 10,000.00 | Tee Chee Huy Jawatankuasa Penganjur Majlis |
| 6. | 28.01.2008 | Kempen Menghormati Warga Mas. | 10,000.00 | Wong Jee Yeng Pengerusi Jawatankuasa Kempen Menghormati Warga Mas |
| 7. | 28.01.2008 | Membekal Meja Kerusi Kantin Sekolah Bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru SJK (C) Wah Lian Sg.Pepek, Sepang. | 3,000.00 | Lim Beng Huat Pengerusi PIBG SJK(C) Wah Lian, Sg.Pepek |
| 8. | 30.01.2008 | Program Membiayai Mesra Rakyat Dengan Pemimpin Pada 27/1/08 Di Camar Laut, Bagan Lalang. | 10,000.00 | Ong Hock Jawatankuasa Penganjur Majlis |
| 9. | 01.02.2008 | Program Lawatan Mesra DUN Sg.Pepek. | 10,000.00 | Tang Ah Tee Pengerusi J/Kuasa Penganjur Majlis |
| 10. | 01.02.2008 | Turun Padang Bersama Penduduk-Penduduk Kg.Lembah Paya. | 10,000.00 | Hamid bin Dollah Pengerusi Ketua Masyarakat Kg.Lembah Paya |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 11. | 04.02.2008 | Membekal Bahan-Bahan Binaan Untuk Pembaikpulihan Dewan Perkahwinan India Sepang. | 2,500.00 | V.Sukumaran Pengerusi Dewan Perkahwinan India Sepang |
| 12. | 04.02.2008 | Mesra Rakyat Pesta Ang Pow Anjuran Bersama 23 Persatuan Kaum Cina DUN Sg.Pelek (2/2/08). | 10,000.00 | Tang Ah Tee Pengerusi J/K Penganjur Majlis |
| 13 | 04.02.2008 | Membekal P.A Sistem Bagi SJK(T) Sepang. | 2,500.00 | M.S.Muthaiah Guru Besar SJK(T) Sepang |
| 14. | 04.02.2008 | Bantuan Perbelanjaan Seminar Pendidikan Kepada Anak-Anak India Muslim Kawasan DUN Sg.Pelek. | 5,000.00 | Abdul Salam bin Abd.Hamid Pengerusi J/Kuasa Penganjur Seminar Pendidikan Kaum India Muslim Kawasan DUN Sg.Pelek |
| 15. | 04.02.2008 | Bantuan Perbelanjaan Majlis Mesra Rakyat Bersama Persatuan India Selangor dan Wilayah Persekutuan And Federal Territory Indian Association. | 5,000.00 | Madhavan a/l Narainan Pengerusi J/Kuasa Penganjur Majlis Mesra Rakyat |
| 16. | 04.02.2008 | Membekal Peralatan Set Jamuan Bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Cawangan Sg.Pelek. | 3,000.00 | Mahani bt Suratman Ketua Wanita Cawangan Sg.Pelek, Pekan |
| 17. | 04.02.2008 | Merasmikan Pertandingan Bola Keranjang Dengkil Kepada Kelab Bola Keranjang Dengkil. | 2,000.00 | Gun Lok Hen Setiausaha Kelab Bola Keranjang Dengkil |
| 18. | 04.02.2008 | Membekal Bahan-Bahan Binaan Untuk Pembaikpulihan Bangunan Kuil. | 5,000.00 | Dato' V.K. Sellappan Pengerusi Kuil Sri Subramaniar Sepang |
| 19. | 05.02.2008 | Membekal dan Memasang Kapet Bagi K.A.F.A Integrasi Al-Hijrah Kg.Bagan Lalang, Sg.Pelek. | 2,500.00 | Mohd Nazri bin Abdullah Safer Ketua Guru K.A.F.A Integrasi Al-Hijrah Kg.Bagan Lalang |
| 20. | 06.02.2008 | Program Melaksanakan Aktiviti Persatuan Boling Padang Sepang Perdana Bagi Tahun 2008. | 5,000.00 | Persatuan Boling Padang Sepang Perdana Aziz bin Hj.Mohamad Setiausaha |
| 21. | 06.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Sepang Jaya. | 3,000.00 | Pan Kong Ming JKKK Kg.Sepang Jaya |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 22. | 11.02.2008 | Membekal Peralatan Untuk Kegunaan Gereja Al Shadai Sg.Pelek. | 2,500.00 | Packiavathy Setiausaha Gereja Al Shadai No.15A, Jln.4, Tmn.Seri Sg.Pelek |
| 23. | 11.02.2008 | Program Mesra Rakyat Bersama Penduduk-Penduduk Tempatan. | 2,500.00 | Nedumchelien a/l Arumugam Pengerusi IPF DUN Sg.Pelek |
| 24. | 11.02.2008 | Membekal Bahan-Bahan Binaan Bagi Kuil Sri Athisaya Vinayagar Sg.Pelek, Sepang. | 5,000.00 | Chandrasekaran Arunasalam Setiausaha Kehormat |
| 25. | 11.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Labu Lanjut. | 3,000.00 | Bohari Karimon JKKK Labu Lanjut |
| 26. | 15.02.2008 | Membekal Khemah Bagi Persatuan Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi. | 5,000.00 | Dr.Othman Hj Abdullah Yang Dipertua |
| 27. | 15.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Kg.Jenderam Hulu. | 3,000.00 | Hj.Rosdin bin Ali JKKK Kg.Jenderam Hulu |
| 28. | 15.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Kg.Giching. | 3,000.00 | Hj.Mohd Zin bin Ayob JKKK Kg.Giching |
| 29. | 15.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Hulu Chuchuh. | 3,000.00 | Hj.Basir JKKK Hulu Chuchuh |
| 30. | 15.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Kg.Bagan Lalang. | 3,000.00 | Tusirun bin Majid JKKK Kg.Bagan Lalang |
| 31. | 15.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Jelutung Indah Sg.Pelek. | 3,000.00 | Abdul Majid bin Hj.Ahmad JKKK Jelutung Indah |
| 32. | 15.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Kg.Salak Tinggi. | 3,000.00 | Kamaruddin bin Hj.Mohd Yusof JKKK Kg.Salak Tinggi |
| 33. | 18.02.2008 | Membekal Peralatan Kompang Bagi Persatuan Penduduk Taman Murni, Sepang. | 1,200.00 | Mohamed bin Latip Pengerusi Persatuan Penduduk Tmn.Murni, Sepang |

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA |
|------|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|------------------------------------------------------------------|
| 34. | 25.02.2008 | Membekal 1 unit Komputer Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Bute. | 2,500.00 | Pn.Sarajini K.K.Pillay Guru Besar SJK (T) Ladang Bute, Sepang |
| 35. | 25.02.2008 | Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Bagi JKKK Tg.Mas, Bt.2, Sepang. | 3,000.00 | Ahmad bin Wakiew JKKK Tg.Mas, Bt.2 |
| 36. | 29.02.2008 | Membekal Hadiah Untuk Pertandingan Tarian Kebudayaan Cina Kepada Wanita-Wanita DUN Sg.Pepek. | 2,500.00 | Pn.Lee Sun Lai Penganjur Pertandingan Tarian Kebudayaan Cina |
| | | JUMLAH | 172,200.00 | |

**LAPORAN TERPERINCI
PERUNTUKAN ADUN SG PELEK
PENGGAL KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN SEWA MESIN FOTOSTAT

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | STATUS PEMBAYARAN | PENERIMA |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. | 01.07.2008 | Mohon Sewaan Mesin Fotostat Untuk Kegunaan Pusat Khidmat Komuniti DUN N.56 Sg.Pelek. | 7,200.00 | Sudah Bayar No.Baucer 00001(S) No.Cek 580433 Tarikh 09.07.2008 | Sastronic Sdn.Bhd |
| | | JUMLAH | 7,200.00 | | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN PROJEK

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA | CATATAN |
|------|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | 24.07.2008 | Gotong-Royong Memperbaiki dan Mengecat Surau. | 5,000.00 | Jaili bin Ahmad Surau Kg.Giching Hilir, | |
| 2. | 04.08.2008 | Membina Garaj Kenderaan, Peralatan Dapur dan Kerusi Meja Dengan Secara Gotong-Royong. | 5,000.00 | Mat Norzaki bin Bahauddin Surau At Taqwa, Tg.Mas,Bt.2 | |
| 3. | 13.08.2008 | Pembaikpulihan/Tambahan Peralatan Pembesar Suara. | 2,000.00 | Mohd Zainuddin Mat Daud Surau Al Hidayah Desa Vista No.1,Jln.Vista 1/2, Tmn.Deso Vista,Sepang. | |
| 4. | 10.09.2008 | Menaiktaraf Bilik Perpustakaan. | 2,500.00 | Teong Siew Sin Pengerusi Persatuan Bekas Murid-Murid SRJK (C), Sepang | |
| 5. | 10.09.2008 | Mendirikan Pusat Bacaan. | 2,500.00 | Hong Heng Soon Pengerusi Persatuan Buddhist Daerah Sepang | |
| 6. | 24.09.2008 | Memperbaiki Gelanggang Bola Keranjang. | 2,200.00 | Gelanggang Bola Keranjang Tmn.Sinar Terang, Sg.Pepek | |
| 7. | 06.10.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Di Depan Pejabat Pos dan Depan Restoran Tomyam. | 9,000.00 | Melati Mega Enterprise Jln.Pusara, Kg.Bkt.Bangkong | |
| 8. | 06.10.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Di Lapis 5, Kg.Baru, Sg.Pepek. | 18,300.00 | Ulu Teris Enterprise Lot.853, Jln Pusara, Kg.Bkt Bangkong | |
| 9. | 31.10.2008 | Peruntukan Untuk Mengecat dan Membaiki Kuil. | 2,500.00 | Lee Jian Long Pengerusi Shing Woo Tian Temple, Kg.Baru Sepang. | |
| 10. | 24.11.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan dan Memperbaiki Longkang. | 16,700.00 | Gelombang Jaya Enterprise Kg.Bt.4, Sg.Pepek | |
| 11. | 15.12.2008 | Membaiki Longkang Jambatan Meratakan Jalan Dengan Gotong-Royong. | 7,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 12. | 16.12.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan Longkang dan Meracun Rumput. | 19,550.00 | Sri Akemat Enterprise Jln Bonon 2, Kg.Ulu Chuchuh | |
| 13. | 26.12.2008 | Sebutharga Bagi Kerja Baik Pulih Longkang dan Pembersihan Longkang Jenderam Hulu. | 16,800.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 14. | 26.12.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan dan Pembinaan Semula Longkang/Parit Simen di Jalan Salak-Sepang Diantara Lot 153-154 Kg.Salak Tengah. | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 15. | 26.12.2008 | Memoden Pintu Gol, Bola dan Peralatan Pakaian. | 2,100.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| | | JUMLAH | 116,150.00 | | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN SUMBANGAN

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA | CATATAN |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | 01.07.2008 | Sumbangan Untuk Bantuan Bencana Kebakaran Tmn.Mawar, Bandar Baru Salak Tinggi. | 2,000.00 | Nazwir b.Shamsudin Tengku Vivian bt Tengku Affan No.5, Jln Mawar 6A, BBST | |
| 2. | 04.08.2008 | Sumbangan Ibu Tunggal Program Mesra Rakyat DUN Sg.Pelek Bersama YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli EXCO Kerajaan. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 3. | 13.08.2008 | Bantuan Kewangan Bagi Tujuan Program Kem Remaja Wawasan 2008. | 1,450.00 | Azhar Abdul Satar Pengerusi PAKSI Sepang Pusat Pemantapan Akademik @ SAHSIAH ISLAM (PAKSI) Sepang. | |
| 4. | 13.08.2008 | Bantuan Peruntukan Untuk Pertandingan Futsal Remaja Sepang.(Bawah 21 Tahun) | 1,350.00 | Shah Riza Mohd Nor Satiusaha Yayasan Amal (Sepang), Lot.322/3, Jln.Hj.Supi, Kg.Salak Tinggi. | |
| 5. | 13.08.2008 | Bantuan Pembiayaan Kemudahan Peralatan Kelas. | 2,500.00 | Barzani Rosman S/usaha Add-Hoc J/Kuasa Pelaksana Kelas Hafazan &Pengajian Al-Quran Masjid Sg.Pelek | |
| 6. | 10.09.2008 | Memohon Sumbangan. | 2,500.00 | Tai Sin Zn Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah SJK (C) Sepang. | |
| 7. | 22.09.2008 | Sumbangan Fakir Miskin Aidilfitri. | 2,500.00 | Hassim bin Gilampo Pengerusi JKKK Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 8. | 22.09.2008 | Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Anak-Anak Yatim. | 2,500.00 | Berahim bin Sajadi Masjid An Nur Kariah Hulu Chuchuh | |
| 9. | 22.09.2008 | Sumbangan Kemasyarakatan Kepada Orang Kurang Upaya. | 2,500.00 | Rukumani a/p Ramadas 22, Tmn.Seri Merbau, 43950 Sg.Pelek. | |
| 10. | 24.09.2008 | Bantuan Ibu Tunggal dan Anak Yatim. | 2,500.00 | Ibrahim bin Abdullah Ketua Kampung Kg.Jelutong Indah,Bt.4 | |
| 11. | 06.10.2008 | Peruntukan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri. | 2,500.00 | Normala bt Paimon Pengerusi Persatuan Pengerak Muslimat Kg.Hulu Chuchuh | |
| 12. | 14.10.2008 | Sumbangan Ibu-Ibu Tunggal dan Anak-Anak Yatim. | 1,000.00 | Damarwulan bin Hasim AJK Surau Kg.RTB Labu Lanjut | |
| 13. | 14.10.2008 | Sumbangan Untuk Kejohanan Dart Perseorangan Kg.Bahru Lanjut. | 1,500.00 | Ishak bin Ujang Pengerusi Persatuan Dart Bumiputra Sepang | |
| 14. | 14.10.2008 | Program Sumbangan Untuk Orang Kurang Upaya di DUN Sg.Pelek. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 15. | 14.10.2008 | Sumbangan Untuk Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah Sepang. | 2,500.00 | Mohamad Yasid bin Bidin Kelab Sukan & Kebajikan Pej.Daerah Sepang | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN SUMBANGAN

| | | | | | |
|-----|------------|----------------------------------------------------------------------|------------------|--------------------------------------------------------------------------------|--|
| 16. | 06.11.2008 | Sumbangan Wang Untuk OKU. | 1,200.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 17. | 06.11.2008 | Peruntukan Dana Segera. | 1,000.00 | Hj Husin bin Juremi Pengerusi JKKK Kg.Hulu Chuchuh | |
| 18. | 06.11.2008 | Sumbangan Peruntukan Majlis Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Goh Sang Huat Pengerusi Penganjur Sepang Chau An Tong Sun Association | |
| 19. | 06.11.2008 | Sumbangan Peruntukan Majlis Makan Malam. | 1,000.00 | Goh Sang Huat Bendahari Thin Long Kong, Kg.Baru Sepang | |
| 20. | 07.11.2008 | Sumbangan Untuk Jamuan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2008. | 2,500.00 | Zahari bin Hj Meskam Pengerusi JKKK Kg.Bagan Lalang | |
| 21. | 07.11.2008 | Sumbangan Untuk Membiayai Aktiviti Tahunan Tadika Tiga "G". | 1,000.00 | Ng Lee Fong Pengetua Tadika Tiga "G", Tmn.Damai Sg.Pelek | |
| 22. | 07.11.2008 | Sumbangan Kemasyarakatan. | 2,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 23. | 02.12.2008 | Sumbangan Sambutan Perayaan Tahunan. | 1,000.00 | Ravintharan a/l Palaniandy Kuil Sri Maha Paandi Muniswarar, Sg.Pelek | |
| 24. | 02.12.2008 | Sumbangan Program Integrasi. | 2,000.00 | Yussri bin Abdullah Pengerusi Pengakap Daerah Sepang | |
| 25. | 15.12.2008 | Sumbangan Wang Tunai Kepada Pesakit Miskin. | 1,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 26. | 15.12.2008 | Sumbangan Untuk OKU. | 4,500.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 27. | 15.12.2008 | Bencana Banjir Kg.Giching Hilir. | 1,600.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 28. | 15.12.2008 | Bencana Banjir (Rancangan Tanah Belia Labu Lanjut) | 400.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 29. | 15.12.2008 | Bencana Banjir Kg.Salak Tinggi. | 4,700.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 30. | 15.12.2008 | Sumbangan "Trade Union Education" For Young Leaders. | 2,000.00 | John Thomas Area Secretary All Malayan Estates Staff Union Sepang Region | |
| 31. | 06.10.2008 | Sumbangan Keperluan Surau Carpet dan PA System. | 5,000.00 | Hj.Kamari bin Misdi Pengerusi Surau Desa RTB Labu Lanjut | |
| | | JUMLAH | 79,200.00 | | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN LAIN-LAIN

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA | CATATAN |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | 10.07.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Ke 4, Kelab Nyanyian Warga Emas Sg.Pepek. | 1,000.00 | Kelab Nyanyian Warga Mas Sg.Pepek Lot 93-3, Tkt.2, Jln.Besar, Sg.Pepek. | |
| 2. | 10.07.2008 | Program Mesra Rakyat DUN Sg.Pepek Bersama YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 3. | 24.07.2008 | Program Gotong-Royong dan Ramah Mesra. | 2,500.00 | Kamarudin bin Hj Daud Pusat Khidmat Komuniti Kg.Labu Lanjut | |
| 4. | 02.09.2008 | Tokong Bai Guan Yin Sg.Pepek Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun. | 1,000.00 | Yap Sai Hoon Tokong Bai Guan Yin | |
| 5. | 02.09.2008 | Program Sambutan Hari Kemerdekaan 2008. | 2,500.00 | Khamis bin Md Jani Belia Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 6. | 02.09.2008 | Menganjurkan Jamuan Perayaan Sempena Ulang Tahun Ke 94. | 1,000.00 | Sim Chee Keong Pengerusi Persatuan Keturunan Keluarga "SIM" S'gor | |
| 7. | 10.09.2008 | Program Mesra Rakyat Perayaan Tang Long 2008. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 8. | 10.09.2008 | Mesra Rakyat Perayaan Sambutan Hari Kemerdekaan 2008. (Bendera Kereta) | 2,500.00 | Pusat Khidmat Komuniti DUN Sg.Pepek 9, Tkt.2, Jln.Damai satu, Tmn.Damai, Sg.Pepek | |
| 9. | 10.09.2008 | Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Bantuan Orang Miskin dan Anak Yatim. | 3,200.00 | Nordin bin Abdullah Pertubuhan Penduduk Taman Sri Bayu | |
| 10. | 10.09.2008 | Menganjurkan Perayaan Pesta Tang Long. | 1,000.00 | Lwi Kian Keong Pengerusi Pelaksanaan Perayaan Pesta TangLong | |
| 11. | 10.09.2008 | Majlis Perayaan Ulang Tahun. | 1,000.00 | Hiap Eng Lee Tokong Buddha Tien Loong Shang 66, Kg.Sepang Jaya. | |
| 12. | 10.09.2008 | Piala Pertandingan Nyanyian Terbuka. | 1,000.00 | Lim Hoon Poh Pertubuhan Khong Zong Zido Fan Pun Yuen, Sg.Pepek. | |
| 13. | 16.09.2008 | Program Kesihatan "Jom Happy". | 1,000.00 | Yuhanis bt Khairuddin Cyberjaya Universiti College Of Medical Sciences (CUCMS) | |
| 14. | 16.09.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Ke 54. | 1,000.00 | Lay Chee Chuan Pengerusi J/Kuasa Kerja Persatuan Foo Chow | |
| 15. | 22.09.2008 | Sempena Larian Hari Deepavali. | 500.00 | M.Ramasamy Pengerusi Larian Hari Deepavali Sepang Hash House Harriers | |
| 16. | 22.09.2008 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (Kg.Hulu Chuchuh). | 2,500.00 | Hj.Husin bin Juremi Pengerusi JKKK Kg.Hulu Chuchuh | |
| 17. | 22.09.2008 | Majlis Berbuka Puasa dan Menghidupkan Sepuluh Ramadhan. | 1,000.00 | Jaili bin Ahmad Surau Kg.Giching Hilir, | |

| | | | | | |
|-----|------------|----------------------------------------------------------------------------------|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 18. | 22.09.2008 | Program IHYA' Ramadhan 2008. | 2,500.00 | Rohana Abd Rahman Pengerusi Program Ihya Ramadhan 2008 Masjid Jamek Salak | |
| 19. | 22.09.2008 | Perayaan Ulang Tahun Ke 17. | 1,000.00 | Lim Eng Hock Pengerusi Penganut See Thien Keong Sg.Pelek | |
| 20. | 24.09.2008 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (Kg.Tg.Mas). | 2,500.00 | Khamis bin Md Jani S/Usaha JKKK Kg.Tg.Mas,Bt.2 | |
| 21. | 24.09.2008 | Program Majlis Berbuka Puasa. | 2,500.00 | Asri bin Ahmad Pengerusi Yayasan Amal Neg.S'gor Cawangan Sepang | |
| 22. | 06.10.2008 | Jamuan Hari Raya Peringkat Daerah Sepang Tahun 2008. | 1,500.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 23. | 06.10.2008 | Majlis Bersama Penduduk. | 2,350.00 | Azlan bin Saleh Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Tmn.Sri Sg.Pelek | |
| 24. | 06.10.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Konsert Tadika. | 2,000.00 | Siew Mut Cheng Guru Besar Tadika Methodist Sepang | |
| 25. | 06.10.2008 | Memohon Peruntukan. | 2,500.00 | Normala bt Paimon Pengerusi Persatuan Penggerak Muslimat Kg.Hulu Chuchuh | |
| 26. | 06.10.2008 | Majlis Berbuka Puasa Sempena Malam 27 Ramadhan. | 900.00 | Hj.Kamari bin Misdi Pengerusi Surau Desa RTB Labu Lanjut | |
| 27. | 06.10.2008 | Majlis Makan Malam Sempena Perasmian Bangunan Persatuan. | 1,000.00 | Ng Seng Chai Pengerusi Persatuan Hokkien Daerah Sepang | |
| 28. | 06.10.2008 | Perkemahan Di Dusun Eko Resort. | 2,000.00 | Chang Yok Mooi SRJK(C) Tche Min Sg.Pelek | |
| 29. | 06.10.2008 | Program Motivasi Pelajar dan Ibu Bapa. | 1,500.00 | Arasappan a/l Muniandy Pengerusi Persatuan Pembinaan Kuil Arulmigu Sri Maha Mariamman , BBST | |
| 30. | 06.10.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Koo Tam Kiat Pengerusi Persatuan Hong Hua Tin 45, Tmn.Sri Sepang | |
| 31. | 06.10.2008 | Sepanduk Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali. | 4,500.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 32. | 14.10.2008 | Majlis Sambutan Hari Raya dan Ramah Mesra Wanita Antara Kaum DUN Sg.Pelek. | 5,600.00 | Norhanim Ahmad Pengaroh Program Hal Ehwal Wanita DUN Sg.Pelek, Jenderam Hulu | |
| 33. | 14.10.2008 | Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali Dewan Orang Ramai Sg.Pelek. | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 34. | 14.10.2008 | Program Sumbangan Perayaan Ulang Tahun Kuil Sg.Linau. | 1,000.00 | Kunasekaran a/l Mottain S/Usaha Persatuan Pengikut- Pengikut Dewa Sri Ramar Subramaniar, Sg.Linau, Sepang. | |

| | | | | | |
|-----|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 35. | 14.10.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan Penganut Buddha Huan Chian Cheun, Sepang. | 1,000.00 | Tham Ming Sum Pengerusi Persatuan Penganut Buddha Huan Chian Cheun, Sepang | |
| 36. | 14.10.2008 | Program Mesra Rakyat Kg.Labu Lanjut. Pembersihan Longkang Dengan Gotong-Royong. | 4,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 37. | 14.10.2008 | Sambutan Hari Deepavali dan Sumbangan Orang Miskin di DUN Sg.Pelek. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 38. | 31.10.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Tokong Ke 59. | 1,000.00 | Sim Chee Keong Pengerusi J/Kuasa Persatuan Penganut Tokong Hok Shi Tong, Kg.Baru Sg.Pelek | |
| 39. | 31.10.2008 | Peruntukan Untuk Pembangunan Kumpulan Tarian Cina Persatuan Bahasa Cina. | 2,000.00 | Goh Su Ling S/Usaha Persatuan Bahasa Cina, SMK Sg.Pelek | |
| 40. | 31.10.2008 | Majlis Perayaan Tokong Soon Tian Kong. | 1,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 41. | 07.11.2008 | Peruntukan Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Tokong. | 1,000.00 | Goo Swee Thay Pengerusi J/Kuasa Pertubuhan Tokong Wong Seong Tong, Sg.Pelek | |
| 42. | 07.11.2008 | Jamuan Makan Hari Perayaan Deepa Raya. | 2,000.00 | Lau weng Chan Ahli Majlis Perbandaran Sepang, J/Kuasa Perunding Penduduk Zon Sepang | |
| 43. | 07.11.2008 | Peruntukan Membiayai Kejohanan Bola Keranjang Terbuka Tahun 2008. | 2,000.00 | Tan Kim Eng Pengerusi Persatuan Bola Keranjang Daerah Sepang | |
| 44. | 19.11.2008 | Theme Balik Sekolah. | 4,000.00 | Pengerusi JPP Zon Sepang Ahli Majlis Perbandaran Sepang | |
| 45. | 20.11.2008 | Badminton Open Competition. | 2,000.00 | Lau Weng Chan Ahli Majlis Perbandaran Sepang, J/Kuasa Perunding Penduduk Zon Sepang | |
| 46. | 20.11.2008 | Memohon Peruntukan Aktiviti JKKK Kg.Baru Sg.Pelek. | 3,000.00 | Lai Nyuk Lan Pengerusi JKKK Kg.Baru Sg.Pelek | |
| 47. | 20.11.2008 | Memohon Peruntukan Menganjurkan Pertandingan Nyanyian Karaoke. | 2,000.00 | Ng Chai Pengerusi Tokong San Yik Kow Chu Sg.Pelek | |
| 48. | 20.11.2008 | Perasmian Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah. | 2,000.00 | Samsidar bt Buyong Guru Besar SK Methodist Sg.Pelek | |
| 49. | 20.11.2008 | Peruntukan Bagi PIBG SJK(C) Sepang. | 2,000.00 | Tai Seng Sin Pengerusi PIBG SJK (C) Sepang | |
| 50. | 20.11.2008 | Peruntukan Membeli Peralatan Asas dan Pembiayaan Perbelanjaan Balairaya. | 2,000.00 | Lwi Kian Keong Pengerusi JKKK Kg.Baru Salak | |
| 51. | 20.11.2008 | Menjemput Untuk Perasmian Penutupan Kejohanan Bola Keranjang Terbuka 2008. | 1,000.00 | Tan Kim Eng Pengerusi Persatuan Bola Keranjang Daerah Sepang | |
| 52. | 20.11.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Aktiviti JKKK Kg.Baru Sepang. | 3,000.00 | Tai Choo Sing Pengerusi JKKK Kg.Baru Sepang. | |
| 53. | 20.11.2008 | Sumbangan Peruntukan Pertandingan Membina Pondok Diatas Pokok dan Perhimpunan Pengakap Kelana, Selangor. | 2,500.00 | Yussri bin Abdullah Pengerusi Pengakap Daerah Sepang | |

| | | | | | |
|-----|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 54. | 02.12.2008 | Memohon Peruntukan Kewangan. | 2,000.00 | Subadhra Devi Pertubuhan Rumah Kebajikan T.K Tasik Beringin 10, Pantai Sepang Putra | |
| 55. | 02.12.2008 | Theme - Balik Sekolah (tambahan) | 2,000.00 | Lau weng Chan Ahli Majlis Perbandaran Sepang, J/Kuasa Perunding Penduduk Zon Sepang | |
| 56. | 02.12.2008 | Theme - Balik Sekolah. | 4,000.00 | Ivan Ho Fook Keong Ahli Majlis Perbandaran. Pengerusi JPP Zon Jenderam | |
| 57. | 12.12.2008 | Permohonan Peruntukan Untuk Membeli Komputer. | 5,600.00 | Sim Chee Keong Pengerusi PIBG SJK (C)Tche Min Sg.Pelek | |
| 58. | 15.12.2008 | Memohon Peruntukan Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Tan Hang Tye Pengerusi Persatuan Penganut Dewa Guan Man Gong Sepang | |
| 59. | 18.12.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Lau Sang Hee Pengerusi Persatuan Penganut Dewa Natoting Sepang | |
| 60. | 26.12.2008 | Memohon Peruntukan Pakaian/Peralatan Sukan Untuk Pasukan Futsal Kg.Tg.Mas, Bt.2, Sepang. | 3,500.00 | Khamis bin Md Jani S/Usaha JKKK Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 61. | 26.12.2008 | Mengganti Baru Sistem Siaraya (PA Sistem) Surau Madrasatul Al-Ubudiah, Kg.Jenderam Hulu.(L.O) | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 62. | 26.12.2008 | Mengganti Baru Sistem Siaraya (PA Sistem) Masjid Ar-Redha Kg.Jenderam Hulu.(L.O) | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 63. | 26.12.2008 | Memohon Peruntukan Mengadakan Gotong- Royong Membersihkan Persekitaran Kg.Tg.Mas, Bt.2, Sepang. | 3,800.00 | Khamis bin Md Jani S/Usaha JKKK Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| | | JUMLAH | 162,450.00 | | |

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH TANAH SEPANG

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi peruntukan tambahan bagi penggal baru tahun 2008 kepada setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Jumlah peruntukan diberikan bagi EXCO RM 450,000.00 dan ADUN RM 375,000.00 termasuk kewangan DUN Parti Pembangkang dan jumlah peruntukan itu dengan mengambil kira bagi tempoh 8 bulan (April sehingga Disember 2008). Peruntukan ADUN kawasan Dun Sungai Pelek adalah kawasan DUN angkat Y.B Tuan Liu Khiew.
- b) Peruntukan yang diberi kepada Dun Sungai Pelek digunakan mengikut garisan panduan penggunaan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) seperti mana yang dinyatakan di surat pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2008. Penggunaan peruntukan Dun Sungai Pelek adalah seperti berikut : -

| Bil | Perkara | Bil | Jumlah (RM) |
|-----|---------------------------------------|-----|---------------|
| 1 | Perbelanjaan Menyewa Mesin Fotostat | 1 | 7,200.00 |
| 2 | Projek kecil pembangunan | 18 | 129,950.00 |
| 3 | Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai | 30 | 74,200.00 |
| 4 | Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat | 63 | 159,650.00 |
| | Jumlah | | 371,000.00 |
| | Baki | | 4,000.00 |

Butir – butir perbelanjaan secara terperinci Y.B ADUN Sungai Pelek diminta menghubungi Pejabat Daerah Sepang di mana Pegawai Daerah Sepang adalah pegawai kewangan yang dipertanggungjawab bagi menguruskan peruntukan Dun Sungai Pelek.

- c) Bagi tahun 2009 Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri kepada setiap kawasan Dun Negeri sebanyak berjumlah RM 500,000.00

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN SEWA MESIN FOTOSTAT

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | STATUS PEMBAYARAN | PENERIMA |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. | 01.07.2008 | Mohon Sewaan Mesin Fotostat Untuk Kegunaan Pusat Khidmat Komuniti DUN N.56 Sg.Pelek. | 7,200.00 | Sudah Bayar No.Baucer 00001(S) No.Cek 580433 Tarikh 09.07.2008 | Sastronic Sdn.Bhd |
| | | JUMLAH | 7,200.00 | | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN PROJEK

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA | CATATAN |
|------|------------|---------------------------------------------------------------------------------------|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | 24.07.2008 | Gotong-Royong Memperbaiki dan Mengecat Surau. | 5,000.00 | Jaili bin Ahmad Surau Kg.Giching Hilir, | |
| 2. | 04.08.2008 | Membina Garaj Kenderaan, Peralatan Dapur dan Kerusi Meja Dengan Secara Gotong-Royong. | 5,000.00 | Mat Norzaki bin Bahaudin Surau At Taqwa, Tg.Mas,Bt.2 | |
| 3. | 13.08.2008 | Pembaikpulih/Tambahan Peralatan Pembesar Suara. | 2,000.00 | Mohd Zainuddin Mat Daud Surau Al Hidayah Desa Vista No.1,Jln.Vista 1/2, Tmn.Desu Vista,Sepang. | |
| 4. | 10.09.2008 | Menaiktaraf Bilik Perpustakaan. | 2,500.00 | Teong Siew Sin Pengerusi Persatuan Bekas Murid-Murid SRJK (C), Sepang | |
| 5. | 10.09.2008 | Mendirikan Pusat Bacaan. | 2,500.00 | Hong Heng Soon Pengerusi Persatuan Buddhist Daerah Sepang | |
| 6. | 24.09.2008 | Memperbaiki Gelanggang Bola Keranjang. | 2,200.00 | Gelanggang Bola Keranjang Tmn.Sinar Terang, Sg.Pelek | |
| 7. | 06.10.2008 | Bina Dapur Dalam Kawasan Surau. | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 8. | 06.10.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Di Depan Pejabat Pos dan Depan Restoran Tomyam. | 9,000.00 | Melati Mega Enterprise Jln.Pusara, Kg.Bkt.Bangkong | |

| | | | | | |
|-----|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-----------------------------------------------------------------------|--|
| 9. | 06.10.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Di Lapis 5, Kg.Baru, Sg.Pelek. | 18,300.00 | Ulu Teris Enterprise Lot.853, Jln Pusara, Kg.Bkt Bangkong | |
| 10. | 31.10.2008 | Peruntukan Untuk Mengecat dan Membaiki Kuil. | 2,500.00 | Lee Jian Long Pengerusi Shing Woo Tian Temple, Kg. Baru, Sepang | |
| 11. | 24.11.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan dan Memperbaiki Longkang. | 16,700.00 | Gelombang Jaya Enterprise Kg.Bt.4, Sg.Pelek | |
| 12. | 15.12.2008 | Membaiki Longkang Jambatan Meratakan Jalan Dengan Gotong-Royong. | 7,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 13. | 16.12.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan Longkang dan Meracun Rumput. | 19,550.00 | Sri Akemat Enterprise Jln Bonon 2, Kg.Ulu Chuchuh | |
| 14. | 26.12.2008 | Sebutharga Bagi Kerja Baik Pulih Longkang dan Pembersihan Longkang Jenderam Hulu. | 16,800.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 15. | 26.12.2008 | Kerja-Kerja Pembersihan dan Pembinaan Semula Longkang/Parit Simen di Jalan Salak-Sepang Diantara Lot 153-154 Kg.Salak Tengah. | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 16. | 26.12.2008 | Memoden Pintu Gol, Bola dan Peralatan Pakaian. | 2,100.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 17. | 26.12.2008 | Memohon Peruntukan Mengadakan Gotong-Royong Membersihkan Persekitaran Kg.Tg.Mas, Bt.2, Sepang. | 3,800.00 | Khamis bin Md Jani S/Usaha JKKK Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 18. | 24.07.2008 | Program Gotong-Royong dan Ramah Mesra. | 2,500.00 | Kamarudin bin Hj Daud Pusat Khidmat Komuniti Kg.Labu Lanjut | |
| 19. | 14.10.2008 | Program Mesra Rakyat Kg.Labu Lanjut. Pembersihan Longkang Dengan Gotong-Royong. | 4,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| | | JUMLAH | 131,450.00 | | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN SUMBANGAN

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA | CATATAN |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | 01.07.2008 | Sumbangan Untuk Bantuan Bencana Kebakaran Tmn.Mawar, Bandar Baru Salak Tinggi. | 2,000.00 | Nazwir b.Shamsudin Tengku Vivian bt Tengku Affan No.5, Jln Mawar 6A, BBST | |
| 2. | 04.08.2008 | Sumbangan Ibu Tunggal Program Mesra Rakyat DUN Sg.Pepek Bersama YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli EXCO Kerajaan. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 3. | 13.08.2008 | Bantuan Kewangan Bagi Tujuan Program Kem Remaja Wawasan 2008. | 1,450.00 | Azhar Abdul Satar Pengerusi PAKSI Sepang Pusat Pemantapan Akademik @ SAHSIAH ISLAM (PAKSI) Sepang. | |
| 4. | 13.08.2008 | Bantuan Peruntukan Untuk Pertandingan Futsal Remaja Sepang.(Bawah 21 Tahun) | 1,350.00 | Shah Riza Mohd Nor Satiausaha Yayasan Amal (Sepang), Lot.322/3, Jln.Hj.Supi, Kg.Salak Tinggi. | |
| 5. | 13.08.2008 | Bantuan Pembiayaan Kemudahan Peralatan Kelas. | 2,500.00 | Barzani Rosman S/usaha Add-Hoc J/Kuasa Pelaksana Kelas Hafazan &Pengajian Al-Quran Masjid Sg.Pepek | |
| 6. | 10.09.2008 | Memohon Sumbangan. | 2,500.00 | Tai Sin Zn Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah SJK (C) Sepang. | |

| | | | | | |
|-----|------------|------------------------------------------------------------------|-----------|-----------------------------------------------------------------------------|--|
| 7. | 22.09.2008 | Sumbangan Fakir Miskin Aidilfitri. | 2,500.00 | Hassim bin Gilampo Pengerusi JKKK Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 8. | 22.09.2008 | Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Anak-Anak Yatim. | 2,500.00 | Berahim bin Sajadi Masjid An Nur Kariah Hulu Chuchuh | |
| 9. | 22.09.2008 | Sumbangan Kemasyarakatan Kepada Orang Kurang Upaya. | 2,500.00 | Rukumani a/p Ramadas 22, Tmn.Seri Merbau, 43950 Sg.Pepek. | |
| 10. | 24.09.2008 | Bantuan Ibu Tunggal dan Anak Yatim. | 2,500.00 | Ibrahim bin Abdullah Ketua Kampung Kg.Jelutong Indah,Bt.4 | |
| 11. | 06.10.2008 | Peruntukan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri. | 2,500.00 | Normala bt Paimon Pengerusi Persatuan Penggerak Muslimat Kg.Hulu Chuchuh | |
| 12. | 14.10.2008 | Sumbangan Ibu-Ibu Tunggal dan Anak-Anak Yatim. | 1,000.00 | Damarwulan bin Hasim AJK Surau Kg.RTB Labu Lanjut | |
| 13. | 14.10.2008 | Sumbangan Untuk Kejohanan Dart Perseorangan Kg.Bahru Lanjut. | 1,500.00 | Ishak bin Ujang Pengerusi Persatuan Dart Bumiputra Sepang | |
| 14. | 14.10.2008 | Program Sumbangan Untuk Orang Kurang Upaya di DUN Sg.Pepek. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 15. | 14.10.2008 | Sumbangan Untuk Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah Sepang. | 2,500.00 | Mohamad Yasid bin Bidin Kelab Sukan & Kebajikan Pej.Daerah Sepang | |
| 16. | 06.11.2008 | Sumbangan Wang Untuk OKU. | 1,200.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 17. | 06.11.2008 | Peruntukan Dana Segera. | 1,000.00 | Hj Husin bin Juremi Pengerusi JKKK Kg.Hulu Chuchuh | |

| | | | | | |
|-----|------------|-------------------------------------------------------------------|----------|--------------------------------------------------------------------------|--|
| 18. | 06.11.2008 | Sumbangan Peruntukan Majlis Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Goh Sang Huat Pengerusi Penganjur Sepang Chau An Tong Sun Association | |
| 19. | 06.11.2008 | Sumbangan Peruntukan Majlis Makan Malam. | 1,000.00 | Goh Sang Huat Bendahari Thin Long Kong, Kg.Baru Sepang | |
| 20. | 07.11.2008 | Sumbangan Untuk Jamuan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2008. | 2,500.00 | Zahari bin Hj Meskam Pengerusi JKKK Kg.Bagan Lalang | |
| 21. | 07.11.2008 | Sumbangan Untuk Membiayai Aktiviti Tahunan Tadika Tiga "G". | 1,000.00 | Ng Lee Fong Pengetua Tadika Tiga "G", Tmn.Damai Sg.Pelek | |
| 22. | 07.11.2008 | Sumbangan Kemasyarakatan. | 2,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 23. | 02.12.2008 | Sumbangan Sambutan Perayaan Tahunan. | 1,000.00 | Ravintharan a/l Palaniandy Kuil Sri Maha Paandi Muniswarar, Sg.Pelek | |
| 24. | 02.12.2008 | Sumbangan Program Integrasi. | 2,000.00 | Yussri bin Abdullah Pengerusi Pengakap Daerah Sepang | |
| 25. | 15.12.2008 | Sumbangan Wang Tunai Kepada Pesakit Miskin. | 1,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 26. | 15.12.2008 | Sumbangan Untuk OKU. | 4,500.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 27. | 15.12.2008 | Bencana Banjir Kg.Giching Hilir. | 1,600.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 28. | 15.12.2008 | Bencana Banjir (Rancangan Tanah Belia Labu Lanjut) | 400.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |

| | | | | | |
|-----|------------|---------------------------------------------------------|------------------|--------------------------------------------------------------------------------|--|
| 29. | 15.12.2008 | Bencana Banjir Kg.Salak Tinggi. | 4,700.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 30. | 15.12.2008 | Sumbangan "Trade Union Education" For Young Leaders. | 2,000.00 | John Thomas Area Secretary All Malayan Estates Staff Union Sepang Region | |
| | | JUMLAH | 74,200.00 | | |

PROGRAM MESRA RAKYAT ADUN SG.PELEK TAHUN 2008
WARAN: (O.R.G) RM 375,000.00 (PERUNTUKAN TAMBAHAN)
BAGI PERBELANJAAN PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT

| BIL. | TARIKH | PROGRAM (ADUN SG.PELEK) | JUMLAH (RM) | PENERIMA | CATATAN |
|------|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | 10.07.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Ke 4, Kelab Nyanyian Warga Emas Sg.Pepek. | 1,000.00 | Kelab Nyanyian Warga Mas Sg.Pepek Lot 93-3, Tkt.2, Jln.Besar, Sg.Pepek. | |
| 2. | 10.07.2008 | Program Mesra Rakyat DUN Sg.Pepek Bersama YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 3. | 02.09.2008 | Tokong Bai Guan Yin Sg.Pepek Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun. | 1,000.00 | Yap Sai Hoon Tokong Bai Guan Yin | |
| 4. | 02.09.2008 | Program Sambutan Hari Kemerdekaan 2008. | 2,500.00 | Khamis bin Md Jani Belia Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 5. | 02.09.2008 | Menganjurkan Jamuan Perayaan Sempena Ulang Tahun Ke 94. | 1,000.00 | Sim Chee Keong Pengerusi Persatuan Keturunan Keluarga "SIM" S'gor | |
| 6. | 10.09.2008 | Program Mesra Rakyat Perayaan Tang Long 2008. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 7. | 10.09.2008 | Mesra Rakyat Perayaan Sambutan Hari Kemerdekaan 2008. (Bendera Kereta) | 2,500.00 | Pusat Khidmat Komuniti DUN Sg.Pepek 9, Tkt.2, Jln.Damai satu, Tmn.Damai, Sg.Pepek | |
| 8. | 10.09.2008 | Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Bantuan Orang Miskin dan Anak Yatim. | 3,200.00 | Nordin bin Abdullah Pertubuhan Penduduk Taman Sri Bayu | |

| | | | | | |
|-----|------------|---------------------------------------------------------|----------|--------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 9. | 10.09.2008 | Menganjurkan Perayaan Pesta Tang Long. | 1,000.00 | Lwi Kian Keong Pengerusi Pelaksanaan Perayaan Pesta TangLong | |
| 10. | 10.09.2008 | Majlis Perayaan Ulang Tahun. | 1,000.00 | Hiap Eng Lee Tokong Buddha Tien Loong Shang 66, Kg.Sepang Jaya. | |
| 11. | 10.09.2008 | Piala Pertandingan Nyanyian Terbuka. | 1,000.00 | Lim Hoon Poh Pertubuhan Khong Zong Zido Fan Pun Yuen, Sg.Pelek. | |
| 12. | 16.09.2008 | Program Kesihatan "Jom Happy". | 1,000.00 | Yuhanis bt Khairuddin Cyberjaya Universiti College Of Medical Sciences (CUCMS) | |
| 13. | 16.09.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Ke 54. | 1,000.00 | Lay Chee Chuan Pengerusi J/Kuasa Kerja Persatuan Foo Chow | |
| 14. | 22.09.2008 | Sempena Larian Hari Deepavali. | 500.00 | M.Ramasamy Pengerusi Larian Hari Deepavali Sepang Hash House Harriers | |
| 15. | 22.09.2008 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (Kg.Hulu Chuchuh). | 2,500.00 | Hj.Husin bin Juremi Pengerusi JKKK Kg.Hulu Chuchuh | |
| 16. | 22.09.2008 | Majlis Berbuka Puasa dan Menghidupkan Sepuluh Ramadhan. | 1,000.00 | Jaili bin Ahmad Surau Kg.Giching Hilir, | |
| 17. | 22.09.2008 | Program IHYA' Ramadhan 2008. | 2,500.00 | Rohana Abd Rahman Pengerusi Program Ihya Ramadhan 2008 Masjid Jamek Salak | |
| 18. | 22.09.2008 | Perayaan Ulang Tahun Ke 17. | 1,000.00 | Lim Eng Hock Pengerusi Penganut See Thien Keong Sg.Pelek | |

| | | | | | |
|-----|------------|----------------------------------------------------------|----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 19. | 24.09.2008 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (Kg.Tg.Mas). | 2,500.00 | Khamis bin Md Jani S/Usaha JKKK Kg.Tg.Mas,Bt.2 | |
| 20. | 24.09.2008 | Program Majlis Berbuka Puasa. | 2,500.00 | Asri bin Ahmad Pengerusi Yayasan Amal Neg.S'gor Cawangan Sepang | |
| 21. | 06.10.2008 | Jamuan Hari Raya Peringkat Daerah Sepang Tahun 2008. | 1,500.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 22. | 06.10.2008 | Majlis Bersama Penduduk. | 2,350.00 | Azlan bin Saleh Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Tmn.Sri Sg.Pelek | |
| 23. | 06.10.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Konsert Tadika. | 2,000.00 | Siew Mut Cheng Guru Besar Tadika Methodist Sepang | |
| 24. | 06.10.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Persatuan Penggerak Muslimat | 2,500.00 | Normala bt Paimon Pengerusi Persatuan Penggerak Muslimat Kg.Hulu Chuchuh | |
| 25. | 06.10.2008 | Majlis Berbuka Puasa Sempena Malam 27 Ramadhan. | 900.00 | Hj.Kamari bin Miski Pengerusi Surau Desa RTB Labu Lanjut | |
| 26. | 06.10.2008 | Majlis Makan Malam Sempena Perasmian Bangunan Persatuan. | 1,000.00 | Ng Seng Chai Pengerusi Persatuan Hokkien Daerah Sepang | |
| 27. | 06.10.2008 | Perkemahan Di Dusun Eko Resort. | 2,000.00 | Chang Yok Mooi SRJK(C) Tche Min Sg.Pelek | |
| 28. | 06.10.2008 | Program Motivasi Pelajar dan Ibu Bapa. | 1,500.00 | Arasappan a/l Muniandy Pengerusi Persatuan Pembinaan Kuil Arulmigu Sri Maha Mariamman , BBST | |

| | | | | | |
|-----|------------|---------------------------------------------------------------------------------------|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 29. | 06.10.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Koo Tam Kiat Pengerusi Persatuan Hong Hua Tin 45, Tmn.Sri Sepang | |
| 30. | 06.10.2008 | Sepanduk Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali. | 4,500.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 31. | 14.10.2008 | Majlis Sambutan Hari Raya dan Ramah Mesra Wanita Antara Kaum DUN Sg.Pelek. | 5,600.00 | Norhanim Ahmad Pengarah Program Hal Ehwal Wanita DUN Sg.Pelek, Jenderam Hulu | |
| 32. | 14.10.2008 | Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali Dewan Orang Ramai Sg.Pelek. | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 33. | 14.10.2008 | Program Sumbangan Perayaan Ulang Tahun Kuil Sg.Linau. | 1,000.00 | Kunasekaran a/l Mottain S/Usaha Persatuan Pengikut-Pengikut Dewa Sri Ramar Subramaniam, Sg.Linau, Sepang. | |
| 34. | 14.10.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan Penganut Buddha Huan Chian Cheun, Sepang. | 1,000.00 | Tham Ming Sum Pengerusi Persatuan Penganut Buddha Huan Chian Cheun, Sepang | |
| 35. | 14.10.2008 | Sambutan Hari Deepavali dan Sumbangan Orang Miskin di DUN Sg.Pelek. | 10,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 36. | 31.10.2008 | Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Tokong Ke 59. | 1,000.00 | Sim Chee Keong Pengerusi J/Kuasa Persatuan Penganut Tokong Hok Shi Tong, Kg.Baru Sg.Pelek | |

| | | | | | |
|-----|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|
| 37. | 31.10.2008 | Peruntukan Untuk Pembangunan Kumpulan Tarian Cina Persatuan Bahasa Cina. | 2,000.00 | Goh Su Ling S/Usaha Persatuan Bahasa Cina, SMK Sg.Pelek | |
| 38. | 31.10.2008 | Majlis Perayaan Tokong Soon Tian Kong. | 1,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 39. | 07.11.2008 | Peruntukan Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Tokong. | 1,000.00 | Goo Swee Thay Pengerusi J/Kuasa Pertubuhan Tokong Wong Seong Tong, Sg.Pelek | |
| 40. | 07.11.2008 | Jamuan Makan Hari Perayaan Deepa Raya. | 2,000.00 | Lau weng Chan Ahli Majlis Perbandaran Sepang, J/Kuasa Perunding Penduduk Zon Sepang | |
| 41. | 18.11.2008 | Bayaran Cenderahati (Hamper) bersempena lawatan JKKK dari Seberang Perai, Pulau Pinang pada 08.11.2008 | 1,000.00 | Sudah Bayar No.Baucer 00075(S) No.Cek 619064 Tarikh 24.11.2008 | Ketemu Rezeki Maju(M)Sdn.Bhd |
| 42. | 07.11.2008 | Peruntukan Membiayai Kejohanan Bola Keranjang Terbuka Tahun 2008. | 2,000.00 | Tan Kim Eng Pengerusi Persatuan Bola Keranjang Daerah Sepang | |
| 43. | 19.11.2008 | Theme Balik Sekolah. | 4,000.00 | Pengerusi JPP Zon Sepang Ahli Majlis Perbandaran Sepang | |
| 44. | 20.11.2008 | Badminton Open Competition. | 2,000.00 | Lau Weng Chan Ahli Majlis Perbandaran Sepang, J/Kuasa Perunding Penduduk Zon Sepang | |
| 45. | 20.11.2008 | Memohon Peruntukan Aktiviti JKKK Kg.Baru Sg.Pelek. | 3,000.00 | Lai Nyuk Lan Pengerusi JKKK Kg.Baru Sg.Pelek | |

| | | | | | |
|-----|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 46. | 20.11.2008 | Memohon Peruntukan Menganjurkan Pertandingan Nyanyian Karaoke. | 2,000.00 | Ng Chai Pengerusi Tokong San Yik Kow Chu Sg.Pelek | |
| 47. | 20.11.2008 | Perasmian Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah. | 2,000.00 | Samsidar bt Buyong Guru Besar SK Methodist Sg.Pelek | |
| 48. | 20.11.2008 | Peruntukan Bagi PIBG SJK(C) Sepang. | 2,000.00 | Tai Seng Sin Pengerusi PIBG SJK (C) Sepang | |
| 49. | 20.11.2008 | Peruntukan Membeli Peralatan Asas dan Pembiayaan Perbelanjaan Balairaya. | 2,000.00 | Lwi Kian Keong Pengerusi JKKK Kg.Baru Salak | |
| 50. | 20.11.2008 | Menjemput Untuk Perasmian Penutupan Kejohanan Bola Keranjang Terbuka 2008. | 1,000.00 | Tan Kim Eng Pengerusi Persatuan Bola Keranjang Daerah Sepang | |
| 51. | 20.11.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Aktiviti JKKK Kg.Baru Sepang. | 3,000.00 | Tai Choo Sing Pengerusi JKKK Kg.Baru Sepang. | |
| 52. | 20.11.2008 | Sumbangan Peruntukan Pertandingan Membina Pondok Diatas Pokok dan Perhimpunan Pengakap Kelana, Selangor. | 2,500.00 | Yussri bin Abdullah Pengerusi Pengakap Daerah Sepang | |
| 53. | 02.12.2008 | Memohon Peruntukan Kewangan. | 2,000.00 | Subadhra Devi Pertubuhan Rumah Kebajikan T.K Tasik Beringin 10, Pantai Sepang Putra | |
| 54. | 02.12.2008 | Theme - Balik Sekolah (tambahan) | 2,000.00 | Lau weng Chan Ahli Majlis Perbandaran Sepang, J/Kuasa Perunding Penduduk Zon Sepang | |
| 55. | 02.12.2008 | Theme - Balik Sekolah. | 4,000.00 | Ivan Ho Fook Keong Ahli Majlis Perbandaran. Pengerusi JPP Zon Jenderam | |

| | | | | | |
|-----|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|---------------------------------------------------------------------------|--|
| 56. | 12.12.2008 | Permohonan Peruntukan Untuk Membeli Komputer. | 5,600.00 | Sim Chee Keong Pengerusi PIBG SJK (C)Tche Min Sg.Pelek | |
| 57. | 15.12.2008 | Memohon Peruntukan Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Tan Hang Tye Pengerusi Persatuan Penganut Dewa Guan Man Gong Sepang | |
| 58. | 18.12.2008 | Memohon Peruntukan Untuk Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan. | 1,000.00 | Lau Sang Hee Pengerusi Persatuan Penganut Dewa Natoting Sepang | |
| 59. | 26.12.2008 | Memohon Peruntukan Pakaian/Peralatan Sukan Untuk Pasukan Futsal Kg.Tg.Mas, Bt.2, Sepang. | 3,500.00 | Khamis bin Md Jani S/Usaha JKKK Kg.Tg.Mas, Bt.2 | |
| 60. | 26.12.2008 | Mengganti Baru Sistem Siaraya (PA Sistem) Surau Madrasatul Al-Ubudiah, Kg.Jenderam Hulu.(L.O) | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 61. | 26.12.2008 | Mengganti Baru Sistem Siaraya (PA Sistem) Masjid Ar-Redha Kg.Jenderam Hulu.(L.O) | 5,000.00 | Wong Chuan How Pengerusi AJK Peruntukan DUN N.56 | |
| 62. | 06.10.2008 | Sumbangan Keperluan Surau Carpet dan PA System. | 5,000.00 | Hj.Kamari bin Miski Pengerusi Surau Desa RTB | |
| | | JUMLAH | 158,150.00 | | |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SEKTOR KESIHATAN

223. Situasi denggi dan chikungunya sangat di katakan sangat membimbangkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status kedua-dua penyakit ini di Negeri Selangor?
- b) Berikan statistik kedua-dua penyakit ini termasuk jumlah kematian sekiranya ada.
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Status penyakit chikungunya adalah terkawal namun wabak penyakit demam denggi masih membimbangkan walaupun ada tanda-tanda ianya mulai terkawal.
- b) Sepanjang 8 minggu pertama tahun 2009, sejumlah 566 kes Chikungunya dan 5,186 kes demam denggi dengan 20 kematian telah dilaporkan kepada Jabatan Kesihatan Selangor. Tiada kematian disebabkan oleh penyakit Chikungunya dilaporkan.
- c) Kerajaan telah dan akan terus mempertingkatkan usaha-usaha kawalan dan pencegahan denggi dan Chikungunya. Diantara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah pendidikan kesihatan berkala kepada masyarakat mengenai denggi dan chikungunya. Melaksanakan aktiviti "mencari dan memusnah" tempat pembiakan nyamuk dan aktiviti semburan kabus untuk setiap notifikasi denggi dan chikungunya yang diterima. Melaksanakan "operasi basmi aedes" pada hujung minggu, dilokali wabak demam denggi atau chikungunya yang berpanjangan melebihi 14 hari. Mengerakkan penduduk untuk mengadakan gotong royong secara berkala memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di rumah dan kawasan sekeliling. Langkah jangka panjang termasuk mengwujudkan inisiatif komuniti seperti "COMBI" dan "Skuad Denggi" di lokaliti berwabak dimana penduduk tempatan menjalankan aktiviti "mencari dan memusnah" tempat pembiakan nyamuk di dalam dan di persekitaran rumah masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : MENTERI BESAR DAN EXCO TELAH MENGISYTIHARKAN HARTA MEREKA PADA TAHUN 2008. APAKAH DASAR-DASAR DEMI MEMBASMI GEJALA RASUAH DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN.

224. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bersedia melaksanakan dasar supaya semua kakitangan kerajaan peringkat tinggi seperti Pegawai Daerah, YDP Majlis dan pengarah-pengarah untuk setiap Jabatan mengisytiharkan harta mereka demi memastikan mereka tidak terlibat dalam gejala rasuah?
- b) Adakah kerajaan akan mengehendkan jumlah tunai yang boleh dibawa oleh pegawai penguat kuasa semasa menjalankan tugas? Kalau tidak sila nyatakan alasannya?
- c) Bagaimanakah kerajaan boleh mengelakkan kakitangan kerajaan daripada terlibat dalam kegiatan rasuah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan sememangnya telah menguatkuasakan peraturan di mana setiap pegawai perkhidmatan awam di semua peringkat mengisytiharkan harta masing-masing selaras dengan ***Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 iaitu 'Pemilikan dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam'***. Pemilikan harta bermaksud harta yang dimiliki oleh ***pegawai atau isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya***.

Harta yang dimaksudkan didefinisikan kepada dua (2) jenis iaitu ***Harta Tidak Alih dan Harta Alih***. Harta Tidak Alih termasuklah tanah, tempat kediaman dan bangunan. Manakala Harta Alih termasuklah wang tunai, syer, saham, debentur, bon atau sekuriti lain, lesen atau permit perniagaan, perdagangan atau komersial, kenderaan, barang kemas dan sebagainya.

Penjawat awam juga dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing ***secara bertulis kepada Ketua Jabatan*** dengan menggunakan borang-borang yang disediakan. Pengisytiharan harta perlu dibuat apabila:

- i) Dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam;
- ii) Dikehendaki oleh Ketua Jabatan;
- iii) Memperoleh harta tambahan; dan
- iv) Melupuskan harta.

Semua pegawai dikehendaki membuat perisytiharan harta ***sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun***.

- b) Soalan ini tidak berkaitan dengan BPSM.
- c) Pentadbiran Kerajaan Negeri menyedari bahawa tindakan pembasmian rasuah yang komprehensif memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak. Oleh itu, pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengelakkan kakitangan kerajaan terlibat dalam kegiatan rasuah. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ialah:
- i) Mengadakan **Bengkel Pelan Tindakan dan Pencegahan Rasuah Negeri Selangor** bagi merencanakan pelan yang komprehensif serta bersepadu berlandaskan norma kerja pentadbiran Kerajaan Negeri. Pelan ini disediakan sebagai langkah pencegahan dengan mengenal pasti ruang dan peluang berlakunya gejala rasuah di Jabatan / Agensi masing-masing. Secara tidak langsung, pihak pengurusan di Jabatan / Agensi berupaya mengambil langkah yang proaktif dan signifikan untuk menambah baik sistem dan prosedur sedia ada. ;
 - ii) Mengadakan **pengurusan integriti** di kalangan pegawai dan kakitangan di Jabatan / Agensi melibatkan program / aktiviti seperti penerangan **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) dan simulasi anti-rasuah;**
 - iii) Mewajibkan **Modul Pencegahan Rasuah** kepada **Penguat kuasa yang baru dilantik dan masih dalam proses pengesahan dalam perkhidmatan;**
 - iv) Melaksanakan **program / aktiviti bersepadu** iaitu Program Operasi dan Pemeriksaan Bersama Badan Pencegah Rasuah Negeri Selangor (BPR) terutamanya melibatkan **kes-kes kecurian pasir dan penguatkuasaan;** dan
 - v) **Meningkatkan tahap kesedaran** di kalangan pegawai berhubung **nilai-nilai pematuhan integriti** seperti membekalkan Buku Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan Buku Poket semasa menjalankan tugas.
 - vi) Menerapkan nilai-nilai murni dan etika penjawat awam melalui kursus-kursus bina insan SPIES yang menekankan tentang tanggungjawab, integriti dan dedikasi terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : KAMPUNG ORANG ASLI DI BUKIT KOMANDOL DUN TELUK DATUK

225. Difahamkan bahawa, kerajaan telah membina banglo-banglo dan juga akan membayar wang pampasan sebanyak RM 100,000 hingga RM 300,000 untuk setiap keluarga orang asli di Bukit Komandol.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mereka telah menyalahgunakan wang pampasan yang belum diterima ini untuk membeli minuman keras dan dadah secara kredit. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?
- b) Kebanyakan daripada mereka tidak bekerja, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?
- c) Sebahagian besar kanak-kanak orang asli ini tidak dihantar ke sekolah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan?

JAWAPAN :

- a) (i) **MINUMAN KERAS**

Sehingga kini, Jabatan ini tidak menyangkal berlakunya aktiviti membeli minuman keras kerana minuman keras ini telah menjadi amalan dan rutin segelintir masyarakat Orang Asli dan peratusannya adalah sekitar 5-10% daripada jumlah penduduk Orang Asli Bukit Kemandol.

- (ii) **PENGLIBATAN DADAH**

Sehingga kini, jabatan ini masih belum menerima sebarang aduan daripada Peg. Hal Ehwat Orang Asli Daerah Kuala Langat & Klang, Agensi Penguat kuasa (AADK dan POLIS Narkotik) serta JKKK Kampung Orang Asli berkenaan.

- b) Berdasarkan maklumat daripada JKKK Kampung Orang Asli berkenaan, kebiasaannya Orang Asli masih menjalankan kerja-kerja harian seperti mengambil upah memotong buah kelapa sawit, kerja-kerja pertanian tradisional dan menjadi buruh di luar kawasan kampung. Dengan pampasan yang diperolehi, mereka akan berbelanja besar berdasarkan kehendak mereka dan pihak Jabatan tidak dapat menghalang kemahuan dan keinginan mereka. Pihak Jabatan telah mengambil langkah yang sewajarnya dengan memberi pendedahan, penerangan dan latihan kepada masyarakat Orang Asli melalui Kursus Minda Wanita, JKKK dan Belia di samping mengadakan aktiviti Lawatan Sambil Belajar ke Langkawi, Pulau Pinang dan sekitar Kuala Lumpur.

- c) Sehingga kini, Jabatan ini tidak menerima sebarang aduan ataupun makluman daripada pihak Sekolah Kebangsaan Bukit Kemandol (A), Kuala Langat. Pihak Jabatan ini menyediakan pengangkutan kepada pelajar-pelajar Orang Asli ke Sekolah Menengah Jalan Kebun.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran melalui bantuan Kumpulan Wang Amanah (KWAM), telah memberi bantuan kepada setiap pelajar Orang Asli berjumlah RM 700.00 setahun bagi membantu pelajar-pelajar tersebut.

Untuk makluman Dewan, Kerajaan melalui Jabatan ini telah menyediakan beberapa bantuan dan kemudahan kepada para pelajar Orang Asli antaranya ialah menyediakan peruntukan sebanyak RM 1 Juta setahun bagi membiayai pengangkutan pelajar-pelajar Orang Asli di Sekolah Rendah dan Menengah bagi seluruh Negeri Selangor. Lain-lain bantuan adalah termasuk menyediakan Program Pelan Tindakan Pendidikan Orang Asli (PTPOA) yang mana dirungkaikan dalam beberapa aktiviti antaranya ialah Bengkel Menjawab Soalan Peperiksaan, Program Mini Asrama, Program Belajar Sambil Melawat, Program Kecemerlangan Pelajar dan lain-lain. Selain dari itu juga, di bawah Skim Kementerian Pelajaran, pelajar-pelajar juga diberikan Baucar Tuisyen yang mana ianya dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN JKKK

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap JKKK di negeri Selangor mengikut daerah dan apakah mekanisme pemberian peruntukan tersebut?
- b) Apakah garis panduan untuk menggunakan peruntukan tersebut agar peruntukan berkenaan digunakan dengan sebaiknya?
- c) Apakah jumlah peruntukan untuk pembangunan kampung cina dalam tahun 2009 mengikut daerah?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang diberikan kepada setiap JKKK di Negeri Selangor adalah pembayaran elaun kepada Ketua-Ketua Kampung, Setiausaha JKKK, elaun mengadakan mesyuarat oleh JKKK, elaun bantuan kewangan untuk pentadbiran JKKK dan elaun tuntutan menghadiri mesyuarat bagi Ketua Kampung. Berikut adalah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap JKKK di Negeri Selangor mengikut daerah :-

| BIL | DAERAH | KADAR ELAUN x JUM. KPG | | JUMLAH (Sebulan) |
|-----|--------------|-----------------------------|------------|---------------------|
| | | (Sebulan) Cina) | (Tradisi & | |
| 1. | Petaling | RM1,300 x (19 kpg + 7 kpg) | | RM 33,800 |
| 2. | Klang | RM1,300 x (33 kpg + 4 kpg) | | RM 48,100 |
| 3. | Gombak | RM1,300 x (35 kpg + 14 kpg) | | RM 63,700 |
| 4. | Hulu Langat | RM1,300 x (61 kpg + 12 kpg) | | RM 94,900 |
| 5. | Selangor | RM1,300 x (19 kpg + 4 kpg) | | RM 29,900 |
| 6. | Kuala Langat | RM1,300 x (34 kpg + 2 kpg) | | RM 46,800 |
| | | | | |

| | | | |
|---------------|----------------|-----------------------------|-------------------|
| 7. | Kuala Selangor | RM1,300 x (55 kpg + 10 kpg) | RM 84,500 |
| 8. | Hulu Selangor | RM1,300 x (33 kpg + 13 kpg) | RM 59,800 |
| 9. | Sabak Bernam | RM1,300 x (79 kpg + 12 kpg) | RM 118,300 |
| JUMLAH | | | RM 579,800 |

Mekanisme bagi pemberian peruntukan ini adalah peruntukan-peruntukan ini dibayar terus kepada Pejabat-Pejabat Daerah selaku pegawai pengawal kepada Kerajaan Negeri.

- b) Peruntukan elaun bagi JKKK di Negeri Selangor dari segi elaun ketua kampung, elaun Setiausaha JKKK, elaun minit mesyuarat, elaun bantuan kewangan untuk pentadbiran JKKK dan tuntutan menghadiri mesyuarat dikawal dan dipantau oleh semua Pejabat Daerah. Semua Ketua Kampung dan Setiausaha JKKK akan dibayar terus ke akaun mereka. Setiap mesyuarat yang diadakan oleh sesebuah JKKK, setiausaha JKKK haruslah mengemukakan minit mesyuarat ke Pejabat Daerah untuk pengesahan bagi pembayaran elaun minit mesyuarat. Dari segi elaun bantuan kewangan untuk pentadbiran JKKK pula, ianya akan disalurkan terus ke dalam akaun JKKK manakala elaun tuntutan menghadiri mesyuarat bagi ketua kampung, ketua kampung haruslah mengemukakan surat jemputan mesyuarat yang telah dihadiri ke Pejabat Daerah untuk makluman Pejabat Daerah. Seterusnya Pejabat Daerah akan membuat pengesahan dari urusetia mesyuarat tersebut untuk melakukan pembayaran elaun tersebut.
- c) Bagi Tahun 2009, Peruntukan Pembangunan untuk Kampung Baru/Bagan/Tersusun adalah sebanyak RM 4,259,000.00 juta. Peruntukan ini diberikan kepada daerah-daerah mengikut permohonan yang dikemukakan oleh Pengerusi JKKK melalui Pejabat Daerah. Permohonan yang layak dan kritikal akan diberi keutamaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENURUNAN CUKAI PINTU

227. Dalam Manifesto pilihan raya lalu Pakatan Rakyat telah menjanjikan untuk menurunkan 20 peratus cukai pintu. Sehingga hari ini janji hanya tinggal janji, rakyat di tipu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Bilakah Kerajaan Negeri di bawah PR hendak menurunkan cukai pintu, rakyat amat berharap ianya dapat diturunkan, ianya dapat meringankan bebanan kehidupan rakyat sekarang dalam keadaan ekonomi yang lembap ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri masih mengkaji cadangan pengurangan cukai pintu atau cukai taksiran kerana sekiranya penurunan cukai taksiran dilaksanakan secara tergesa-gesa, ini akan menyebabkan pendapatan PBT akan turut berkurangan. Kekurangan hasil akan menyebabkan perancangan pembangunan dan penyediaan perkhidmatan kepada rakyat akan terjejas. Kerajaan Negeri sentiasa peka dan memantau kesan kemelesetan ekonomi yang berlaku kini dan memerlukan sedikit masa lagi sebelum tindakan selanjutnya dapat diputuskan.

Walaupun kadar cukai taksiran masih belum diturunkan, Kerajaan Negeri sedaya upaya membantu meringankan beban rakyat dengan mengagihkan kekayaan negeri secara adil iaitu melalui dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR

228. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan permintaan untuk menaik taraf tebing longkang Parit 6 yang bersebelahan dengan Taman Sri Sekinchan masih tidak diluluskan?
- b) Bilakah pihak Kerajaan akan meluluskan permohonan kerja-kerja menaik taraf Jalan Pantai Sekinchan yang sepanjang lebih kurang 800 meter?

JAWAPAN :

- a) Untuk melaksanakan projek menaik taraf tebing longkang Parit 6 secara keseluruhan, anggaran kos yang terlibat sebanyak RM 3.5 juta. Sungguhpun demikian, pada tahun 2007, masalah hakisan ini telah ditangani dengan kerja-kerja kecil membaik pulih kawasan tebing berhampiran kunci air dengan kos projek sebanyak RM 200,000.00.

Manakala pada tahun ini pula, tender untuk Fasa 1 iaitu berhampiran kawasan kunci air telah dipanggil tender dengan anggaran kos RM 1.5 juta. Kerja-kerja menaik taraf ini dijangka bermula pada pertengahan bulan Mac 2009.


Manakala untuk Fasa 2 iaitu bersebelahan Taman Sri Sekinchan, masih di dalam peringkat reka bentuk dan apabila permohonan peruntukan diluluskan, projek ini dijangka akan dilaksanakan di dalam bulan Jun 2009.

- b) Jalan ini bukan di bawah senggaraan JKR. Fungsi utama Jalan Pantai Sekinchan adalah sebagai jalan masuk ke jeti-jeti pendaratan ikan di samping laluan ke pantai. Jenis jalan ini adalah jalan 'crusher run'. Walau bagaimanapun, JKR akan mengesyorkan supaya kerja naik taraf jalan ini dimasukkan ke dalam bajet Kerajaan Negeri dalam Rancangan Malaysia ke-10 jika ada keperluan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Akibat daripada aliran air yang deras dan operasi kunci air yang menghasilkan kejadian pasang surut di longkang Parit 6 ini, tebingnya mula menunjukkan kesan-kesan hakisan. Hakisan ini semakin kritikal dan telah menyebabkan runtuh berlaku tebing berlaku di beberapa tempat dan menyebabkan sebahagian Jalan Parit 6 turut runtuh.

| | |
|----------------------------------------------------|-----------|
| Menjalankan kerja-kerja kecil di sekitar kunci air | 2007 |
| Lawatan tapak oleh pegawai UPEN dan PLB | Sept 2009 |
| Pelaksanaan Projek Fasa 1 | Mac 2009 |



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA YANG DIBUANG KERJA

229. Sejak bulan Oktober 2008 hingga Februari 2009 seramai 14,365 pekerja telah kehilangan kerja akibat industri tutup dan kemerosotan perniagaan (perangkaan MTUC).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani isu kehilangan kerja rakyat Selangor .
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk menubuhkan suatu tabung khas bantuan pekerja di mana para majikan dan pekerja membuat caruman bulanan. Jumlah caruman ini boleh digunakan untuk membantu pekerja apabila suatu kilang terpaksa ditutup akibat kemerosotan.

JAWAPAN :

- a) Atas dasar tanggungjawab kepada rakyat, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah pro-aktif dengan menubuhkan **Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor** pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat dan maklumbalas serta membincangkan bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan menerusi program sedia ada bagi menangani isu tersebut. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada hari Jumaat setiap minggu.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- i) membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerusi peruntukan dan program-program bantuan sedia ada;
- ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuai padanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut; dan
- iii) Bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti di CIAST (Center for Instructor and Advanced Skill Training) di Seksyen 19, Shah Alam.

- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri belum merancang untuk menubuhkan tabung khas bantuan pekerja. Namun demikian, melalui kenyataan akhbar oleh Menteri Sumber Manusia di dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 16 Februari 2009, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM220 juta untuk melatih pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat kemerosotan ekonomi bagi membolehkan mereka diserap ke dalam sektor lain. Antara sektor yang masih memerlukan pekerja adalah sektor perhotelan, pelancongan, pembuatan berasaskan makanan serta pembuatan berasaskan kesihatan. Jesteru itu, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk membantu pekerja yang diberhentikan menerusi peruntukan yang disediakan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TEMPAT IBADAT BUKAN ISLAM

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Semenjak 8 Mac 2008 sehingga kini, berapakah tanah ibadat bukan Islam yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan sebab mengapa permohonan tanah mereka tidak pernah diluluskan selama ini oleh Kerajaan Negeri yang lalu.

JAWAPAN :

- a) Semenjak 8 Mac 2008 hingga Mac 2009, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah memperakukan/meluluskan sebanyak **29** permohonan bagi rumah-rumah ibadat selain Islam seperti berikut:

| BIL | RUMAH IBADAT | JUMLAH |
|---------------|---------------------|---------------|
| 1. | KUIL | 15 |
| 2. | TOKONG | 7 |
| 3. | GEREJA | 7 |
| JUMLAH | | 29 |

Walau bagaimanapun, bagi setiap permohonan yang telah diperakukan atau disokong di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, akan dikemukakan semula ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

- b) Kerajaan Negeri sebelum ini ada meluluskan permohonan pemberimilikan tanah untuk rumah-rumah ibadat selain Islam. Bagi tahun 2007 Jawatankuasa Bangunan Keagamaan Bukan Islam telah menyokong sebanyak **27** permohonan pemberimilikan tanah untuk di bawa kepada MMKN untuk kelulusan. Permohonan-permohonan yang disokong oleh Jawatankuasa Selain Islam selepas 8 Mac 2009 adalah terdiri daripada permohonan-permohonan baru yang dibawa ke mesyuarat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedar, terdapat sesetengah permohonan tersebut telah lama dikemukakan kepada pejabat tanah tetapi mengambil masa lama untuk diproses. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua pejabat tanah untuk mempercepatkan proses pemberimilikan tanah untuk rumah-rumah ibadat yang memohon tanah-tanah Kerajaan dengan syarat permohonan tersebut memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENGAMBILAN KONSENSI AIR DI SELANGOR

231. Kerajaan Selangor menawarkan untuk membeli konsesi air daripada SPLASH, ABASS, SYABAS dan PUNCAK NIAGA. Di fahamkan bagi membeli SPLASH Kerajaan Negeri menawarkan 2 bilion.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah keseluruhan kos yang perlu di belanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi pengambilalihan tersebut?
- b) Apakah jaminan Kerajaan Negeri tiada kenaikan kos air setelah pengambilalihan dan tidak merugikan wang rakyat berhubung pengambilalihan?
- c) Apakah jaminan Kerajaan Negeri kualiti perkhidmatan dan kualiti air bersih kepada pengguna?

JAWAPAN :

- a) Kos yang terlibat bagi pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air di Negeri Selangor adalah dianggarkan sebanyak RM5 hingga RM6 bilion. Kos-kos yang dinyatakan ini adalah melibatkan:-
 - i) Pengambilalihan semua aset milik syarikat pemegang konsesi; dan
 - ii) Pembayaran balik semua nilai permodalan yang telah dilaburkan oleh pemegang saham syarikat konsesi dengan diberi imbuhan sebanyak 12% ke atas nilai permodalan berkenaan.
- b) Penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor bermatlamatkan untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat di Negeri Selangor.

Proses ini melibatkan aset-aset milik Kerajaan Negeri Selangor dan aset-aset milik syarikat pemegang konsesi. Aset-aset milik pemegang konsesi akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. PAAB akan membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor nilai-nilai aset ini. Maka dengan hasil pembayaran ini, Kerajaan Negeri akan membayar kepada pemegang konsesi aset-aset yang dahulunya milik mereka.

Kaedah ini membolehkan syarikat yang mengoperasi perkhidmatan air beroperasi secara *asset light* iaitu hanya mengeluarkan perbelanjaan pengurusan tanpa perlu menanggung kos perbelanjaan modal. Perkara ini membolehkan kenaikan tarif akan dapat diminimumkan.

- c) Kerajaan telah meluluskan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara dan dalam masa yang sama Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Negara juga telah diluluskan oleh Parlimen pada 1 Januari 2008. Kedua-dua akta ini diwujudkan bagi tujuan memastikan industri perkhidmatan air di Malaysia memberi perkhidmatan dan kualiti bermutu tinggi pada masyarakat. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang telah ditubuhkan itu bertanggungjawab sebagai badan kawal selia dalam memastikan mutu dan kualiti dan perkhidmatan berada pada tahap terbaik. Syarikat-syarikat konsesi yang terlibat dalam industri perkhidmatan air di seluruh negara adalah tertakluk kepada kedua-dua akta yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PERMOHONAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA ("TOL")

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses permohonan TOL yang dilihat terlalu banyak kerenah birokrasi.
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan satu "*express lane*" untuk tujuan permohonan TOL oleh PBT seperti contoh untuk pembinaan tapak *billboard* dan ianya dikecualikan daripada penilaian teknikal oleh agensi seperti TNB, JPS dan sebagainya kerana PBT sendiri yang akan bertanggungjawab tentang tapak tersebut. Ini sesuai bagi merealisasikan objektif dasar Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan dan menambah punca pendapatan PBT dengan lebih cepat dan berkesan.

JAWAPAN :

- a) Di antara usaha yang telah diambil ialah penurunan kuasa kepada semua Pegawai Daerah untuk meluluskan permohonan TOL. Seterusnya, permohonan TOL untuk tujuan 'Billboard' diberi keutamaan untuk diproses dokumen dan laporan kelulusan dipantau oleh pihak Kerajaan Negeri.
- b) Pihak Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan untuk proses pengeluaran TOL bagi tujuan 'Billboard' dipercepatkan. Walau bagaimanapun penilaian teknikal untuk permit struktur adalah isu berlainan daripada TOL kerana ia dikawal selia oleh Garis Panduan Papan Iklan Luar (Billboard) Negeri Selangor. Pihak PBT hanya menyewakan tapak yang telah diberikan TOL kepada pengusaha. Pengusaha bertanggungjawab sepenuhnya untuk kelulusan permit struktur dan lesen iklan sepertimana yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : MENGATASI PENCEMARAN DI SUNGAI KLANG

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah sehingga ke hari ini Sungai Klang masih menjadi suatu sungai yang sangat dicemari oleh alam sekitar serta ianya amat memalukan bagi warga Negeri Selangor amnya?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memulihara kebersihan Sungai Klang yang menjadi nadi dan imej kepada Negeri Selangor ini agar senantiasa bersih dan cantik dipandang?
- c) Adakah kerajaan Negeri Selangor mempunyai apa-apa cadangan dan langkah-langkah untuk membangunkan Sungai Klang sebagai satu sistem pengangkutan yang moden seperti perkhidmatan Feri dari Klang ke Kuala Lumpur bagi mengatasi kesesakan jalan raya terutamanya di Lebuhraya Persekutuan di samping itu ianya dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Selangor ini?

JAWAPAN :

a) **JAWAPAN DARIPADA LUAS**

Sungai Klang merupakan salah satu sungai utama di Negeri Selangor. Ianya adalah lembangan keempat yang terbesar selepas Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam. Jajaran Sungai Klang meliputi 2 negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor. Di sepanjang jajaran ini merupakan kawasan perbandaran dan petempatan yang maju seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang.

- i) Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada pencemaran Sungai Klang seperti **pembuangan sisa pepejal (sisa pembinaan dan sampah sarap), masalah kelodakan dari aktiviti kerja tanah, pembuangan sisa bahan pencemar dari kilang, pencemaran daripada minyak dan gris dari restoran dan juga bengkel** serta lain-lain. Walau bagaimanapun, keadaan di hilir (*downstream*) adalah lebih tercemar berbanding di hulu (*upstream*). Ini adalah disebabkan aliran sisa bahan buangan di hulu sungai mengalir terus ke bahagian hilir dan seterusnya ke muara.
- ii) Salah satu faktor utama yang menyebabkan Sungai Klang tercemar ialah kerana sikap orang ramai yang gemar membuang segala jenis sampah sarap ke dalam sungai tanpa memikirkan kesannya kepada sungai tersebut dan alam sekitar. Mengikut rekod, dianggarkan sejumlah 240 tan sampah dikutip oleh JPS setiap bulan bagi Sungai Klang sahaja. Dari segi Indeks Kualiti Airnya pula daripada 14 stesen pemantauan kualiti air JAS, secara keseluruhannya Sungai Klang berada di **Kelas III (sederhana tercemar)**.

- b) Memelihara kebersihan Sungai Klang adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pelbagai usaha telah diambil oleh LUAS bagi tujuan tersebut.
- i) Bagi memelihara dan memelihara kebersihan Sungai Klang, pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu **Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Klang dan Jawatankuasa Pasukan Petugas Pengawasan Pencemaran Sungai Klang**. Ahli jawatankuasa terdiri daripada agensi-agensi teknikal, PBT, PTD, pihak konsesi dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan. Isu-isu yang dipantau untuk tindakan bersepadu oleh Jawatankuasa termasuklah masalah pencemaran seperti aktiviti kerja tanah, pengorekan pasir, penternakan haiwan, loji kumbahan, pembuangan sampah haram dan sebagainya. Pemantauan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran sumber air juga dilakukan secara **berkala** yang dijalankan setiap minggu oleh LUAS dan juga **lawatan tapak secara mengejut**.
- ii) Di samping itu, sekiranya sesuatu pencemaran sungai berlaku akibat daripada kejadian kemalangan seperti tumpahan minyak ke dalam sungai, **Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air** yang dipengerusikan oleh YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam dan diurusetiaikan oleh LUAS akan diaktifkan dengan segera bagi menangani masalah pencemaran tersebut. Jawatankuasa dianggotai oleh jabatan-jabatan kerajaan, syarikat konsesi yang berkenaan dan agensi lain yang berkaitan akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah pencemaran tersebut termasuklah mengambil tindakan undang-undang.
- iii) Bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahan air empangan terpelihara dan tidak dicerobohi, LUAS dalam proses **mewartakan kesemua kawasan tadahan air bagi tujuh empangan yang terdapat di Negeri Selangor termasuk Empangan Klang Gates dan Empangan Batu di Lembangan Sungai Klang dan juga kesemua rizab sungai**. Pewartaan dibuat melalui peruntukan perundangan di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor, 1999.
- iv) Dalam usaha menjaga kebersihan Sungai Klang, Kerajaan Negeri amat tegas dalam melaksanakan **penguatkuasaan undang-undang** ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui:
1. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979
 2. Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 (Seksyen 79 – Larangan Pencemaran Sesuatu Sumber Air)
 3. Akta Kerajaan Tempatan 1976

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS sedang menyediakan **Draf Peraturan-peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor, 2009)** berdasarkan Seksyen 79, Enakmen LUAS 1999 bagi mengawal kemasukan dan pelepasan bahan pencemar ke dalam sungai yang sekaligus dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti air sungai.

- v) Selain itu, Kerajaan Negeri juga berusaha menganjurkan **aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan** bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin bekalan air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan melalui LUAS ialah :
1. Ceramah kesedaran awam bertajuk '**Pencemaran dan Pemeliharaan Sumber Air**' pada 25 Jun 2008 di Dewan Sekolah Kebangsaan Simpang Lima, Sungai Besar.
 2. Program '**Qua-Qua**' yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008 di Ulu Yam.
 3. Menganjurkan '**Seminar Kelestarian Pesisir Pantai dan Kesihatan Awam**' pada 14 Ogos 2008 di Auditorium MPK.
 4. Menganjurkan '**Program Program Pembersihan Pantai dan Kempen Menanam Pokok Bakau**' di Pantai Tanjung Harapan dan Bagan Hailam, Pelabuhan Klang bersama MPK, NorthPort dan Komuniti setempat pada **27 Disember 2008**.
 5. Pelancaran '**Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak**' Komuniti Shah Alam dengan kerjasama MBSA, Majlis Perwakilan Penduduk, DUN Batu Tiga dan 10 komuniti sekitarnya pada 7 Februari 2009.
- c) Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai rancangan untuk membersihkan dan memulihara kesemua sungai di negeri ini termasuklah **Sungai Klang**. Hasrat Kerajaan Negeri ini bukan sahaja untuk menjadikan Sungai Klang sebagai satu tarikan pelancongan dan tempat berekreasi tetapi juga sebagai alat pengangkutan alternatif di samping jalan raya dan keretapi. Untuk tujuan ini, satu **Blue Print** akan disediakan yang menggabungkan ketiga-tiga fungsi tersebut di bawah satu pelan jangka panjang yang komprehensif dan lengkap untuk dilaksanakan. Pengalaman beberapa negara seperti Sungai Kallang di Singapura; Sungai Han di Korea Selatan; dan Sungai Thames di United Kingdom akan dijadikan panduan serta rujukan utama dalam menjayakan hasrat ini. Kerajaan Negeri akan memasuki Fasa Pelaksanaan Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai Klang bermula daripada *upstream* hinggalah ke *downstream*. Dalam hubungan ini, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan menyediakan satu kertas cadangan yang lengkap dan menjalankan Kajian Kemungkinan berkaitan dengannya. Kerajaan Negeri kini juga menerapkan konsep "**pembangunan berhadapan sungai**" sebagai satu garis panduan perancangan yang lebih menyeluruh dan perlu diamalkan oleh kesemua pemaju dan pemilik tanah persendirian.

JAWAPAN DARI JPS

- a) Pihak kerajaan telah berusaha dengan bersungguh sungguh untuk menangani masalah pencemaran dengan melaksanakan pelbagai kajian semenjak tahun 1988. Antara kajian yang telah dilaksanakan adalah "Study on Flood Mitigation of the Klang River Basin" bersama Japan International Cooperation Agency pada tahun 1988, Program 10 tahun pembersihan Sungai Klang oleh Urusetia Lembah Klang, Jabatan Perdana Menteri dan Program 4 tahun pembersihan Sungai Klang. Pemantauan yang telah dilaksanakan secara berperingkat telah dapat mengurangkan pencemaran sungai. Program pembersihan sungai sememangnya memerlukan tempoh masa yang agak lama. Sebagai contoh, negara maju seperti Singapura pun memerlukan tempoh kira-kira lebih 10 tahun untuk memulih dan memelihara air Sungai Kallang di negara tersebut.
- b) Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan pelbagai langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memelihara Sungai Klang seperti berikut:
- i) Unit bergerak untuk mengutip, mengumpul kelodak dan membuang sampah sarap.
 - ii) Mengenal pasti tempat membina perangkap sampah sarap, dan memperbaiki sistem saliran utama dan anak-anak sungai sepanjang Sungai Klang.
 - iii) Membina lain-lain infrastruktur perangkap sampah
- c) Program pemulihan dan pemeliharaan Sungai Klang memerlukan penglibatan bersepadu pelbagai pihak serta memerlukan perbelanjaan yang tinggi serta mengikut tempoh masa untuk di rancang. Usaha tersebut masih dijalankan sejak tahun 1988 dengan anggaran kos yang sangat terhad. Secara perbandingan, program pemuliharaan Sungai Kallang di Singapura yang melibatkan perbelanjaan berjumlah SGD 200 juta (RM 568 juta). Sehingga kini usaha pemulihan dan pemeliharaan Sungai Klang masih lagi dijalankan secara bersepadu dan melibatkan semua stakeholder.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : MASALAH RUMAH KOS RENDAH ORANG MISKIN

234. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan mempunyai peruntukan untuk membaiki rumah pangsapuri kos rendah orang miskin yang bocor memandangkan terdapat rumah-rumah berkualiti rendah mengalami kerosakan serius setelah tamatnya *liability defect period*?
- b) Jika ada, bagaimana ianya dapat dilakukan dan jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tiada mempunyai peruntukan khusus untuk membaiki petak (unit rumah) pangsapuri kos rendah yang rosak setelah tamat tempoh liabiliti kecacatan (*defect liability period*). Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual H Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]-pindaan 2007, setelah tamat tempoh liabiliti kecacatan, adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk menyenggarakan dan menguruskan bangunan dan harta bersama sehingga Badan Pengurusan Bersama (JMB) ditubuhkan. Pemaju juga bertanggungjawab untuk mendapatkan kutipan bayaran perkhidmatan dan kumpulan wang penjelas yang mencukupi daripada pembeli-pembeli untuk membiayai kos-kos perbelanjaan menyenggarakan bangunan dan harta bersama.

Selain itu, walaupun JMB telah ditubuhkan, di bawah peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], pemaju masih bertanggungjawab ke atas penyenggaraan dan pengurusan bangunan. Ini adalah kerana pemaju adalah merupakan ahli JMB dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) secara automatik dan mereka perlu bersama-sama pembeli melaksanakan tugas terbabit sehinggalah Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Perbadanan Pengurusan diadakan di mana tanggungjawab tersebut akan diambil alih sepenuhnya oleh pemilik petak selaras dengan peruntukan di bawah Akta Hak milik Strata 1985 [Akta 318].

Sekiranya pemaju gagal melaksanakan tanggungjawab penyenggaraan dan pengurusan bangunan dengan sempurna walaupun setelah tamat tempoh liabiliti kecacatan, di bawah peruntukan Akta Kontrak 1950 [Akta 136], pihak pembeli boleh memfailkan kes ke mahkamah berkenaan kegagalan pemaju menguruskan harta bersama dengan baik sebagai mengingkari kontrak perjanjian jual beli yang telah ditandatangani semasa pembelian rumah pangsapuri.

- b) Seperti jawapan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PERMASALAHAN PENGANGKUTAN

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri tentang permasalahan kesesakan jalan raya terutama di kawasan bandar seperti Petaling Jaya?
- b) Bilakah dapat dilaksanakan projek pengangkutan awam yang berkesan?

JAWAPAN :

a&b) Masalah kesesakan lalu lintas di kawasan bandar-bandar besar khususnya Bandar Petaling Jaya adalah kesan dari :-

- pembangunan pesat dan pertumbuhan bandar-bandar baru
- penambahan pemilikan kenderaan
- kekurangan sistem pengangkutan awam

Selain faktor-faktor di atas, keupayaan kemudahan infrastruktur sedia ada juga menjadi salah satu punca yang menyumbang kepada kesesakan lalu lintas kerana tidak mampu menampung beban trafik yang semakin bertambah setiap tahun.

Bagi menangani masalah kesesakan ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam proses untuk melantik Perunding bagi menjalankan satu kajian impak lalu lintas yang menyeluruh di Petaling Jaya bagi mengenal pasti dan menilai semula keupayaan kemudahan infrastruktur sedia ada dengan mengambil kira pembangunan sedia ada dan kesan pembangunan yang akan datang. Kajian ini nanti akan merumuskan beberapa pelan tindakan jangka pendek dan pelan jangka panjang untuk cadangan kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan baru kemudahan infrastruktur di Petaling Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor mewujudkan Jabatan Khas Hal Ehwal Orang Asli?
- b) Berapakah keluasan tanah warisan dan perkampungan orang asli yang telah diambil untuk pembangunan perbandaran 2000-2008?
- c) Apakah dasar kerajaan terhadap pewartaan tanah warisan untuk pembangunan masyarakat orang asli?

JAWAPAN :

- a) Jawapan oleh pihak UPEN Sektoral.
- b) Jawapan seperti di lampiran 'A'.
- c) Jawapan oleh pihak UPEN Sektoral.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PRESTASI PERKHIDMATAN ALAM FLORA

237. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Adakah pihak kerajaan mempunyai sistem penilaian prestasi perkhidmatan Alam Flora?
- b) Sila nyatakan jumlah wang yang disalurkan kepada Alam Flora dari setiap PBT dan peratusan dalam bajet PBT?
- c) Setelah setahun meninjau prestasi Alam Flora, sila nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil. Kalau tidak sila nyatakan alasannya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menerusi PBT sememangnya mempunyai sistem penilaian prestasi AFSB. Bagaimanapun sistem penilaian tersebut adalah tidak seragam mengikut keperluan PBT masing-masing.

Alam Flora Sdn Bhd (AFSB) telah mengambil alih pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor yang melibatkan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awan pada tahun 1998 dengan menandatangani perjanjian pengurusan dengan semua PBT kecuali MD Hulu Selangor. Di dalam perjanjian tersebut telah dinyatakan secara jelas bahawa AFSB haruslah mengekalkan standard menyamai standard yang telah diguna pakai oleh PBT.

Selain daripada itu, sekiranya AFSB gagal menjalankan mana-mana aktiviti seperti di dalam skop kerja yang telah ditetapkan, PBT akan mengeluarkan *Notice To Correct* (NTC) dengan menyatakan kegagalan yang telah berlaku berserta lokasi di mana kegagalan telah berlaku dan AFSB hendaklah mengatasi kegagalan tersebut dalam masa 24 jam dari masa NTC itu diterima atau apa-apa tempoh yang telah dipersetujui oleh PBT.

Sekiranya AFSB gagal mengatasi kegagalan yang telah berlaku di dalam tempoh yang ditetapkan, maka PBT boleh melantik mana-mana pihak untuk mengambil alih mengatasi masalah yang telah berlaku dan kos tersebut akan ditanggung oleh AFSB di mana pembayaran bulanan akan dipotong.

Selain dari itu, aduan awam juga dinilai untuk menanda aras prestasi AFSB. Bagaimanapun ia bukanlah merupakan sesuatu penanda aras yang konkrit kerana ianya harus disahkan oleh PBT ketulenannya. Mana-mana aduan yang tulen dari kegagalan AFSB mematuhi perjanjian, maka NTC akan dikeluarkan mengikut kaedah seperti yang dinyatakan di atas.

- b) Perbelanjaan PBT dalam pengurusan sisa pepejal untuk tahun 2007 adalah seperti berikut:-

| Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | Pendapatan PBT bagi tahun 2007 (RM Juta) | Kos Pengurusan Sisa Pepejal bagi Tahun 2007 (RM Juta) | Peratusan (%) |
|--------------------------------------|-------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|----------------------|
| MB Shah Alam | 216 | 54.63 | 25 |
| MB Petaling Jaya | 227 | 47.50 | 21 |
| MP Ampang Jaya | 119 | 37.44 | 31 |
| MP Klang | 163 | 27.70 | 17 |
| MP Kajang | 100 | 41.08 | 41 |
| MP Selayang | 114 | 40.61 | 36 |
| MP Subang Jaya | 183 | 63.00 | 34 |
| MP Sepang | 58 | 14.38 | 25 |
| MD Kuala Langat | 28 | 5.50 | 20 |
| MD Kuala Selangor | 24 | 9.27 | 39 |
| MD Sabak Bernam | 23 | 3.41 | 15 |
| JUMLAH | 1,255 | 344.52 | 27 |

- c) Dalam tempoh setahun menilai prestasi AFSB, semua PBT telah mengeluarkan NTC apabila AFSB gagal mematuhi perjanjian. Setiap NTC yang dikeluarkan akan menyebabkan pemotongan nilai dari jumlah kontrak yang dibayar kepada AFSB mengikut kadar yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : TAPAK SURAU AL-MUHTADIN, TAMAN KOTA EMERALD, RAWANG

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status tapak surau ini pada masa kini dan jangka masa untuk surau tersebut didirikan?

JAWAPAN :

- a) Tapak surau tersebut pada masa kini sedang dalam proses pemertaan yang akan dikawal oleh Jabatan Agama Islam Selangor berdasarkan kepada Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

Pada masa kini, surau tersebut sedang dalam proses pembinaan dan tahap pelaksanaannya telah mencapai 50% dan dijangka siap pada bulan April 2009.

Kontraktor yang melaksanakan projek ini adalah dilantik oleh penduduk kawasan tersebut dan pembiayaan sebanyak RM 120,000 bagi tujuan pembinaan ini juga ditanggung sepenuhnya oleh penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN DARI KERAJAAN PUSAT

239. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan dengan *detail* berapakah jumlah peruntukan dan geran wajib yang diterima daripada Kerajaan Pusat pada tahun 2008?
- b) Sila senaraikan jumlah keseluruhan peruntukan dan geran wajib yang sepatutnya disalurkan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan turut senaraikan juga peruntukan di bawah Perlembagaan Perkara 109 (1)(b).

JAWAPAN :

a&b) Jumlah geran daripada Kerajaan Pusat yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008 adalah sebanyak **RM495,168,804**. Setiap geran / pemberian tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang seperti senarai yang berikut:

| Bil | Sumber Undang-Undang | Jenis Geran | Jumlah Terimaan 2008 (RM) |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| i. | <p>Keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 1978</p> <p>Berdasarkan Perkara 80 (5) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dibenarkan menuntut sejumlah bayaran perkhidmatan bagi projek yang dilaksanakan.</p> | Pemberian 5% bagi Projek Kerajaan Persekutuan yang Dijalankan oleh Kerajaan Negeri | 15,487,433 |
| ii. | <p>Keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 1987</p> <p>Persetujuan Jemaah Menteri pada 18 Februari 1987 dan Majlis Kewangan Negara pada 5 Mac 1987 berpandukan kepada Perkara 74 (1), 80 (1) dan 82 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan akan membiayai 50% daripada perkara-perkara di butiran (i), (iv), dan (viii), jadual 3 Senarai Bersama bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>Pemberian ini melibatkan bantuan 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan-</p> | Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama | 32,741,010 |

| | | | |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| | <p>jabatan berikut:</p> <p>(i) Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor</p> <p>(ii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri</p> <p>(iii) Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor</p> | | |
| iii. | <p>Perkara 109 (1)(a), Perlembagaan Persekutuan</p> <p>(a) pemberian yang dikenali sebagai pemberian ikut kepala, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh;</p> | <p>Pemberian Bilangan Penduduk ("Capitation Grant")</p> | <p>70,162,066</p> |
| iv. | <p>Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>(b) pemberian bagi penyenggaraan jalan Negeri, yang dikenali sebagai pemberian jalan Negeri, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh.</p> | <p>Geran Jalanraya berdasarkan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)</p> | <p>300,966,292</p> |
| v. | <p>Perkara 109 (6), Perlembagaan Persekutuan. Pemberian Dari Kumpulan Wang Simpanan Negeri (State Reserved Fund)</p> <p>Kumpulan wang ini diwujudkan di bawah Perkara 109 (6), Perlembagaan Persekutuan. Majlis Kewangan Negara pada 12 Mac 1983 telah meluluskan Pemberian daripada Kumpulan Wang ini diperluaskan kepada projek-projek pembangunan negeri.</p> | <p>Pemberian Berdasarkan Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Tahap)</p> | <p>15,959,000</p> |

| | | | |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|
| vi. | <p>Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977</p> <p>Pemberian berdasarkan prinsip “<i>revenue sharing</i>” iaitu apabila terdapat pertambahan di dalam hasil Kerajaan Persekutuan di sesuatu tahun kewangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, negeri-negeri akan mendapat Pemberian ini.</p> | Pemberian Pertambahan Hasil | 34,047,363 |
| vii. | <p>Terbahagi kepada dua seperti berikut:</p> <p>a) Pemberian pampasan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Pemberian ini dibuat melalui Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981.</p> <p>b) Pemberian pampasan untuk Wilayah Persekutuan Putrajaya Pemberian berdasarkan Perjanjian Penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertarikh 7 November 2000.</p> | Pemberian Khas Negeri Selangor (Pemberian Pampasan Kuala Lumpur Dan Putrajaya) | 18,305,637.66 7,500.000.00 |
| | JUMLAH | | 495,168,804.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan keadaan ekonomi semasa, adakah Kerajaan Negeri bercadang mengurangkan cukai taksiran di setiap PBT?
- b) Jika jawapan ya atau tidak, sila nyatakan sebab dan berikan butir-butir.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA UPBT

- a&b) Buat masa ini, penurunan cukai pintu telah mula dilaksanakan di kawasan Majlis Bandar raya Petaling Jaya di mana pengurangan maksimum sehingga 2% bagi rumah bertingkat termasuk apartmen dan kondominium.

Kerajaan Negeri sedang mengkaji akan keperluan untuk mengurangkan kadar cukai taksiran PBT kerana perkhidmatan yang diberikan oleh PBT bergantung daripada hasil utama iaitu cukai taksiran yang dikutip daripada pemilik pegangan. Cadangan penurunan cukai perlu diperhalusi dengan mendalam kerana sekiranya penurunan cukai dibuat secara tergesa-gesa akan menyebabkan hasil PBT menjadi semakin berkurangan sedangkan sumber kewangan PBT belum cukup untuk menampung kos perkhidmatan yang semakin meningkat.

Keadaan kelembapan ekonomi yang berlaku sekarang masih di peringkat awal dan sejauh mana tahap kemelesetan yang bakal dirasai oleh Negeri Selangor masih sukar dipastikan. Oleh itu, Kerajaan Negeri memerlukan sedikit masa lagi sebelum tindakan selanjutnya dapat diputuskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : MEMBENTERAS GEJALA DAN PENYAKIT DENGGI

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejak Pakatan Rakyat menubuhkan Kerajaan Negeri Selangor, berapakah jumlah kematian akibat diserang demam denggi?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi gejala demam denggi ini daripada menyuruh rakyat menangani masalah tersebut secara sendiri?
- c) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes ini tetapi sentiasa mewarwarkan kepada rakyat agar mengambil langkah-langkah mereka sendiri?

JAWAPAN :

- a) Semenjak 9 Mac 2008 hingga 28 Februari 2009, sejumlah 59 kematian disebabkan demam denggi dilaporkan.
- b)
 - i) Langkah kawalan denggi seperti semburan kabus & pemeriksaan premis untuk pembiakan nyamuk Aedes akan dijalankan untuk notifikasi denggi yang diterima oleh Pejabat Kesihatan Daerah.
 - ii) Program Bebas Denggi dilaksanakan dengan Jabatan Pelajaran Negeri untuk memastikan bahawa sekolah- sekolah adalah bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes.
 - iii) Sesi pendidikan dan perbincangan diadakan dengan wakil masyarakat dan penduduk tempatan untuk mempergiatkan inisiatif masyarakat untuk membersihkan kawasan rumah, tempat kerja dan kawasan sekeliling melalui aktiviti gotong royong & penubuhan pasukan sukarelawan denggi dan pertubuhan COMBI ("Communication for Behavioral Impact") tempatan.
 - iv) Pengamal-pengamal perubatan dilatih dalam mengenali penyakit demam denggi pada tahap awal dan pengendalian kes denggi mengikut "Clinical Practice Guidelines" yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - v) Operasi-operasi khas seperti Operasi Megah dijalankan dari masa kesemasa untuk mengatasi masalah demam denggi di lokaliti wabak yang berpanjangan.
 - vi) Penguatkuasaan undang-undang termasuk pengeluaran kompaun dan arahan berhenti kerja ('Stop Work Order') kepada tempat-tempat yang dikesan ada pembiakan nyamuk Aedes terutamanya tempat kerja, industri dan tapak pembinaan.

- c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bersidang pada 19 Februari 2009 telah menolak soalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : MASALAH PEMBERHENTIAN PEKERJA

242. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian terkini Jawatankuasa Tindakan Pemberhentian Pekerja (JTTP) dalam menangani masalah pengangguran pekerja di Selangor?
- b) Apakah angka pengangguran terkini di Selangor dan bagaimana kerajaan dapat membantu golongan menganggur mencari pekerjaan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja di Negeri Selangor pada 30 Januari 2009 bertujuan untuk memantau, mengumpul maklumat serta mengambil tindakan yang wajar bagi menangani isu berhubung pemberhentian pekerja.

Antara pencapaian terkini Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah pemberhentian Pekerja Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- i) membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap hari Sabtu di setiap Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di seluruh negeri Selangor;
- ii) Membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuaipadanan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat yang berdaftar di bawah sistem tersebut;
- iii) Menawarkan bantuan-bantuan latihan kepada pekerja yang diberhentikan dengan kerjasama institusi latihan di negeri Selangor yang mendapat tauliah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti di CIAST (Center for Instructor and Advanced Skill Training) di Seksyen 19, Shah Alam; dan
- iv) Bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara (PEMUDAH) Negeri Selangor yang bertujuan untuk memberi maklum balas segera dan pantas terhadap segala isu yang dihadapi oleh syarikat, para pelabur serta rakyat di negeri Selangor

- b) Data sehingga 13 Februari 2009 daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor menunjukkan seramai 2636 orang telah diberhentikan daripada pekerjaan yang merangkumi 1785 orang pekerja tempatan dan 851 orang pekerja asing.

Antara bantuan yang boleh ditawarkan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui sistem Selangor Retrenchment Helpline (SRH) yang dibangunkan oleh syarikat Jobstreet.com Sdn. Bhd. dengan kerjasama Pusat ICT Selangor. Melalui sistem ini, pekerja yang diberhentikan boleh mendaftar dan sistem akan menyuaipadankan dengan pekerjaan baru di dalam syarikat-syarikat sedia ada yang berdaftar di dalam sistem yang sama berdasarkan kekosongan dan kelayakan. Mereka yang ingin mendaftar bolehlah melayari laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor di www.selangor.gov.my.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan untuk mengembelengkan tenaga dan bantuan daripada NGO dalam pembangunan masyarakat?
- b) Apakah insentif yang dirancang untuk membantu perkembangan sektor NGO?
- c) Adakah pertimbangan pengecualian cukai taksiran dan cukai tanah dipertimbangkan untuk NGO?

JAWAPAN :

- a) Secara amnya Kerajaan Negeri amat menghargai peranan NGO yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha membangunkan masyarakat di Negeri Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah mengiktiraf NGO sebagai "*smart partner*" dalam bekerjasama menjalankan kebanyakan aktiviti pembangunan masyarakat di Negeri Selangor.

NGO kini berpeluang untuk menyuarakan pandangan dan pendapat penambahbaikan aspek-aspek tertentu di samping membantu Kerajaan Negeri membangunkan masyarakat ke arah menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera.

Di antara program usaha sama (*joint venture*) Kerajaan Negeri Selangor dengan NGO adalah seperti :-

1. Program Pusat Seheni Krisis (OSCC-One Stop Crisis Centre)

Program ini melibatkan tenaga NGO wanita dalam usaha mempromosi dan memberi pendedahan mengenai kewujudan OSCC di hospital-hospital kerajaan terpilih untuk melindungi kanak-kanak atau wanita yang menjadi mangsa penganiayaan keganasan keluarga.

Program ini adalah usaha sama Kerajaan Negeri Selangor dengan pelbagai NGO Wanita dalam memastikan masyarakat setempat mendapat informasi yang tepat di samping dapat mengurangkan kadar jenayah di negeri ini.

2. Program Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU)

Program usaha sama dengan Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Negeri Selangor (MAKPENS) yang memfokuskan untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan OKU menjalani kehidupan yang selesa dan sejahtera di samping meningkatkan taraf kehidupan mereka.

3. Program peningkatan dan perkhidmatan asuhan kanak-kanak

Program ini merupakan program kerjasama Kerajaan Selangor dengan Persatuan Taska Negeri Selangor dengan memberikan pendedahan mengenai perkhidmatan dan teknik kemahiran asuhan kanak-kanak yang terbaik dalam usaha melahirkan pengusaha, pengasuh taska dan memberi peluang bimbingan ibu tunggal untuk menceburi bidang ini seterusnya meningkatkan kualiti asuhan kanak-kanak.

Dengan kerjasama ini, secara langsung dapat mempertingkatkan lagi kualiti pembangunan generasi muda akan datang .

- b) Tiada insentif khas yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengembangkan lagi sektor NGO di Negeri Selangor.

Namun begitu, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan NGO yang berhasrat untuk melaksanakan aktiviti yang memberi kesan positif kepada masyarakat dan NGO berkenaan dengan sebahagian dari kos akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, sekiranya Kerajaan Negeri memerlukan perkhidmatan dan penglibatan NGO untuk menjalankan pelbagai program seperti kursus atau bengkel kemahiran, peningkatan kesedaran dalam aspek-aspek kemasyarakatan dan lain-lain kos pelaksanaan aktiviti akan ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, sumbangan daripada pihak ADUN atau Ahli Parlimen adalah amat dialu-alukan sekiranya NGO di kawasan ADUN atau Ahli Parlimen terbabit merancang untuk melaksanakan aktiviti di kawasan mereka.

- c) Tiada peruntukan yang mengatakan cukai taksiran dan cukai tanah kepada NGO dikecualikan. Walau bagaimanapun NGO hanya akan dikenakan caj minimum dan pengecualian dari dikenakan cukai taksiran dan cukai tanah akan dipertimbangkan sekiranya NGO berkenaan membuat permohonan bertulis kepada pihak yang berwajib untuk dikecualikan dari dikenakan cukai-cukai tersebut. (rujuk Seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171 Tahun 1976)

Akta Kerajaan Tempatan Seksyen 134 & 135 – menyatakan bahawa sebarang aktiviti / pegangan atau bangunan yang tidak mendatangkan keuntungan wang, menurut budi bicaranya boleh dikecualikan daripada pembayaran cukai atau kadar ke atas pegangan itu.

Walaupun bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang positif dengan menawarkan kadar diskaun 30% kepada pembayar cukai tanah yang dikenakan caj lewat pembayaran. Secara tidak langsung akan meningkatkan lagi hasil kerajaan ekoran keputusan tidak menimbang semua permohonan rayuan pengurangan premium kecuali individu yang layak dipertimbangkan sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : LEBUHRAYA DAMANSARA PUCHONG

244. LDP merupakan lebuh raya utama yang digunakan oleh warga Selangor. Bayaran tol yang tinggi dan tidak berpatutan telah membebankan anak Selangor. Menurut kajian Ahli Parlimen PJJ, kerajaan persekutuan hanya memerlukan 1.4 bilion sahaja untuk membeli lebuh raya tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mungkinkah Kerajaan Negeri berunding dengan kerajaan persekutuan agar lebuh raya tersebut dapat dibeli oleh anak syarikat kerajaan Selangor? Sila beri penjelasan.

JAWAPAN :

- a) Pengurusan konsesi Lebuh Raya Damansara Puchong di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dengan Syarikat Konsesi Lebuh Raya Damansara Puchong. Kerajaan Negeri Selangor tiada cadangan untuk mengambil alih konsesi Lebuh Raya Damansara Puchong melalui anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : LEMBAGA ZAKAT NEGERI NEGERI SELANGOR (LZS)

245. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah kutipan zakat yang diperoleh dari umat Islam Negeri Selangor secara bandingan sejak tahun 2006, 2007, dan 2008?
- b) Sila senaraikan kesemua bentuk bantuan yang disediakan oleh LZS kepada para asnaf yang berkelayakan?
- c) Sila nyatakan sehingga setakat tahun 2008, berapakah jumlah bilangan bantuan Program Rumah Zakat yang telah diluluskan untuk para asnaf yang berkelayakan mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kutipan zakat harta dan fitrah pada tahun 2006 sebanyak RM159,934,013, tahun 2007 (RM202,089,144) dan tahun 2008 (RM244,409,627)
- b) Untuk asnaf fakir, miskin dan muafak bantuan yang layak diterima (berdasarkan keperluan):
 - 1. Wang bulanan (maksima RM 500 sebulan berdasarkan tanggungan).
 - 2. Makanan bulanan (dengan nilai maksima RM 100 sebulan).
 - 3. Bina dan baik pulih rumah.
 - 4. Pendidikan anak-anak (yuran, beg, kasut, sekolah agama, alat tulis).
 - 5. Bil rawatan.
 - 6. Sagu hati hari raya.
 - 7. Sewa rumah.
 - 8. Keusahawanan.
 - 9. Kecemasan runcit (keperluan asas seperti makan minum, bil elektrik, dan lain-lain yang bersifat terdesak).
 - 10. Pengurusan jenazah.

Untuk bukan asnaf fakir, miskin dan muafak (asnaf fisabilillah, rigab, lbni sabil dan gharim) :

- 1. Bantuan rawatan sakit kronik seperti rawatan dialisis, pembedahan mata, jantung (ikut keperluan ketidakmampuan).
- 2. Bantuan mangsa bencana alam (seperti banjir, kebakaran dll).
- 3. Bantuan kecemasan musafir yang terputus bekalan wang semasa perjalanan.
- 4. Bantuan umum untuk para pelajar dalam dan luar negara bagi ringankan beban perbelanjaan.
- 5. Bantuan pemulihan akhlak.

- c) Jumlah bantuan bina & baikpulih rumah untuk asnaf fakir, miskin dan muallaf sepanjang 2008 ialah:

| Bil | Daerah | Bina Baru / Baikpulih | Jumlah Orang / Penerima | RM |
|-----------------------------------------|-------------------|--------------------------|----------------------------|---------------------|
| 1 | SABAK BERNAM | Bina | 62 | 1,261,000.00 |
| | | Baikpulih | 91 | 843,900.00 |
| 2 | KUALA SELANGOR | Bina | 66 | 1,506,000.00 |
| | | Baikpulih | 75 | 705,800.00 |
| 4 | KLANG | Bina | 20 | 331,000.00 |
| | | Baikpulih | 7 | 45,000.00 |
| 5 | PETALING | Bina | 10 | 176,000.00 |
| | | Baikpulih | 9 | 56,000.00 |
| 7 | KUALA LANGAT | Bina | 52 | 1,048,000.00 |
| | | Baikpulih | 36 | 163,720.00 |
| 8 | SEPANG | Bina | 25 | 392,000.00 |
| | | Baikpulih | 4 | 19,500.00 |
| 9 | HULU LANGAT | Bina | 19 | 241,269.00 |
| | | Baikpulih | 23 | 228,000.00 |
| 11 | GOMBAK | Bina | 28 | 420,000.00 |
| | | Baikpulih | 11 | 73,146.00 |
| 12 | HULU SELANGOR | Bina | 37 | 514,000.00 |
| | | Baikpulih | 24 | 193,588.00 |
| 14 | MUALLAF | Bina | 30 | 776,000.00 |
| | | Baikpulih | 5 | 37,500.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN BANTUAN : | | | 634 | 9,031,423.00 |

Bina baru : 349 buah
Baikpulih : 285 buah

Jumlah : 634 buah rumah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBELIAN KERETA CAMRY

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah tender terbuka diguna pakai semasa Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk membeli kereta Camry bagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Jika ya, sila berikan butir-butir.
- c) Jika tidak, nyatakan sebab.

JAWAPAN :

- a) Pembelian ini dibuat berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ke 34 / 2008 bertarikh 26 November 2008 dan ke 37 / 2008 bertarikh 17 Disember 2008, tempahan dibuat daripada Syarikat UMW Toyota Seksyen 15 Shah Alam yang merupakan ibu pejabat Toyota di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : KESESAKAN LALU-LINTAS DI KLANG BANDAR DIRAJA DAN
PEMBUKAAN PUSAT PERNIAGAAN “CHINA TOWN”.**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi kesesakan lalu-lintas di Klang Bandar Diraja ini?
- b) Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memperoleh status “BANDARAYA” bagi Klang Bandar Diraja ini, yang telah lama menepati kesemua syarat-syarat yang telah digariskan untuk mendapatkan status “BANDARAYA” tersebut?
- c) Mengapakah sehingga ke hari ini satu kawasan khas masih belum diperuntukkan di Bandar Klang bagi peniaga-peniaga Cina menjalankan aktiviti perniagaan mereka seperti “China Town” yang menyerupai “*Petaling Street*” di Kuala Lumpur?

JAWAPAN :

- a) Pihak Majlis sentiasa berusaha bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Klang. Agensi-agensi lain turut terlibat sama seperti Polis Trafik Cawangan Klang dan juga Polis Daerah Klang. Setiap bulan perkara mengenai situasi atau masalah trafik di bandar di bincang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi penguat kuasa untuk mendapatkan pandangan dan penyelesaian masalah.
 - Kesesakan trafik di bandar Klang bertambah teruk berikutan kerja-kerja menaik taraf laluan persekutuan 5: Kapar-Klang, (Pakej 3) yang dijangka siap pada tahun 2010.
 - Bagi mengatasi masalah/mengurangkan masalah kesesakan trafik ini, pihak trafik ini, pihak trafik mengadakan kawalan lalu lintas di setiap *point* tumpuan terutamanya pada waktu puncak pagi, tengah hari dan petang.
 - Sistem laluan sehalu di bandar Klang diwujudkan bagi melancarkan trafik yang keluar dari bandar Klang dan juga trafik yang masuk bandar Klang. Contohnya: laluan sehalu dari Jambatan Musaeddin - Jalan Pasar-Jalan Mantin-bulatan 100 dan terus ke kuala lumpur/masuk semula ke Bandar Klang.
 - Pihak Majlis juga melalui perancangan sistem pengangkutan awam telah mengalihkan operasi-operasi bas ekspres dari stesen bas Klang utara di bandar Klang ke terminal Klang Sentral yang telah siap dibina dan sedia beroperasi pemindahan ini jumlah trafik yang masuk ke bandar Klang terutama bas-bas awam dapat dikurangkan. Bagi memudahkan pengguna untuk ke Klang Sentral, perkhidmatan 'shuttle bus' dari bandar Klang ke Terminal Klang sentral disediakan.

- Melarang kenderaan-kenderaan diletakan di bahu-bahu jalan terutamanya di Persiaran Sultan Ibrahim dan juga di jalan Batu Tiga Lama.

- Keadaan trafik di bandar Klang akan kembali normal selepas kerja-kerja pembinaan menaik taraf jalan siap sepenuhnya.

- b) Kerajaan Negeri sebelum ini telah pun mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Klang kepada Majlis Bandaraya Diraja Klang. Permohonan ini telah dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 22 Januari 2008. Jawatankuasa tersebut telah mengambil keputusan untuk menangguhkan permohonan tersebut sehingga PBT Selangor berada pada tahap yang memuaskan walaupun Majlis Perbandaran Klang telah memenuhi kriteria-kriteria utama yang ditetapkan untuk memohon dinaikkan taraf.

Selaras dengan keputusan Jawatankuasa tersebut, Kerajaan Negeri telah menilai prestasi semua PBT dan mengambil keputusan menangguhkan permohonan menaik taraf MPK sehingga isu-isu utama yang dihadapi oleh MPK terutama isu kesesakan lalu lintas dan kebersihan dapat diselesaikan.

- c) Pihak Majlis sentiasa mengalu-alukan sebarang usaha bagi mempertingkatkan lagi peningkatan/kemajuan perniagaan di bandar Klang.

- Majoriti para peniaga di bandar Klang adalah dari berbangsa cina. Sebahagian kecil pula peniaga terdiri daripada bangsa India & Melayu. Oleh yang demikian, tidak menjadi keperluan untuk mewujudkan atau memberi nama khas seperti "China Town" di bandar Klang.

- Bandar Klang dan Kuala Lumpur mempunyai ciri-ciri kronologi dan morfologi bandar yang berbeza dan bandar Klang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang tidak membawa identiti dari luar untuk diterapkan di Bandar Klang.

- Bandar Klang mempunyai identiti tersendiri iaitu Klang Bandar Diraja. Oleh yang demikian, secara sahinya tidak perlu lagi penjenamaan semula bandar Klang dengan identiti yang lain.

- Tawaran ruang lantai di Klang adalah mencukupi sehingga satu masa penawaran tersebut melebihi daripada permintaan. Kawasan-kawasan perniagaan seperti di Bandar Bukit Tinggi, Bandar Botanic, Bandar Putera dan di bandar Klang sendiri adalah mencukupi dan tidak timbul persoalan ketiadaan peruntukkan kawasan perniagaan untuk peniaga-peniaga Cina di bandar Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : MASALAH JENAYAH

248. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan strategi kerajaan terbaru untuk memerangi kadar jenayah selain daripada bergantung kepada PDRM?
- b) Apakah pendirian kerajaan dan perkembangan terbaru terhadap pembelian dan pemasangan CCTV?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan pasukan Auxiliary Police Force (APF) di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor menerusi agensi-agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa peka dan memandang serius masalah jenayah dan gejala sosial yang melibatkan belia-belia terutama membabitkan para pelajar pengajian tinggi dan pelajar sekolah, maka beberapa pendekatan diambil dalam menangani isu ini. Ini membabitkan beberapa penganjuran dan membantu mana-mana agensi kerajaan/ NGO dalam aktiviti yang dianjurkan. Di peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Selangor beberapa langkah diambil antaranya;
 - Mengadakan program Kempen Pencegahan Jenayah dalam memberikan info-info serta kesedaran kepada para belia-belia berhubung jenayah.
 - Menyertai program-program yang dianjurkan di bawah Kementerian Belia Dan Sukan melibatkan acara sukan, sosial dan ceramah seperti Rakan Muda, Rakan Sebaya atau Rakan Rempit.
 - Mengadakan sesi-sesi pameran pencegahan jenayah dalam program yang dianjurkan oleh pihak IPTA/ IPTS dan sekolah-sekolah dan mengedarkan risalah-risalah, poster pencegahan jenayah.
 - Menempatkan pegawai-pegawai perhubungan IPTA/IPTS dan di sekolah-sekolah dalam membantu menangani masalah yang dihadapi oleh pihak berkenaan.
 - Mengadakan sesi ceramah/ dialog melibatkan agensi swasta/NGO dalam program yang diadakan di peringkat perumahan/ desa / komuniti.
 - Sentiasa membuat pemeriksaan di pusat-pusat hiburan/ Cyber Cafe melibatkan para belia terutama para pelajar tidak terlibat dalam aktiviti ponteng sekolah.

- Dalam menangani belia-belia dalam aktiviti Mat Rempit pihak PDRM hanya mengambil tindakan menguatkuasa undang-undang terhadap salah laku merempit di jalan raya dalam operasi –operasi yang dijalankan dari masa ke semasa. Sementara bagi perancangan tapak litar terpulang kepada kerajaan negeri untuk melulus dan melaksanakan program tersebut.
- b) PDRM sememangnya berusaha untuk melengkapkan semua bangunan-bangunan IPD dan Balai Polis dengan CCTV. Bagi bangunan - bangunan IPD dan Balai Polis yang sedang dan akan dibina di Kontinjen Selangor. Sememangnya pemasangan CCTV dimasukkan sekali dalam skop projek dan pemasangan ini ditumpukan kepada bahagian lokap, stor barang kes, pintu masuk dan lain-lain bahagian yang perlu termasuk bilik soal siasat.
- Pemasangan ini bertujuan untuk menentukan keselamatan dan pengawalan OKT di lokap, menjamin keselamatan barang kes dan juga keselamatan IPD dan Balai Polis dari di ceroboh. Bagi bangunan - bangunan IPD dan Balai Polis yang lama, pemasangan CCTV telah dilaksanakan bahagian lokap dan sedang dalam perancangan untuk diwujudkan di lain-lain bahagian yang diperlukan.
 - Pihak PDRM Kontinjen Selangor juga telah mewujudkan kontrak - kontrak penyelenggaraan CCTV bagi menentukan CCTV yang dipasang tersebut boleh berfungsi dengan sempurna.
- c) Penubuhan AP adalah untuk sesuatu kawasan yang terhad contohnya Bangunan S.U.K, Kompleks Kereta api Tanah Melayu atau pun kawasan ladang milik anak syarikat kerajaan. Penubuhan AP untuk lain-lain kawasan selain daripada kawasan yang spesifik adalah tidak sesuai kerana pertindihan tugas, kemahiran AP yang terhad dan mungkin akan menyebabkan Kerajaan Negeri berhadapan dengan tindakan saman. Memadailah penguat kuasa PBT yang sedia ada menguatkuasakan peruntukan-peruntukan “by laws” Negeri dan serah masalah keselamatan kepada pihak polis. Namun, bantuan pihak penguat kuasa PBT untuk bekerjasama dengan polis sentiasa dialu-alukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan bajet yang diperuntukkan untuk menggalakkan industri IKS?
- b) Apakah kemajuan rancangan pemulihan kilang-kilang haram (tanpa lesen) sehingga Disember 2008?
- c) Apakah rancangan dan kemajuan dalam pengawalan dan pengawasan industri 'besi buruk'?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.8 juta untuk melaksanakan program – program yang dirancang bagi menggalakkan industri IKS di antara program – program yang disediakan adalah
 - i) Program Pesta Pertanian dan Industri Selangor (Selangor Ria)
 - ii) Dana Industri Kecil (IKS)
 - iii) Program Kursus dan Latihan Keusahawanan
 - iv) Program Pembangunan Usahawan –
 - Program Kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memperbanyakkan peluang-peluang perniagaan kecil melalui program pembasmian kemiskinan.
 - Menyediakan ruang – ruang perniagaan pada skala yang bersesuaian dengan kemampuan penduduk tempatan.
 - Mendekatkan usahawan dengan mewujudkan laman khas usahawan bagi tujuan promosi dan jualan

- b) Kemajuan program pemutihan kilang-kilang haram sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| DAERAH | BIL. KILANG | JUMLAH SELESAI (TUKAR SYARAT) | % SELESAI |
|----------------|--------------|----------------------------------|-------------|
| PETALING | 1236 | 445 | 40.0 |
| KLANG | 556 | 70 | 12.6 |
| GOMBAK | 37 | 7 | 18.9 |
| HULU LANGAT | 658 | 75 | 11.4 |
| KUALA LANGAT | 209 | 75 | 35.9 |
| SEPANG | 44 | 22 | 50.0 |
| KUALA SELANGOR | 35 | 4 | 11.4 |
| SABAK BERNAM | 16 | - | - |
| JUMLAH | 2,805 | 705 | 25.1 |

- c) Sebelum ini Kerajaan Negeri ada menetapkan kuota terhadap bilangan premis besi buruk yang beroperasi di Pihak Berkuasa Tempatan. Tujuan penetapan kuota tersebut adalah sejajar dengan tindakan pembekuan permit barangan lusuh yang dikeluarkan oleh pihak PDRM untuk mengatasi masalah kecurian barangan logam terutamanya kemudahan infrastruktur berasaskan logam yang disediakan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun pihak PDRM pada 12 Ogos 2008 telah menarik balik pembekuan permit tersebut. Oleh itu Kerajaan Negeri telah mengkaji semula penetapan kuota tersebut dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 Disember 2008 telah bersetuju untuk membatalkan penetapan kuota permit besi buruk mengikut PBT di Selangor.

Lanjutan daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan hanya akan mengeluarkan lesen besi buruk setelah permit diluluskan oleh Pihak PDRM dan premis hanya dibenarkan di tanah berstatus industri sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KUANG

250. Akibat pemesatan pembangunan di Kuang, SJK (C) Kuang yang luasnya 0.745 ekar dijangka tidak dapat lagi menampung jumlah pelajar yang kian menaik saban tahun. Oleh sebab itu, pihak lembaga pengurus sekolah telah bercadang untuk meluaskan saiz tanah tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Demi memastikan anak-anak kita mempunyai keadaan yang selesa, adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengambil tanah yang berdekatan? Sekiranya tidak, sila jelaskan pendekatan lain untuk membendung masalah tersebut.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT TANAH/DAERAH GOMBAK

- a) Sebarang cadangan pengambilan balik tanah bagi tujuan kemudahan awam boleh dipertimbangkan. Di dalam kes ini sehingga kini Pentadbir Tanah Gombak tiada menerima permohonan pengambilan balik tanah di sekitar kawasan sekolah tersebut bagi meluaskan kawasan sekolah. Pendekatan lain bagi membendung masalah yang dibangkitkan terpulang kepada cadangan pihak sekolah atas nasihat Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Negeri Selangor.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT TANAH/DAERAH PETALING

- a) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kuang terletak di dalam Daerah Gombak - Di bawah Seksyen 3(1) Akta Pengambilan tanah 1960 (APT) pihak berkuasa negeri diberi hak untuk membuat pengambilan tanah untuk tujuan maksud Awam dan untuk kepentingan ekonomi negara.

Sekolah bantuan penuh kerajaan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada kebiasaannya tapak-tapak sekolah bantuan penuh kerajaan di letakkan hak ke atas Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Jika tanah hak milik di sekitar sekolah itu di cadangkan untuk diambil di bawah APT untuk tujuan Persekutuan maka prosedur-prosedur tertentu perlu dilaksanakan menurut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian bil 3/1979.

Sekiranya tidak, jika tanah di sekitar sekolah tersebut adalah hak milik persendirian, belian terus adalah dicadangkan atau jika ianya tanah kerajaan permohonan pemberimilikan oleh Kementerian melalui JKPTG kepada pentadbir tanah yang berkaitan perlu dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI YANG LALU

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Semenjak mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri, terdapatkah pemerhatian atau pencarian sebarang keputusan kerajaan lalu yang tidak telus dan melibatkan dakwaan rasuah dan salah guna kuasa ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lalu?
- b) Jika ya, berikan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Setakat ini ada beberapa kes-kes yang telah kita dapati seperti isu BALKIS dan penggunaan dana anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Perkara-perkara lain masih lagi dalam siasatan Kerajaan Negeri. Sebagaimana isu BALKIS dan penggunaan dana anak-anak syarikat Kerajaan Negeri kita telah membawa isu ini ke Jawatankuasa Terpilih DUN bagi Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan.
- b) Jawapan seperti di atas

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : EKUITI DAN ASET YANG DIMILIKI OLEH KERJAAN NEGERI
SELANGOR.**

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah Syarikat, Anak Syarikat dan Perbadanan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor pada masa kini?
- b) Berapakah komposisi Lembaga Pengarah mengikut kaum di dalam Syarikat, Anak Syarikat dan Perbadanan tersebut yang dimiliki Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menubuhkan lebih banyak Syarikat, Anak Syarikat dan Perbadanan yang baru bagi menjana ekonomi Kerajaan Negeri Selangor pada masa akan datang?

JAWAPAN :

a&b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor memiliki 11 syarikat yang terdiri daripada Anak Syarikat dan Perbadanan. Komposisi Lembaga Pengarah mengikut kaum bagi 3 kaum utama adalah jadual di bawah:-

| Bil | Syarikat, Anak Syarikat dan Perbadanan | Lembaga Pengarah mengikut kaum (%) | | |
|-----|----------------------------------------------|------------------------------------|------|-------|
| | | Melayu | Cina | India |
| 1. | Kumpulan Darul Ehsan Berhad | 100 | 0 | 0 |
| 2. | Permodalan Negeri Selangor Berhad | 100 | 0 | 0 |
| 3. | Selangor State Investment Centre | 87.5 | 12.5 | 0 |
| 4. | Pendidikan Industri YS Sdn Bhd | 100 | 0 | 0 |
| 5. | Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad | 100 | 0 | 0 |
| 6. | Rantaian Mesra Sdn Bhd | 100 | 0 | 0 |
| 7. | Kumpulan Semesta Sdn Bhd | 100 | 0 | 0 |
| 8. | Tourism Selangor Sdn Bhd | 75 | 25 | 0 |
| 9. | MSNS Holdings Sdn Bhd (MSNS) | 100 | 0 | 0 |
| 10. | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | 100 | 0 | 0 |
| 11. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | 100 | 0 | 0 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH

253. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan strategi kerajaan untuk menangani masalah sampah yang semakin serius di Selangor?
- b) Bagaimanakah perkembangan terbaru pelaksanaan rancangan dan strategi ini?
- c) Apakah kelemahan-kelemahan dan masalah yang sedang dihadapi kerajaan dan berikan huraian terhadapnya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri akan menjalankan beberapa langkah yang difikirkan sesuai bagi menangani masalah sampah yang semakin meruncing di Selangor. Antaranya langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah:
 - Menggerakkan dan menggalakkan program kitar semula (3R);
 - Penguatkuasaan oleh agensi-agensi berkenaan ke atas individu yang membuka, mengurus dan membuang sampah di tapak-tapak sampah haram;
 - Penstrukturan semula kawasan penyeliaan berpandukan kepada tenaga kerja yang ada;
 - Pemantauan oleh Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekitaran Dan Penguatkuasaan Undang-undang;
 - PBT juga telah menubuhkan *Unit Flying Squad* bagi menangani masalah pembuangan sampah haram
 - Pengezonan semula kawasan-kawasan pengutipan sampah bersama Alam Flora Sdn. Bhd.
- b) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Alam Flora Sdn. Bhd. sedang menjalankan pengezonan semula kawasan-kawasan pengutipan dan pembersihan awam, penyelarasan harga kerja bagi meningkatkan lagi perkhidmatan sampah dan Kerajaan Negeri juga telah menyiapkan '*wishlist*' untuk dibincangkan bersama Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memantapkan pengurusan sisa pepejal di Selangor.

c) Antara kelemahan-kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal di Selangor boleh dinyatakan seperti berikut:

- **Kecekapan / *Efficiency***
 - Semua PBT di Selangor kecuali Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah menandatangani kontrak pembersihan awam dengan Alam Flora Sdn Bhd (AFSB). AFSB kemudian melantik sub kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam ini.
 - Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan sub kontraktor yang dilantik tadi tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk melaksanakan kerja-kerja pengutipan dan pembersihan.
 - Disebabkan oleh kelengkapan kerja yang tidak mencukupi ia telah mengakibatkan kecekapan dalam menjalankan kerja-kerja terjejas.

- **Masalah Tapak Pelupusan**
 - Kebanyakan daripada tapak pelupusan di Selangor merupakan tapak pelupusan terbuka yang tidak mempunyai dilengkapi dengan kemudahan pengurusan alam sekitar, sistem saliran air hujan, sistem rawatan 'leachate', sistem pengurusan gas tapak dan pemantauan alam sekitar.
 - Tapak-tapak pelupusan terbuka ini merupakan ancaman terhadap alam sekitar dan membahayakan kawasan tadahan air terutamanya 'leachate' yang mengalir ke kawasan sumber-sumber air.
 - Tapak pelupusan terbuka ini juga tidak diselia dengan baik dan mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan dan gas yang merbahaya.
 - Kerajaan Negeri sedang merangka satu pelan jangka panjang untuk memastikan sisa pepejal dilupuskan dengan sistematik.

- **Kesedaran Penduduk**
 - Pelbagai program dan kempen diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran penduduk tentang peri pentingnya menjaga kawasan persekitaran daripada sampah sarap.
 - Kerajaan Negeri menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sampah mengikut jenis untuk memudahkan pelupusan, menggantikan beg-beg plastik dengan beg plastik yang lebih mudah untuk diuraikan dan beg kitar semula.
 - Kempen kitar semula juga diteruskan dengan pelbagai aktiviti yang lebih meluas.

- **Kos Pengurusan Sisa Pepejal yang Tinggi**
 - Secara purata sejumlah 40% daripada hasil kutipan PBT digunakan untuk pengurusan sisa pepejal iaitu pembersihan, pengutipan dan pelupusan sampah.
 - Ini cukup membebankan PBT yang kecil dan Kerajaan Negeri terpaksa membantu dari segi kewangan untuk menampung pembayaran kepada kontraktor.
 - Jika tidak, perkhidmatan pengutipan dan pembersihan akan terjejas dan mengakibatkan pelbagai aduan daripada penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : KAMPUNG BARU DAN KAMPUNG TERSUSUN

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam pembangunan kampung baru dan kampung tersusun?
- b) Apakah rancangan kerajaan terhadap hak milik atau tempoh pajakan tanah di kampung baru dan kampung tersusun?
- c) Apakah rancangan dalam pemulihan atau penempatan semula "industri kampung" yang terdapat di perumahan kampung baru?

JAWAPAN :

- a) Bagi membangunkan Kampung Baru/Bagan/Tersusun, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar-dasar berikut:
 - i) Mendorong aktiviti ekonomi melalui promosi pelancongan seperti *homestay* dan pakej memancing di Kampung-kampung Bagan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mengadakan promosi untuk industri makanan dan buah-buahan yang dihasilkan oleh penduduk kampung. Melalui promosi ini, aktiviti ekonomi di kampung-kampung tersebut akan dapat ditingkatkan.
 - ii) Meningkatkan nilai hartanah di Kampung-kampung Baru/Bagan/Tersusun dengan mengenal pasti lot-lot yang sesuai untuk dibangunkan sebagai bangunan-bangunan perniagaan.
 - iii) Mewujudkan tempat kediaman yang bersih dan selesa dengan menaik taraf kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, parit, longkang dan jambatan.
- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar pemberimilikan tanah di Kampung Baru dan Kampung Tersusun akan dibuat selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara iaitu secara pajakan bagi tempoh tidak lebih 99 tahun.
- c) Setakat ini, tiada rancangan bagi pemutihan dan penempatan semula 'industri kampung' yang terdapat di perumahan Kampung Baru kerana ianya tidak termasuk di dalam kategori kilang haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : BANGUNAN TEATER SELANGOR DI SHAH ALAM

255. Bangunan teater Selangor yang didirikan di Seksyen 14 Shah Alam yang siap dibina pada tahun 2007 dengan kos mencecah RM 43 juta.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status bangunan tersebut sekarang dan adakah ianya digunakan sepenuhnya kini?
- b) Berapakah kos penyelenggaraan bulanan bangunan tersebut dan adakah ianya berbaloi dengan pelaburan Kerajaan Negeri yang memakan belanja sebanyak RM 43 juta?
- c) Siapakah pihak yang bertanggungjawab menyelenggarakan serta menguruskan bangunan tersebut dan bilakah tempoh ianya mula serta berakhir?

JAWAPAN :

- a) Bangunan Teater Shah Alam telah diberi Perakuan Siap Kerja pada **6 Ogos 2008** dan pada **22 Oktober 2008** bangunan tersebut telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai "Care Taker" sementara sehingga satu keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Sehingga kini tiada apa-apa aktiviti dijalankan di bangunan tersebut sehingga suatu keputusan dibuat. Pihak Majlis juga telah menerima surat daripada Pejabat Y.B. Puan Rodziah Bt. Ismail No. Ruj. : EKWSTIK/MBSA (077)/Jld. 1/2009 bertarikh 11hb Februari 2009 meminta Majlis mengemukakan dokumen kontrak, fail dan pelan-pelan bangunan untuk tujuan audit.

Walau bagaimanapun telah dipersetujui bahawa satu sesi pengauditan bagi projek Teater Shah Alam akan dibuat di Majlis Bandaraya Shah Alam dan tarikhnya akan ditetapkan kemudian oleh Pejabat Y.B. Puan Rodziah Bt. Ismail.

- b) Bangunan tersebut masih lagi dalam tempoh tanggungan kecacatan oleh pihak kontraktor selama **dua (2) tahun**. Anggaran penggunaan elektrik untuk lampu laman dan air bagi menyiram pokok-pokok lanskap di antara bulan Ogos 2008 sehingga Februari 2008 adalah RM21,000.00 @ RM 3,000.00 sebulan.

Pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Y.B. Puan Rodziah Bt. Ismail (Surat No. Ruj. : EKWSTIK/MBSA (077)/Jld. 1/2009 bertarikh 11hb Februari 2009) akan mengaturkan sesi audit dan keputusan audit tersebut sewajarnya merumuskan tentang keberkesanan pelaburan kerajaan bagi membina teater tersebut.

- c) Sehingga ke tarikh ini, Majlis Bandaraya Shah Alam adalah "Care Taker" sementara bagi Teater Shah Alam sehingga satu keputusan dibuat oleh Pihak Kerajaan Negeri Selangor.